



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2000	(Halaman 1)
Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001	(Halaman 42)
Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000	(Halaman 83)
Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000	(Halaman 99)

### USUL-USUL:

– Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)	(Halaman 66)
– Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	(Halaman 66)
– Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang	(Halaman 66)

### USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

#### – AKTA KASTAM 1967:

- (1) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2000; PU(A)141 bertarikh 20 April 2000;
- (2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2000; PU(A) 1969 bertarikh 16 Mei 2000;
- (3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2000; PU(A) 183 bertarikh 25 Mei 2000;
- (4) Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) (No.2) 2000; PU(A) 203 bertarikh 12 Jun 2000;
- (5) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2000; PU(A) 287 bertarikh 3 Ogos 2000;
- (6) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2000; PU(A) 299 bertarikh 15 Ogos 2000;
- (7) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2000; PU(A) 324 bertarikh 30 Ogos 2000;
- (8) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 2000; PU(A) 358 bertarikh 2 Oktober 2000;
- (9) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2000; PU(A) 359 bertarikh 2 Oktober 2000;

**KANDUNGAN**  
**(Sambungan)**

- (10) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11) 2000;  
PU(A) 379 bertarikh 12 Oktober 2000; dan
- (11) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal  
dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan  
Sama Rata) (Pindaan) (No.5) 2000; PU(A)  
380 bertarikh 12 Oktober 2000 (Halaman 103)
  
- AKTA CUKAI JUALAN 1972
  - (1) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai)  
(Pindaan) 2000 (Halaman 108)
  
- AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975
  - (1) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)  
2000 (Halaman 109)
  
- AKTA KASTAM 1967
  - (1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 2000;
  - (2) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal  
dari Negeri ASEAN) (Tarif keutamaan Sama  
Rata) (Pindaan) (No.7) 2000. (Halaman 110)
  
- AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957  
(PINDAAN 1972) (Halaman 111)
  
- AKTA DUTI HIBURAN 1953 [AKTA 103] (Halaman 114)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri  
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N.,  
D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P.,  
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,  
D.G.P.N, D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim  
Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo  
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak,  
S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,  
S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan  
Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J.,  
P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J,  
P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr.  
Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,  
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir  
bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar  
Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting,  
D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin  
Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid,  
D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- " Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Min)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)

Yang Berhormat Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- " Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)

## Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- " Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- " Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- " Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- " Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)



Yang Berhormat Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)

- " Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- " Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- " Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- " Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- " Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- " Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- " Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- " Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- " Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- " Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.

- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 10 Mei 2001****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)*****mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN  
PENGUBAHAN WANG HARAM 2001****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[9 Mei 2001]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya persilakan Batang Lupa menyambung.

**10.03 pagi**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh lagi persoalan penyiasatan. Soal penyiasatan ini amatlah besar skop dan bidangnya dalam konteks undang-undang ini. Penyiasatan ini kalau kita lihat dalam skop undang-undang yang mempunyai 20 lebih Akta Parlimen yang dirangkum di bawah satu undang-undang ini. Dan semua penyiasat di bawah bidang undang-undang tersebut juga termasuk di bawah undang-undang ini.

Pencegah rasuah umpamanya, Bank Negara, polis, Suruhanjaya Sekuriti, kastam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, pegawai dilantik di bawah Seksyen 30 undang-undang ini dan fokus penyiasatan sebagaimana yang kita tahu adalah berlainan sedikit. Fokus penyelidikan tradisi yang dibuat oleh semua pegawai penyiasatan di bawah undang-undang yang saya sebutkan tadi adalah untuk membawa yang dituduh ke mahkamah dan supaya yang dituduh didapati bersalah ataupun mendapat satu keadilan di mahkamah. Jadi, inilah fokus tradisi untuk penyiasatan dalam undang-undang yang saya sebutkan itu.

Tetapi dalam konteks undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2000 ini kita juga terpaksa mengumpulkan data hal kewangan, alih tak alih, jumlah wang syer, bon yang ada kepada penjenayah, dan semasa melakukan jenayah itu di manakah wang ini telah disimpan, adakah di luar negeri ataupun di dalam negeri. Adakah wang ini telah *diconvert* dengan izin, daripada sekuriti, daripada syer kepada tanah, daripada rumah dan sebagainya. Ini satu data baru ataupun pemindahan baru daripada corak dan segi penyelidikan yang terpaksa dilaksanakan di bawah undang-undang ini.

Jadi, penyiasatan tradisional ke atas jabatan-jabatan polis Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara, pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan pegawai yang bakal dilantik di bawah Seksyen 30 mungkin akan berlainan corak dan cara. Dengan keadaan sedemikian kita terpaksa melihat semua soal penyelidikan ini boleh mendatangkan kesan yang diharapkan di bawah undang-undang ini. Kalau kita lihat prestasi yang wujud pada masa sekarang tidaklah begitu menggalakkan. Umpamanya, kesalahan-kesalahan jenayah yang besar di negara ini perlu mencapai prestasi kejayaan 35%. Ini adalah satu *target* sahaja. *Crime index* kita walaupun rendah, tetapi belum mencapai ke satu indek yang kita hendak capai iaitu 1.5%. Jadi, matlamat ini menunjukkan bahawa soal penyiasatan tradisional kita belum lagi boleh buat prestasi yang baik dan mencapai matlamat yang kita hendakkan lagi.

Tetapi kalau dibebankan pula penyiasat-penyiasat ini dengan data dan maklumat yang baru dan kehendak yang baru di bawah undang-undang ini, nescaya bebanan itu makin lebih bertambah dan saya bimbang prestasi kita nanti tidak boleh dipertingkatkan. Matlamat-matlamat kerajaan untuk menurunkan *crime index* dan meningkatkan prestasi kejayaan mungkin tidak tercapai, melainkan latihan-latihan diwujudkan. Latihan ini saya mengambil baik percantuman di antara pihak polis dan mewujudkan satu latihan dengan Universiti Malaya untuk mengadakan satu latihan secara terperinci.

Dalam keadaan sedemikian, saya juga mengalu-alukan pihak kerajaan untuk mewujudkan DNA Bank yang boleh membuat semua maklumat data dan sebagainya di dalam DNA Bank ini nanti, mungkin bukan sahaja kepada pihak penjenayah tetapi kepada semua rakyat Malaysia dan orang yang bermastautin di Malaysia. Dengan sendirinya, dengan '*punch a button*', dengan izin, kita boleh mendapati siapa telah melakukan jenayah, di mana rekod mereka. Dan DNA Bank ini pula sepatutnya menerusi satu *link-up* semua jabatan dan agensi kerajaan yang di bawah undang-undang ini supaya maklumat boleh digunakan bersama oleh pihak-pihak yang berkenaan, bukan di bawah satu kementerian ataupun satu jabatan sahaja. Dan latihan forensik mestilah diwujudkan kerana kita telah melihat dalam keadaan jenayah yang canggih yang mana orang boleh memindah wang daripada Malaysia ke luar negara dengan sekelip mata, soal latihan forensik dan latihan komputer mestilah dibuat dengan seberapa segera dan dibuat dengan seberapa baik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua mungkin telah mendengar maklumat mengenai seorang doktor yang membunuh pesakit-pesakit di hospital, yang hampir bebas daripada tuduhan dan didapati bersalah oleh pihak kerajaan. Tetapi dengan kebijaksanaan komputer dan kepandaian seorang penyelidik menggunakan data-data dan maklumat komputer, doktor ini boleh diberkas dan dibawa ke hadapan pengadilan dan didapati bersalah. Misalan dan contoh-contoh ini mestilah diambil satu iktibar kepada kita untuk melatih pegawai-pegawai kita, terutama sekali pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 30. Pegawai-pegawai ini saya mencadangkan supaya kita lihat jangan melantik oleh kerana pegawai ini sudah wujud dalam jabatan. Pihak JPA dan Treasury mestilah peka dengan kehendak undang-undang sedemikian.

Saya mencadangkan supaya pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 30 ini hendaklah orang yang bijak daripada segi undang-undang dan tahu mengendalikan tugasnya. Dia hendaklah daripada golongan-golongan mereka yang sekurang-kurangnya mempunyai satu ijazah - kalau dapat ijazah undang-undang - dan mestilah mempunyai kemahiran di bawah undang-undang *commercial crime* dan forensik sains dan komputer. Latihan-latihan sedemikian mestilah dibuat kerana implikasi kalau kita lihat dalam Seksyen 60. Seksyen 60 saya hendak mengatakan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada Yang Berhormat berdiri.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ...kenapa Seksyen 60 ini diberi kepada pihak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ada yang berdiri.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dengar kata kawan, saya kena bagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak tanya mengenai pegawai-pegawai yang dilantik untuk membanteras jenayah-jenayah ini perlulah yang terlatih dan sebagainya. Jadi, baru-baru ini ada dua, tiga orang inspektor polis dan juga pegawai-pegawai polis yang dilatih untuk mencegah jenayah tetapi mereka ditangkap kerana melakukan rompakan dan melakukan jenayah seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak perlu jawab, Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kadang-kadang persoalan Yang Berhormat bagi Kemaman ini memang terkeluar. Dia hendak cari *political mileage* sahaja. Sebenarnya

soal naluri manusia itu di antara orang-orang yang bijak pandai, di antara orang yang alim-ulama dan mempunyai pendidikan daripada Al-Azhar pun menyeleweng agama. Jadi, kenapa perkara berlaku demikian? Begitu jugalah manusia dilatih sebagai pegawai polis, walaupun terlatih dan berdisiplin sebagaimana baik.

Pagi tadi Tan Sri Haron menyebut satu *column* dalam *The New Straits Times* yang saya baca mengatakan negara Malaysia mempunyai polis yang *highly disciplined, highly ordered, highly organized* dan mempunyai pegawai-pegawai yang *high calibre*. Tetapi *you cannot* mengatakan di antara beberapa ribu manusia ini tidak ada seorang dua yang membuat kejahatan. Kita tidak boleh mengatakan, oleh kerana seekor kerbau membawa lumpur semua terpalit. Kita mesti *isolate* yang jahat daripada yang baik. Jadi, Yang Berhormat sendiri pun berdebat dalam Parlimen ini kadang-kadang benda-benda yang didebat itu satu orang sahaja. Dasar negara mesti penting daripada peribadi seseorang, Yang Berhormat. [Tepuk]

Jadi, saya berharaplah implikasi Seksyen 60 mengatakan apabila harta benda itu telah disita dan pegawai penyiasat boleh memupuskan atau menyerahkan balik perkara itu kepada yang berhak dengan secara ringkasnya. Dan kalau ada apa-apa berlaku dalam penyerahan balik ini pegawai itu tidak didapati bersalah, melainkan tidak ada kesucian hatinya. Ini menunjukkan undang-undang ini amat *transparent*, undang-undang yang amat mengikut *rules of law*, menyerahkan kuasa kepada mahkamah untuk menilai tindakan gerak-geri pegawai.

Tetapi sebelum pegawai itu diserahkan kuasa untuk menilai satu-satu, pegawai itu mesti mempunyai latihan yang mencukupi dan kepandaian yang mencukupi, pengetahuan yang mencukupi untuk menilai sama ada harta itu boleh dipindah ataupun tidak daripada segi undang-undang dan faktanya.

Jadi, saya memohonlah pemilihan pegawai dan perlantikan pegawai di bawah Seksyen 30 mestilah mempunyai cukup latihan, cukup kemampuan dan cukup kepandaian.

Kuasa penyiasatan *indemnity* dan bebanan. Di bawah undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memang memuji pegawai yang terlibat dan Jabatan Peguam Negara yang mewujudkan undang-undang yang sebegitu *transparent*, undang-undang yang mengikut *rule of law* dan undang-undang yang memartabatkan mahkamah yang mana tiap-tiap tindakan kuasanya menggerunkan. Undang-undang ini memberi kuasa kepada pihak polis, pihak kastam, pihak Bank Negara, pihak penyiasat dadah dan jenayah dan sebagainya. Menggerun dan menakutkan kita.

Tetapi dalam masa yang sama, tiap-tiap tindakan pegawai ini diserahkan semula kepada mahkamah untuk dinilai sama ada tindakan pegawai ini betul ataupun tidak. Jadi, persoalannya, sama ada pegawai mengambil tindakan yang betul ataupun tidak, dengan hati yang suci ataupun tidak, akan dinilai oleh pihak mahkamah. Ini menunjukkan yang undang-undang ini adalah *transparent*, undang-undang yang begitu mengikut *rule of law* dan memartabatkan mahkamah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong berdiri, Yang Berhormat. Sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kerana perdebatan daripada Batang Lepar amat menarik pagi ini. Dari segi, keberkesanan pegawai yang menjalankan penyiasatan atau yang menguatkuasakan undang-undang, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat saudara, tidakkah selama ini kita, Yang Berhormat dan saya, sering menyuarakan soal keberkesanan dan profesionalisme pihak-pihak penguatkuasaan itu?

Dalam hal undang-undang ini satu undang-undang yang canggih oleh kerana soal *money laundering*, dengan izin, adalah soal yang sofistikated, jadi ini memerlukan satu kepakaran. Adakah saudara mencadangkan supaya kita mewujudkan satu *team* yang pakar dalam hal ini supaya undang-undang ini bukan sahaja menggerunkan tetapi amat berkesan untuk mencegah jenayah yang ditujukan mengenai undang-undang ini? Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju. Bukan sahaja kita perlu mewujudkan satu *team* ataupun satu kumpulan penyiasat yang bijaksana, pandai dan terlatih tetapi sepatutnya kerajaan mewujudkan

satu akademi latihan untuk melatih pegawai-pegawai yang dikatakan pegawai penyiasat di bawah undang-undang ini. Pegawai penyiasat di dalam undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak. Saya boleh sebutkan 20 akta Parlimen. Pegawai-pegawai yang tradisi menyiasat kes-kes di bawah 20 undang-undang Parlimen itu boleh dikatakan pegawai penyiasat, itu pegawai yang pertama.

Yang kedua, pegawai yang dilantik di bawah seksyen 30 undang-undang ini. Yang ketiga, pegawai pendakwa raya yang juga boleh bertindak sebagai penyiasat di bawah undang-undang ini. Ini banyak. Jadi, pendakwa raya walaupun bijak dari segi undang-undang, tahu mengendalikan undang-undang, pandai dan cekap di mahkamah, tetapi sebagai seorang penyiasat, dia belum lagi mengetahui apa benda yang hendak dikumpul, benda mana yang hendak disimpan dan rekod *investigation papers* dan sebagainya.

Jadi, latihan mestilah dibuat dengan teliti dan teratur.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batang Lupa. Saya ingin mengulangi pertanyaan yang dibuat oleh sahabat saya dari Parit Sulong dengan mengambil kira beberapa perundangan, dengan izin, *money laundering*. Ini, sebagaimana yang ditegaskan oleh Parit Sulong adalah suatu jenayah yang sofistikated. Pada pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupa, adakah pihak berkuasa terutama pihak Jabatan Polis mempunyai kemudahan prasarana dan personaliti yang cukup baik untuk menangani masalah ini, dengan perundangan yang diluluskan ini?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan saya daripada luar tetapi Menteri diminta menjawab dengan teliti. Pandangan saya daripada luar, kita di Malaysia ini, bukan sahaja Polis, bukan sahaja Kastam, bukan sahaja Bank Negara, kita belum lagi mempunyai kepakaran penuh dalam bidang ini. Bahkan undang-undang ini sendiri pun baru, dan oleh kerana undang-undang ini baru, keperluan di bawah undang-undang ini belum boleh kita buat, tetapi kita terpaksa meluluskan undang-undang ini sebagai suatu infrastruktur undang-undang dalam dunia global *and open market* untuk menyerlahkan Malaysia sebagai negara yang benar-benar peka, negara yang mahu terlibat dengan globalisasi dan negara yang mahu terlibat dengan *open market policy*. Inilah infrastruktur undang-undang yang kita wujudkan.

Tetapi *support service* yang perlu di bawah undang-undang ini, sokongan di bawah undang-undang ini belum mencukupi. Kita belum ada orang yang bijak dari segi pengkomputeran, *forensic scientist* kita belum mencukupi, kita mempunyai penyelidikan dari segi undang-undang komersial yang keluar sempadan, bahkan *treaty* dan *multilateral* dan *bilateral agreement* di antara negara kita belum dibuat, perhubungan di antara polis, jabatan-jabatan kerajaan penyiasat di bawah undang-undang ini dengan jabatan-jabatan penyiasat di luar negara di negara lain belum kita wujudkan. Kerjasama dan pertukaran maklumat belum kita wujudkan. Pertukaran *confirmation* umpamanya hal undang-undang di mahkamah, belum kita wujudkan.

Jadi, dengan sendirinya pelaksanaan undang-undang ini belum boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya, janganlah dibangkitkan masalah ini. Jangan jadikan satu kelemahan kerajaan kerana kerajaan kita telah mendahului kerajaan-kerajaan lain di rantau ini dengan mewujudkan Rang Undang-undang sebegini rupa. Jadi, saya berharap latihan itu mestilah diberi satu penumpuan. Selain daripada itu kita boleh melihat *treaty* kita dengan negara-negara lain.

Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang jenayah di bawah undang-undang ini adalah jenayah di negara kita tetapi mungkin tidak merupakan jenayah di negara lain. Ada orang yang *mentranslatekan* jenayah negara kita ini adalah suatu tindakan politik kepada negara lain. Dan, kalau orang ini mengangapnya tindakan politik walaupun penjenayah di negara ini, lari dari tempat itu, *treaty* kita pun tidak boleh digunakan, orang ini pun tidak boleh di bawa balik. *Repatriation of people*, dengan izin, ataupun *money* tidak boleh dibuat kalau ini tidak diiktirafkan di negara yang berkenaan.

Jadi, dalam kita mengajukan *treaty* kita, kebijaksanaan pegawai pergi untuk berbincang mestilah menyeluruh dan mengetahui kesemuanya sekali.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Shah Alam berdiri lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batang Lupa. Pada hakikatnya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa walaupun kita memerlukan perundangan ini, cabaran masa kini terutama cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi, tetapi pada hakikatnya daripada segi keupayaan dan kepakaran belum lagi di tahap yang diinginkan. Apakah cadangan daripada Yang Berhormat kepada pihak kerajaan supaya mempertingkatkan usaha ini?

Dan, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh, pandangan daripada Yang Berhormat mengenai *electronic transaction of funds* ini, sama ada ia termaktub dalam *money laundering* ini dan apakah pandangan Yang Berhormat tentang *the other side of banking* yang diuruskan oleh pengurup-pengurup wang ini?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kebanyakan pengolahan, penerimaan ataupun pemindahan wang dalam negara ini ke luar negara lain telah diperuntukkan dalam undang-undang ini kerana ada mempunyai 119 seksyen. Ini adalah mencukupi, bahkan pengurup wang pun dimasukkan sebagai badan pelapor iaitu termasuk *third schedule business search*, juga badan pelapor. Jadi saya ingat persoalan itu semuanya hanya pemantauan yang mungkin kita belum dapat buat. Saya sendirilah secara peribadi, tidak boleh melihat bagaimana pemantauan boleh dibuat terutamanya pengeluaran wang.

Umpamanya, kalau wang itu datang daripada Iran, daripada Columbia, datang ke sini menerusi melalui Amerika, datang ka perbankan kita umpamanya, macam mana kita mengetahui sama ada wang ini dia keluar daripada dadah ataupun aktiviti jenayah di luar negara, dan sama ada aktiviti di negara itu adalah suatu aktiviti jenayah kerana ia mesti sama-sama. Kalau di negara kita benda ini jenayah atau di negara itu tidak jenayah, jadi itu mendatangkan satu masalah di bawah undang-undang ini. Dia mesti dua-dua jenayah, jenayah di sana, jenayah di sini dan begitulah jenayah itu mestilah jenayah yang termasuk dalam undang-undang ini. Dia kata jenayah juga di negara tersebut, baru dia boleh menjadi ngam dan boleh diambil tindakan oleh pihak kita. Kalau tidak, tidak jadilah.

**Seorang Ahli:** Dia ngam-ngam baru jadi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ada ngam sedikitlah. [Ketawa]  
Jadi, ....

**Seorang Ahli:** PAS, dia ada ngamkah?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kurang ngamlah. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, terus ya. Timbalan Menteri jawablah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada kuasa penyiasat. Kuasa penyiasat itu, sebagaimana yang saya sebut, banyak, kuat dan besar. Tetapi dalam kuasa penyiasat diberi umpamanya di bawah seksyen 44(6), seksyen 44(7), seksyen 45(1), seksyen 60, perkataan disebut dua perkataan sahaja, iaitu "suci hati".

Orang ini tidak boleh dikenakan apa-apa tuduhan, tuntutan dan sebagainya melainkan dia tidak menunjukkan suci hati. Maknanya pegawai itu tahu *technical meaning* dan *legal meaning*, suci hati. Ini menunjukkan undang-undang ini telah dibuat begitu rupa untuk mengatasi masalah-masalah pegawai yang menyeleweng. Jadi, Yang Berhormat yang bertanya soalan pegawai-pegawai yang tidak cekap, yang tidak menyeleweng, jadi yang menyeleweng dengan secara sengaja dan tidak sengaja ini boleh dipertikaikan di bawah persoalan suci hati ini.

Satu lagi, koordinasi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut. Hampir habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.



**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sampai habis. Soalan koordinasi – di bawah Rang Undang-undang ini kita mentadbirkan banyak jabatan, termasuk Jabatan Polis, Jabatan Kastam, Jabatan Dadah, Jabatan Suruhanjaya Sekuriti pun masuk juga, termasuk Bank Negara dan sebagainya, banyak jabatan-jabatan yang terkena dan terlibat dalam penyelidikan, kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini.

Persoalannya ialah koordinasi. Macam mana supaya tidak berlaku soalan bertindihan kuasa dan pertindihan tanggungjawab kerana persoalan menyelidik jenayah, membawa penjenayah ke mahkamah supaya penjenayah itu disimpam dalam penjara, itu satu persoalan. Harta berbangkit daripada jenayah yang dibuatnya, yang akan disita ataupun diambil oleh pihak kerajaan, itu satu persoalan.

Dan, persoalan yang kedua ialah soalan pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 30 lagi, di manakah *role* pegawai ini dalam konteks semua penyelidikan agensi-agensi yang menyiasat ini memainkan peranannya? Ini koordinasi yang pertama. Dan, koordinasi yang kedua, serantau. Apakah kerjasama serantau telah kita wujudkan, terutama sekali di ASEAN, untuk mewujudkan satu dana maklumat ataupun data bank maklumat untuk semua serantau ASEAN?

Pertama, kita kena lihat seluruh ASEAN dahulu. Dan, apakah pertukaran maklumat, pertukaran/pengelesen mahkamah kehakiman dan sebagainya di rantau ini, boleh ataupun tidak? Soalan saya, boleh ataupun tidak undang-undang kita ini diberi kepada pihak-pihak jiran kita supaya menggunakan landasan dan corak undang-undang yang sama digunapakai, supaya undang-undang kita serantau boleh diselaraskan. Dengan sendiri soalan koordinasi ini akan *fall in place*, dengan izin,.

Kalau kita melihat agensi penyiasat, tangkapan di bawah seksyen 41 umpamanya, kalau tidak ada koordinasi, tangkapan di bawah seksyen 41, kalau pegawai penyiasat menangkap orang di bawah pelantikan 30, dia tidak boleh simpan orang itu, dia kena serah kepada polis. Begitu juga pihak-pihak kastam dan sebagainya, serah kepada polis. Dan, macam mana koordinasi dengan pihak polis, beritahu dengan polis dan tanggungjawab polis apabila menerima orang yang ditangkap itu. Padahal, penyiasatan dibuat oleh agensi lain, tetapi orang disimpam oleh pihak polis.

Jadi, kita tidak hendak nanti, orang disimpam dalam *cell* ini akan disimpam terlampau lama sangat, dilupai oleh pihak agensi-agensi berkenaan kerana kurang koordinasi kita. Pemah berlaku di negara ini, orang disimpam *on remand* berlebihan masa yang tidak dilihat. Jadi, oleh kerana kurang koordinasi di antara jabatan.

Koordinasi antarabangsa, ini melalui *treaty* dan kerjasama dan pertukaran maklumat dan sebagainya. Dan, Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dalam negeri ini, kerjasama serantau, kerjasama seluruh dunia kepada orang yang betul-betul minat dengan perundangan yang kita sebutkan di sini yang boleh melaksanakan undang-undang ini sebaik mungkin, kalau tidak walaupun begitu murni, begitu baik undang-undang yang telah kita wujudkan mungkin kita tidak mencapai matlamat yang sebaiknya.

Jadi, pihak pembangkang, jangan mempertikaikan tindakan kerajaan, ini adalah yang baik sekali, Yang Berhormat.. Terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Kubang Kerian.

10.30 pagi

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. [*Membaca Doa*]. Saya ucap terima kasih kerana diberi kesempatan untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Sebelum saya memulakan perbahasan ini, saya ingin mengucapkan rasa dukacita saya kepada satu kes di mana seorang pelajar yang telah mengambil SPM pada mulanya dan mendapat 9A.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sila terus sahaja.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, ya, kemudian dia telah mengambil STPM kerana tidak dibenarkan masuk universiti ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada kena mengena.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi kemudian ia juga telah ditolak daripada memasuki universiti dan pada masa yang sama lebih kurang 7,000 orang pelajar bumiputera tidak boleh memasuki IPTA dalam sesi yang ada sekarang. Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat memandang perkara ini dengan serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sila teruskan kepada perkara.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya akan teruskan kepada perkara ini dan saya berharap bahawa lebih banyak pusat kemasukan dapat diwujudkan pada masa akan datang, jika kita kekurangan tempat, kita boleh gunakan Putrajaya buat sementara waktu.

Saya menyokong rang undang-undang ini, Kementerian Kewangan bersetuju dengan cadangan saya. Saya menyokong rang undang-undang ini sepenuhnya dan hasrat kerajaan untuk membanteras kegiatan-kegiatan wang secara haram ini adalah pada asasnya baik. Kita semua tahu bahawa di peringkat antarabangsa negara-negara di dunia telah lama merangka undang-undang seperti ini, yang mereka kalau tidak silap saya rang undang-undang seperti ini telah wujud di negara-negara Eropah pada tahun 1988 lagi dan di Singapura kalau tidak silap saya pada tahun 1991. Kita agak terlewat di dalam perkara ini tetapi daripada langsung tidak ada, lebih baik kita terlewat dan seperti yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan semalam, bahawa rang undang-undang ini dirangka hasil daripada persetujuan yang telah kita capai di peringkat antarabangsa di antaranya ialah Basle Conference pada tahun 1988 dan juga Vienna Convention pada tahun 1990.

Sepuluh tahun kemudian iaitu pada tahun 2001 baru kita merangka undang-undang ini dan saya berharap bahawa pengenalan undang-undang ini adalah satu permulaan kepada pembanteras dengan lebih kemas, perolehan wang-wang haram. Jika kita melihat rang undang-undang ini, tafsir daripada aktiviti haram adalah mengikut undang-undang yang sedia ada iaitu di antaranya ialah Undang-undang Pencegahan Rasuah dan juga undang-undang yang lain. Tetapi pada hemat saya aktiviti haram mestilah diluaskan daripada skop yang telah kita kenal pasti kerana perjudian umpamanya, adalah satu aktiviti yang juga menjadi sebahagian daripada *modus operandi* perolehan haram, tetapi perjudian dianggap sebagai *legal* dari segi undang-undang dan oleh kerana itu perjudian tidak dianggap sebagai perolehan haram. Keuntungan melalui perjudian yang mungkin diadakan secara sandiwara, tidak dianggap sebagai perolehan haram.

Oleh yang demikian, kegiatan-kegiatan perjudian boleh digunakan oleh *money launderer* untuk mengesahkan perolehan mereka daripada duit haram melalui *transaction* di meja perjudian. Dan dengan itu, undang-undang ini dengan sendirinya tidak menjadi berkesan, tidak ada apa-apa perkara yang dapat kita kemas kini dari segi aktiviti ini.

Saya merujuk kepada muka surat 6 iaitu aktiviti haram ertinya apa-apa aktiviti yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing.

Kita semua tahu, *the nature of money laundering* ialah *crime driven* iaitu dipacu oleh kegiatan berunsur jenayah. Dalam konteks undang-undang yang biasa kegiatan berunsur jenayah ialah *smuggling*, pengedaran dadah, pelacuran dalam keadaan tertentu yang diperangi dan juga rasuah. Ini yang dikenal secara biasa, sebagai aktiviti haram yang akan disekat oleh rang undang-undang ini. Tetapi perolehan-perolehan melalui perjudian tidak dimasukkan sebagai aktiviti haram, sedangkan melalui perjudianlah sebenarnya mereka boleh mengesahkan perolehan haram tadi. Kita semua tahu, dalam sistem *money laundering* ada tiga *steps* yang digunakan oleh *money launderer* iaitu yang pertama ialah *placement*, meletakkan duit sama ada perletakan duit ini dalam institusi kewangan ataupun perletakan duit ini dalam satu meja perjudian.

Jika perletakan duit itu dalam institusi kewangan yang dapat dikesan kemudiannya, maka kuat kuasa boleh dilaksanakan mengikut rang undang-undang ini, tetapi jika *placement* itu diletakkan dalam meja perjudian, ia tidak dianggap sebagai

satu perkara yang salah, kecuali pihak penyiasat boleh pergi ke akar umbi daripada manakah duit itu diperolehi sebelum *placement* itu diadakan atau dilakukan. Itu kerja yang lagi rumit, satu kerja yang rumit untuk mengesan kegiatan jenayah pada peringkat awal, pada peringkat mula-mula. Yang kita hendak sekat dalam rang undang-undang *money laundering* ini ialah kegiatan itu sudah berlaku tetapi proses untuk menjadikannya duit halal, itu yang dipanggil sebagai *money laundering* iaitu duit yang telah diperolehi melalui rasuah, melalui salah guna kuasa, melalui penyeludupan dadah, hendak dihalalkan ke dalam akaun satu-satu orang seperti yang telah saya sebutkan, proses pertama ialah *placement*. Kemudian *layering*. *Layering* ialah satu proses di mana bank ataupun aktiviti perjudian tadi menggunakan perolehan, *placement* tadi dalam bentuk-bentuk seakan-akan ia separuh halal, dalam bentuk *investment*, dalam bentuk pembelian *real asset*, dalam bentuk pengeluaran bon, *travellers cheque* yang akhirnya ialah *integration* iaitu wang tadi kemudiannya dimasukkan ke dalam akaun *owner* yang mula-mula. Dan dengan sendirinya pada waktu itu sudah menjadi wang yang halal, wang yang sah, wang yang diperolehi seakan-akan melalui proses perniagaan biasa, keuntungan pelaburan yang biasa.

Jadi, tiga peringkat ini diselihkan oleh rang undang-undang ini, tetapi kegiatan permulaan untuk mencari kekayaan melalui duit haram dilaksanakan oleh akta-akta yang lain. Jika akta-akta lain longgar kuatkuasanya, maka dengan sendirinya mereka sudah memperolehi perolehan haram. Ini boleh dilaksanakan untuk menjadi halal melalui meja perjudian.

Dia tidak akan pergi kepada bank. Dia pergi berjudi dalam kelab-kelab eksklusif dan di negara kita, saya akan berikan satu contoh kepada Dewan ini wujudnya kelab-kelab eksklusif seperti ini, Altantic Marketing Sendirian Berhad yang telah disebut oleh Kuala Kedah semalam, adalah sebuah syarikat perjudian yang menggunakan Internet Gambling (ICT) yang didaftarkan di luar negara, di West Indies, tetapi beroperasi dalam negara kita, dimiliki oleh rakyat Malaysia, beroperasi di Kuala Lumpur, ibu kota kita, dan mempunyai *private rooms for club members to gamble*, di antaranya ialah di Berjaya Plaza, Jalan Imbi; Thye Thong Restaurant, Jalan Bukit Bintang; tahniahlah kepada Bukit Bintang, Caesar's di Petaling Jaya Seksyen 20/1 dan ibu pejabat operasi ini ialah tidak lain di Bangunan Wisma Dijaya, Petaling Jaya.

Jadi, letihlah kita, kita hendak buat satu undang-undang bukan main bahas, Batang Lupa daripada semalam bahas, dua hari dan kita akan luluskan, bayar elaun Ahli-ahli Parlimen, tetapi kegiatan *money laundering* ini tetap akan berlaku melalui premis perjudian.

Jadi, saya tidak hendak cadangkan dalam Dewan ini macam mana kita hendak buat, tetapi saya hendak beritahu kepada Dewan ini bahawa kegiatan ini boleh melepasi undang-undang melalui pelbagai cara. Itu satu perkara pertama yang saya hendak sebutkan.

Dan saya telah sebut sebelum ini bahawa kerajaan sendiri ada saham dalam syarikat perjudian seperti yang dilaporkan oleh Buku Laporan Kewangan pendapatan dan hasil kerajaan sendiri. Sebagai satu langkah moral yang pertama, kerajaan sendiri mesti menarik balik pemilikan sahamnya dalam syarikat-syarikat perjudian ini. Itu langkah yang pertama, kalau ini pun hendak beberapa kali, hendak bincang, bermesyuarat, Majlis Fatwa pun tidak bincang, susahlah. Perkara yang *very clear* -, "*innal hal-lan baiyun wainnal haraman baiyun*". Itu konsep Islam, yang halal tetap jelas. Yang haram tetap jelas, tetap terang. Kamu tak payah hendak kata ini *grey area*, *it is very clear*. Ini halal, ini haram, so kita pergi kepada perkara yang terang ini, yang haram kita kena perangi, yang halal kita kena kembangkan, perniagaan adalah halal, perjudian adalah haram.

Jadi, mengapa dalam sebuah negara yang mementingkan moral, kita tidak boleh menggembelkan fikiran rakyat kita melalui media, melalui propaganda untuk berkata kepada rakyat bahawa ini adalah satu kegiatan yang tidak baik. Kalau *money laundering* ini kita boleh buat satu undang-undang untuk mengharamkannya, untuk membanteraskannya, untuk mengambil tindakan kepadanya, perkara yang lebih terang daripada itu wujud dan menjadi satu amalan yang sah dari segi undang-undang.

Jadi, saya sangat berharap perkara ini dipandang serius dan kita boleh memulakan penggembelkan minda rakyat untuk mengatasi, mengeluarkan Malaysia daripada senarai perjudian. Kalau kita pergi ke Langkawi di samping kita berehat di Pantai Chenang, kita akan melihat "Star Cruise" berulang-alik. "Star Cruise" ini satu feri

yang besar, yang sangat mewah, bila melihat daripada jauh saya pun teringin hendak naik dan penduduk Langkawi kata itulah Yang Berhormat, kapal judi yang lalu dalam perairan kita, yang berhenti di Port Klang, pergi ke Langkawi dan seterusnya pusing balik pergi ke Singapura, kita menghalalkan kegiatan ini.

Jadi, kalau *money launderer* ini ia hendak menghalalkan duitnya, dia tak payah melanggar semua undang-undang ini. Dia naik atas kapal itu, dia duduk dengan dua orang, dia kata dia kalah judi, RM1 bilion – habis cerita. Dia masukkan dalam bank, saya dapat duit ini, saya menang judi – habis.

Jadi, macam saya kata tadi, kita buat satu kerja yang tidak menyeluruh dan kita semua tahu selain daripada itu, *nature of money launderer* ini ialah penggunaan institusi bank, dalam keadaan biasa, dalam keadaan rang undang-undang ini tidak ada, dan di tempat-tempat pusat-pusat *offshore* macam di Cayman Island yang mengecualikan *money laundering* ini daripada diburu.

Mereka boleh menggunakan facilities bank termasuklah di Labuan, tetapi Menteri Kewangan telah sebut dalam bulan November semasa beliau menghadiri perasmian satu kaunter di Labuan, bahawa Labuan bebas daripada aktiviti *money laundering* setakat ini. Dan pada waktu itu saya masih ingat Tun Menteri Kewangan sebut bahawa satu rang undang-undang yang berasingan akan dibentangkan di Parlimen untuk membanteras *money laundering* khas bagi Labuan.

Adakah apa yang dimaksudkan oleh Tuan Yang di-Pertua, itu termaktub dalam rang undang-undang ini ataupun satu rang undang-undang yang lain akan dibentangkan bagi membanteras kegiatan *money laundering* di Labuan sebagai pusat luar pesisir. *Offshore* ataupun pusat-pusat *offshore* ini adalah pusat *money laundering* termasuklah di Cayman Island.

Saya sampai hari ini saya tidak tahu adakah saya memerlukan penjelasan daripada Menteri Kewangan mengapakah syarikat-syarikat Malaysia begitu berminat mendaftarkan di Cayman Island? Tidak bermaksud bahawa saya menuduh mereka menjalankan kegiatan yang tidak baik tetapi kalau *literature*, kita baca *literature*, Cayman Island adalah satu pusat syurga bagi kegiatan *money laundering* selain daripada undang-undang yang longgar dan selain daripada kegiatan duit haram ini dicampur semua sekali, *mutual fund* yang ada di Cayman Island dianggar sampai RM5 trilion. Maknanya, ia sudah jadi satu pusat yang ditumpukan oleh begitu ramai pihak dan syarikat kita banyak mendaftar di Cayman Island dan pendaftaran di Cayman Island sangat mudah, sangat murah USD2,000 untuk tubuhkan satu, untuk buka satu, daftarkan satu syarikat dan USD1,000 satu tahun untuk *fees*. Kemudian boleh diurus melalui faks, melalui Internet, melalui apa, daripada mana-mana tempat, begitu mudah.

Berjaya Group saya difahamkan banyak syarikat di sana, Pantai Investment Cayman Limited ada didaftarkan di Cayman, saya tidak kata syarikat-syarikat ini mengendalikan kegiatan yang tidak baik tetapi impression umum oleh kerana Cayman Island adalah satu daripada pusat *money laundering*, maka satu penjelasan adalah munasabah jika penjelasan dapat diberikan *the nature of the business of this limited company* yang didaftarkan di Cayman Island dapat diberikan, akan memberikan kepuasan kepada banyak pihak termasuklah satu syarikat 'Mayfair' yang baru menjual sahamnya dalam Southern Bank.

Mayfair adalah milik rakyat Malaysia tetapi didaftarkan di Cayman dan syarikat ini mempunyai saham dalam Southern Bank dan dia telah jual saham ini baru dalam satu minggu atau dua minggu kalau tidak silap saya kepada seorang rakyat Malaysia yang juga mendaftar di Cayman.

Kementerian Kewangan sudah tentu sedar bahawa satu daripada cara pengelakan cukai ialah dengan cara mendaftar di *offshore* seperti mana yang berlaku bagi rakyat Thailand, Korea, Indonesia dan lain-lain. Bila mereka mendaftar di satu syarikat di *offshore center*, kemudiannya apabila mereka ingin menjual harta dalam negara mereka untuk mendapat pengecualian cukai mereka menjual harta ini kepada syarikat yang didaftarkan, mereka pindahkan harta ini kepada satu syarikat yang mereka daftarkan di *offshore* tadi dan ekuiti syarikat ini akan dijual. Ekuiti yang didaftarkan di *offshore* ini akan dijual dan dengan sendirinya harta ini beralih tangan dan pelepasan cukai dapat dilakukan.

Jika ini juga menjadi sebahagian daripada urusan syarikat-syarikat ini, maka penjelasan adalah mustahak untuk diberikan. Saya tidak membuat tuduhan di sini,

saya hanya memohon satu keyakinan melalui penjelasan yang telus daripada Kementerian Kewangan. *Nature money laundering* ini ialah borderless tidak ada sempadan dan dalam dunia sekarang selain daripada banking – banking tadi saya terfikir hendak sebut ialah kita ada sistem *private banking* macam Citi Bank. Ini juga bukan satu tuduhan tetapi berdasarkan kepada *enquiry* yang telah dibuat oleh Senate Amerika, Amerika telah membentuk satu Jawatankuasa *Enquiry* ke atas kegiatan *money laundering* yang dilaksanakan oleh *banking institution*.

Walaupun undang-undang ini nampaknya agak teguh tetapi di Amerika sendiri kita lihat ada enam undang-undang yang dikaitkan untuk tujuan yang sama termasuklah undang-undang bank yang mengetatkan aktiviti bank daripada menjadi pusat *money laundering* tetapi masih pada masa yang sama kegiatan ini berlaku dan Senate telah membentuk satu *Committee of Enquiry* dan Citi Bank telah dipanggil.

Dalam *enquiry* ini telah dinyatakan beberapa akaun orang ternama termasuk dua orang anak perempuan Suharto yang telah membuka akaun di Citi Bank Amerika melalui *private banking*. Transaksinya adalah besar termasuk pemberontak-pemberontak daripada Afrika dan Amerika Selatan. Kemudian, apabila ditanya mengapa perkara ini dilakukan sedangkan undang-undang ada mereka memberikan beberapa *excuse* dan saya kira kalau Kementerian Kewangan sudah membaca *enquiry* ini adalah sangat menarik untuk kita melihat bagaimana pihak banking boleh melepaskan diri mereka daripada jaringan undang-undang ini.

Saya tidak akan membacakan *report* setebal 1,141 halaman dalam Dewan ini tetapi saya berharap bahawa perkara ini dapat dipelajari supaya kita dapat menggunakan kuat kuasa undang-undang ini mengikut laluan-laluan yang boleh mereka lepasi.

Dalam rang undang-undang yang kita bahaskan semalam Rang Undang-undang Cukai Jualan dan lain-lain akta semalam kita masukkan satu *clause* iaitu pegawai penguat kuasa boleh pergi kepada komputer mana-mana syarikat yang disyaki untuk mereka masuk dan meneliti dokumen-dokumen ataupun data-data yang wujud dalam komputer tersebut. Saya ingat bahawa perkara ini juga adalah mustahak kerana dalam dunia sekarang mereka menggunakan ICT dan transaction ini boleh berjalan dengan begitu pantas daripada satu pusat banking mereka alihkan duit ini kepada satu bank yang lain dalam sekelip mata dan kepada bank yang lain dalam sekelip mata yang lain dan dalam satu jam kemudian akaun mereka sudah berada di luar negara dalam bank-bank yang tertentu. Jadi, ini adalah satu perkara yang sangat pantas dan kemampuan untuk mengendalikan perkara ini perlu dipertingkatkan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita ada tiga tahap, tahap yang pertama ialah penggubalan undang-undang. Jika satu undang-undang yang digubal adalah lengkap dan baik. Tahap yang kedua ialah enforcement, penguatkuasaan yang menjadi keraguan sebahagian rakyat ialah kesungguhan penguatkuasaan dan rakyat tidak boleh disalahkan dalam aspek ini. Yang Berhormat bagi Kemaman telah membangkitkan semalam kes-kes sebagai satu contoh memperlihatkan kelonggaran penguatkuasaan walaupun undang-undang pada asasnya sudah wujud.

Kes yang paling mendukacitakan sekali tentulah kes Perwaja di mana tiap-tiap tahun menyayatkan hati kita. Dalam Dewan ini kita meluluskan lebih kurang RM1 bilion, RM1.6 bilion, RM1.2 bilion, RM50 juta, RM200 juta, RM500 juta dan berbilion-bilion ringgit pada setiap sidang Dewan termasuk Dewan untuk tambah peruntukan tambahan. Budak-budak hendak masuk universiti kena bayar 4%, Perwaja diberikan tidak ada peratus-peratus .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ada kaitan dengan ini Yang Berhormat?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ha, ada-ada. Saya akan sampai – penguatkuasaan. Penguatkuasaan kepada undang-undang ini adakah kita buat undang-undang ini hendak buat sahaja-sahaja atau kita buat dan hendak *enforce*.

Budak-budak masuk universiti kita kena fikir, kita kena pandang serius [Ketawa] saya hendak ulang baliklah pasal ini kerana *frustration* akan berlaku kepada generasi muda, mereka belajar SPM dapat 9A, minta tidak dapat, ambil STPM .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Jauh perginya Yang Berhormat ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** .....3A minta tidak dapat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jauh perginya Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ha, jauh. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus balik ke asal. Itu undang-undang pendidikan itu Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Okay, saya balik kepada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Balik asal Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Balik kepada asal. Terima kasih kepada ingatan Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus Yang Berhormat terus.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Apa? 'Calang' itu apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus, terus.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia hendak cakapkah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, tidak apa. Teruskan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kalau dia hendak cakap, saya hendak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak usah.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]* ISA.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau dia berdiri .... *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** .... Ha, ada yang minta penjelasan, ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat bercakap, membincang tentang *money laundering* dengan membangkitkan perkara-perkara tentang *placement*, itu semua baiklah itu tetapi kalau hendak ambil kesempatan hendak membincangkan perkara-perkara yang lain tidak relevan ini saya fikir gunakan *proper platform*lah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa Yang Berhormat, saya sudah tegur. Tidak apa, terus-teruskan Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Keprihatinan itu *borderless*. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus, terus.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya akan teruskan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya. *[Sorak]* *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, Pendang ya.

**Seorang Ahli:** Keluar mari. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk tajuk Pendang ya. Sila, sila. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kubang Kerian.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kubang Kerian, Yang Berhormat tadi telah menyokong rang undang-undang ini. Ini menunjukkan bahawa sikap kita

pembangkang suatu yang kita yakin, percaya ia adalah baik untuk negara dan rakyat kita menyokong tetapi apakah Yang Berhormat fikir kerajaan yang ada ini dapat melaksanakan kehendak daripada undang-undang ini berpandukan kepada beberapa perkembangan yang berlaku dalam negara kita.

Umpamanya, saya selalu disoal ditanya oleh sebahagian rakyat tentang kehairanan mereka mengenai dengan tindakan yang diambil terhadap pengedar-pengedar dadah umpamanya. Banyak pengedar-pengedar dadah yang telah ditangkap dan ramai pula yang telah sampai ke tali gantung tetapi tidak sampai kepada siapakah tauke dadah yang sebenarnya.

Dalam pengalaman saya maklumat yang saya terima daripada seorang bekas pegawai pencegah dadah di Kedah dan Perlis iaitu berpangkat DSP pada waktu itu, sekarang beliau telah kembali ke rahmatullah, beliau telah memberitahu saya bahawa unit yang dipimpinnya memang membuat penangkapan-penangkapan di atas penyeludupan dadah dan penyiasatan dibuat tetapi bila sampai ke atas laporan itu dibuat, tidak ada sebarang tindakan diambil walaupun mereka telah mengenal pasti siapa sebenarnya tauke yang mengupah pengedar-pengedar itu untuk menyeludupkan dadah.

Sehingga akhirnya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, panjang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .....beliau kecewa dan meletakkan jawatan, satu contoh.

Kemudian, satu lagi umpamanya sekarang ini wang-wang haram – saya setujuah maknanya konsep haram, halal kerajaan tidak jelas sebenarnya. Halal bagi kerajaan apabila dilesenkan, haram apabila tidak dilesenkan. Sedangkan ini bercanggah dengan Islam.

Islam perkara yang haram itu haram, hang beri lesenkah, hang tidak beri lesenkah, ia adalah haram. Tetapi konsep yang tidak jelas ini tidak jelaslah dalam tindakan.

Jadi, umpamanya kita katakan dalam amalan perjudian, amalan rasuah. Rasuah boleh dilakukan dalam pelbagai perkara, dalam pelbagai cara sebagaimana yang ditunjuk antara satunya yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi melalui perjudian atas kapal dan sebagainya. Barang yang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....haram boleh bertukar menjadi halal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang sudah itu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...wajarkah ataupun munasabah kah pada pandangan Yang Berhormat seorang pegawai yang berpangkat ASP umpamanya mempunyai sebuah banglo yang berharga kira-kira RM500,000 dan bila ditanya, disoal dan mengatakan dia menang judi, dia menang ekor, dia menang 4D.

Jadi, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat, panjang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...jadi sebab itulah saya katakan wang haram yang diistilahkan dalam undang-undang ini termasuklah sebagaimana yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri semalam iaitu wang rasuah. Keseriusan kerajaan dalam tindakan memerangi rasuah tidak wujud.

Jadi, bagaimana rang undang-undang ini bila diluluskan akan dapat diapply, akan dapat dilaksanakan dengan berkesan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, itu sahajalah soalnya Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dato' Ketua Pembangkang, kadang-kadang kita rasa bila soalan ini dikemukakan kita ingat kita hendak main-main politik tetapi sebenarnya .....

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]* Saya ingat ini Menteri yang jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa ini? *[Disampuk]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Siapa yang cakap itu, ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak tahu. Tahu dengar-dengar sahaja. Terus, teruskan.

**Seorang Ahli:** Kinabatangan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya ada darah tinggi ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak dapat kebenaran daripada sesiapa pun. Sila, sila.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terkejut saya. *[Disampuk]* Macam halilintar bunyi suara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, terus, terus, terus.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya pun sudah hilang dia punya ini - ya, ya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada apa .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ....kesungguhan *enforcement*. Yang Berhormat bagi Rompin bangkit tentang perhutanan, kita tidak sempat hendak beri penjelasan tetapi kalau selain daripada pengedaran dadah yang lebih mudah lagi ialah perhutanan. Macam mana pegawai perhutanan hidup begitu mewah? Gaji dia rendah sahaja RM400, pergi tag kayu sahaja dalam hutan tetapi kehidupan begitu mewah, rumah besar, kereta besar, kereta banyak.

Jadi, timbangan yang paling mudah ialah kehidupan di luar daripada kemampuan. Ini timbangan yang paling mudah sekali. Baik Menteri, baik kerani, baik sesiapa kalau kehidupannya di luar daripada pendapatannya dan kemampuannya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, tidak usah termasuk .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ...ini Jawatankuasa Pengurusan Hutan sudah mesyuaratkah tahun ini?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tanjong Karang hendak penjelasan ya. Boleh beri? Sila.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Kubang Kerian dia gentlemen, dia mesti beri punya.

Saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat untuk penguatkuasaan undang-undang ini. Sesuatu undang-undang tidak akan bermakna kalau tidak boleh kita kuat kuasakan dan apabila kita menguatkuasakan ia sudah tentu tidak mengira darjat sesiapa juga harus disiasat. Apabila kita kuat kuasakan pun kalau kita tidak dakwa pun tidak ada guna, oleh itu dalam negara kita ada pula beri kuasa pendakwaan kepada pihak Peguam Negara.

Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, apabila Peguam Negara ini diberikan kuasa oleh Perlembagaan untuk mendakwa ada pula tuduhan-tuduhan daripada pihak pembangkang khasnya mengatakan pula bahawa Peguam Negara membuat pendakwaan terpilih.



Jadi, ini masalah-masalah yang kita hadapi bila dikuatkuasakan undang-undang kita dakwa, bila terkena kepada pihak-pihak tertentu, pihak pembangkang dia tuduh pula kita menyalahgunakan kuasa, kita buat pendakwaan terpilih tuduhan-tuduhan yang sedemikian. Jadi, apa komen Yang Berhormat mengenai isu-isu ini?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih lah, terbalik ni. Sepatutnya saya tanya dia, [Ketawa] Dia tanya saya pulak dah...[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, kalau hendak jawab, jawablah. Tidak payah jawab pun tidak apa.

**Tuan Husam bin Haji Musa:**....dan terpilih tadi, Yang Berhormat salah faham itu. Bila kita kata terpilih, terpilih itu bukan maksud pilih-pilih yang tertentu didakwa, termasuklah pilih yang tertentu tidak didakwa! [Sorak] Itu sebab yang terpilih. Umpamanya, satu contoh ya, ini sudah memaksa saya masuk kepada enforcement dengan lebih detail.

Tan Sri Ali Abul – sebenarnya saya tidak suka hendak sebut nama dia tetapi sudah.....dia telah disebut oleh bekas Ketua Pengarah BPR dalam mahkamah – kenyataan bersumpah. Sumpah mahkamah bahawa penyiasatan telah dilakukan terhadap beliau masa itu selaku Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri tetapi pendakwaan tidak dilakukan. Ini pendakwaan terpilih.

Contoh lain ialah.....banyak contoh Yang Berhormat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat. Masuk lain.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup dah contoh itu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak, sedikit lagi. Satu lagi lah Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi fasal nanti.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta balik ke asal..

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ...enforcement...enforcement tadi. Adakah undang-undang ini untuk buat saja-saja undang-undang ataupun undang-undang yang hendak dikuatkuasakan secara yang tidak terpilih termasuk dalam kes Perwaja. Saya ingin sebutkan Perwaja fasal Ketua Pengarah BPR pada waktu itu – sudah dua Pengarah bertukar, kita masuk Ketua Pengarah yang ketiga dan tiap-tiap kali kita tanya dalam Parlimen ini siasatan telah hampir selesai. Bekas Ketua Pengarah, Dato' Shafie pernah buat satu kenyataan, Dato' Ahmad Zaki juga pernah buat kenyataan bahawa penyiasatan 95% sudah selesai, tinggal 5% tiga tahun dah, 5% tidak selesai. 95% boleh selesai 5% tiga tahun tidak selesai sampai bila hendak selesai? Bila tidak selesai susahlah kerajaan ini. Orang tidak boleh hormatlah integriti kerajaan, *erosion of trust* itu berlaku, keyakinan itu hilang. Ini orang kata pendakwaan itu terpilih. Yang Berhormat faham dah, apa yang...[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah berlawan begitu, Yang Berhormat...[Ketawa] Ini bukan ada markah..

**Seorang Ahli:** Dia dok pening lagi tu...

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh, kalau hendak berbahas, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak minta penjelasan lagi Yang Berhormat?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tak adalah, kalau dia hendak kait macam isu Perwaja semua ini, dalam Parlimen ini saya sendiri sudah jawab bahawa kes itu kita sudah siasat dan 5% itu melibatkan orang luar. Kalau dalam negara ini senang. Jadi, benda-benda yang kita sudah beri penjelasan berpuluh kali pun dalam Dewan ini, tapi

pembangkang tidak mahu terima dan dia masih menuduh, sampai bila pun tidak selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, biar Menteri menjawab. *[Ketawa]* Masuk yang lain, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Errr....kat mana saya berhenti tadi ya. Ha, *enforcement*....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu sebabnya jangan menyeberang jauh sangat, sudah hilang *point*. *[Ketawa]* Terus balik asal.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *Enforcement* tadi ada dua. Satu yang diambil, satu yang ditiadakan. Yang ditiadakan itu menimbulkan syak wasangka dan kalau satu kes orang boleh fahamlah, ini duduk luar negara, akaun dekat Switzerland, kita tidak ada pakar, tidak boleh pergi Switzerland, setakat Malaysia bolehlah cari. Dalam Malaysia sendiri pun kita tidak selesaikan! Lepas itu kes Telekom – *kick-back* duit dengan Mitsui. Bukan sahaja tindakan tidak diambil, siasatan tak selesai, pendakwaan tidak ada, penjelasan tidak keluar tetapi Mitsui diberikan projek Rawang-Ipoh – *electrification* kereta api Rawang-Ipoh, dekat RM4 bilion, Mitsui yang sama! Mitsui yang sama bagi *kick-back* pada Telekom, Mitsui yang sama dapat projek RM4 bilion kereta api Rawang-Ipoh. Jadi, *enforcement* sudah tidak adalah, satu tetapi seakan-akan *protection* itu wujud.

Yang ketiga ialah penghakiman. Undang-undang yang baik, penguatkuasaan baik dan penghakiman juga baik. Kalau undang-undang baik, penguatkuasaan baik, penghakiman tidak baik, undang-undang yang adil tadi telah menjadi tidak adil di tangan hakim yang tidak adil. Hakim yang adil dengan undang-undang yang tidak adil lebih baik kerana undang-undang itu masih lagi boleh diadilkan.

Jadi, tiga perkara ini saya tidak hendak panjangkan tetapi inilah yang diperhatikan oleh rakyat. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat daripada Kementerian Kewangan, inilah yang diperhatikan oleh rakyat iaitu bukan sahaja undang-undang itu....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, jangan panjang Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Pendek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemaman, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Dua, tiga tahun yang lepas ada disenaraikan oleh sebuah akhbar ataupun majalah daripada Amerika Syarikat menyatakan di antara mereka yang mempunyai aset melebihi bilion ringgit termasuklah keluarga Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan juga Ketua Menteri Sarawak. Jadi, adakah mereka ini akan disiasat sumber aset yang mereka perolehi ini kerana mengikut pendapatan mereka mustahil mereka mempunyai aset yang begitu besar melainkan mereka melakukan ataupun laundering duit-duit haram ini.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak usah buat tuduhan itu, Yang Berhormat. Tidak payah jawab pun tak apalah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya rasa kementerian berhak menjawab, saya tidak cukup maklumat untuk saya mengiakan ataupun menafikan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh saya tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya nampak soalan-soalan tadi kecil yang ditimbulkan dalam Parlimen ini. Ada persoalan besar iaitu tengah-tengah wang kita sedang runtuh, hasil perbuatan penyangak mata wang Soros, bukankah ada pada waktu itu report daripada bekas Menteri Kewangan tentang ada beberapa orang di Malaysia ini melarikan wang ke luar negeri, misalnya yang disebut nama beberapa

pengarah bank tertentu melarikan wang beratus juta ringgit, seolah-olah membantu Soros dari segi merendahkan mata wang negara.

Kalau perbuatan mereka ini benar mengikut report itu dan adakah siasatan dibuat, maka ini lebih dahsyat pengkhianat-pengkhianat negara daripada yang dilakukan oleh orang biasa. Jadi, adakah kerajaan bertindak dalam hal ini. Adakah betul, adakah disiasat, adakah diambil tindakan iaitu ketika Soros menyerang, orang kita pula dia tahu hal ini, dia bawa duit beratus-ratus juta, berbilion ringgit ke luar negara.

Jadi, sedar atau tidak Kubang Kerian perkara ini jenayah yang serius. Ada yang dikatakan Menteri Kewangan yang bercuti pun terlibat dalam hal itu. Jadi, minta.... [Disampuk] perkara ini serius.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan buat tuduhan, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** ...perkara ini serius, perkara besar dan buat siasatan. Kalau tidak ada Kementerian Kewangan dedahkan kepada rakyat tidak ada. Kalau tidak, maka ini satu jenayah yang besar membantu Soros. Kita di sini pembangkang kah atau kerajaan kah memang marah perbuatan Soros. Kalau ada rakyat membantu Soros, apa tindakan kerajaan. Ini perkara besar, ini dok main kecil-kecil buat apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah jawab, biar Menteri jawab ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tak payah jawab ya. Ini antara Menteri kena jawab. Yang sebenarnya saya ada satu senarai yang Menteri patut berhutang dengan kita yang dia kena jawab termasuklah dalam kes yang Kuala Kedah telah sebut, yang ada report oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bukan satu perkara main-main. Kita ada dalam clause ini orang yang melapor itu dilindungi tetapi bukan sahaja laporan itu tidak berjalan tetapi dalam setengah kes yang melapor juga menghadapi masalah tetapi yang paling akhir sekali yang memerlukan penjelasan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri ialah kes PUNB – penjualan bon di Amerika yang dikatakan palsu. Adakah perkara tersebut begitu sukar untuk disiasat sehingga penjelasan tidak keluar sampai hari ini.

Ini satu perkara yang dihutang oleh kementerian kepada Dewan ini untuk mendapat penjelasan. Pada hari ini kita tidak boleh lagi di bawah skop ketelusan kita boleh dijamin semua ini – masuk bawah karpet dan bila orang bangkit kita kata, tak payahlah, tak payahlah, tak payahlah – tak boleh macam itu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ....kalau hendak bangkit pun tidak boleh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut hendak beri jalan?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta kalau boleh, Kemaman dengan Kuala Kedah tolong buat tuduhan itu kat luar Parlimen, kalau benar apa yang disebut tadi ke atas Perdana Menteri dengan Menteri Kewangan. Kalau benarlah, sudahlah pakai dengar sana dengar sini, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak apa.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** .....kita minta buat tuduhan di luar Parlimen.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sudah buat report polis.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak, saya minta buat tuduhan di luar Parlimen.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sudah ada report polis. Minta Kementerian Kewangan siasat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta Kemaman dengan Kuala Kedah, setuju atau tidak Kubang Kerian?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sudah ada report polis pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Larut...Larut...duduklah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Buat kat luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Kuala Kedah duduk, Larut pun duduk.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Larut...Larut....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang disebut oleh Kuala Kedah tadi bukan satu tuduhan, dia tanya tentang report polis yang dibuat ke atas orang ini, apa perkembangan dia? Bukan dia kena tuduh lagi. Yang kena jawab ialah sebelah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Larut dia banyak tertinggal maklumat-maklumat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta supaya setuju atau tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Eh Larut, apa ini Larut?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hendak minta penjelasan ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya tidak bagi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Itu bukan penjelasan. [Ketawa]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak.....tidak...saya minta penjelasan daripada Kubang Kerian, setuju atau tidak setuju....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Nantilah, saya hendak penjelasanlah ini.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** .....supaya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Nanti dululah Larut...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ...tuduhan Kemaman dengan Kuala Kedah tadi dibuat di luar Dewan ini....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ....saya.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** .....untuk membuktikan apa yang dia cakap itu benar atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Cukuplah, cukup. Duduk. Dia sudah jawab tadi...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini cakap dalam Parlimen ini kat luar tak berani cakap buat apa.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Biar saya berikan penjelasanlah sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tak payahlah, dah cukup dah tadi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, ya. Cukup tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab Yang Berhormat kata benda ini dah buat, mengapa tidak dibuat penjelasan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sebelum diberi penjelasan dia kena faham apa yang dimaksudkan oleh Kuala Kedah dulu. Kalau maksud Kuala Kedah pun dia tidak faham, macam mana hendak dapat penjelasan.

**Seorang Ahli:** Larut mengarut.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jadi, perkara ini telah dilaporkan kepada polis, tidak perlu Kuala Kedah ulang lagi. Pergi buka sahaja laporan polis itu masukkan dalam surat khabar, lepas itu Kementerian Kewangan seminggu lepas itu memberikan penjelasan, habislah. Tutuplah buku, kita tidak boleh bangkit dah. Orang boleh terima penjelasan kalau ada penjelasan. Masalahnya tidak ada penjelasan. Mana laporan itu sekarang ini? Di mana laporan? Apa telah jadi? Yang terakhir di Pahang, ada satu laporan. Kita hendak tahu perkembangan laporan itu macam mana.

Jadi, saya berharap *enforcement* itu dapat dilakukan tanpa campur tangan politik, yang telus. Sebab itu berulang kali dalam Dewan ini pembangkang telah mencadangkan supaya kuasa *enforcement* itu diletakkan di bawah Parlimen terus – dibawakan terus dalam Parlimen, bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri. BPR sebagai kuasa *enforcement* diletakkan di bawah Parlimen dan satu komiti dibentuk dan dengan sendirinya tidak ada lagi tuduhan bahawa Perdana Menteri mempunyai kuasa ke atas badan-badan *enforcement* ini.

Selain daripada itu saya berharap bahawa rang undang-undang ini apabila telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan baik dan perkara-perkara tertangguh yang menafikan wujudnya *enforcement* yang kemas dapat diatasi dalam masa yang singkat ini.

Jadi, atas peluang yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan di atas apa-apa keterlanjuran saya, saya mohon maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tebrau.  
11.09 pagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Waalaikum Salam.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** ...dan selamat pagi, *and good morning.* [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan banyak pulak bahasanya, susah pulak nak jawab.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Ha, yalah, tidak apalah. Fasal faham tiga bahasa itu cakaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila teruskan. Teruskan, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Vanakam....

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih mengizinkan saya untuk berucap sedikit. Saya tidak mengambil masa yang panjang. Saya menyentuh beberapa perkara untuk memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain dapat berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan yang telah dapat membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 di Parlimen ini, yang mana rang undang-undang ini meliputi semua aspek seperti kesalahan pengubahan wang haram, perisikan kewangan, obligasi pelaburan, penyiasatan dan sebagainya termasuk pembekuan.

Jadi, saya ucap tahniah, inilah satu kerajaan yang telah dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik. Itu kerajaan Barisan Nasional, tetapi parti pembangkang saya sudah banyak kali cakap, apa hendak buat, memang dia itu sifat pembangkang. Bila sifat pembangkang dia tidak akan memuji kerajaan walaupun dia tahu kerajaan banyak buat baik dan dia tahu bahawa semenjak Kerajaan Barisan Nasional memerintah sehingga hari ini seorang pun tidak boleh nafikan bahawa telah banyak berlaku perubahan.

Masalah kesilapan, kesalahan ini biasa selagi negara ini dan rakyatnya adalah bersifat manusia, sudah tidak sunyi daripada perkara yang disebutkan itu. Ini pembangkang dia tidak kiralah, seolah-olah kalau dia memerintah, baik semua, aman tidak ada masalah yang akan berlaku. Ha, ini cakap pembangkang lah, Kita tak ada, yang ada baik kita jalan baik, yang tersilap ditegur, kita betulkan termasuk yang ini hendak buat undang-undang baru ini pun kerajaan berikhtiar cari jalan macam mana hendak mengatasi masalah dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ini saya hendak bertanya dari segi undang-undang ini, wang bantuan dari CIA ini payah hendak menyiasat. Ini CIA ini daripada Amerika Syarikat memang kerja dia ini banyak duit. Macam-macam dia boleh lakukan apa yang hendak dibuat. Saya tidak tahu ada atau tidak terlibat dalam negara Malaysia ini menerima wang daripada CIA. Kalau ada macam mana tindakan hendak diambil, bukan senang, CIA ini bijak. Luar dia pun CIA kat dalam Malaysia ada CIA. Ini kerajaan dapat mengambil perhatian dengan serius supaya tidak berlaku kekacauan dan huru-hara sebab Amerika ini dia suka. Kalau negara itu kacau bilau, macam Indonesia, dia suka, dipinjamnya wang IMF, lepas itu tak hendak ikut kata dia, tak kasi, bila tak kasi, huru-hara, bila huru-hara rakyat susah.

Jadi, dalam negara Malaysia ini pun kena hendak lihat juga. Kita tidak boleh kata tidak ada, tak ada, tetapi nampaknya macam ada. Jadi, saya hendak tanya kalau berlaku sedemikian, yang dibuat oleh CIA ini apa tindakan kalau kita dapat buktikan bahawa bantuan wang itu betul-betul datang daripada CIA itu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemaman berdin, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Nanti dulu, ini hendak habiskan, nanti sekejap. Nanti bila saya sudah selesai, penghujung, saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Yang hendak dibuktikan ini. Ini kerajaan saya harap sudah cuba cari jalan macam mana hendak menyiasat kes kalau ada sumbangan betul diterima oleh pihak yang tertentu. Ini satu kerja yang bukan mudah. Barangkali kita ada perisik-perisik yang tertentu dapat menyiasatkan perkara ini. *[2 Ahli Yang Berhormat bangun]* ini parti pembangkang ada juga, dia dulu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dua orang berdin, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ni, dua-dua ni.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Boleh atau tidak selepas ini sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haaa...

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Dia kalau tengah seronok ni jangan kacau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak bagi, cakap tak bagilah Yang Berhormat, jangan khabar boleh sekejap lagi. Jadi, saya penatlah...

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Orang tengah syok ni Datuk, bila tengah seronok ini tidak boleh kacau, lupa semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak bagi, cakap tak bagi.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Oh, tak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tak bagi, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Ha, yalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Okaylah, memang layak jadi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih, teruskan....teruskan.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Yalah, Dato' pun ganggu saya juga. *[Ketawa]* Ini parti pembangkang baru cakap. Yalah, dia tuduh orang itu sumber kewangan macam mana dapat, ini Allah, biarlah Tuhan hukum dialah, kalau dia salah. Kita sebut pun kadang tidak baik. Boleh jadi dia dapat duit yang halal termasuk juga parti pembangkang, dalam pilihan raya dulu, saya ingat saya sudah tengok pilihan raya ini banyak kali dah – 20 tahun tetapi yang pilihan raya ini, tidak tahulah ini parti pembangkang banyak betul duitlah. Betul! Tempat saya pun saya kalahlah, tidak pernah berlaku sedemikian. Saya pun tidak tahu macam mana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Jadi, saya pun tidak berani hendak tuduh sebab kalau saya tuduh, saya berdosa. Itu sebab dia pun janganlah menuduh sembarangan itu, ini. Jadi, sama-samalah jaga ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus masuk tajuk, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Ya, tajuk dia. Ini tajuk rasuah tadilah terlibat sama.

Ini lagi satu rang undang-undang ini, simpanan tadi banyak rakan kita sebut wang simpan di luar negara kita termasuk juga wang haram perjudian ini di kapal. Ini kalau orang masuk dia hendak keluar dia mesti isytiharkan, okay bawa RM1 juta – keluar pergi ke kapal atau ke mana, balik dah tak ada bawa duit. Dia kata dia kalah judi, padahal duit itu mungkin dimasukkan di bank di luar negara – di negara jiran. Jadi, macam mana kalau berlaku sedemikian rupa wang ini, kalau dapat dibuktikan oleh pihak kerajaan. Mungkin dia asyik tidak ada kerja lain, pergi ke kapal persiaran di lautan antarabangsa, ada kapal berhenti, orang pergi ke sana, macam mana duit itu. Bawa balik, adakah dinamakan sebagai wang haram. Betul, dia berjudi di kawasan perairan antarabangsa. Tetapi bila dia balik ataupun dia keluar dia ada dua cara, bawa keluar pun banyak dan terus tak balik kerana mana pergi duit, kalah judi. Rupanya duit itu disimpan di negeri lain.

Saya hendak tanya kalau duit itu disimpan di Switzerland sudah tentulah itu satu simpanan wang melainkan ada satu-satu undang-undang yang membenarkan pihak bank di Switzerland boleh memberikan maklumat. Tetapi kalau disimpan di Singapura, kalau kita ada bukti seseorang itu menyimpan wang, yang wangnya bukan hasil wang yang halal. Wang yang haram macam-macamlah yang boleh merugikan kerajaan kita. Boleh Kerajaan Singapura membenarkan kita membuat perundingan untuk menyiasat kes ini? Ada perundingan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura, kalau secara halal saya tidak kisahlah, ini kalau dapat wang yang menyalahi dalam enakmen yang kita bentangkan di Dewan ini Tuan Yang di-Pertua.

Kalau boleh ini kita minta kalau boleh kerajaan cuba membenarkan kalau betul-betul duit itu boleh merosakkan hasil negara kita yang sepatutnya untuk negara kita tetapi dia simpan di negara lain dan diperolehi daripada wang yang haram. Jadi, saya ingat ini dapat pihak kerajaan menyiasat perkara ini dan dapat memberikan kerjasama dan berunding dengan Kerajaan Singapura dalam kes yang saya sebutkan itu tadi.

[Tuan Yang di-Pertua *Mempengerusikan Mesyuarat*]

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ini wang yang dirampas oleh kerajaan melalui Jabatan Kastam di mana kita selalu terbaca dapat ditangkap bernilai-nilai jutaan ringgit kerajaan rampas, yang diseludupkan di dalam lori ataupun kenderaan. Kalau ada barang-barang yang sama yang telah berulang kali dilakukan tetapi tidak dapat ditangkap. Bila kita dapat tangkap yang pertama orang yang sama, boleh tidak harta yang macam mana, harta yang diseludup secara haram telah dapat dilakukan sebelum dapat ditangkap. Wang yang dilarikan daripada cukai itu macam mana dia hendak kira, adakah termasuk dalam enakmen yang di dalam ini yang membolehkan kerajaan menyiasat dan mengambil tindakan, sebab kastam ini nasib dia dapat tip maklumat, dapat tangkap dan dapat merampas berjuta-juta ringgit tetapi rupanya perbuatan telah dilakukan banyak kali dan macam mana harta yang sedemikian rupa. Adakah ia boleh diambil tindakan termasuk dalam enakmen yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Ini saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, ini dua tiga kes yang berlaku di negara kita wang judi bola sepak. Ini biasa berlaku sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut tidak ada dia Naib Presiden bola sepak. Ini yang orang judi haram bola sepak membeli pemain, wang yang diperolehi itu macam mana adakah termasuk di dalam enakmen ini. Kadang-kadang judi bola ini saya dimaklumkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di corner pun diambil kira. Siapa tendang corner yang pertama RM500,000 memang hendak menyiasat payah tetapi di negara lain dapat dibuktikan.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Penjelasan, boleh?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Bung, okaylah. Ha! lupa [*Ketawa*]

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada maklumat-maklumat terperinci ataupun cuma dengar cerita-cerita khabar angin sahaja. Kalau cerita khabar angin rasa saya tidak bolehlah diperbahaskan di Dewan ini. Kalau ada bukti mungkin Yang Berhormat boleh merujuk kepada Yang Berhormat bagi Larut kerana beliau adalah Naib Presiden Bola Sepak, mungkin beliau tahu rancangan-rancangan bookie bola sepak ini.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tanya orang yang terlibat dengan bola sepak ini susah. Jadi, tanya orang tidak pakar dalam bidang bola sepak. Saya setuju Yang Berhormat betul, tetapi ini ada berlaku penangkapan, pembuangan daerah termasuk negeri-negeri lain. Cuma memanglah hendak menangkap itu payah dalam perjudian haram bola sepak ini. Cuma kata saya tadi wang-wang daripada permainan yang saya sebutkan itu dapat diperolehi secara haram dan bagaimana tindakan patut diambil, memang ada tindakan polis, dibuang daerah dan sebagainya. Jadi, saya berharap kerajaan mengambil perhatian dalam perkara ini. Yang seterusnya berhubung dengan kes mencuri kayu balak. Banyak negeri-negeri bising, mencuri kayu balak haram. Kerajaan luluskan seekor, curi 50 ekar, 30 ekar, ini contohnya sahaja. Jadi daripada pencurian kayu balak yang tidak diluluskan oleh kerajaan itu, itu wang macam mana? Haram?

Kalau haram macam mana kerajaan hendak mengambil tindakan. Itu hasil kerajaan, banyak. Kalau wang yang diperolehi secara mencuri di kawasan balak yang tidak mengikut kelulusan yang diluluskan oleh kerajaan maka sudah tentu diambil tindakan. Tetapi wang yang diperolehi daripada itu setelah dibuat penyiasatan bolehkah kerajaan mengambil tindakan dan merampas wang itu. Kalau betul kita siasat dari segi harga kayu yang telah dikeluarkan, yang digunakan kepada dia berapa banyak patut tetapi lebih daripada yang sepatutnya. Adakah ini kerajaan pun boleh mengambil tindakan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berharap dalam kes ini, ini menjejaskan hasil kerajaan negeri dan juga negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat akhir sekali saya tidak ada apalah, saya sudah cakap tadi, empat, lima kes sahaja yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ahli Yang Berhormat kita ada dua rang undang-undang yang saya diberitahu kata patut diluluskan. Kalau saya membenarkan tiga lagi, saya ingat tidak ada masa kita hendak membincangkan dua perkara ini. Jikalau 10 minit seorang boleh? Sila, sila ya Yang Berhormat bagi Kepong, 10 minit seorang ya.



11.20 pagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya rang undang-undang ini adalah ke arah yang betul. Semua orang saya nampak menyokong tetapi tidak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ini. Rang Undang-undang ini sudah terlewat. Pada tahun 1989 G-7 Summit telah menubuhkan Financial Action Task Force (FATF) yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam pengubahan wang haram OECD di Paris. Malaysia sudah terlewat 12 tahun untuk menggubalkan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di seluruh dunia, pengubahan wang haram adalah dianggarkan sejumlah kira-kira RM6 trillion, bukan main, dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menyebutkan *placement, layering* dan *integration*. Wang haram ini boleh diubahkan di mana-mana sahaja termasuk Labuan, Kuala Lumpur, Cayman Island atau Anguilla di Caribbean. Wang haram ini merosakkan reputasi institusi dan sektor perkhidmatan kewangan. Pemindahan wang haram tanpa mengira sempadan ini menjejaskan transaksi kewangan balak, *legal financial transaction*, transaksi kewangan halal aliran modal antarabangsa dan kadar penukaran serta ekonomi negara termasuk pelaburan langsung asing, FDI kita. Semasa kita menyeru pihak pelabur masuk ke negara sebagai FDI kita mestilah adakan rang undang-undang seperti ini dan dikuatkuasakan dengan berkesan.

Sebenarnya wang haram pelbagai jenis telah wujud sejak munculnya wang di Lydia (Turkey) 600 tahun sebelum Masihi dan di Cina 1100 sebelum Masihi. Wang kertas telah didapati di negara Cina kira-kira 600 tahun Masihi. Walau bagaimanapun para penjenayah yang tamak haloba, serakah dan rakus ini telah membiarkan penjenayahan, menjejaskan perniagaan, merosakkan pembangunan ekonomi dan memusnahkan masyarakat.

*Anak nakal kena palu,*

*Teresak-esak tangisan;*

*Tamak menghilang malu,*

*Loba dapat kebiasaan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada rang undang-undang ini memang tebal sedikit kerana tidak ada masa saya tidak akan mengulasnya. Cuma saya akan mengakhiri ucapan saya dengan beberapa cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Saya mencadangkan supaya kerajaan mengadakan sistem negara yang menyeluruh untuk memerangi pengubahan wang haram ini. Sistem negara yang menyeluruh bagi mengesan dan mengatasi langkah-langkah canggih penjenayahan. Para penjenayah seumpama ini memang kaya raya belaka dan mempunyai alat-alat dan langkah-langkah yang canggih.

Kalau kita ada rang undang-undang yang bakal diluluskan mereka ada rang undang-undang sendiri untuk mengatasinya. Kerana dia mempunyai wang yang begitu banyak itulah masalah kita. Kerajaan haruslah mempunyai iltizam politik, *political will* untuk melibatkan semua pihak di dalam penguatkuasaannya seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, banyak tempat-tempat judi dan sebagainya. Berjenis-jenis dan kita mesti memberi perhatian yang cukup dan usaha hendaklah ditumpukan kepada latihan dan disiplin kakitangan, tidak payahlah kita adakah rang undang-undang ini kalau kita tidak ada para penguat kuasa yang cukup disiplin, yang cukup mahir untuk menangani masalah para penjenayah yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah mengenai pendidikan. Pendidikan untuk semua pihak, untuk sektor swasta bukan sahaja kita tumpukan kepada pendidikan dan latihan ini kepada kakitangan, bahkan juga kepada keseluruhan perkhidmatan awam dan sektor swasta. Kalau tidak kita tidak akan berjaya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam ada menyebutkan banyakkah FATF dan juga ada menyebutkan 16 akta yang lain yang dimasukkan di dalam rang undang-undang ini. Saya setuju dan tidak ada hendak menyangkalkan semua ini, melainkan cara dan kaedah untuk menguatkuasakan. Itulah semua yang kita timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini dan saya percaya rang undang-undang ini akan dibawa balik ke Dewan yang mulia untuk dipinda dari masa ke semasa. Kerana walaupun dilihat

cukup sekarang tetapi dengan para penjenayah yang lebih canggih, yang lebih mewujudkan langkah-langkah untuk mengatasi langkah-langkah kita ini, maka perlulah kita bawa rang undang-undang ini balik ke sini untuk dipindahkan, secocok dengan perkembangan para penjenayah bukan sahaja di negara ini bahkan juga di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun pernah beberapa tahun yang lepas lebih 10 tahun dah saya ingat, apabila kita bincangkan Labuan, Offshore Financial Center kita dan semasa kita bincangkan LOFSA saya pun ada menyebutkan money laundering dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab saya semua itu halal, sah dan melalui institusi-institusi bank-bank terkemuka di dunia. Seolah-olah apabila kita dapati bank-bank itu terkemuka di dunia wang-wang haram itu tidak boleh masuk ke dalam bank. Itu memang satu jawapan yang tidak tepat, tidak persist, tidak gitu, sebab itu saya menyeru sekali lagi supaya LOFSA ataupun Labuan kita dibersihkan daripada kegiatan wang haram ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, di situ ada orang ya, baiklah Yang Berhormat bagi Machang.

11.30 pagi.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ingin mengambil masa yang panjang membahaskan rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dapat menggubal satu undang-undang yang akan menyekat pengaliran wang haram ke negara kita ini tetapi dalam meneliti rang undang-undang ini, ada dua perkara yang saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian.

Yang pertama, masalah akaun bank. Saya lihat daripada Rang undang-undang ini tidak ada peruntukan untuk membekukan akaun. Ada peruntukan untuk membekukan *property*, harta, mungkin pihak yang mendrafkan ataupun membuat undang-undang ini memikirkan bahawa *property* ini termasuk juga ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Akta.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Akaun bank sebab dalam takrif *property* termasuklah *moveable*, *intangible* dan *tangible* tetapi saya rasa peruntukan ini apabila dilaksanakan mungkin mendapat masalah kerana ia mungkin bercanggah dengan Banking and Financial Institution Act.

Jadi saya rasa perlu sepatutnya dalam draf ini disebut *specifically* kepada peruntukan-peruntukan dalam Banking and Financial Institution Act, *to avoid any doubt*, untuk menghindarkan apa-apa syak supaya diadakan peruntukan yang mengatakan bahawa *certain provision* di dalam Banking and Financial Institution Act itu tidak dipakai dan sebagainya. Sepatutnya ada dalam Akta ini perkara-perkara yang seperti itu. Saya rasa *freezing of bank account* adalah satu perkara yang penting kalau kita hendak melaksanakan objektif-objektif akta ini.

Masalah yang kedua, saya melihat kepada *schedule*, jadual kepada rang undang-undang ini. Satu perkara yang amat ketara ialah tidak ada peruntukan yang membolehkan kerajaan *trap* ertinya menghambat, cakap orang Kelantan, menghambat ataupun mengejar wang-wang yang dibawa ke Malaysia ini daripada penjualan senjata-senjata haram. Ini satu perkara yang amat penting sebab saya takut wang daripada Mafiakah datang ke Malaysia, macam mana kita hendak *trap* macam mana kita hendak mengambil tindakan kerana dalam jadual ini tidak ada peruntukan langsung, peruntukan-peruntukan dalam *Arms Act* seperti Seksyen 11, seperti Seksyen 15 ataupun apa-apa peruntukan mengenai dengan *manufacturing of arms* membuat senjata secara haram, tidak ada lesen di negara luar dan kemudian wangnya dipindahkan ke negara kita. Bagaimana kita hendak *trace* sedangkan peruntukan itu tidak ada dalam jadual ini.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat ketara dan seharusnya difikirkan oleh pihak kerajaan. Jadi apabila saya melihat rang undang-undang ini, saya berfikir itulah tujuan kerajaan untuk melarang daripada gengster luar negeri, Mafia membawa masuk wang ke negara kita tetapi saya melihat itu adalah satu perkara yang amat

penting yang sepatutnya difikirkan kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan dalam *Arms Act* berhubungan dengan *importation and exportation of arms* sepatutnya ada, kemudian *manufacturing of arm* sepatutnya dalam rang undang-undang ini tetapi nampaknya ia tidak ada dalam jadual yang disebut oleh kerajaan ini.

Jadi saya tidak ingin mengambil masa yang panjang. Ini sahaja perkara yang saya hendak sebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat ya.

11.34 pagi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut terlibat dalam perbahasan Rang undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.

Sebenarnya rang undang-undang ini insya-Allah akan menjadi Akta beberapa hari lagi ini selepas diwartakan akan merupakan suatu langkah yang baik, yang diambil oleh kerajaan walaupun saya sepakat dengan kawan-kawan yang lain di pihak pembangkang yang berpendapat bahawa rang undang-undang ini telah berbelas-belas tahun terkebelakang berbanding dengan apa yang dilalui, bukan sahaja oleh negara-negara Barat yang menubuhkan *The Financial Action Task Force* tetapi dengan negara-negara timur seperti yang saya dapati contohnya Hong Kong, Singapura, The Gulf Cooperation Council di Timur Tengah yang sudah lama terlibat dengan negara-negara Barat ini dalam FATF ini.

Jadi penglibatan kita adalah terlewat. Walau bagaimanapun kita menyokong usaha ini kerana negara kita Tuan Yang di-Pertua, amat memerlukan sekali undang-undang seperti ini. Kita sebagaimana Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebut tadi mempunyai masalah wang dadah, masalah wang perjudian yang dianggap haram, yang dianggap halal, wang daripada perniagaan buruh manusia dan juga wang yang sepatutnya datang kepada Malaysia melalui IOFC di Labuan. Tambahan lagi status kewangan negara kita di mata dunia amatlah teruk sekarang ini kerana masalah-masalah kewangan yang kita lalui dan kerana arahan-arahan dan undang-undang seperti *capital control* dengan izin, dan sebagainya yang kita kenakan kepada pelabur-pelabur asing, menjadikan Malaysia ini tempat yang tidak disukai atau digunakan oleh pelabur-pelabur atau orang-orang yang berwang terutama sekali jika wang mereka bersih, mereka bimbang untuk datang ke sini kalau-kalau wang bersih mereka itu dianggap kotor kerana kedudukan kita sebelum rang undang-undang ini dibentangkan.

Sebagai maklumat umum, saya mendapati daripada penyelidikan yang kita buat, masalah wang haram atau *money laundering* ini adalah amat besar. Dalam tahun 1995, jangkaannya di seluruh dunia, wang haram ini bernilai antara USD300 bilion hingga USD500 bilion, itu dalam tahun 1995. Dalam tahun ini pula, dalam akhbar *The Star* semalam dicatatkan bahawa anggaran seluruh dunia, wang haram ini ialah USD1 trilion dan yang bimbangnyanya di Asia sahaja, dianggarkan lebih kurang USD200 bilion diputarakan, dipusingkan atau masuk ke rantau Asia Tenggara ini yang berbentuk wang haram, yang pengubahannya yang di *launder*, yang dibersihkan melalui sistem-sistem kewangan yang terdapat di Asia ini.

Jadi masalah ini adalah masalah yang amat besar dan oleh sebab itulah kita hendak supaya kerajaan dengan segera menjalankan undang-undang ini supaya ianya akan menjadi berkesan untuk membersihkan sekali lagi nama Malaysia di pandangan mata dunia.

Saya ingin juga merujuk kepada suatu laporan yang dikeluarkan oleh FATF ini iaitu yang bertajuk *Report On Money Laundering Typologies 2001-2001* yang saya akan sebut secara sepintas lalu menekankan bahawa dalam zaman yang moden ini, *money laundering* dengan izin, menjadi bertambah canggih dan bertambah menyulitkan untuk pihak berkuasa mengekorinya, *tracking* nya sebagaimana Yang Berhormat bagi Machang sebut tadi. Ini adalah kerana perkembangan-perkembangan dalam bidang sains dan teknologi seperti dalam bidang Internet dan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengannya seperti penggunaan *on line banking*, seperti amalan *on line* ataupun Internet Casino yang disebut oleh kawan saya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, juga berlaku dalam negara kita.

Jadi, tanpa melengahkan masa dan peluang yang ada kepada saya ini, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya memberikan tumpuan yang amat teliti

dan yang amat keras terhadap penggunaan kemudahan-kemudahan Internet, *on line banking* dan sebagainya yang mana kita tahu dahulunya pernah dilakukan bahawa orang-orang yang menerima rasuah itu sebenarnya tidak lagi atau diberikan wang tunai, hanya diberikan ATM kad atau *cash card* yang mana beliau boleh menggunakan atau *credit card* di negara dan di seluruh dunia dan inilah wang-wang haram yang dilakukan oleh orang-orang tertentu yang menyeluruh dalam negara kita.

Berkaitan dengan perjudian, dalam sejarah negara kita juga kita dengar bahawa sudah lama wang hadiah kemenangan loteri kebajikan masyarakat dahulunya ini biasanya digunakan oleh orang-orang untuk membersihkan wang mereka dengan membeli daripada pemenang-pemenang tulen loteri ini dan dengan itu menggunakan wang haram mereka untuk dibersihkan kononnya di atas kemenangan mereka dalam loteri-loteri seperti ini. Jadi ini saya fikir adalah pengajaran-pengajaran yang perlu kita ambil.

Satu lagi yang disebut dalam laporan ini yang penting untuk kita ambil perhatian ialah betapa menerusi bukan sahaja teknologi moden tetapi melalui ahli-ahli profesional tertentu seperti akauntan, peguam dan ahli-ahli profesional yang lainnya, pendaftar atau setiausaha syarikat, ahli-ahli profesional ini menggunakan atau mengambil kesempatan dengan memberikan perkhidmatan mereka sudah tentu dengan bayaran yang lebih tinggi daripada biasa untuk memudahkan orang-orang yang hendak mengubah wang haram mereka itu. Jadi saya ingin juga mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya mencari cara untuk mengawasi ahli-ahli profesional sama ada dalam bidang guaman atau dalam bidang perakaunan dan dalam bidang-bidang yang lainnya supaya orang-orang ini tidak menjadi tali barut kepada penjenayah yang ingin mengubah wang haram mereka.

Satu lagi perkara yang perlu kita sebut seperti yang disebut oleh kawan saya tadi ialah berkaitan dengan pelaksanaan atau penguatkuasaan sebagaimana kita lihat contoh-contoh yang disebut oleh kawan-kawan tadi. Penguatkuasaan di dalam negara kita di atas undang-undang yang lain biasanya adalah sangat menyedihkan kerana kurangnya penguatkuasaan itu. Kalau kita ambil misalnya rang undang-undang ini yang akan diluluskan ini, penguatkuasaan akan teruji dengan cepat sebabnya sekarang ini parti UMNO sudah mengesahkan enam orang terlibat dalam politik wang. Politik wang ini, wang haram, wang haram ini tertakluk di bawah rang undang-undang ini. Kalau kerajaan selepas diluluskan ini tidak ambil tindakan terhadap mereka ini, sudah tentu dunia akan mengetahui dan mengesahkan bahawa kita sekali lagi tidak serius ataupun selektif, memilih dalam kita mengenakan hukuman mengikut undang-undang....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Mohamad bin Sabu:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Eh, sayalah dahulu bangun.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Dia nampak saya dahulu, kejam lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Ketawa]

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat bagi Tumpat, apa dok cerita UMNO, UMNO ini? [Ketawa] Saya ingin bertanya, ini minta pihak Kementerian Kewangan dalam menjawab Yang Berhormat bagi Tumpat nanti, tolong dijelaskan sekali iaitu ura-ura yang disebut, dipercakapkan umum sekarang ini terutama di daerah Gombak dan di daerah sempadan Pahang iaitu ada rumours mengatakan bahawa untuk memelihara industri judi di Malaysia ini, maka Janda Baik dan sampai ke Genting Highlands akan dijadikan Wilayah Persekutuan sebab ada permintaan pihak tertentu iaitu kalau Pahang jatuh ke tangan BA, maka industri judi bermasalah. Jadi ini ada permintaan pihak-pihak tertentu dan telah keluar dalam majalah-majalah asing kemungkinan Genting Highlands akan dijadikan Wilayah Persekutuan sehingga ke Janda Baik untuk memelihara terus industri judi di Malaysia, minta soal dan minta Menteri Kewangan menafikan perkara itu nanti.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Persoalan yang dibawa dan penjelasan yang dipohon oleh sahabat saya daripada Kuala Kedah itu adalah amat besar aplikasinya sekali lagi kepada masa depan negara kita dan saya juga ingin memohon kepada Yang

Berhormat kementerian yang diwakili oleh Timbalan Menteri memberi penjelasan dalam penggulungan beliau nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup dah itu. 10 minit sahaja.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ok, saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap dalam peringkat Jawatankuasa, insya-Allah. Ok, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa dia sudah cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Tumpat sudah cukup, 10 minit, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ooh.. saya hendak minta penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Tumpat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, masa dia sudah cukup dan dia sudah duduk dah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Haaa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Sudah tidak boleh ya. Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

11.46 tgh.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara di bawah bidang rang undang-undang ini.

Saya akan memberi penjelasan dan maklum balas seberapa banyak yang boleh dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara spesifik. Di mana-mana yang tidak sempat diberi penjelasan, akan tetap diambil perhatian.

Pertamanya, mengenai isu wang yang terhasil melalui pengelakan daripada membayar cukai pendapatan. Berhubung dengan isu mereka yang membawa keluar wang yang terhasil daripada pengelakan daripada membayar cukai pendapatan daripada Malaysia dan selepas itu membawa balik ke dalam Malaysia, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Adalah dimaklumkan bahawa kesalahan cukai tidak termasuk sebagai kesalahan berat kerana hasil daripada kesalahan cukai bukanlah hasil yang telah diperolehi daripada sesuatu aktiviti jenayah. Ia adalah hasil perdagangan atau perniagaan yang sah dan oleh itu pada masa ini tidak patut dikategorikan sebagai pengubahan wang haram. Walau bagaimanapun, sekiranya wajar, menteri mempunyai kuasa melalui perintah untuk memasukkan kesalahan pengelakan cukai sebagai satu kesalahan berat di bawah Jadual kedua rang undang-undang ini.

Berhubung dengan isu pembiayaan wang yang disalurkan daripada pihak luar negeri ke dalam Malaysia, dengan tujuan untuk menumbangkan kerajaan, adalah dimaklumkan bahawa jika wang itu terhasil daripada aktiviti haram, segala urusan yang menggunakan wang itu akan tertakluk di bawah maksud pengubahan wang haram. Jika aktiviti itu merupakan satu kesalahan yang berat di satu negara asing, ia juga akan diambil kira sebagai kesalahan pengubahan wang haram. Namun begitu, jika penggunaan wang itu sendiri bukanlah aktiviti satu kesalahan berat dan haram, ia bukan merupakan satu kesalahan pengubahan wang haram kerana ia dikategorikan sebagai kesalahan mengganggu keamanan iaitu satu kesalahan yang berasingan.

Jadi, kita lihat daripada *source* ia. Kalau perniagaan itu halal, ada lesen dan sebagainya, dibawa lari cukai tetapi duit itu adalah daripada perniagaan yang telah diberi lesen. Apabila dibawa masuk dan dimasukkan kepada NGO dan sebagainya, itu tidak merupakan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, melalui FDI dan sebagainya, itu tidak merupakan wang haram. Kalau misal nya perjudian di kasino, di Amerika Syarikat misal nya, dia menang, duit itu dibawa dan kasino itu dilesenkan,

tidak merupakan wang haram tetapi, kalau tempat perjudian itu tidak dilesenkan, itu merupakan, jika dibawa masuk, merupakan wang haram.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang saya maksudkan ialah walaupun wang itu mungkin halal di negara yang berkenaan tetapi wang itu digunakan untuk membiayai perkara-perkara yang diharamkan di sisi undang-undang kita seperti hendak menjatuhkan kerajaan atau kerja-kerja subversif yang hendak merosakkan kerajaan. Jadi, saya mohon penjelasan tentang kategori apa wang ini?

Jadi, undang-undang mana yang boleh menyekat wang yang datang daripada luar negara untuk membiayai kerja haram kerana kerajaan kita inilah kerajaan yang sah, yang merdeka dan yang berdaulat. Jadi, kerja yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu menggunakan pembiayaan wang daripada luar, ini yang saya maksudkan. Jadi, wang itu, apa hukumnya dan bagaimana hendak menegahinya serta undang-undang mana yang boleh mencegah itu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih. Yang Berhormat, duit yang masuk daripada aktiviti-aktiviti yang dilesenkan misalnya, seperti yang saya katakan tadi, masuk ke mari melalui FDI. Ia bukan dikategorikan sebagai wang haram kerana *source* ia datangnya ialah melalui aktiviti-aktiviti yang dilesenkan tetapi, apabila dia masukkan ke NGO dan sebagainya, seperti Yang Berhormat katakan tadi bahawa dengan duit itu, dia akan pula menjatuhkan kerajaan, itu cerita lain dan itu ada akta lain dan sebagainya tetapi saya masih lagi berpegang insya-Allah, saya bagi sabda Nabi Muhammad S.A.W. [*Membaca sepotong hadis*] Yang bermaksud, cintakan negara itu, setengah daripada iman.

Berhubung dengan.....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [*Bangun*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan.

Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan kedudukan wang sama ada halal atau haram. Misalnya, audit pada tahun 2000 iaitu tahun yang lalu, Petronas telah membuat keuntungan RM21 bilion dan 60% daripada keuntungan tersebut ialah daripada Terengganu. Berdasarkan perjanjian antara Petronas dengan Kerajaan Negeri Terengganu, maka 5% akan diberikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan 5% itu lebih kurang dalam RM1.3 bilion. Bagaimana kedudukan wang yang daripada Terengganu itu yang tidak dipulangkan balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan ada yang mengatakan di Terengganu bahawa jika royalti minyak itu tidak diberi balik kepada Kerajaan Negeri tetapi diberi kepada penduduk-penduduk tempatan, ia merupakan wang haram. Saya tidak mahu masuk dalam kategori itu.

Isu skim cepat kaya, berhubung dengan isu semasa sama ada wang hasil daripada skim cepat kaya dan pengambilan deposit haram yang lain, yang termasuk sebagai satu kesalahan pengubahan wang haram, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Dato, adalah dimaklumkan bahawa terdapat peruntukan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 iaitu Seksyen 25 yang menjadikan pengambilan deposit secara haram sebagai satu kesalahan.

Kesalahan ini juga merupakan satu kesalahan berat di bawah Butiran 10, Jadual Kedua rang undang-undang ini yang mana apa-apa urusan dengan wang deposit yang diterima secara haram itu adalah satu kesalahan pengubahan wang haram.

Isu tindakan yang diambil terhadap aktiviti yang salah seperti rasuah dan perjudian haram, berhubung dengan isu ini, tindakan yang patut diambil ke atas kelakuan seperti rasuah dan perjudian haram sama ada di dalam atau di luar negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, adalah dimaklumkan bahawa perjudian dan rasuah memang merupakan kesalahan

berat yang mana hasil daripadanya adalah pengubahan wang haram di bawah rang undang-undang ini.

Kesalahan berat asing iaitu kesalahan terhadap undang-undang satu negara asing yang terdiri daripada atau termasuk perbuatan atau aktiviti yang sekiranya ia berlaku di Malaysia, akan merupakan satu kesalahan berat, juga adalah aktiviti-aktiviti yang mana hasil daripadanya adalah wang haram. Oleh itu, tindakan boleh diambil di bawah rang undang-undang ini ke atas mana-mana orang yang berurus niaga dengan wang hasil daripada kesalahan-kesalahan tersebut sama ada kesalahan tersebut dilakukan di luar negeri ataupun di dalam negeri. Walau bagaimanapun.....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemaman bangun.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang dipersoalkan ialah kegiatan judi, tempat-tempat judi yang dibenarkan oleh kerajaan asing untuk syarikat-syarikat daripada Malaysia beroperasi. Jadi, sumber daripada perolehan ini sama ada diclassified sebagai haram ataupun halal? Itu sahaja. [Ketawa].

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan daripada segi definisi Perlembagaan Negara ataupun peruntukan dengan agama kita, di sini ada kecelaruan yang timbul. Ini yang saya katakan, saya akan masuk dalam bab itu. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan perjudian dilakukan di dalam atau di luar negara, jika perjudian itu ialah perjudian yang sah daripada segi undang-undang yang berlesen iaitu dijalankan.....

**Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor:** [Bangun] [Mengetuk Mikrofon]

**Tuan Yang di-Pertua:** Machang bangun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Walau bagaimanapun, berkaitan dengan perjudian yang dilakukan di dalam atau di luar negara, jika perjudian itu ialah perjudian yang diberi lesen, yang disahkan daripada segi undang-undang iaitu dijalankan dengan lesen menurut undang-undang kita ataupun luar negara, ia tidak merupakan aktiviti yang mana hasilnya adalah wang haram.

Semalam, Yang Berhormat bagi Kemaman membangkitkan, suruh saya pula minta diberi fatwa. Masalah fatwa ini bukan masalah main-main kerana masalah fatwa ini selalunya dikeluarkan oleh Majlis Fatwa, bukannya orang lain yang memberikan pandangan dan pendapat, dikatakan fatwa.

Kalau kita lihat Surah Al-Ma'idah ayat 90 [Membaca sepotong ayat Al-Quran] yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak, judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor dan keji dan perbuatan syaitan, oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya." Ini bab agama, yang ada dalam Al-Quran. Jadi, fatwa tidak payah dikeluarkan kerana sudah ada dalam Al-Quran. Jadi, saya berharap jangan dikelirukan dengan amanatkah, fatwakah, pendapat. Fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh Majlis Fatwa sendiri.

Isu PERWAJA dan bon PUNB USD5 bilion.....

**Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor:** [Bangun]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [Bangun]

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Nanti dahulu..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tiga orang bangun Yang Berhormat, hendak bagi dekat siapa?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tidak bagi dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bagi lagi? Hmmm.....tidak bagi.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Berhubung dengan kes PERWAJA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman dan juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, adalah dimaklumkan bahawa penyiasatan ke atas kes

tersebut masih menunggu keputusan dan patut dibiarkan kepada pihak berkuasa berkenaan dengannya. Ini pun telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjung Karang tadi.. Lagipun menurut *maxim* undang-undang adalah lebih baik melepaskan orang-orang yang bersalah daripada memenjarakan orang yang tidak bersalah, namun itu jika terdapat keraguan atau kesukaran dalam membuktikan kes-kes seseorang itu, kita tidak harus menganggap sesuatu pihak itu bersalah.

Sekarang, kata Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, 90% telah pun diperolehi, tinggal 5% dan peratusnya agak sulit sedikit, jadi akan mengambil masa yang agak lama. Tentang.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi atau tidak ? Ada dua orang bangun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tentang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tidak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tentang kita punya yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan juga Yang Berhormat bagi Kemaman berkaitan dengan bon PUNB ini sebanyak USD5 bilion, oleh kerana secara tidak sah yang telah dikeluarkan oleh pegawai-pegawai PUNB yang tertentu, dan Pengarah PUNB telah menggantung perkhidmatan pegawai-pegawai yang terlibat. Di samping itu, perkara ini adalah dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah. Oleh yang demikian, tindakan selanjutnya akan dapat ditentukan selepas pihak BPR selesai menjalankan penyiasatan terhadap masalah berkenaan.

Jadi, saya harapkan nanti Yang Berhormat *slow* sedikit, bagi penyiasatan dibuat. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu di sini bahawa tindakan telah juga diambil oleh pengurusan pihak PUNB itu sendiri secara dalaman. Pertamanya, menggantung kerja ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan, berkuat kuasa serta merta bertujuan penyiasatan secara terperinci dapat dijalankan. Yang kedua, pelantikan Peguambela dan Peguamcara untuk menjalankan siasatan dalaman dan di samping menganalisis dan menentukan kesan undang-undang dan juga kewangan yang melibatkan PUNB itu dan membuat laporan kepada polis berkenaan dengan perkara di atas sebagai langkah untuk tidak melibatkan .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak ?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Nanti dahulu, biar saya habiskan PUNB dahulu.

Berasaskan kepada laporan tersebut, maka langkah-langkah telah pun dijalankan dalam penyiasatan dalaman ke atas perkara ini dan juga seperti mana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun dalam perbahasan hari itu bahawa PUNB telah pun memaparkan satu notis - *disclaimer notice* mengenai pengeluaran bon PUNB yang bernilai USD5 bilion tersebut tanpa kelulusan di akhbar edaran antarabangsa. Jadi, bersabarlah dahulu supaya perkara-perkara ini dapat dilakukan. Kita tidak mahu mengambil perkara-perkara yang tergesa-gesa kerana kita rasakan keadilan itu amat penting kepada seseorang itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah semalam iaitu Atlantic Marketing Sendirian Berhad kini berdaftar di luar negara tetapi beroperasi di Malaysia. Saya ingin tahu, adakah syarikat ini bayar cukai perjudian dan adakah operasinya telah dilesenkan dan adakah premis yang telah saya sebut tadi berjalan mengikut undang-undang? Kalau boleh Dato' sudah ingat tadi, Atlantic Marketing Sendirian Berhad yang dipunyai oleh seorang Datuk, adik kepada Tan Sri Datuk Vincent Tan dan telah saya sebut nama-nama premisnya tadi. Adakah syarikat ini melaksanakan perjudian ini mengikut



undang-undang dan adakah Kementerian Kewangan sedar akan kewujudan syarikat tersebut.

Yang kedua ialah, adakah Kementerian Kewangan sedar bahawa premis perjudian ini digunakan sebagai satu proses bagi *money laundering* dan kenapa tidak dimasukkan dalam rang undang-undang kita ini, pusat-pusat perjudian juga sebagai satu saluran kepada proses ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Sebagaimana yang telah diperkatakan tempoh hari bahawa perjudian melalui ICT adalah merupakan satu perkara yang bersalahan daripada segi undang-undang. Jadi, terima kasihlah di atas pandangan dan *findings* itu dan kita akan membuat susulan tentang tindakan yang berkenaan.

Isu lindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat. Ini banyak diperkatakan. Semalam pun, saya rasakan banyak bil-bil yang telah diluluskan yang membangkitkan mengenai isu perlindungan yang diberi kepada pemberi maklumat ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Berhubung dengan isu perlindungan yang akan diberi kepada pemberi maklumat adalah dimaklumkan bahawa rang undang-undang memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menzahirkan maklumat dengan membuat laporan di bawah rang undang-undang ini ialah terlindung daripada prosiding sivil, jenayah atau tatatertib melainkan jika penzahiran maklumat dilakukan dengan niat yang jahat.

Terdapat juga peruntukan yang melarang seseorang daripada membuat penzahiran apa-apa maklumat yang boleh menjejaskan penyiasatan seperti memberitahu seseorang bahawa laporan telah dibuat di atas aktiviti yang dijalankan. Selain daripada itu, rang undang-undang ini juga memberi tanggung rugi kepada mana-mana orang yang bertindak menurut undang-undang dalam mematuhi mana-mana arahan atau perintah yang diberi oleh pihak berkuasa berwajib atau agensi penguat kuasa yang berkaitan.

Isu tindakan yang diambil di bawah rang undang-undang ini ialah....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** ...berhubung dengan isu mengenai tindakan yang akan diambil....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tidak, nanti dahulu, saya habiskan ini.

Berhubung dengan isu mengenai tindakan yang akan diambil ke atas seseorang yang berpangkat dan berwang jika dia melakukan kesalahan yang besar, sedangkan selalunya orang yang tidak melakukan kesalahan yang besar kerap didapati bersalah adalah dimaklumkan bahawa memandangkan kesalahan pengubahan wang haram terjadi apabila satu urusan dibuat oleh seseorang ke atas wang yang terhasil daripada satu kesalahan berat atau aktiviti haram, orang yang berpangkat itu juga tetap akan dibawa ke muka pengadilan dan jika terbukti dia melakukan kesalahan pengubahan wang haram, penalti yang terdapat dalam rang undang-undang ini akan terpakai ke atasnya.

Saya anggapkan banyak sangat yang hendak saya jawab dan kita ada bil Kementerian Kewangan terlalu banyak lagi – 14, 15, 16, 17 mesti dihabiskan hari ini, saya harap mendapat kerjasama daripada Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Petua dan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Mungkin saya rasa perlu kita mendapat penjelasan yang spesifik bagi kes yang spesifik kerana istilah wang haram ini agak kabur, mungkin di kalangan pegawai-pegawai pun masih tidak *clear* tentang jenis-jenis wang haram. Jadi, untuk spesifik...

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Kalau Yang Berhormat kabur, cakap kabur, jangan babitkan....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Okay sekarang hendak tanya spesifik, kategori spesifik. Sekarang ini kita tanya, umpamanya Kumpulan Genting, ia beli *cruise liner*. *Cruise liner* ini *purpose* dia lebih kepada perjudian. Apabila sampai kepada *international water*, maka kasino dibuka. Jadi, maknanya mana-mana wang yang diperoleh daripada keuntungan dan sebagainya daripada perjudian di atas *cruise liner* itu, adakah ditakrif sebagai wang haram daripada sudut undang-undang negara ataupun boleh dikira sebagai wang yang tidak haram daripada sudut undang-undang negara? Spesifik kita kira, kes spesifik.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Saya rasa terima kasih kepada Yang Berhormat yagn telah pun menjelaskan juga bahawa perjudian itu dibuat di atas perairan antarabangsa (*international water*). Jadi di situ kita punya akta tidak mencakupi. Kalau misalnya, satu lagi yang kita katakan tadi bahawa perjudian itu dilesenkan, ia itu okay. Kalau tidak dilesenkan, ia itu tidak okay. Jadi, jangan kita keliru tentang perkara ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dato'.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Berhubung dengan isu mengenai tindakan yang diambil....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mohon penjelasan sedikit. Saya bimbang soal wang halal haram ini disalahertikan dan diputarakan sehingga seolah-olah kerajaan kita menghalalkan wang yang haram. Perbahasan halal haram dari segi Islam ini jelas – yang halal tetap halal, yang haram tetap haram. Dari segi wang perolehan kerajaan, kita boleh berbahas lebih panjang ini kerana sebagai sebuah kerajaan, ia mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu di mana seluruh hasil yang dimasukkan kepada Perbendaharaan Kerajaan, ia sudah menjadi halal.

Kita bukalah kitab-kitab dalam Islam, bagaimana pemerintah menjalankan hukum-hakam yang tidak bertentangan dengan Islam. Jadi, soal tuduhan ini mungkin akan jadi modal PASlah – kerajaan menghalalkan judi dan sebagainya, yang akan disempitkan tetapi kalau kita hendak berbahas secara panjang lebar sebenarnya, perkara ini luas yang merujuk berbagai-bagai yang boleh kita ambil sebagai panduan.

Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa jawapan Yang Berhormat itu kami fahamlah tetapi kadang-kadang setengah orang buat-buat tidak faham kerana ingin orang lain pun tidak faham. Bila orang lain tidak faham, mereka akan dapat keuntungan politik.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat, saya pun tidak hendak masuk kepada fikah ini, panjang ceritanya nanti.

Tentang isu keahlian FATF. Berhubung dengan isu keahlian Malaysia dalam pasukan petugas khas tindakan kewangan bagi membanteras pengubahan wang haram (FATF) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu adalah dimaklumkan bahawa penyertaan sebuah negara ke FATF adalah secara jemputan sahaja. Walau bagaimanapun, Malaysia telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat FATF selaku Pengerusi bersama atau *co-chair*, Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) dan selain daripada itu, pihak kerajaan juga sedang mengambil langkah untuk menjadi ahli FATF.

Kriteria-kriteria minimum bagi kemasukan adalah seperti berikut:

- (i) hendaklah terlibat sepenuhnya pada peringkat politik bagi melaksanakan syor-syor 1996 dan tempoh yang sesuai tiga tahun bagi menjalani latihan penilaian sendiri tahunan dan dua pusingan penilaian bersama;
- (ii) hendaklah menjadi ahli penuh serta aktif dalam badan *regional* ala FATF jika telah sedia wujud atau bersedia untuk bekerjasama dengan FATF atau malah menerajui penubuhan badan berkenaan jika ianya belum diwujudkan lagi;
- (iii) hendaklah menjadi sebuah negara yang penting secara strategiknya;

- (iv) telah menjadikan pengubahan hasil daripada pengedaran dadah dan lain-lain kesalahan berat sebagai satu kesalahan; dan
- (v) telah menjadi obligasi mengenal pasti pelanggan dan melaporkan sebarang transaksi yang mencurigakan atau luar biasa oleh satu institusi pelapor sebagai sesuatu yang mandatori.

Sewajarnya anggota baru yang berpotensi hendaklah berada di kawasan di mana FATF tidak diwakili secara signifikan untuk memastikan semua keadaan geografi yang seimbang diwakili.

Isu 40 syor FATF berhubung dengan soalan yang sama oleh Yang Berhormat bagi Batu, Malaysia telah memenuhi kesemua 40 syor FATF. Adalah dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini memenuhi piawaian antarabangsa tetapi masih terdapat beberapa daripada 40 syor itu hanya boleh dipenuhi dengan penggubalan undang-undang yang merangkumi bidang bantuan bersama di antara negara yang dikendalikan oleh Kementerian Undang-undang serta Peguam Negara.

Isu latihan bagi kakitangan institusi pelapor yang telah banyak dibangkitkan tentang tarbiah ini oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupa dan yang lain-lainnya. Berhubung dengan penerangan yang diminta mengenai latihan kakitangan yang berkenaan di bawah rang undang-undang ini, adalah dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang mewajibkan institusi-institusi pelapor mengadakan latihan yang perlu dan wajar bagi kakitangannya.

Jabatan-jabatan kerajaan yang lain yang memainkan peranan di bawah rang undang-undang ini juga akan diberi latihan secukupnya bagi memahirkan diri untuk mengenal pasti dan menangani kesalahan pengubahan wang haram itu.

Isu pesalah lazim (*habitual offenders*) yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupa, adalah dimaklumkan kesalahan pengubahan wang haram meliputi segala aktiviti atau urusan yang melibatkan kesalahan berat yang menghasilkan wang haram. Oleh itu, rang undang-undang ini terpakai ke atas mana-mana pesalah lazim jika mereka terlibat dalam aktiviti yang merangkumi ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** ....kesalahan-kesalahan berat menurut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** ....Jadual Kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut bangun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya pasal wang haram ini, tentang kutipan derma yang tidak dapat kebenaran. Yang dapat kebenaran kita tahu memang dibenarkan, yang tidak dibenarkan, yang kadang-kadang kutip dan buat projek yang besar-besar. Jadi, ini pun memerlukan kepastian. Kita tahu ada parti pembangkang mengutip derma dalam ceramah-ceramah. Adakah ini juga merupakan wang haram [Disampuk] Supaya perkara ini dapat diperjelas. Ini pun mustahak. Ini isu yang besar. [Disampuk] Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sesebuah institusi katakan, kalau hendak memohon membuat bangunan melalui kutipan derma, dia terpaksa membuat permohonan berkenaan kepada Kementerian Kewangan dan kita ada jawatankuasa di bawah Artikel 44(6), kita boleh meluluskannya, rumah ibadat dan sebagainya.

Kalau kita lihat tadi, kita tengok kepada *source* nya, *source* yang dikatakan tadi hak mula itu, kalau misalnya dibenarkan, maka dibenarkan. Kalau misalnya *source* nya diharamkan, ia tidak dibenarkan, maka ia tidak dibenarkan.

So, dalam kes PAS ini, apabila mereka mengutip derma, ada yang sebelah sana kata *fisabilillah* [Disampuk] [Ketawa] ada yang mengatakan sedekah tetapi ini

saya rasakan *wa'malu binniat* [Disampuk] Kita balik ke situ sahaja. Segala perbuatan kita bergantung kepada niat. Kalau misalnya ada sesuatu badan yang memberi kepada Barisan Nasional, dia katakan rasuah tetapi ada satu badan memberi kepada pihak pembangkang, katanya sedekah tetapi saya kata *wa'malu binniat* lah. Itu lebih senang kita membicarakan tentang perkara ini.

Oleh itu, rang undang-undang ini...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Penjelasan sedikit Dato'. Derma yang dijalankan dalam ceramah-ceramah PAS itu tidak pernah dapat kebenaran daripada kementerian dan dikatakan ini derma jihad, ini antara....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .... cara hendak supaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...para penonton dan pendengar supaya dapat membanyakkan...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...derma. Jadi, menggunakan perkataan jihad.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Maknanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...ungkapkan jihad ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading ada Peraturan Mesyuarat. [Ketawa]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kita hendak jimat masa, saya pun kalau hendak tanya benda macam ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa Peraturan Mesyuarat, mana satu?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jadi, ini tidak berkaitan dengan rang undang-undang yang kita bincangkan.

**Beberapa Ahli:** 36(1).

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya?

**Beberapa Ahli:** 36(1).

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak pohon penjelasan berkenaan duit haram dan halal ini

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Peraturan Mesyuarat 36(1).

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Astaghfirullahal'azim*. [Ketawa]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham, saya faham.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...yang membina Akta, hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berkaitan lah ini...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...dan hal-hal...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...halal haram.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...yang tidak melibatkan Akta Induk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita minta...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Apa yang dia cakap, tidak terlibat langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jeli, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak ada kaitan. Saya memanjangkan...

**Seorang Ahli:** Ikut Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Dia kena duduk dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...soalan daripada Yang Berhormat bagi Larut.

**Seorang Ahli:** Duduk dahulu!

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya baca Peraturan Mesyuarat, dia kena duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kenapa, kenapa...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya sudah...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ...PAS ini sudah panas telinga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Datuk, saya...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Mana ada kena-mengena...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut, mana satu Peraturan Mesyuarat?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jeli itu tidak ada kena-mengena. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukuplah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, minta Datuk Speaker tegur sedikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sama-sama, sama-sama. *[Ketawa]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dia orang ini sudah panas telinga ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila teruskan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebab saya tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ...wang kutipan derma yang tidak diaudit. Maknanya ini adalah juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ...kutipan secara haram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, kalau PAS terasa, makan cili rasa pedas, nasiblah. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut! Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, saya mohon penjelasan kerana wang ini tidak dapat kebenaran daripada pihak kementerian. Maknanya menjalankan kutipan wang secara haram dan lagi satu yang mengelolakan ini, menggunakan satu ungkapan bahawa ini adalah derma jihad. Sebenarnya bukanlah kerana untuk jihad tetapi kerana hendak memperdayakan pendengar yang mendengar ceramah PAS itu supaya menderma lebih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, *'innama wa'malu binniat'* yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Niat orang yang menderma tidak pergi ke...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...kantung, sebenarnya untuk jihad tetapi tidak dibuat untuk jihad. Jadi, maknanya, pemimpin-pemimpin PAS ataupun penceramah-penceramah PAS makan duit haram kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...lain daripada tujuan asal....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** 36(6)

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...orang menderma. Minta penjelasan sedikit.

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, ada peraturan lagi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain. Tadi sangkaan jahat diberi.... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, baik, baik. Ini Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak ada keluaran sangkaan jahat. Siapa orangnya?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Datuk Speaker, ini Peraturan Mesyuarat apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini bukan dikata kepada Ahli.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sri Gading tidak jahat, Sri Gading baik. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak ada niat jahat. [Disampuk]

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pergi kepada makam yang tinggi lagi. [Ketawa] Itu pasal saya katakan *'innamalmukminu waa'malubinniat'* tadi tetapi eloknya [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Bahawa kalau saya mintalah Ahli Yang Berhormat malam ini malam Jumaat, esok pun hari Jumaat, kita bacalah banyak-banyak surah Al-Fujarat, di situ banyak

menggambarkan bagaimana interaksi kita sesama kita, interaksi kita '*hablumminallah, hablumminannas*' ini. Jadi, kalau kita pergi ke situ, saya rasakan lebih mesra lagi ya, insya-Allah.

Oleh itu rang undang-undang ini terpakai kepada mana-mana pesalah lazim yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupa tadi jika mereka terlibat dalam aktiviti yang merangkumi kesalahan-kesalahan berat menurut Jadual Kedua. Terdapat dua kesalahan di bawah Jadual Kedua yang melibatkan pesalah lazim iaitu kesalahan perniagaan hamba abdi secara lazim, Butiran 34 dan kesalahan berniaga harta curi secara lazim, Butiran 103.

Isu urus niaga *cross border* yang mungkin ada melibatkan wang haram. Berhubung dengan...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** ...isu ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut bangun. Hendak beri laluanakah?

**Beberapa Ahli:** Tidak payahlah.

**Raja Dato' Ahmad Zainudin bin Raja Haji Omar:** Sikit lagi. Ini tidak ada kena-mengena dengan PASlah. Satu lagi, Yang Berhormat, saya tidak tahulah sama ada ini wang peras ugut ataupun bukan. Ada yang buat kutipan di atas perniagaan-perniagaan yang tidak berlesen ini. Dia round, dia kenal pasti orang-orang tertentu untuk mengambil 'ufti'kah apa orang kata. Adakah ini juga ....

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak payah gunakan perkataan itu.

**Raja Dato' Ahmad Zainudin bin Raja Haji Omar:** Adakah ini juga merupakan wang haram yang dia orang kutip di atas sesuatu perusahaan, perniagaan yang tidak berlesen. Adakah ini juga merupakan wang haram. Saya tidak tahulah sama ada ini merupakan wang perlindungan ataupun sebagai peras ugut. Ini berlaku. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Sudah ada dalam ini.

**Raja Dato' Ahmad Zainudin bin Raja Haji Omar:** Saya minta penjelasan. Kalau kita tidak faham kita bertanya. Termasuk macam derma tadi terang-terang kutip derma tidak diaudit. Ini merupakan wang haram. Ini pendapat saya. Jadi penjelasan daripada Yang Berhormat, biar sana faham sikit.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat, saya katakan tadi kalau misalnya itu dikatakan rasuah, rasuah ialah wang haram. Kalau itu dikatakan peras ugut dia ada akta lain yang bersangkutan dengan perkara itu. Jadi saya katakan bahawa perkara itu ialah tidak baik dari segi undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada banyak lagikah?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau banyak saya cadangkan kita jimatkan masa jugalah. Ini penjelasan kalau tidak mustahak tidak payah layanlah. Tidak perlu, tidak payahlah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ini mengenai isu urus niaga *cross border* yang mungkin melibatkan wang haram berhubung dengan penguatkuasaan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 ke atas urus niaga *cross border* yang dijalankan oleh warganegara Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupa dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, telah dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini membolehkan pihak berkuasa berwibawa menyampaikan maklumat kepada pihak berkuasa yang berkenaan satu negara lain jika terdapat satu perkiraan antara negara itu dan terdapat akuanjanji yang mencukupi bahawa kerahsiaan maklumat itu akan terpelihara.

Berhubung isu urus niaga *cross border* yang dijalankan oleh warganegara asing serta isu perjanjian dua pihak (*bilateral treaty*) yang sedia ada untuk membolehkan tindakan diambil terhadap orang asing, adalah dimaklumkan bahawa hal-hal yang memerlukan bantuan bersama dari negara lain perlu ditangani dengan undang-undang yang khusus untuk perkara bantuan bersama. Pada masa ini sudah terdapat beberapa buah perjanjian dan memorandum persefahaman dengan negara lain untuk bantuan bersama untuk kesalahan yang melibatkan dadah tetapi ia tidak menangani perkara ini secara menyeluruhnya.

Rang undang-undang ini memenuhi kebanyakan piawaian antarabangsa tetapi masih terdapat daripada 40 syor pasukan petugas tindakan kewangan bagi membanteras pengubahan wang haram (FATF) terutamanya piawaian yang menangani isu bantuan bersama di antara negara yang hanya boleh dipenuhi dan tergubalnya undang-undang yang merangkumi bidang bantuan bersama di antara negara yang dikendalikan oleh Kementerian Undang-Undang serta Peguam Negara. Kerajaan sedang dalam proses menggubal undang-undang mengenai bantuan bersama di antara negara dalam perkara jenayah. Undang-undang ini akan memperuntukkan tatacara bagaimana Malaysia boleh bekerjasama dengan negara-negara asing di dalam perkara jenayah termasuklah pengemukaan saksi-saksi dan dokumen daripada luar negara di dalam suatu kes jenayah yang sedang disiasat itu.

Berkenaan dengan ektradisi, ini adalah ditangani oleh Akta Ektradisi 1992 yang menjadikan kesalahan yang dikenakan dengan hukuman penjara satu tahun atau lebih sebagai kesalahan yang boleh diekstradisikan.

Isu ketersediaan penyiasat dan lain-lain kakitangan untuk penguatkuasaan undang-undang, perkara ini perlulah untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan adalah dimaklumkan bahawa kuasa-kuasa penyiasatan di bawah rang undang-undang ini boleh dipakai oleh sesiapa yang merupakan agensi penguat kuasa kerana takrif ini merangkumi mana-mana badan atau agensi yang bertanggungjawab di Malaysia bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubung dengan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan mana-mana kesalahan berat.

Oleh itu, agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Badan Pencegahan Rasuah di antara lain boleh menggunakan kuasa-kuasa penyiasatan yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Latihan yang khusus yang difikirkan perlu bagi agensi-agensi ini akan diperolehi sebaik sahaja undang-undang ini berkuat kuasa.

Isu mengenai peranan yang dimainkan oleh hakim dan Pendakwa Raya. Berhubung dengan isu perlunya hakim dan Pendakwa Raya yang khas untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini, adalah dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini adalah undang-undang Persekutuan dan maka itu adalah sama taraf dengan undang-undang yang menangani jenayah serius yang lain yang sudah pun diwujudkan.

Oleh itu, mahkamah yang sedia ada sudah pun memiliki kemahiran yang perlu untuk memastikan bahawa rang undang-undang ini dikuatkuasakan dengan penuh berkesan. Lagipun, peruntukan mengenai perlucutan hak penyiasat, penyitaan, penyiasatan dan hal-hal yang berkaitan di bawah rang undang-undang ini adalah selaras dengan undang-undang yang lain mengenai jenayah seperti Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 dan Akta Pencegahan Rasuah 1997. Walau bagaimanapun, latihan khusus yang difikirkan perlu akan diberi kepada mereka yang memerlukannyanya sebaik sahaja undang-undang ini berkuat kuasa seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan kuasa untuk membuat permohonan bagi perintah perlucuthakan yang terhad kepada Pendakwa Raya dan bukanlah terbuka kepada orang awam, adalah dimaklumkan bahawa kuasa membuat permohonan perlucuthakan di bawah rang undang-undang adalah lanjutan kepada kuasa-kuasa penyiasatan, penyitaan dan pembekuan yang diberikan kepada Pendakwa Raya dan tambahan pula mengikut prosedur yang diterima Pendakwa Raya adalah pihak yang wajar dalam kuasa ini.

Isu pembelian dengan suci hati atau yang dikatakan *bona fide* tadi, berhubung dengan isu tuntutan yang boleh dibuat oleh pembeli dengan suci hati, hak-hak pembeli dengan suci hati dan orang-orang lain yang boleh menunjukkan kepentingan sah



mereka dalam satu harta itu adalah terpelihara di bawah rang undang-undang ini yang membolehkan mereka yang mempunyai hak yang sah dalam harta yang akan dilucuthakkan untuk menyatakan sebab-sebab mengapa harta mereka tidak boleh dilucutkan. Sama ada pegawai yang diberi kuasa akan mengemukakannya menurut *rule of law*, jadi setiap penggunaan kuasa yang diberi di bawah rang undang-undang ini akan tertakluk kepada *rule of law* yang sedia ada dalam sistem perundangan kita di Malaysia.

Isu sama ada taraf kemahiran dan kepakaran serta infrastruktur di Malaysia sudah mencukupi dan Malaysia bukanlah berada dalam keadaan di mana kita ini langsung tidak bersedia untuk menjalankan penyiasatan dan penyeliaan yang wajar untuk membanteras pengubahan wang haram ini.

Yang Berhormat bagi Batang Lutar juga menyatakan mengenai fokus penyiasatan agensi penguat kuasa adalah berlainan dan mereka perlu dilatih. Ini juga satu cadangan yang baik oleh kerana masa sekarang masa yang canggih, menggunakan komputer dan sebagainya, kita akan melatih pegawai-pegawai kita apabila infrastruktur ini diluluskan.

Penyelarasan koordinasi di antara agensi penguat kuasa Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan Untuk Membanteras Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee To Counter Money Laundering) (NCC) telah pun ditubuhkan pada April 2000 dan Jawatankuasa ini terdiri daripada 13 buah agensi dan kementerian termasuklah pihak polis, Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan lain-lain lagi. Rang undang-undang ini telah digubal setelah berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan. Oleh itu ia merupakan hasil daripada kerjasama agensi-agensi tersebut.

Penggunaan rang undang-undang ini yang serupa di rantau ini agar diimplementasikan terutama dibangkitkan oleh Batang Lutar supaya negara-negara Asean dapat menyelaraskan perkara ini, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand, Australia, New Zealand telah pun mempunyai akta pengubahan wang haram ini seperti apa yang dikatakan oleh Tumpat. Penggubalan rang undang-undang ini tidak mengambil kira peruntukan-peruntukan yang sama untuk melicinkan lagi kuat kuasa rang undang-undang ini di rantau ini sebagai ahli Asia Pacific Group On Money Laundering (APG), Malaysia melalui forum yang selalu diadakan kita akan dapat pengalaman, kemahiran dan seterusnya akan dapat kerjasama di antara satu sama lain supaya objektif yang sama untuk membanteras pengubahan wang haram itu dapat diatasi.

Pemindahan wang secara elektronik ke pengurusan wang dan sebagainya, aktiviti menjalankan sistem pemindahan wang serta aktiviti pengurusan wang termasuk di bawah Jadual Pertama rang undang-undang iaitu institusi yang menjadi institusi pelapor yang dikenakan obligasi pelaporan di bawah rang undang-undang ini. Maka itu urusan niaga-urus niaga yang dikaitkan oleh orang-orang yang menjalankan aktiviti ini akan diperhatikan dengan teliti untuk mencegah salah guna pemiagaan mereka untuk pengubahan wang haram ini.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menanyakan sama ada aktiviti boleh diluaskan untuk merangkumi perjudian wang haram. Seperti yang telah saya terangkan tadi bahawa perjudian haram adalah termasuk di dalam Jadual Kedua sebagai kesalahan berat iaitu dalam butiran 11 hingga 14 yang memperuntukkan bagi Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Rumah Perjudian 1953. Dengan itu segala wang yang terhasil daripada kegiatan perjudian haram akan dilucuthakkan di bawah rang undang-undang ini.

Mengenai penggunaan kelab perjudian dan kasino sebagai tempat menjalankan 'link' yang dikatakan tadi, di bawah rang undang-undang ini Menteri mempunyai kuasa untuk memasuki satu-satu jenis kegiatan dan pelbagai kegiatan yang mana siapa yang menjalankannya adalah institusi pelapor di bawah rang undang-undang ini dan aktiviti-aktiviti akan diperhatikan dan ia akan dikenakan dengan obligasi pelapor walaupun pada masa ini institusi perjudian belum lagi ditakrifkan sebagai institusi pelapor.

Sama ada rang undang-undang ini merangkumi pusat kewangan luar pesisir Labuan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang Persekutuan yang terpakai kepada seluruh

Malaysia termasuklah Labuan memandangkan rang undang-undang ini diterima pakai kepada keseluruhan Malaysia dan tidak perlu ada rang undang-undang lain bagi Labuan khususnya.

Satu lagi concern Kubang Kerian ialah mengenai kegagalan menangkap setengah penjenayah dalam penyeludupan dadah, penerimaan atau pemberian rasuah. Rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang memberi kuasa complementary kepada pihak polis atau Badan Pencegah Rasuah iaitu ia boleh digunakan seiring dan bersama dengan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 dan Akta Pencegahan Rasuah 1997. Oleh itu kuasa yang akan diberi kepada pihak penguatkuasaan ini akan membantu pihak penguatkuasaan untuk menangkap penjenayah dengan lebih efektif dan berkesan lagi.

Isu Pendang mengenai pengubahan wang haram daripada kegiatan pengedaran dadah dan berkesannya rang undang-undang ini, adalah dimaklumkan ada peruntukan yang sedia ada dalam Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 tadi dan berikutan daripada peruntukan Akta ini dalam tahun 1996, 2000 jumlah harta yang dilucutkan adalah RM22,810,656 dan 6,658 kertas penyiasatan telah dibuka mengenai perkara ini.

Isu mengenai private banking yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian yang dipergunakan untuk pengubahan wang haram dan penggunaan sistem perbankan untuk pengubahan wang haram ini, adalah tujuan rang undang-undang ini juga bahawa dengan adanya rang undang-undang ini aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengubahan wang haram boleh dikesan dan tindakan diambil terhadap mereka yang terlibat. Institusi kewangan akan dikehendaki memenuhi peruntukan rang undang-undang ini yang bertujuan mencegah, mengesan dan membanteras pengubahan wang haram.

Penggunaan pusat kewangan luar pesisir offshore tadi telah pun saya jawab dan Yang Berhormat bagi Tebrau telah pun menanyakan sama ada perundingan boleh dibuat di antara Malaysia dan Singapura berkenaan dengan kesalahan pengubahan wang haram. Di bawah rang undang-undang ini pihak berkuasa boleh berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa yang relevan dalam penyiasatan dan sekiranya ada kerjasama di antara Singapura dan Malaysia dan terdapat akujanji yang mencukupi mengenai perkara ini kerahsiaan dan maklumat boleh kita bekerjasama. Ini dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupa tentang bilateral, multilateral dan ekstradisi dan juga kita sebagai salah seorang daripada APEC dan APD7 yang selalu bertukar fikiran tentang perkara ini.

Isu mengenai melarikan mata wang merentasi sempadan seperti mana yang kita maklum bahawa duit kita telah pun kita sekat, tidak laku sampai sekarang, orang hendak buat keluar duit RM1,000; orang yang hendak bawa masuk duit boleh bila-bila masa sahaja memberikan pengisytiharannya kepada Bank Negara tetapi kalau duit yang dibawa masuk tadi digunakan perkara-perkara yang haram, perkara yang tidak baik, itu ada akta lain untuk memantaunya.

Yang Berhormat bagi Kepong telah pun menyatakan bahawa pusat kewangan luar pesisir Labuan dan aktiviti wang haram ini telah dibangkit beberapa kali. Saya semasa membentangkan banyak Akta Luar Pesisir Labuan ini telah pun menyatakan bahawa kita akan wujudkan satu akta yang khusus daripada akta-akta yang bersepeh-sepah dan sekarang ini kita telah pun mengadakan rang undang-undang ini untuk membanteras money laundering di Labuan.

Machang telah membangkitkan kenapa peruntukan dalam An Armed Act tidak ada dalam rang undang-undang ini. Jadi, di bawah Seksyen 55 rang undang-undang ini Menteri Kewangan diberi kuasa untuk memilih Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*. Oleh itu, Menteri Kewangan boleh memasukkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Senjata Api 1960 sebagai kesalahan berat jika difikirkan perlu dan kita akan melihat perkara ini nanti, insya-Allah.

Tumpat, mengenai rang undang-undang ini kebelakangan sedikit. Adalah dimaklumkan bahawa rang undang-undang bahaya yang saya katakan tadi banyak rang undang-undang yang telah pun ada bersepeh tetapi sekarang ini apa yang kita buat di bawah Schedule yang kedua sebanyak 119 kita telah cantumkan jadikan satu. Jadi, kita lihat bahawa Schedule 1 dan Schedule 2 telah pun kita paparkan. Pertamanya, Schedule kedua 119 artikel, di bawah akta-akta yang lain telah pun

dimasukkan ke dalam akta ini sebagai akta yang disatukan. Jadi, senang kita ambil tindakan di bawah satu akta sahaja.

Machang juga telah pun meminta pembekuan akaun bank yang terlibat dalam pengubahan wang haram. Jika dibaca dengan teliti adalah dilihat bahawa rang undang-undang ini mengandungi 50 peruntukan yang membolehkan pembekuan dibuat bukan sahaja akaun bank tetapi juga akaun yang mengandungi apa-apa harta alih termasuk apa-apa instrumen wang yang terdapat dalam milikan, jagaan atau kawalan sesuatu institusi kewangan seperti bank dan sebagainya.

Tumpat membangkitkan tentang penggunaan *bank-online* untuk urusan pengubahan wang haram ini. Aktiviti perbankan *online* adalah dijalankan oleh institusi perbankan yang dilesenkan oleh Bank Negara di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1999 dan oleh itu, aktiviti ini tertakluk di bawah rang undang-undang ini.

Isu mengenai penggunaan ahli profesional dalam pengubahan wang haram dalam rang undang-undang ini, ahli profesional dikehendaki untuk melaporkan apa-apa transaksi yang meragukan kepada pihak berkuasa berwibawa. Oleh itu, jika mereka tidak berbuat demikian, penalti akan dikenakan di bawah rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 93 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

12.32 tgh.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, dua fasal, Fasal 19 - Rancangan pematuhan. Saya menganggap bahawa apa yang termasuk dalam Fasal 19 ini yang mewajibkan institusi pelapor untuk mengendalikan rancangan pematuhan adalah baik. Oleh itu, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kenapa tidak ditetapkan bahawa laporan-laporan berkaitan dengan rancangan pematuhan ini diserahkan kepada yang berkuasa berwibawa itu pada kadar-kadar yang tetap - tiga bulan sekali, sebulan sekali dan sebagainya.

Keduanya, Fasal 23(1) yang berbunyi: "*Seseorang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dengan suatu amaun wang tunai atau instrumen pembawa boleh niaga atau kedua-duanya, yang melebihi apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, hendaklah mengisytiharkan kepada pihak berkuasa berwibawa itu apa-apa amaun dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa itu.*" Ini biasa dilakukan di lapangan-lapangan terbang dan di pelabuhan-pelabuhan ataupun di tempat-tempat pintu masuk keluar daripada negara kita. Ini juga adalah perlu kita pastikan berlaku dengan baik.

Kita semua mengetahui kita mempunyai pengalaman yang kurang manis, kurang baik yang mana bukan orang biasa, tetapi bekas Menteri Besar Selangor pada ketika itu sendiri telah cuba mengeluarkan wang tunai berjumlah berjuta-juta ringgit dalam pelbagai jenis mata wang daripada Lapangan Terbang Brisbane, Australia dan alasan beliau apabila ditahan dan dikurung dan di mahkamah selepas itu beliau menjelaskan bahawa pertamanya beliau tidak berapa terang nampak dan kemudiannya dikatakan bahawa bahasa Inggeris beliau tidaklah begitu fasih.

Jadi, untuk mengelakkan daripada Ketua Menteri Australia pula dimalukan kerana kes-kes seperti ini di lapangan terbang kita, jadi saya minta supaya pihak kementerian pastikan supaya tanda-tanda yang jelas, bahasa yang mudah diletakkan, dipaparkan dengan jelas di lapangan-lapangan terbang atau pelabuhan-pelabuhan dan

tempat keluar-masuk rakyat negara dan asing ini supaya tidak diulangi peristiwa yang sangat memalukan negara kita ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian, dan selepas ini Timbalan Menteri boleh jawab.

**12.35 tgh.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 3 - takrif "aktiviti haram". "Aktiviti haram" yang dimaksudkan dalam fasal ini ialah *"apa-apa aktiviti yang berhubungan, secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing."* Saya mencadangkan supaya semua jenis perjudian dikira sebagai satu kesalahan berat walaupun sekarang ini kita ada dua kategori, iaitu perjudian haram dan perjudian yang dilesenkan. Saya berharap bahawa satu kajian dapat dilakukan supaya perjudian berlesen dihapuskan dan dengan itu memasukkan perjudian dalam semua kategori sebagai kesalahan berat ataupun kesalahan berat asing yang boleh jadi dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negara kerana aktiviti perjudian adalah satu daripada saluran untuk membolehkan money laundering ini dilakukan secara sah dan halal mengikut undang-undang.

**12.36 tgh.**

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Mengenai Fasal 19, sejauh manakah institusi-institusi pelapor bersedia untuk pelaksanaan rang undang-undang ini. Oleh kerana obligasi pelapor akan memakan masa untuk dilaksanakan pada setengah jenis institusi, rang undang-undang ini membolehkan Menteri Kewangan menentukan penggunaan mana-mana peruntukan obligasi pelaporan berkenaan dengan institusi pelapor ke atas institusi tersebut. Oleh itu, pada permulaannya hanya institusi kewangan dan perbankan dijangka akan dikenakan dengan obligasi pelaporan dan institusi-institusi ini sudah melaksanakan sistem berekod maklumat kewangan elektronik yang diawasi oleh Bank Negara Malaysia.

Selain daripada itu, pada peringkat pentadbiran, institusi kewangan seperti bank dan broker saham sedang melaksanakan beberapa langkah pencegahan pengubahan wang haram selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh agensi pengawal selia. Kita ada institusi pelapor dan institusi yang berwibawa. Jikalau misalnya seseorang itu katakan A - Abdul, dia selalu masukkan wang tiap-tiap bulan katakan RM4,000, sekali dia masukkan wang RM4 juta, maka institusi pelapor tadi, bank tadi kena beritahu institusi pelapor berwibawa. Institusi berwibawa ini ialah Bank Negara. Dengan adanya data itu Bank Negara akan meminta pihak berkuasa untuk menjalankan penyiasatan. Ini di antara pelapor dan institusi yang berwibawa.

Mengenai Fasal 23(1) - *"seseorang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dengan suatu amaun wang tunai"* saya katakan tadi bahawa tiap-tiap orang apabila membawa masuk duit, dia boleh membawa masuk sebanyak mana yang dia hendak sama ada US Dollar dan sebagainya tetapi hendaklah memberitahu kepada pihak yang berwibawa iaitu Bank Negara. Dan kita harapkan bahawa perisytiharan kepada pihak berkuasa berwibawa itu amaunnya dan apa-apa bentuk yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa itu adalah jelas dan betul.

Mengenai Kubang Kerian, saya tak berapa pasti soalnya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Bolehkah Tuan Pengerusi, saya mohon untuk menjelaskan semula cadangan saya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Oh, mengenai takrif?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, Fasal 3 berkenaan dengan takrif "aktiviti haram", saya mencadangkan supaya aktiviti haram juga dimasukkan semua jenis perjudian. Walaupun sekarang ini kita ada dua kategori perjudian, iaitu perjudian yang dilesenkan dan perjudian yang tidak dilesenkan. Saya berharap kajian dapat dilakukan supaya semua jenis perjudian tidak dilesenkan kerana perjudian adalah sudah sah dan terang sebagai satu saluran yang digunakan mengikut undang-undang untuk membolehkan duit haram ini dijadikan duit yang sah mengikut undang-undang. Dan yang lebih teruk daripada itu ialah prosesnya, umpamanya melalui *Internet gambling*, pembayaran melalui tukaran wang asing akan dilakukan dan kesannya kepada

ekonomi adalah sangat teruk, iaitu pembayaran-pembayaran itu akan dilakukan kepada orang-orang asing yang dikatakan menang dalam perjudian *Internet gambling* ini.

Penguatkuasaan akan lebih teliti iaitu apabila seseorang mengisytiharkan duit yang mereka perolehi yang disimpan dalam bank ialah duit perolehan perjudian, siasatan masih boleh dilakukan iaitu dengan siapakah mereka telah berjudi dan ekoran oleh penguatkuasaan ini dapat dilakukan ke akar umbi sebelum perjudian itu mengambil tempat iaitu daripada manakah rakan kongsi perjudian yang telah dianggapkanlah dalam perjudian tersebut sehingga wang yang begitu besar telah berpindah kepada akaun satu orang yang dikatakan menang judi yang kemudiannya dimasukkan ke dalam akaun bank yang dianggap sebagai sah mengikut undang-undang.

Jadi, kalau kita serius untuk menghadapi money laundering, perjudian adalah saluran yang kita kena faham sebagai satu saluran undang-undang yang digunakan oleh aktiviti ini pada waktu ini dan dengan itu semua jenis perjudian mesti diharamkan dan dimasukkan sebagai kesalahan berat di bawah definisi itu.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih. Definisi yang dikatakan aktiviti haram ertinya apa-apa aktiviti yang berhubungan secara langsung dan tidak langsung dan yang mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing yang dibangkitkan tadi. Ingin saya melihat balik perbincangan kita yang lama dan intensif apabila kita membentangkan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1993 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Selayang nanti. Jadi, saya tidak mahu menambahkan lagi apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Selayang tentang Akta Rumah Perjudian Terbuka 1993. Terima kasih.

**Fasal 1 hingga 93** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual Pertama dan Jadual Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN NEGARA (PINDAAN) 2001

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

12.45 tgh.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

#### **Teknologi kad pengenalan –**

Kad pengenalan yang pertama diperkenalkan di Malaya oleh Kerajaan British pada tahun 1948 melalui Emergency Registration Areas Regulations 1948. Kad pengenalan berbentuk kertas, *old identity card*, dengan izin, ini digunakan pakai pada tahun 1948 hingga 1960. Ini adalah bermotifkan keselamatan semasa negara menghadapi ancaman Parti Komunis Malaya (PKM).

Penguatkuasaan penggunaan kad pengenalan berbentuk kertas ini adalah untuk memudahkan pihak pemerintah pada ketika itu membuat pemeriksaan ke atas orang ramai dan dengan itu pergerakan bersenjata daripada pihak PKM dapat dikawal. Setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 di bawah pemerintahan Persekutuan, satu akta yang dikenali sebagai Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta

78) diperkenalkan. Fungsi akta ini ialah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi mendaftar orang-orang di Malaysia, pengeluaran kad pengenalan dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Matlamat utamanya selain daripada menjaga keselamatan negara, Akta tersebut juga digunakan untuk mengawal kemasukan orang-orang asing daripada luar negara pada ketika itu bekerja di sektor perladangan dan juga sektor perlombongan. Kad pengenalan berbentuk plastik, yang saya akan sebut kemudian dengan KPP telah diperkenalkan di Semenanjung pada 1 Ogos 1960 dan penggunaannya telah diperluas ke Sarawak pada 30 Mac 1966 dan di Sabah pada 1 Jun 1972.

Selepas kedua-dua negara ini memasuki Malaysia, KPP adalah merupakan dokumen pengenalan di mana setiap orang diwajibkan memilikinya, kecuali mereka yang dinyatakan di dalam Peraturan 72 (Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1959). KPP dikeluarkan secara manual dan diproses secara teragih mengikut negeri-negeri berdasarkan nombor siri yang ditentukan oleh ibu pejabat. Rekod-rekod pendua permohonan KPP disimpan di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Petaling Jaya.

Oleh kerana KPP ini dibuat secara teragih di peringkat negeri-negeri di Malaysia maka kawalan sepenuhnya terhadap pengeluarannya tidak dapat dikawal dengan baik. Lantaran ini wujudlah masalah kelewatan pengeluaran. KPP ditiru oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab sama ada dilakukan oleh orang perseorangan atau secara sindiket. Ciri-ciri keselamatan yang lemah dan proses pengesahan yang dibuat secara manual telah menimbulkan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi yang begitu pesat diikuti dengan kemasukan pelabur dan pekerja asing yang menjadikan negara ini sasaran utama mereka, fungsi menjaga keselamatan menjadi semakin mencabar. Sesuai dengan era zaman komputer, kerajaan telah memperkenalkan penggunaan sistem berkomputer di JPN.

Bagi menyelaraskan Sistem Pendaftaran Penduduk Negara (SPPN), kad pengenalan negara ini mengalami proses perubahan dengan memperkenalkan kad pengenalan bermutu tinggi, yang kemudian saya akan sebut KPT. Pada awal tahun 1990, pemegang KPP diberi tempoh untuk menukar KPP mereka kepada KPT, sehingga selewat-lewat pada 31 Disember 1996.

Pemprosesan pengeluaran KPT dilaksanakan sepenuhnya secara komputer dan berpusat iaitu di ibu pejabat JPN. Kad pengenalan tersebut walaupun berasaskan *paper based*, dengan izin, tetapi bahan yang diguna pakai mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sukar dipalsukan atau ditiru oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Data-data pemohon diambil dan disimpan dengan sistematik di dalam pangkalan data (*data base*) bagi membolehkan KPT dikeluarkan kepada setiap mereka yang layak secara teratur dan terkawal. Setiap orang yang diberikan satu nama pengenalan yang mengandungi 12 angka, yang diasaskan daripada tarikh lahir, negeri, tempat lahir dan juga jantina.

Kesinambungan pengkomputeran telah dilanjutkan lagi dengan ledakan teknologi maklumat (*information technology*) dengan izin, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, Malaysia akan menggunakan kad pintar pelbagai guna yang pertama di dunia. Satu kad yang mengandungi identiti individu, tandatangan berelektronik, akses kepada kerajaan, perbankan, kredit, telefon, pengangkutan dan kesihatan.

Setelah pelbagai kajian dijalankan, pada awal tahun 1997 kerajaan telah memutuskan supaya kad pintar pelbagai guna kerajaan, yang saya akan sebut KPPK, diperkenalkan bagi menggantikan KPT yang sedia ada. Selain daripada kad pengenalan sebagai aplikasi utama, KPPK juga di peringkat permulaan ini mengandungi aplikasi lain seperti lesen memandu, pasport, rekod kesihatan dan juga aplikasi *e-cash*.

Di masa hadapan aplikasi-aplikasi lain akan ditambah mengikut kehendak dan kesesuaian. Dengan terlaksananya KPPK ini, maka fungsi kad pengenalan telah

mencipta sejarah baru di mana selain daripada fungsi pengenalan dan keselamatan, KPPK juga bertindak sebagai *smart card*, yang boleh dipelbagaikan penggunaannya.

**Pindaan-pindaan yang dicadangkan –**

Secara umumnya pindaan Akta Pendaftaran ini adalah untuk membolehkan kad pelbagai guna kerajaan iaitu KPPK dilaksanakan kerana dengan pindaan ini akan memberi kuasa kepada pegawai pengangkutan jalan, pegawai imigresen dan pegawai-pegawai agensi lain sebagai Pegawai Pendaftaran.

Selain daripada berfungsi sebagai aplikasi kad pengenalan, KPPK juga akan mengandungi aplikasi lesen memandu, pasport kesihatan. Pegawai-pegawai yang dilantik akan mengendalikan permohonan KPPK kerajaan di kawasan konsep pusat perkhidmatan setempat, *government service centre*, dengan izin.

**Pindaan seksyen-seksyen yang sedia ada –**

Seksyen 2, peruntukan mengenai takrif 'pegawai pendaftaran'. Peruntukan sekarang tidak menyatakan kuasa pelantikan pegawai-pegawai pendaftaran berkenaan. Di samping itu, ianya juga tidak merujuk kepada pengarah bahagian kad pengenalan di ibu pejabat JPN dan Pengarah JPN negeri sebagai Pegawai Pendaftaran dengan jelas. Pindaan seksyen ini akan menjelaskan lagi kedudukan kedua-dua jawatan, di kedua-dua peringkat tersebut sebagai Pegawai Pendaftaran Negara yang bertanggungjawab menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3 Akta sekarang memperuntukkan mengenai pelantikan semua Pegawai Pendaftaran oleh Yang di-Pertuan Agong di semua peringkat tanpa mengira kedudukan dan hierarki jawatan pegawai yang dilantik. Pindaan yang dicadangkan ini mengkhususkan Pegawai Pendaftaran tertentu sahaja yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan selainnya dilantik oleh Menteri dan Ketua Pengarah JPN.

Seksyen 6(2)(a) Akta sekarang mengenakan penalti kepada apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana peraturan sebanyak RM3,000 atau penjara selama tempoh 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Dengan pindaan yang dicadangkan, hukuman yang lebih berat akan dikenakan iaitu denda sebanyak tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Pindaan ini adalah bertujuan untuk membasmi kes-kes pemalsuan, penyalahgunaan dan penyelewengan kad pengenalan.

Selaras dengan peningkatan penalti tersebut, Majistret Kelas Satu perlu diberi kuasa untuk mengenakan denda penuh ke atas kesalahan-kesalahan mengikut kehendak Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92).

Seksyen 7 Akta sekarang memberi kuasa kepada pegawai pendaftaran untuk mendakwa mana-mana pesalah yang melakukan kesalahan terhadap Akta ini. Peruntukan ini dipinda dengan memberi kuasa kepada Pegawai Pendaftaran setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Kanun Tatacara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan di bawah seksyen baru 2.3.1, selain daripada pindaan-pindaan yang dinyatakan di atas, kerajaan juga memperkenalkan beberapa peruntukan baru, sehingga 3A di bawah seksyen 3A(1) diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara dan pengarah bagi setiap negeri.

Subseksyen 3A(2) pula, memperuntukkan kuasa kepada pengarah-pengarah berkenaan melaksanakan tanggungjawab Ketua Pengarah tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pengarah.

2.3.2 Seksyen 3B dibawah subseksyen 3B(1) memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah melantik mana-mana orang sebagai Pegawai Pendaftaran dan ejen pendaftaran yang difikirkan perlu.

Di bawah subseksyen 3B(2), memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk melantik mana-mana pegawai pengangkutan jalan, pegawai imigresen atau pegawai mana-mana jabatan kerajaan sebagai Pegawai Pendaftaran untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan peruntukan di bawah Akta ini.

2.3.3. Seksyen 3C adalah penomboran semula ke atas subseksyen 3(4) peruntukan yang sedia ada tanpa dipinda teks asalnya.

2.3.4. seksyen 7A diwujudkan susulan daripada kenaikan penalti di bawah seksyen 6(2)(u). Ia memberi mahkamah Majistret Kelas Satu kuasa untuk mengenakan hukuman denda sepenuhnya ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan semula Akta Pendaftaran Negara dengan meminda peruntukan yang sedia ada di samping memperkenalkan peruntukan baru perlu dan wajar dilaksanakan kerana peruntukan-peruntukan yang sedia ada telah diguna pakai lebih daripada 40 tahun tanpa mengalami sebarang pindaan.

Pindaan yang ketara mengenai kenaikan penalti di bawah seksyen 6(2)(u) Akta ini amat bersesuaian pada masa kini di mana isu kehadiran pendatang tanpa izin dan kegiatan sindiket yang memalsu dan menjual kad pengenalan yang berlaku secara meluas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh sambung petang inikah?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya mohon izin sekejap lagi, sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Perbuatan ini boleh mengancam keselamatan negara di samping itu integriti dan imej kerajaan akan terjejas. Masalah ini akan dapat diselesaikan melalui penggunaan KPPK sebagai dokumen kad pengenalan diri yang canggih dan penting di samping digunakan juga sebagai lesen memandu dan aplikasi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Negara 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Parit Sulong.

**2.32 ptg.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita telah pun mendengar Timbalan Menteri Dalam Negeri menghuraikan matlamat yang tersurat mengapakah Akta Pendaftaran Negara 1959 perlu dipinda pada hari ini. Pertama, untuk memberikan kuasa melantik Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kedua, untuk memberikan kuasa kepada menteri melantik Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di ibu pejabat, Jabatan Pendaftaran Negara dan di peringkat negeri.

Ketiga, untuk membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara melantik pegawai pendaftaran dan juga agen pendaftaran.

Keempat, untuk membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara melantik pegawai pengangkutan jalan, pegawai imigresen atau mana-mana pegawai kerajaan sebagai pegawai pendaftaran.

Dan kelima, pada pendapat saya untuk menambah kadar penalti di bawah akta ini kepada tidak melebihi RM50,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.



Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya matlamat penting pindaan ini adalah tersirat di sebalik kuasa melantik ejen pendaftaran dari kalangan bukan kerajaan dan juga kuasa melantik pegawai pengangkutan jalan, pegawai imigresen ataupun sebarang pegawai kerajaan yang difikirkan sesuai sebagai pegawai pendaftaran.

Hakikatnya demikian kerana kerajaan kini sedang di dalam proses melaksanakan pengeluaran kad pintar pelbagai guna kerajaan (KPPK), sebilangan besar kami Ahli-ahli Parlimen mungkin Tuan Yang di-Pertua pun sekali telah pun mempunyai kad pintar pelbagai guna kerajaan (KPPK) ini.

Buat setakat ini ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut berdiri Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta penjelasan sedikit, Parit Sulong. Sedikit sahaja, tidak banyak. Pertama, kita tahu pindaan ini akan dapat memperkemaskan lagi proses pendaftaran kerana kita tahu banyak kesulitan yang dihadapi dan dengan pindaan ini juga bermakna penglibatan, pembabitkan pegawai daripada bukan Jabatan Pendaftaran untuk sama-sama memajukan usaha pendaftaran ini dan kita tahu pembabitkan JPJ yang telah diswastakan, tadi Parit Sulong ada menyebut kad pintar, walaupun kad pintar ini masih lagi baru dan kita telah mencatat sejarah, cuma rasa bimbang sama ada kita tahu baru-baru ini berlaku lesen - Pokok Sena macam tahu-tahu sahaja, lesen terbang, saya sebut Pokok Sena yang Batu Gajah sibuk fasal apa?

Bagi *chancelah* saya bercakap - lesen terbang. Jadi saya hendak tanya kepada Parit Sulong sama ada rasa bimbang IC terbang ini akan berjangkit, bermakna kita memang tidak mahulah perkara ini juga akan membabitkan kad pengenalan, lebih-lebih lagi dengan kad pengenalan pintar. Kita tahu Parlimen pun juga telah memperkenalkan kad baru yang lebih kurang sama dengan kad pintar yang diberikan kepada Ahli-ahli hinggakan kalau dibuat pembaharuan kad pengenalan Parlimen ini jika untuk mendapatkan yang baru, yang lama jika tidak dikembalikan, hilang mesti dilaporkan kepada polis, begitu pentingnya kad pengenalan ini.

Jadi, saya minta penjelasan sama ada soal IC terbang ini akan berlaku atau tidak ataupun kita menjadikan sebagai iktibar apa yang berlaku dalam JPJ, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini susah hendak jawab ini, fasal saya bukan dalam JPJ. Tetapi saya rasa, saya minta Yang Berhormat kekanda Timbalan Menteri Dalam Negeri mengambil kira pandangan daripada Larut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, dalam Dewan ini tidak ada adinda dan kekanda .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ini saya pinjam tradisi orang Pahang Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Supaya mengambil kira pandangan dan kebimbangan saudara saya daripada Larut supaya jangan terjadi pula kes KPPK terbang. Sebenarnya Yang Berhormat, saya akan sampai ke persoalan itu sebentar lagi.

Sebilangan besar Ahli-ahli Parlimen sudah ada pun kad ini, Tuan Yang di-Pertua, ada dalam tangan ini yang ada chip ini. Buat setakat ini kad ini berfungsi sebagai kad pengenalan, sebagai lesen memandu, kalau optional boleh dijadikan kad e-tunai, e-cash, elektronik money, kad ATM itu pun optional menerusi sistem MEPS. KPPK juga boleh memuatkan data mengenai passport antarabangsa seorang warga negara Malaysia ataupun mana-mana lagi data penting mengenai seorang peribadi sekiranya mereka memilih untuk berbuat demikian.

Oleh kerana KPPK memainkan pelbagai fungsi, sebab itulah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara pada anggapan saya diberi kuasa melantik pegawai pengangkutan jalan yang bertanggungjawab mengenai lesen memandu, pegawai imigresen yang bertanggungjawab mengenai pengeluaran passport Malaysia dan mana-mana pegawai kerajaan yang difikir sesuai sebagai pegawai pendaftaran.

Sehubungan dengan ini juga, oleh kerana aktiviti pungutan cukai jalan akan diswastakan tidak lama lagi menerusi undang-undang yang telah pun diluluskan baru-baru ini, sebab itulah pindaan ini memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara melantik ejen pendaftaran yang bukannya dari kalangan pegawai kerajaan.

Saya tidak akan menghuraikan soal-soal kuasa melantik ini dengan lebih lanjut kerana perkara ini saya yakin memang sangat-sangat diperlukan untuk memudahkan cara pengeluaran KPPK ini. Larut lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut berdiri.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Parit Sulong. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Parit Sulong berhubung dengan orang bukan pegawai kerajaan, apabila dia terbabit adakah rasa bimbang rahsia kerajaan ini akan terbongkar dan diketahui oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab lebih-lebih lagi pihak pembangkang. Minta penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan sahabat bagi Larut juga akan saya jawab sebentar lagi apabila saya menghuraikan soal kerahsiaan data. Terima kasih.

Namun begitu, saya cuba menghuraikan soal-soal yang berkaitan dengan data penting dan data peribadi seorang warganegara yang akan tersimpan di dalam sistem komputer Jabatan Pendaftaran Negara secara central atau *centrally stock data*. Segala data seorang warganegara Malaysia yang memiliki KPPK akan disimpan di dalam sistem komputer Jabatan Pendaftaran Negara. Data ini pula akan dikongsi guna secara *online* oleh pihak berkuasa di Jabatan Imigresen apabila ada urusan mengenai pasport.

Sebagai pengeluar pasport Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai pengeluar lesen memandu dan ini akan diswastakan oleh pihak swasta yang akan mengendalikan tanggungjawab pembayaran cukai jalan (*road tax*) oleh pihak bank yang bertanggungjawab mengenai ATM untuk urusan pengeluaran wang atau pendepositan wang menerusi sistem MEPS oleh pihak syarikat-syarikat yang bertanggungjawab mengenai urusan e-cash dan mungkin oleh pihak hospital mengenai data-data strategik berkaitan kesihatan seorang individu.

Hakikat di atas tentu akan menimbulkan beberapa implikasi dan risiko. Antaranya data-data ini pastinya akan terdedah kepada kemungkinan dicerobohi oleh *hackers*. Kita memang telah mempunyai satu undang-undang khas untuk menangani jenayah seperti ini, tetapi apakah rupa dan apakah bentuk data sekuriti yang diguna pakai oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara, sukar untuk menjamin supaya tidak mudah dicerobohi oleh pihak *hackers*.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bagaimanakah bentuk *security architecture* dan apakah bentuk *security engineering* yang digunakan untuk melindungi seluruh data yang tersimpan secara pusat atau *central list stock* di Jabatan Pendaftaran Negara.

Berapa lapisakah *fire wall*nya, adakah Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai kumpulan pakar data sekuriti yang tersendiri ataupun kepakaran ini terpaksa di'*out source*' daripada pihak-pihak swasta.

Soalan-soalan ini saya kemukakan semata-mata demi menjaga keselamatan segala data strategik seorang warganegara yang memiliki KPPK dan ini akan juga menjawab kebimbangan daripada Larut.

Saya tidak mahu hanya soal pengeluaran KPPK sahaja yang mungkin akan dibangga-banggakan sedangkan soal-soal keselamatan data pula dipandang remeh ataupun diperlekeh-lekehkan.

Perkara strategik kedua mengenai KPPK yang mahu saya dapatkan kepastian dari Timbalan Menteri Dalam Negeri ialah mengenai kerahsiaan data, ini Larut soal kerahsiaan data, yang akan diguna pakai oleh banyak pihak seperti yang saya nyatakan seperti di atas tadi.

Soal ini saya bangkitkan kerana data-data penting di dalam KPPK yang disimpan di dalam komputer Jabatan Pendaftaran Negara adalah penting kepada banyak pihak yang berminat. Perkara ini banyak berlaku di negara-negara Barat di mana ada pihak melakukan data mining, lepas itu segala data ini ia akan dikomersialkan, dijual pula, contohnya terdapat beberapa kes di Amerika Syarikat di mana *subscribers* ataupun pengguna kad kredit tiba-tiba mereka dibanjiri dengan *junk mail* atau surat-surat yang tidak tentu hala dia punya hasrat tujuan melainkan komersial.

Jika data-data ini tidak diberikan perlindungan sewajarnya Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang ianya akan terdedah kepada penyalahgunaan atau *abuse* oleh pihak yang suka mengkomersialkan data ataupun oleh pihak yang mempunyai niat-niat yang khianat.

Oleh itu, apakah bentuk mekanisme kawalan yang telah pun ataupun akan digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai *proprietor* ataupun pemilik data untuk melindungi kerahsiaan data-data yang terkandung di dalam KPPK ini.

Saya bertanya perkara ini kerana soal kerahsiaan data ataupun *data privacy*, dengan izin, kini menjadi satu soal pengurusan yang amat rumit. Soal ini sekarang menjadi satu polemik yang hangat di negara-negara Barat.

Malaysia juga tidak akan terhindar dari polemik ini apabila urusan *online* menjadi sebahagian penting kehidupan harian manusia di era digital.

Sebab itulah saya mahukan kepastian adakah pihak kerajaan sudah menyediakan mekanisme kerahsiaan data yang akan diguna pakai oleh banyak pihak seperti saya sebut tadi. Apakah Jabatan Pendaftaran Negara akan mempunyai, dengan izin, *public key infrastructure* iaitu satu sistem kerahsiaan *online* seperti *digital signature*, *password*, *key word* dan sebagainya dengan pelbagai bentuk sekuriti? Adakah Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai *public key infrastructure* untuk mengawal kerahsiaan data-data yang akan digunakan secara *online* oleh pelbagai pihak yang terbabit dengan KPPK?

Peruntukan undang-undang manakah yang akan digunakan ke atas pihak yang menyalahgunakan kerahsiaan data di dalam konteks KPPK ini? Saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *what legal protection do we have* sekiranya ada pihak-pihak yang menyalahgunakan kerahsiaan data itu.

Dari kajian ringkas yang saya jalankan, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati soal kerahsiaan data seperti yang akan timbul dari penggunaan KPPK pastinya tidak akan berjaya diatasi secara menyeluruh ataupun secara berkesan. Ini kerana Malaysia belum mempunyai sebarang bentuk infrastruktur undang-undang, *legal infrastructure* mengenai kerahsiaan data yang digunakan secara *online* dan data-data yang disimpan secara *centralize computer system*. Pada waktu yang sama Malaysia juga masih belum mempunyai sebarang bentuk infrastruktur undang-undang yang melindungi keselamatan transaksi data secara elektronik dan *online*.

Pada pendapat saya ketiadaan kedua-dua undang-undang seperti di atas akan menjadikan usaha melindungi kerahsiaan data sebagai satu usaha yang amat sukar. Pihak yang akan *abuse* atau menyalahgunakan kerahsiaan data tidak akan gentar dan takut oleh kerana tidak ada undang-undang yang akan boleh menyabitkan kesalahan mereka.

Pada waktu yang sama transaksi data (*data transaction*) dan perniagaan secara elektronik akan terus diragui oleh para pengguna atau mana-mana pihak yang berhasrat mewujudkan perniagaan secara *online* atau secara elektronik. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan segera undang-undang mengenai kerahsiaan dan perlindungan data (*data privacy and protection law*) dan juga undang-undang mengenai transaksi elektronik (*electronic transaction law*).

Negara-negara jiran kita telah pun mempunyai perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi motivasi saya menyuarkan perkara ini bukan kerana negara jiran telah mempunyai tetapi oleh keperluannya amat sangat dikehendaki oleh negara ini. Singapore mempunyai *Electronic Transaction Act*, di negeri Siam ia mempunyai *e-commerce legal infrastructure* yang saya rasa lebih terkedepan daripada kita. *European Union* ataupun komuniti negara-negara Eropah telah pun menyatupadukan, menggembelngkan minda mereka untuk mereka bentuk satu infrastruktur undang-

undang supaya kerahsiaan data ini satu perkara yang amat dilindungi pada setiap masa. Apabila kita membincangkan, kalau saya boleh kita *divert* sedikit mengenai perkara tadi, undang-undang *money laundering* yang dibincang lebih awal. Di situ kita mendapati bagaimana data boleh dilepaskan kepada *competent bodies*, kepada *competent authorities* dan sebagainya secara perundangan tetapi dari perlindungan peribadi bagaimana? Adakah ini menyalahi undang-undang di negara lain ataupun adakah ini perkara yang akan terdedah, bermakna setiap rakyat negara ini akan terdedah kita punya *personal data*, kita punya alamat yang terakhir, kita punya nombor bank akaun, kita punya pasport nombor dan sebagainya.

Itu satu perkara yang sekarang ini menjadi salah satu *element of human rights* di negara Barat, oleh kerana perlindungan data ini memang telah terbukti telah pun diabuse oleh mana-mana pihak, oleh kerana data sekarang ini adalah merupakan maklumat-maklumat paling penting yang boleh ditukar ganti kepada wang ringgit, ini hakikatnya.

Saya amat bimbang kalau kerajaan tidak mahu ataupun berusaha segera mewujudkan dan menggubal rang undang-undang melindungi *privacy* dan juga kerahsiaan data tadi dan pada waktu yang sama seharusnya diwujudkan peruntukan undang-undang yang khusus mengenai *data electronic transaction*. Sekarang ini memang wujud di bawah Banking Act beberapa perkara berkaitan dengan *electronic transaction* tetapi masalah soal kebocoran rahsia pin nombor ATM semakin menjadi-jadi.

Kita dapat melihat apatah lagi sekarang ini soal peribadi, kerahsiaan seseorang manusia kalau kita tidak dilindungi bermakna kita akan disifatkan sebagai gagal menyediakan infrastruktur kerahsiaan atau infrastruktur perundangan di zaman yang memang menggunakan *information communication technology*, oleh itu saya mencadangkan undang-undang ini kita buat dengan segera. Saya yakin kedua-dua undang-undang ini yang saya cadangkan ini akan memperkukuhkan lagi lain-lain undang-undang cyber seperti Akta Tandatangan Digital, Akta Jenayah Komputer dan lain-lain.

Saya yakin kedua-dua undang-undang ini akan mempergiatkan lagi bukan sahaja *e-commerce*, *e-banking*, penggunaan *e-cash* dan lain-lainnya, pendek kata, undang-undang yang saya sebut tadi iaitu *Data Security and Protection Act* dan juga *Electronic Transaction Act* akan menjadikan lagi pembangunan k-ekonomi dengan lebih pantas dan juga menjadikan rakyat Malaysia sebagai *network society* dalam waktu yang terdekat.

Satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai *mentality* kita, pengendali-pengendali data tadi memang saya kata ada *fire wall*, nanti Menteri, Timbalan Menteri *sure* akan jawab, "*Oh, kita ada fire wall, kita mempunyai PKI yang diberi teknologinya, provided by expert.*" Tetapi kalau saya membaca banyak buku *the best security* ataupun sekuriti keselamatan yang paling baik adalah *the alertness* ataupun kesiagaan orang yang mengendalikan komputer itu sendiri.

Di sini mesti diberi satu pendidikan yang khusus mengenai golongan pegawai yang mengendalikan seluruh data kerajaan, bukan sahaja mengenai KPPK, bukan sahaja mengenai Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan malahan data yang ada di Jabatan Perdana Menteri, data yang ada di dalam EPU, data yang ada di seluruh komputer sistem di dalam kerajaan apatah lagi data-data yang ada di dalam *private sector*.

Di samping *fire wall* yang teknikal, di samping PKI yang teknikal ini semua merupakan kebijaksanaan artificial (*artificial intelligent*), yang paling penting adalah kesiagaan kita sebagai manusia yang mengendalikan perkara ini. Perkara ini selalunya jarang diberi *emphasis* oleh *consultant-consultant* ataupun *technology provider*. *The human factor* di dalam mengendalikan kerahsiaan, di dalam melindungi data itu juga amat penting peranannya.

Apa gunanya ada *fire wall* oleh kerana *fire wall* bukannya *hackers proof*, terbukti laman web Parlimen sendiri sudah kena '*hack*', bersama-sama dengan laman web Parlimen 60 website di dalam negara kita *been hack*. Apabila Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai satu *centralize computer data storing system* mestinya akan ada satu *hackers* yang akan cuba mencero boh masuk

untuk membuktikan bahawa sistem itu memang tidak *hackers proof*. Memang tidak *hackers proof* – saya katakan ini *artificial intelligent* tetapi yang *hackers proof* adalah kesiagaan, *alertness and preparedness*, dengan izin, pihak pegawai yang mengendalikan data.

Yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita harus beri *training* kepada orang-orang ini di samping kita mempunyai data *architecture* yang baik, data *security architecture* yang baik di samping kita mempunyai data *security engineering* yang baik, kita juga harus mempunyai keselamatan, kesiagaan terhadap keselamatan di kalangan pengendali-pengendali perkara ini yang amat baik. Oleh kerana dalam hal ini kita tidak boleh bergantung 100% kepada *artificial intelligent*, kita tidak boleh bergantung 100% kepada keselamatan yang nampaknya diberikan oleh *fire wall*, kita tidak boleh bergantung kepada keselamatan yang diberikan oleh PKI – bukan Parti Komunis Indonesia tetapi *Public Key Infrastructure (PKI)*, kita tidak boleh.

Harus diemphasiskan di dalam pemikiran, minda pegawai-pegawai pengendali data itu sendiri bahawa kerahsiaan adalah penting, bahawa keselamatan data adalah penting, barulah apabila kita kena *hacks* kita juga mempunyai *backup-backup* yang terperlu dan kita menyedari perkara hacking ini berlaku dalam satu tempoh time yang singkat. Kalau kita mempunyai kesiagaan dan tidak mempunyai manual keselamatan data di kalangan pengendali-pengendali data, maka tidak ada kesediaan untuk kita *check website everyday*, *web master* pergi *check website* tiap-tiap hari, mungkin dia hanya *access website* kita seminggu sekali. Kita tahulah maklum *website* kerajaan pun banyak *not up-to-date*.

Saya hendak cari data dari *website* kerajaan menggelabah saya, yang ada mungkin sudah enam bulan masuk kategori surat khabar lama, apa kerja dan tugas *web master* yang dilantik di jabatan-jabatan kerajaan apabila maklumat-maklumat kerajaan tidak diupdated dalam tempoh seminggu sekalikah, dua minggu sekalikah, sebulan sekali, ini enam bulan sekalipun ada. Yang ada *website* dia kata, '*Website ini gagal untuk dihubungi*' ada masalah, beberapa kali kita hendak akses pun susah. Mengapa tidak ada yang tahu oleh kerana pengendali itu tidak mempunyai *mental preparedness*, ini yang saya minta supaya perkara ini kita titik beratkan.

Zaman IT, Perdana Menteri cakap IT, kita semua cakap IT tetapi dalam ini ada lagi gap-gap, ada lagi jurang-jurang yang harus kita penuhi, kita rapatkan supaya proses pembinaan *network society* dan *online activities* itu menjadi satu proses yang amat berkesan, *with low risk* atau dengan risiko yang rendah dan dengan jaminan keselamatan yang tinggi, itu yang saya harapkan supaya kita tidak *being beaten by our own game*, kita tidak akan dikalahkan oleh permainan kita sendiri. Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit memperkenalkan aplikasi yang moden umpama KPPK, kita menyediakan *government online* tetapi apabila *updating of data*, *protecting of data* dan segalanya kita pula *complacent*. Kita tidak mahu perkara macam ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak bersyarah, saya sekadar menyedarkan oleh kerana perkara ini telah pun berlaku, nasib baik kita ini masih lagi negara yang agak muda usianya di dalam embracing IT ini, dalam kita melaksanakan, mengamalkan hidup ICT ini.

Jadi, kita boleh mengambil pengalaman dari negara-negara asing yang telah pun mengalami *teething problem*, masalah-masalah awalan yang telah pun berhadapan dengan masalah malah serius, ini kita boleh perbaiki, kita jadikan cermin untuk kita memperbaiki langkah kita sendiri. Kita jadikan cermin untuk memperbaiki strategi kita sendiri dan kita jadikan cermin untuk memperbaiki persiapan-persiapan kita sendiri.

Harapan saya itulah, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan itu saya rasa saya menyokong rang undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Beluran dahulu.

2.58 ptg.

Tuan Ronald Kiang [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk turut sama membahas Rang undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001.

Saya melihat bahawa tujuan utama pindaan ini adalah untuk mengemaskinikan jabatan yang akan menjurus kepada pengeluaran kad pintar yang akan dilaksana dan sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan secara umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya antara masyarakat Malaysia yang merasa bangga tentang pengeluaran kad pintar ini, kebolehan, keupayaan kita mengeluarkan satu kad yang *multipurpose* merupakan pencapaian kita dalam teknologi maklumat yang sedang rancak bergelora di dunia luar dan penglibatan kita di dalam penerapan teknologi ini merupakan satu pencapaian yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

Dalam keghairahan untuk mendapatkan kad pintar ini, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma membawa kepada satu situasi di mana apabila Jabatan Pendaftaran Negara mula mengubah kad biru dahulu kepada kad pengenalan *high security* dikatakan, di mana aspek-aspek keselamatan kad biru, aspek pemalsuan kad biru itu sepatutnya dibendung apabila kad pengenalan *high security* itu dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Tetapi apa yang kita lihat keadaan sekarang ini terutamanya di negeri Sabah, apa yang berlaku *high security* kad pengenalan ini juga mampu dipalsukan oleh pihak-pihak individu, pihak-pihak tertentu seperti apa yang berlaku di negeri Sabah. Kalau kita melihat akhbar tempatan dari negeri Sabah kita akan melihat setiap hari, *almost*, seakan-akan setiap hari, orang-orang yang ditahan kerana disabit kesalahan dibawa ke mahkamah kerana memalsu kad pengenalan kerana memiliki kad pengenalan *high security* ini tetapi secara palsu dan secara yang bukan dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya melihat ini merupakan satu masalah besar terutama negeri Sabah apabila Sabah mempunyai begitu ramai sekali bilangan pendatang haram, pekerja daripada luar negara, pendatang-pendatang yang masuk secara haram dan begitu ramai pendatang asing yang berada di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya, rupa bentuk, keperibadian, cara bercakap orang-orang asing ini menyerupai orang-orang tempatan. Apatah lagi, apabila mereka ini memiliki kad pengenalan *high security* ini, tidak dapat kita bezakan antara orang tempatan yang asal dan pendatang asing yang berada di negeri Sabah. Ini merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat di Sabah.

Saya melihat bahawa aspek ini harus diambil kira oleh Jabatan Pendaftaran terutamanya Kementerian Dalam Negeri. Saya berharap agar pengeluaran kad pintar ini tidak akan melibatkan mereka yang mempunyai kad pengenalan secara palsu. Kita *questioned*, kita persoalkan bagaimana masyarakat Filipina, umpamanya, yang berada di Sabah, mempunyai *high security* IC ini, sama ada ianya palsu, sama ada ianya tidak palsu, kita tidak tahu kerana kenyataannya sekarang mereka yang bekerja di Jabatan Pendaftaran sahaja yang dapat meneliti sama ada kad itu adalah palsu ataupun tidak tetapi agensi-agensi yang lain, pendaftaran pemilih, umpamanya, agensi lain, sekolah umpamanya, tidak dapat membezakan sama ada kad ini palsu ataupun tidak – yang dimiliki oleh ramai di kalangan pendatang tanpa izin di Sabah.

Saya berkata begini kerana memang diakui oleh Pendaftaran bahawa terdapat sebilangan di antara kakitangan mereka yang telah didakwa didapati bersalah dan sebilangan individu juga telah ditahan di bawah ISA kerana disabitkan kesalahan, di suspect terlibat di dalam pengeluaran kad pengenalan palsu ini. Di antara mereka adalah di kalangan kakitangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran sendiri. Ini menjadi kenyataan umum dan ada di antara mereka – kakitangan ini yang ditahan di bawah ISA kerana terlibat di dalam pengeluaran kad pengenalan palsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya risau kalau penglibatan yang nyata oleh kakitangan ini terdapat seolah-olah ada kerja dalaman dan kerisauan saya adakah sama ada kerja dalaman ini juga melibatkan mesin-mesin dalaman di dalam kementerian di Jabatan Pendaftaran Negara. Saya harap ia tidak berlaku. Saya harap bahawa mesin cetak yang digunakan untuk memalsukan kad pengenalan ini adalah mesin cetak yang didapati di luar dan bukan yang digunakan di dalam – *inside machine* daripada jabatan itu sendiri. Saya harap agar masalah pemalsuan ini dapat ditangani secara serius oleh Jabatan Pendaftaran.

Seperkara lagi menjadi kerisauan sebahagian besar masyarakat di Sabah adalah dengan adanya penangkapan ini, bererti terdapat bentuk pengeluaran kad pengenalan palsu yang berlaku. Saya pernah menyoal soalan ini kepada beberapa

orang yang telah disabit kesalahan – telah ditangkap dan disabit kesalahan pada sesi Parlimen yang lalu dan saya diberitahu bahawa lebih daripada 1,000 orang telah disabit kesalahan sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan.

Persoalan saya pengakuan bahawa seramai itu, seramai 1,000 orang terlibat telah disabit kesalahan dalam kerja-kerja pemalsuan ini, bererti adanya kad-kad palsu yang terdapat di sekitaran yang telah dimiliki oleh mereka yang sama ada berada di Sabah atau berada di tempat yang lain.

Persoalan saya, apa yang terjadi, apa yang akan dilakukan oleh kementerian terhadap kad-kad yang dipalsukan kerana adanya mereka yang ditangkap, adanya mereka yang didapati bersalah, bererti adanya kad palsu berkeliaran di negeri. Apa yang telah dilakukan oleh kementerian, oleh Jabatan Pendaftaran dalam menarik semula kad-kad ini setakat ini.

Kita tahu ada, ada yang ditangkap bererti ada kad. *So, what happen?* Apa yang telah dilakukan oleh kementerian terhadap kad-kad palsu ini. Adakah usaha kementerian untuk menyemak semula ataupun ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, apa kaitan dengan akta ini?

**Tuan Ronald Klandee:** Kad pengenalan, kad pengenalan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kementerian haruslah mengambil langkah untuk mendapatkan semula kad-kad ini. Apa yang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka yang ditangkap memiliki kad pengenalan palsu ini adalah mereka yang ditangkap di lapangan terbang yang hendak ke Kuala Lumpur, ke Semenanjung Malaysia, untuk bekerja di Semenanjung Malaysia dan kebanyakan daripada kes yang dilaporkan di akhbar-akhbar di Sabah adalah mereka yang hendak meninggalkan negeri Sabah menuju ke Semenanjung untuk mencari kerja. Di sanalah pusat, di sanalah *check point* di mana mereka ini ditangkap tetapi mereka yang berada di negeri Sabah itu sendiri saya tidak nampak usaha untuk mendapatkan semula kad-kad palsu ini.

Jadi, saya perlu stresskan bahawa kementerian harus melakukan ini. Kalau kita pergi ke Pulau Gaya di Sabah, sebahagian 90% daripada penduduknya adalah pendatang tanpa izin dan kita akan nampak bahawa peratusan besar daripada mereka ini memiliki kad pengenalan ini. Saya tidak tahu sama ada palsu atau tidak palsu.

Kalau kita pergi di pasar-pasar Filipina di Kota Kinabalu, di pasar awam, di tempat-tempat penginapan seperti di Batu 2 di Sandakan kita akan melihat bahawa sebahagian besar daripada mereka ini adalah pendatang-pendatang haram dan seperatusan besar daripada mereka ini mempunyai kad pengenalan yang sama ada palsu atau tidak palsu.

Jadi, kerajaan atau kementerian harus mengambil langkah untuk mengenal pasti dan membasmi keseluruhan kad-kad palsu ini. Jadi, kad-kad palsu ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap tidak akan *diconvertkan*, untuk mereka yang memiliki ini tidak akan berpeluang untuk memiliki kad pintar yang akan dilaksanakan oleh kementerian. Itu harapan saya agar dapat dibendung agar jangan nanti IC biru yang sebelum itu dapat ditukar kepada *high security* kad pengenalan dan sekarang ini apabila kad pintar dikeluarkan, mereka juga yang memiliki kad-kad palsu ini berhak untuk mendapat kad pintar.

Soal kad pengenalan, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa kementerian juga harus mengambil langkah proaktif untuk mendaftar sebahagian besar daripada penduduk luar bandar yang masih mempunyai masalah, yang belum mempunyai kad pengenalan. Saya melihat bahawa faktor-faktor ekonomi, faktor perhubungan merupakan antara faktor yang menghalang mereka untuk mendaftar mendapatkan kad pengenalan dan segelintir daripada itu merupakan faktor ketidak-perolehan kad kelahiran yang juga merupakan satu requirement untuk mendapatkan kad pengenalan.

Jadi, saya ingin mencadangkan agar lebih banyak mobile unit, *mobile service* dilakukan oleh kementerian dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini untuk memastikan lebih ramai penduduk mendapatkan kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pindaan rang undang-undang ini yang telah, bukan sahaja menaikkan taraf pegawai pendaftaran kepada Director General Registration ini tetapi saya juga melihat ianya akan merangsang kepada satu usaha yang lebih efisien, yang lebih menjurus kepada people oriented agar lebih ramai masyarakat, rakyat Malaysia terutama mereka yang berada di luar bandar untuk sama-sama mempunyai dokumen penting pengenalan diri ini dan untuk menikmati setiap aspek pembangunan yang akan dijalankan oleh kerajaan.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ramai lagi hendak bercakap ya. Kalau boleh terus kepada point ya. Ya, Pokok Sena.

3.10 ptg.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut berkaitan dengan soal kad pintar. Saya sependapat dengan rakan saya bagi Parit Sulong bahawa satu perhatian yang serius perlu diberikan oleh pihak kerajaan, oleh pihak kementerian khususnya oleh Jabatan Pendaftaran Negara kerana pelaksanaan kad pintar ini dibimbangi sangat boleh memberikan satu ancaman kepada keselamatan sama ada keselamatan seperti mana disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi iaitu keselamatan dari sudut kerahsiaan setiap individu yang memiliki kad pintar ini, dari segi maklumat peribadi dan sebagainya yang mudah dieksploitasi oleh mereka yang mungkin tidak bertanggungjawab dan kemudian juga dia boleh menjejaskan dari sudut keselamatan kepada negara sendiri apabila maklumat itu mudah diperolehi oleh pihak-pihak yang sentiasa menggugat masa depan negara kita khususnya daripada pihak-pihak luar. Maka, sudah tentu ini akan memberikan ancaman kepada keselamatan dalam negara.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal pelaksanaan kad pintar ini, kenapa pihak kerajaan terlalu banyak membabitkan tangan-tangan asing dalam soal pelaksanaan dari sudut penyediaan teknologi dan sistem kad pintar ini.

Ini yang saya maksudkan bahawa ia boleh memberikan ataupun menjejaskan soal keselamatan negara kita sendiri dan juga keselamatan daripada setiap individu yang memiliki kad pintar ini sebab saya difahamkan iaitu konsortium GMPC Corporation ini dalamnya itu banyak syarikat dari luar, walaupun syarikat itu didaftarkan di Malaysia tetapi kebanyakan teknologi dan sistem itu adalah merupakan teknologi dan sistem daripada luar.

Maka, sudah tentulah bahawa kebimbangan yang amat sangat daripada kalangan masyarakat dan rakyat negara kita ini ialah sejauh mana pihak kerajaan boleh memastikan syarikat-syarikat ini tidak mengeksploitasi terhadap maklumat-maklumat yang mudah diperolehi daripada teknologi dan sistem yang mereka sediakan sendiri walaupun terdapat daripada syarikat-syarikat dalam konsortium GMPC ini dari negara kita tetapi masih lagi bergantung kepada teknologi daripada luar. Sebab itu apa salahnya kalau kerajaan melibatkan syarikat-syarikat daripada dalam negara kita yang mahir dalam soal IT dan sebagainya yang perlu diberikan peluang untuk terlibat secara langsung untuk membangunkan teknologi dan sistem yang tersendiri yang tidak bergantung kepada sistem yang dibuat oleh pihak yang lain.

Saya beri satu contoh dari sudut pelaksanaan melalui kad pintar ini iaitu melalui sistem *e-purse* ataupun *e-cash*. Saya difahamkan bahawa kita masih lagi bergantung kepada satu sistem yang kita perolehi daripada MEPS tetapi MEPS hanya mendapat sistem itu yang setelah ia dilesenkan oleh satu syarikat Proton, namanya Proton – bukan Proton Saga, Syarikat Proton. Syarikat ini merupakan syarikat yang beribu pejabat di Belgium yang melibatkan satu syarikat besar yang pelaksanaannya dia joint venture (JV) dengan American Express, dengan Visa dan juga Bank Seis yang juga dari Belgium.

Jadi oleh sebab itu, mungkin dari sudut *e-purse* itu, *e-cash* itu masih boleh digunakan jika MEPS terus dilesenkan oleh Proton tetapi apa akan jadi kalau satu hari nanti Proton tidak lagi melesenkan kepada MEPS dan sudah tentulah bahawa kad pintar itu tidak akan memberikan apa-apa makna. Ini satu contoh yang saya tunjukkan bagaimana kebergantungan kita apabila kita bergantung kepada teknologi dan sistem yang dibuat oleh tangan-tangan asing, maka sudah tentu ia akan memberikan



kejejasan kepada masa depan negara kita sendiri dan juga masa depan dari sudut keselamatan dan sebagainya.

Jadi, oleh sebab itu saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah usaha-usaha pihak kerajaan untuk menangani persoalan-persoalan seperti ini dan juga saya sebutkan tadi apabila kita bergantung teknologi dan sistem ini kepada syarikat-syarikat ini dan termasuk juga bukan sahaja syarikat-syarikat daripada luar, termasuk syarikat dalam negeri, umpama syarikat seperti mana *high risk technology* umpamanya, syarikat yang dimiliki oleh Vincent Tan yang saya tahu daripada Kumpulan Berjaya Groups – daripada Vincent Tan walaupun diselindungi dengan 30% milik Tan Sri Razali yang sekarang ini masih menjadi wakil di PBB – itu hanyalah satu perlindungan untuk memperlihatkan seolah-olah syarikat itu syarikat daripada bumiputera.

Yang saya hendak persoalkan di sini ialah bukan soal syarikat bumiputera ataupun tidak tetapi yang saya hendak persoalkan di sini ialah sejauh mana syarikat-syarikat ini yang mengendalikan sistem dan teknologi untuk kad pintar ini boleh menjamin bahawa mereka tidak akan mengeksploitasi dan sejauh mana usaha pihak kerajaan untuk memastikan bahawa eksploitasi yang kemungkinan besar boleh dilakukan oleh mereka yang boleh mengakibatkan pelbagai persoalan berlaku dalam negara kita.

Seperti mana disebut tadi bahawa kalau selama ini pun dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara, kita boleh ada IC palsu umpamanya, apakah tidak kemungkinan apabila kita bergantung sistem itu kepada dikendalikan oleh sebuah syarikat asing dan juga syarikat dalam negara kita yang lebih mudah mereka eksploitkan benda-benda tersebut seperti mana disebut juga tadi bahawa dalam negara kita kad kredit sendiri orang boleh eksploit. Jadi, sudah tentulah ini akan memberikan kejejasan kepada masa depan keselamatan dalam negara kita.

Juga saya ingin bertanya apabila ia dibangunkan oleh syarikat multinasional daripada luar dan sebagainya bagaimana status hak milik teknologi dan sistem ini, iaitu sistem yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat daripada luar dan juga syarikat-syarikat yang terlibat dalam GMPC Corporation iaitu satu konsortium yang diamanahkan untuk membangunkan kad pintar ini. Begitu juga ingin saya dapatkan penjelasan, maka sudah tentulah pelaksanaannya satu hari nanti kad pengenalan yang ada tidak ada digunakan lagi, maknanya kita memakai kad pintar, maka pada waktu itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan berapakah kos yang akan dikenakan kepada rakyat, kos untuk memiliki. Sekarang ini masih lagi percuma sebab hanya di peringkat sekarang ini ahli-ahli Parlimen, kemudian di Lembah Klang, 'firstnya' di peringkat Bangsar yang dilaksanakan tetapi bila dilaksanakan untuk seluruh 22 juta atau 23 juta rakyat Malaysia sudah tentu dia akan memakan kos yang agak besar. Pada waktu itu kemungkinan besarnya dia akan mengenakan charge kepada individu ataupun kepada rakyat.

Jadi, dengan sebab itu saya ingin tahu berapakah jumlah kos ataupun bayaran yang akan dikenakan ke atas rakyat yang akan menggunakan kad pintar ini. Saya bersetuju dengan rakan saya daripada Parit Sulong tadi bahawa usaha untuk membina ketahanan diri di kalangan masyarakat kita khususnya mereka yang terlibat dalam pengendalian kad pintar ini, pengendalian data dan maklumat ini untuk benar-benar menjaga keselamatan kerahsiaan ini. Tetapi saya bersetuju pula bahawa untuk semua rahsia, kalau rahsia-rahsia yang terlibat dengan soal penyelewengan pemimpin-pemimpin kerajaan itu tidak payahlah hendak disembunyikan. Beritahu kepada rakyat, sebab kepentingan rakyat yang perlu diutamakan, bukannya kepentingan melindungi pemimpin-pemimpin kerajaan yang terlibat dengan pelbagai penyelewengan.

Sekarang ini kita melihat bahawa OSA cuba mengkategorikan juga soal rahsia-rahsia yang melibatkan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional sebagai rahsia rasmi kerajaan yang tidak diberitahu kepada sesiapa, seperti mana kes yang berlaku rakan saya saudara Izam yang melibatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Balik kepada asal Yang Berhormat. Tidak boleh sebut yang itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** .. dan ini menunjukkan kepada kita bagaimana bahawa kerahsiaan-kerahsiaan itu yang cuba diselewengkan ataupun cuba-cubakan diselewengkan oleh pihak kerajaan. Sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Tuaran.

**3.18 ptg.**

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya bagi pihak rakyat yang saya wakili seluruh kawasan Tuaran mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas keprihatinan kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri kerana telah mengkaji semula beberapa seksyen di dalam Akta Pendaftaran Negara 1959 setelah beroperasi selama lebih 40 tahun terutama sekali pindaan terhadap Seksyen 6(2)(u) iaitu satu pindaan untuk menaikkan penalti yang melebihi RM3,000 ataupun penjara selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali kepada RM50,000 ataupun penjara selama tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali, kepada sesiapa yang melanggar mana-mana peraturan berhubung dengan pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959.

Langkah kerajaan untuk meminda Seksyen 6(2)(u) ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sememangnya amat serius bagi membanteraskan semua jenayah berkaitan dengan dokumen-dokumen yang bersangkutan dengan kewarganegaraan. Saya amat yakin rakyat di seluruh negara akan memberi sokongan padu terhadap langkah kerajaan yang begitu baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini sememangnya kena pada tempat dan masanya. Ini adalah kerana negara kita yang tercinta ini sedang berhadapan dengan satu cabaran yang begitu berat berhubung dengan soal-soal kewarganegaraan berikutan kehadiran orang-orang asing yang begitu besar bilangannya di negara kita. Cabaran amat berat ini boleh kita amati dengan adanya gejala pemalsuan kad pengenalan, penyalahgunaan dokumen-dokumen kewarganegaraan seperti surat-surat beranak dan juga kad pengenalan yang sering kita baca di surat-surat khabar.

Di negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, sudah begitu banyak seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi orang-orang asing yang telah diheret ke mahkamah kerana mempunyai kad-kad pengenalan palsu. Tetapi walaupun sudah begitu banyak yang didakwa di mahkamah, masih lagi berleluasa kegiatan sindiket yang memberikan kad pengenalan palsu ini.

Orang asing yang dengan senang kita cam, kita kenali sebagai berasal daripada negara tertentu hanya daripada loghat percakapannya telah didapati mempunyai kad-kad pengenalan. Jika tidak keterlaluan kita boleh ataupun setiap hari ataupun setiap minggu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran bahawa ini adalah betul dan, kita boleh baca setiap hari di akhbar-akhbar tempatan di negeri Sabah. Dengan bertatarbelakangkan keadaan seperti ini Tuan Yang di-Pertua, saya wakil rakyat daripada semua lapisan rakyat di kawasan Tuaran Sabah menyokong penuh terhadap pindaan Seksyen 6(2)(u) itu.

Malah Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pemalsuan kad pengenalan ini sebagai satu jenayah yang lebih berat dan serius daripada kes jenayah pengedar dadah ataupun kes rogol. Sebab ini melibatkan kedaulatan negara, soal martabat bangsa dan juga soal maruah bangsa. Jadi, kalau pengedar dadah hukumannya gantung sampai mati, kalau perogol dipenjarakan sehingga 20 tahun dan juga disebat, kenapa pula penalti terhadap penjenayah yang melibatkan secara langsung kepada kedaulatan negara, maruah dan martabat bangsa hanya dipenjarakan lima tahun dan hanya denda RM50,000. Saya fikir penalti ini tidak mencerminkan cinta kasih serta patriotisme kita terhadap negara kita yang berdaulat dan yang amat kita sayangi.

Saya mohon mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya denda dan penjara ini dinaikkan lagi setimpal dengan cinta kasih terhadap kedaulatan negara kita ini. Bayangkanlah kalau kesemua lebih 2 juta warga asing yang berada di negara kita pada hari ini mendapat kad pengenalan dan kemudiannya kan menjadi warganegara dan seterusnya menjadi pemimpin negara ini, adakah mereka ini akan menjaga maruah dan martabat negara kita ini atau adakah mereka ini telah menakluki secara negara kita secara senyap-senyap.

Ingatlah, Tuan Yang di-Pertua, amaran yang telah dinyatakan dalam laman web [www.sandakan.com](http://www.sandakan.com), mereka menyatakan kita boleh kerahkan tentera sebanyak 10 juta..

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat Lipis berdiri Yang Berhormat. Ada yang berdiri.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** .. Sebentar, saya siapkan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu, tunggu.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Okay.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** .. kita boleh kerahkan sampai 10 juta dan mereka mengatakan inilah masanya sebab kita sudah berada di tanah Malaysia ini. Mereka mengatakan bahawa bukan kita yang *illegal* tetapi orang Malaysia yang tinggal di Sabah ini *illegal* sebab mereka ini menyewa negara Sabah. Saya ingat kita harus mengambil iktibar dari perkara ini dan sebab ini saya mengatakan bahawa hukuman itu harus setimpal dengan rasa cinta rasa kasih kita terhadap negara ini. Ya Yang Berhormat Lipis persilakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini penjelasan lagi Yang Berhormat, tunggu dahulu.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Bukankah Yang Berhormat bagi Tuaran minta supaya penalti dinaikkan dan menyebut juga kes yang lain berhubung dengan penalti ini. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya dikenakan juga hukuman sebat kepada penjenayah-penjenayah ini. Terima kasih.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak minta penjelasan. Ya, Yang Berhormat bagi Bandau, sila.

**Dr. Maximus Johnnity Ongkill:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya setuju dengan pandangan yang dikeluarkan setakat ini, soal ringannya denda-denda yang diberikan melalui peruntukan rang undang-undang yang dicadangkan ini. Yang Berhormat mengatakan satu kesalahan yang besar mengakibatkan martabat bangsa dan seterusnya saya bersetuju 100%. Namun demikian kita tambahkan sekadar jumlah tahun dia ditahan dan denda adakah Yang Berhormat setuju bahawa mereka yang terlibat ini yang menggunakan kad pengenalan palsu adalah mereka yang orang asing. Mereka tiada duit dan mereka juga masuk keluar begitu sahaja dan kalau kita beri tambah denda dia tidak boleh bayar dan kalau kita tambah tahun dia hanya begitu lama tinggal di dalam penjara, minta makan dengan negara Malaysia. Jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita perlu memikirkan secara mendalam dan mereka disebat supaya tidak sama sekali digalakkan melakukan lagi tindakan begitu. Terima kasih setuju atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sudah setuju, Lipis ini tadi bertanya.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya fikir Yang Berhormat, denda yang kita cadangkan ini adalah kepada mereka, sindiket-sindiket yang mengeluarkan kad pengenalan ini. Saya ingat pendatang tanpa izin ini bukan senang hendak mendapatkan dokumen-dokumen ini tanpa sindiket. Jadi kepada sindiket inilah yang kita mahu sebat, mahu kenakan denda yang begitu tinggi. Kepada pendatang tanpa izin itu senang sahaja, hantar dia balik, tidak perlu lagi letak penjara, senang, hantar balik. Seperti mana yang saya nyatakan di Dewan yang mulia ini pada tempoh hari untuk hendak pastikan sebab ia tidak balik lagi, tandakan dia, cop dia supaya lain kali dia balik, kita tahu siapa orangnya. Saya ingin teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, teruskanlah Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya ambil contoh tentang kehadiran orang asing yang berada di negeri Sabah tidak kira yang berstatus pelarian, yang berstatus pendatang tanpa izin ataupun yang berstatus pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pasukan petugas khas persekutuan memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Sabah. Fakta-fakta yang diberikan kepada kami ialah seperti berikut. Dapada segi bilangan orang asing yang berada di Negeri Sabah terdapat 57,179 orang pelarian Filipina. Kemudian terdapat 100,000 hingga 200,000 yang berstatus dipanggil pendatang tanpa izin (PTI) dan kemudiannya terdapat lebih kurang 400,000 pekerja asing yang mempunyai dokumen yang sah.

[Tuan Yang di-Pertua *Mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Ini bererti bahawa terdapat lebih kurang di antara 600,000 hingga 700,000 orang asing yang berada di negeri Sabah berbanding dengan warganegara Malaysia di Sabah yang hanya lebih kurang 1.8 juta. Bayangkanlah keadaan ini, bayangkanlah perasaan khuatir, perasaan cemas rakyat Malaysia di negeri Sabah. Lanjutan daripada taklimat tersebut Tuan Yang di-Pertua, pada 17 April 2000, saya telah bertanya satu soalan yang agak spesifik di Dewan yang mulia ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada anak-anak pelarian Filipina di Sabah itu bersekolah ataupun tidak dan kalau bersekolah di manakah sekolah-sekolah tersebut. Soalan saya tersebut telah dijawab secara bertulis oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atau Tan Sri Bernard Dompok. Jawapan beliau yang telah dibuat secara bertulis pada saya dan saya baca satu petikan daripada jawapan tersebut secara verbatim Tuan Yang di-Pertua seperti berikut;

*"Anak-anak pelarian bersekolah di sekolah kerajaan sekiranya masih ada tempat kosong untuk menampung mereka dan ada yang langsung tidak bersekolah. Bagi yang bersekolah, kebanyakan mereka bersekolah di sekolah-sekolah kerajaan yang berhampiran dengan penempatan mereka. Jumlah keseluruhan mereka yang bersekolah sehingga 1 Januari 2001 ialah seramai 17,580 orang yang terdiri daripada 8,871 lelaki dan 8,709 perempuan. Hampir keseluruhan daripada jumlah tersebut adalah anak-anak kepada pelarian Filipina. Dari jumlah itu, 14,380 orang bersekolah di sekolah kebangsaan, 807 di sekolah jenis kebangsaan dan 2,393 di sekolah menengah kebangsaan. Ada juga di kalangan mereka yang bersekolah di sekolah-sekolah yang mereka kendali sendiri di bawah pengawasan pasukan petugas khas persekutuan bahagian keselamatan negara di beberapa penempatan."*

Tuan Yang di-Pertua, apabila jawapan tersebut dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan di Sabah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kemaman bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Boleh saya siapkan? Bermacam-macam reaksi telah diberikan oleh para pemimpin dalam kerajaan negeri Sabah, pemimpin-pemimpin persekutuan sukarela dan juga ahli-ahli politik, penyokong kerajaan dan penyokong pembangkang. Saya dan pihak Jabatan Perdana Menteri tidak sebut pun soal pendatang tanpa izin tetapi pelbagai pihak telah dengan sewenang-wenangnya menyatakan bahawa yang kita sebut itu ialah pendatang tanpa izin. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua ialah mereka tidak lagi dapat membezakan tiga status orang asing yang berada di Sabah iaitu mereka yang berstatus pendatang tanpa izin, mereka yang berstatus pelarian dan yang berstatus pekerja asing yang berdokumen yang sah. Ketiga-tiga kumpulan orang asing yang ada Sabah itu harus jangan dikelirukan oleh mana-mana pihak pun. Silakan Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada pendatang-pendatang tanpa izin ini dibawa oleh pihak kerajaan sendiri dan mereka diberi kad pengenalan dan mereka didaftarkan sebagai pengundi-pengundi di kawasan-kawasan tertentu seperti mana di kawasan Kemaman terdapat setakat ini 1,400 orang pengundi-

pengundi daripada kerakyatan Burma dan 900 lagi akan didaftarkan untuk menjadi pengundi dan mereka dibawa oleh kerajaan sendiri. Jadi apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Ahli Yang Berhormat ada bukti, serahkanlah laporan kepada pihak berkuasa, tanya kepada menteri. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Pendek ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita kena panjangkan Mesyuarat pada malam ini pula, saya sangat dukacita kalau sekiranya terpaksa ....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Perkara ini penting Tun, perlu kita bahaskan. Saya teruskan Tun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Yang kurang menyenangkan Tuan Yang di-Pertua ialah masih ada pegawai-pegawai kita di pelbagai agensi kerajaan yang tidak faham-faham dan sendiri keliru dengan tiga status utama orang asing yang berada di Sabah itu. Kefahaman yang tidak menyeluruh itu telah mengakibatkan kekeliruan di kalangan mereka, di kalangan media massa dan seterusnya rakyat jelata, kita juga turut keliru. PTI itu samalah dengan pelarian dan pekerja asing dan sebaliknya, begitulah persepsi mereka. Akhirnya pelbagai reaksi telah timbul, saya harap pihak penguat kuasa undang-undang juga tidak terkeliru sebab nanti kalau keliru, bercelaru pula nanti buat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjernihkan kekeliruan dan kekusutan maklumat tersebut saya mohon mencadangkan Dewan yang mulia ini supaya kerajaan sama ada melalui Jabatan Perdana Menteri mahupun melalui Kementerian Dalam Negeri memberi taklimat yang terperinci kepada semua ketua-ketua jabatan kerajaan sama ada persekutuan, negeri di Sabah. Kemudian pemimpin-pemimpin masyarakat melalui ketua-ketua kampung, wakil-wakil keturunan negeri, ketua-ketua negeri, ketua-ketua daerah, pengerusi-pengerusi JKK dan JKDB dan juga kepada wakil-wakil rakyat serta pemimpin-pemimpin parti politik supaya diberi taklimat yang terperinci supaya mereka benar-benar faham dan menghayati soal kebanjiran orang-orang asing di Sabah yang terlalu banyak bilangannya. Untuk ini, saya mohon supaya kerajaan memberi peruntukan khas untuk mengendalikan sesi-sesi taklimat tersebut.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada saya secara bertulis pada 17 April 2001 bahawa sesungguhnya terdapat 17,890 pelajar daripada kalangan orang asing di Sabah bersekolah di sekolah-sekolah kerajaan dekat dengan penempatan mereka dan hampir keseluruhan daripada jumlah orang asing tersebut adalah terdiri daripada anak-anak pelarian Filipina. Seperti mana penjelasan yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan negeri Sabah dan juga daripada pasukan petugas khas persekutuan melalui akhbar tempatan tempoh hari bahawa sesungguhnya tidak ada anak-anak orang asing di Sabah yang berstatus pendatang tanpa izin ataupun *illegal immigrant* yang bersekolah di sekolah-sekolah kerajaan. Yang ada bersekolah hanyalah anak-anak pelarian Filipina dan anak-anak pekerja asing yang mempunyai dokumen yang sah untuk tinggal di Sabah.

Saya harap semua pihak dapat menerima penjelasan tersebut secara baik cuma Tuan Yang di-Pertua, saya selaku wakil rakyat meminta penjelasan Menteri Pendidikan dan Menteri Dalam Negeri, apakah dokumen-dokumen yang telah digunakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk mendaftarkan anak-anak pelarian Filipina tersebut di sekolah-sekolah kerajaan. Sebab, sepertimana yang saya telah sebutkan awal tadi, bahawa saya telah diberitahu oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri sesungguhnya hampir keseluruhan daripada 17,580 pelajar orang asing di Sabah itu adalah terdiri daripada anak-anak pelarian Filipina.

Jadi, bererti sememangnya wujud kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu bapa orang asing yang berstatus pelarian yang bersekolah di sekolah-sekolah kerajaan. Jadi, saya pun bertanya, mana satu undang-undang dan peraturan yang telah diguna pakai oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk mendaftar anak-anak orang asing negara kita yang berstatus pelarian untuk membolehkan mereka mendapat pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan.

Saya telah berkesempatan bertanya kepada seorang bekas Guru Besar yang pernah menerima dan mendaftar anak-anak pelarian Filipina di sekolahnya sewaktu ketika dahulu dan beliau memberitahu saya bahawa dokumen yang telah digunakan ialah surat sumpah yang telah diperakui oleh Ketua Kampung. Saya tanya dia, siapa punya Ketua Kampung, Ketua Kampung pelariankah ataupun Ketua Kampung orang tempatan? Beliau tidak dapat menjawabnya dan saya amat sangsi dan merasa kesal dan dia sendiri tidak dapat jawab. Cuma beliau memberitahu saya bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah mengeluarkan satu surat pekeliling sekitar tahun 1998 bahawa anak-anak pelarian Filipina tidak lagi boleh didaftarkan di sekolah-sekolah kerajaan hanya dengan menggunakan surat sumpah. Kini, mereka hendaklah mendapatkan surat daripada Jabatan Imigresen di bawah Akta Pendidikan 1996 iaitu *Education Regulation Enrollment to School Registration and Student Retention of School 1998*.

Soalan tambahan saya dalam soal ini ialah, berapakah di kalangan anak-anak pelarian Filipina ini yang telah diberi kelulusan oleh Jabatan Imigresen di bawah akta tersebut? Kalau ada kelulusan, di bawah undang-undang manakah Jabatan Imigresen gunakan untuk mereka meluluskan permohonan orang yang berstatus pelarian ini. Kalaulah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengatakan, "*Oh, we did it on humanitarian ground*", then saya mahu tanya lagi, apa akan jadi selepas SPM, selepas STPM, adakah anak-anak pelarian Filipina ini akan diterima di IPTA? Kemudian, selepas bergraduate di IPTA, adakah mereka ini boleh memohon kerja? Sebab mereka ini tidak mempunyai kad pengenalan. Dimasukkan di sekolah kerana *humanitarian ground*, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, *there is no end to this on humanitarian ground business*. Mereka sudah berada di negara kita ini, sejak tahun 1972. Jadi, apabila kita menyatakan soal martabat bangsa, maruah bangsa, kedaulatan negara, saya fikir kita tidak boleh berkompromi dengan soal mengatakan *on humanitarian ground*, sampai bila ini? Penjelasan diberikan setakat ini memang masih belum memuaskan dan saya mohon penjelasan supaya jangan ada lagi kekeliruan dan kekusutan maklumat. Tolonglah beri penjelasan yang seikhlas-ikhlasnya. Sebagai contoh, saya boleh lagi tanya, bagaimanakah Jabatan Pendaftaran Negara dapat menerima surat sumpah daripada orang asing yang berstatus pelarian, bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya nyatakan di sini bahawa saya bukan membuat apa-apa dakwaan di sini. Saya ikhlas meminta penjelasan supaya kita dapat menjemihkan kekusutan yang terjadi akibat maklumat-maklumat yang bercanggah yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan yang secara langsung atau tidak langsung berurusan dengan soal dokumen-dokumen kewarganegaraan. Saya boleh lagi bertanya beberapa soalan di dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Misalannya apakah sebenarnya dokumen yang telah digunakan oleh pelarian Filipina ini untuk membolehkan mereka didaftarkan di sekolah-sekolah kebangsaan, apa sebenarnya? Saya ingin tahu, kemudian daripada 2,393 orang kanak-kanak orang asing yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan itu, yang telah dilaporkan itu, berapa di kalangan mereka yang anak daripada orang yang berstatus pelarian Filipina dan apakah dokumen yang telah diguna pakai untuk mendaftar di sekolah?

Kemudian, saya ingin bertanya lagi, apakah orang asing yang berstatus pelarian tertakluk kepada peruntukan *Education Act 1996*? Adakah mereka sebenarnya tertakluk dengan akta ini? Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting bagi kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri memberi penjelasan yang menyeluruh terhadap persoalan-persoalan yang saya utarkan itu demi untuk menjemihkan kekusutan sepertimana yang saya katakan tadi. Sebab, setelah umum didedahkan dan penerimaan atau *enrollment* anak pelarian di sekolah-sekolah kebangsaan termasuk sekolah menengah di Sabah banyak persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua dalam soal ini, saya amatlah berharap supaya dengan adanya pindaan terhadap seksyen 6(2)(u) tersebut, maka semua pihak akan mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang ada hubung kait

dengan pendaftaran negara. Dalam masa yang sama, kita berharap pegawai di semua peringkat di Jabatan Pendaftaran Negara akan melaksanakan kedaulatan undang-undang dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Untuk ini semua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi peruntukan yang mencukupi untuk Jabatan Pendaftaran Negara supaya jabatan ini akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa gangguan khususnya untuk menangani soal kehadiran orang-orang asing dengan pelbagai status dan karenah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan seksyen baru iaitu seksyen 3B iaitu yang diperkatakan dalam pindaan ini, iaitu berhubung dengan pelantikan pegawai-pegawai pendaftar dan juga ejen-ejen pendaftar, saya berharap pada sesiapa yang dilantik, pihak berkuasa akan memastikan agar mereka diberi kursus ketatanegaraan yang mencukupi supaya mereka ini akan sentiasa mempertahankan kedaulatan undang-undang dan keluhuran perlembagaan sepertimana yang dituntut oleh Rukun Negara. Kita yakin kepada pegangan mereka terhadap Rukun Negara tetapi oleh kerana tugas dan tanggungjawab yang mereka pikul ini adalah secara langsung berkait rapat dengan kedaulatan negara, maka perlulah mereka diberi *refresher courses* dalam soal ketatanegaraan. Bagi mereka yang disabitkan kesalahan kerana melanggar peraturan, hukuman sepertimana yang dicadangkan dalam pindaan ini akan dilaksanakan dengan penuh ketegasan.

Oleh sebab pindaan ini adalah *retrospective* kepada 1 November, 2000, saya ingin bertanya adakah *consent* masih lagi diperlukan terhadap pelantikan terhadap pegawai-pegawai pendaftaran di kalangan kakitangan negeri yang telah dilantik sebelum pindaan ini diluluskan. Sebagai kesimpulan, saya berharap tidak lagi ada kekeliruan berhubung dengan orang asing yang berada di negara kita ini, khususnya yang berada di Sabah dan kita berharap selepas ini, sistem pendidikan negara akan dapat dipulihkan daripada ketidakselarasan peraturan yang telah digunakan untuk menerima pelajar asing dalam sistem pendidikan negara kita.

Dalam soal ini, pihak Jabatan Pendaftaran hendaklah bertegas, berhemah tinggi, beramanah dan bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang pendaftaran yang dipinda ini. Jangan lagi ada kes seperti yang diberitahu oleh seorang sahabat kepada saya bahawa terdapat satu kedai di Pekan Kalabakan Tawau, yang telah beroperasi sebagai pusat sindiket buat kad pengenalan palsu sehingga hampir semua orang tempatan di sekitar Kalabakan tahu tentang perkara ini tetapi pihak berkuasa termasuklah pihak polis, pihak Jabatan Pendaftaran Negara hanya berdiam diri sehingga sekian lama dan saya diberitahu bahawa operasi ini masih lagi berjalan sehingga pada hari ini.

Saya juga minta supaya kerajaan jangan lagi berlengah-lengah bagi menggerakkan Jawatankuasa Kabinet tentang pekerja asing, pendatang tanpa izin dan pelarian yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk beroperasi. Saya tidak faham kenapa para pegawai mengambil masa yang begitu lama untuk menyediakan *terms of reference* untuk Jawatankuasa Kabinet ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet ini mempunyai tugas yang amat penting, sebab kita sudah membaca di surat-surat khabar tentang pelbagai cadangan bagaimana menangani masa depan 57,179 orang pelarian Filipina di Sabah yang telah berada di Sabah sejak tahun 1972 termasuklah cadangan untuk menarik balik status pelarian mereka daripada mereka dan sebaliknya diberi status pekerja asing setelah diberi dokumen-dokumen *regular* resasi seperti pasport, pas kerja dan sebagainya.

Perkara ini perlu dipertimbangkan dan dalam surat khabar pagi ini, saya telah membaca Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah mengatakan bahawa perkara ini kita akan kaji dan saya fikir Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri perlulah meneliti perkara ini dengan teliti sebab ini adalah perkara yang begitu kritikal bagi pandangan saya sebab, jika kita lihat dengan keadaan orang-orang asing yang di Sabah ini, agak susah bagi kita sebenarnya melihat di mana satu yang pelarian Filipina, di mana satu yang pendatang tanpa izin dan di mana satu yang pekerja asing sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi, begitu susah bagi kita.

Pada hari-hari cuti, kita boleh pergi ke Centre Point, *shopping complex* di Kota Kinabalu dan kita boleh lihat mereka di seluruh *shopping complex* dan kita tidak dapat membezakan daripada status mereka tetapi kita tahu bahawa pihak kerajaan dengan data-data pangkalan yang ada terutama sekali dalam soal pelarian Filipina ini, mereka

mempunyai data dan kita tahu status yang bertalian. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri atas pindaan ini. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lima orang sekarang Ahli yang hendak berucap. Kita ada dua lagi rang undang-undang dan lima lagi usul Kementerian Kewangan. Saya harap kalau sekiranya lima orang – 10 minit pun, sudah 50 minit ya. [Disampuk] 10 minit seorang, sudah jadi 50 minit itu, campur lima didarab dengan lima. Soalnya takut ada yang hendak pulang ya, hari ini hari yang *last*. [Ketawa] Yang sebelah sini pun banyak yang kosong.

Bagaimana saya hendak menguruskan perkara ini. 10 minit sudah 50 minit. Perkara berkenaan dengan di Sabah dan di Sarawak itu berkenaan dengan orang-orang asing dapat kad pengenalan dan sebagainya, itu telah banyak dikemukakan pada hari yang mula dahulu lagi. Harap janganlah diucapkan perkara itu lagi ya.

Lima minit ya, saya bagi lima minit. *All right*. [Ketawa] Baiklah Bagan, lima minit. [Ketawa]

3.46 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau lima minit, sedialah tanya dalam *form* soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak boleh berucap. Tuan Yang di-Pertua, memang JPN ini satu jabatan yang sangat penting. Dalam seumur hidup kami berapa kali kena jejak ke JPN ini. Apabila lahir kena pergi, apabila kahwin kena pergi, apabila mohon kad pengenalan kena pergi, satu hari nanti mahu buat 'balik' pun kena pergi sana.

Jadi, ini memanglah sangat mustahak. Saya perlu tanya di sini, mengapa pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Pengarah JPN hendaklah melalui Yang di-Pertuan Agong. Adalah diketahui umum bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh bertindak dengan sesuka hati sendiri. Yang di-Pertuan Agong perlu bertindak atas nasihat Perdana Menteri dan ini seperti pelantikan hakim-hakim mahkamah – adakah orang ramai boleh yakin kepada hakim-hakim mahkamah pada masa sekarang.

Ini juga saya takut akan membuka satu *flat gate* di mana pada satu hari yang kemudian semua Ketua Pengarah jabatan-jabatan kerajaan yang lain, semua boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan bukan lagi Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini satu soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan kad pintar. Saya mengucapkan terima kasih kepada JPN kerana menghantar satu tim kakitangan JPN ke bangunan Parlimen untuk membuat kad pintar kepada semua Ahli Parlimen, kakitangan-kakitangan kerajaan dan mungkin orang ramai pun boleh buat di sana. Ada di kalangan kita sudah dapat kad pintar dan ini memberi kita satu kefahaman yang lebih dalam mengenai fungsi-fungsi dan kelebihan-kelebihan kad pintar ini.

Dengan pengenalan kad pintar di mana kami mengagung-agungkan mungkin kerajaan boleh melangkah satu langkah lagi ke arah mendaftarkan pengundi-pengundi pilihan raya yang layak dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Mengapa SPR perlu melancarkan pendaftaran pengundi-pengundi setiap tahun dan hasilnya atau *result* nya bukanlah baik sangat.

Misalannya, kempen mendaftarkan pengundi tahun ini telah bermula pada awal bulan ini dan akan tamat pada akhir bulan ini tetapi adakah ini sangat menggalakkan atau mengecewakan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri atau Timbalan Menteri, bolehkah kerja ini iaitu mendaftar pengundi melalui kad pintar satu hari nanti sebab ini sangat canggih dan boleh dipakai, saya ada keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, selepas mendapat kad pintar ini di mana butir-butir peribadi dan lesen memandu telah dimasukkan dan dikata lagi boleh memuatkan maklumat-maklumat berkenaan dengan imigresen dan kesihatan. Bagaimana selepas kami mendapatkan kad pintar ini dan kami ingin memasukkan *passport number* kah, butir-butir pasport, adakah kami kena membawa kad pintar ini dan pergi ke *Immigration Office* dan minta mereka supaya memasukkan data-data ini.



Sekiranya dapat dimasukkan segala butir-butir imigresen, bolehkah kad pintar ini dipakai sebagai satu naskhah passport di mana kami tidak payah lagi membawa passport ke luar negeri dan hanya bawa kad pintar ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukup?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sudah lima minit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Okaylah. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandau, ya.

3.51 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dalam masa yang diberikan saya rasa tidak adil kepada rang undang-undang inilah.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Lagipun saya wakil parti belum berucap, Tuan Yang di-Pertua, yang lain...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, saya pun tidak seronok juga ya. *[Ketawa]* Hendak buat macam mana ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Baiklah, saya sekadar mahu mengemukakan beberapa persoalan dan penjelasan. Saya turut bertanya mengenai Fasal 3, mengenai pelantikan Pengarah Bahagian Kad Pengenalan yang dilantik oleh Menteri. Ini satu jabatan, ini satu peruntukan yang amat baru. Kalau ia satu agensi ataupun satu institusi di bawah kementerian, ini bolehlah seperti yang diperuntukkan dalam peruntukan rang undang-undang yang lain tetapi ini sebagai satu jabatan, biasanya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah nasihat Kabinet yang melakukan pelantikan tersebut.

Jadi, apa sebab ini dipilih oleh Menteri sendiri? Begitu juga nampaknya peruntukan bagi pelantikannya bagi setiap Pengarah di peringkat negeri. Jadi, apa logiknya peruntukan ini diberi, walhal Menteri itu bila-bila boleh berpindah dan ini pula kuasa diberi kepada Menteri yang berkenaan sahaja. Jadi, ini satu peruntukan yang amat baru. Apakah rasional di bawah peruntukan ini dan apa yang ingin dicapai oleh peruntukan ini? Kita ragu bahawa faktor politik dan seterusnya diambil kira di dalam soal pelantikan selain daripada faktor seperti kesesuaian dan pengalaman panjang dan sebagainya.

Seterusnya di bawah peruntukan Seksyen 3B, di mana pegawai-pegawai pengangkutan jalan dan pegawai-pegawai imigresen diberi kuasa untuk menjalankan kewajipan di bawah Akta 78 ini dan saya ingin bertanya, ini satu peruntukan juga yang begitu luas sekali. Apakah di bawah Akta 78 ini yang akan diperuntukkan kepada mereka sebab seperti yang kita sedia maklum di dalam jabatan pun, pegawai tidak mencukupi pada masa yang sama.

Dalam jabatan dahulu pun, berapa. Dalam tahun 1995, kira-kira 14 kah, 16 pegawai yang ditangkap di bawah ISA kerana terlibat di dalam salah guna kuasa, dalam pemalsuan kad pengenalan. Jadi, kita memperluas pula dengan melantik, memberi ataupun mendelegasikan kuasa kepada jabatan yang tertentu, apa jaminan bahawa pelantikan pegawai-pegawai tertentu adalah dijalankan dengan betul, tidak ada salah guna kuasa dan pada masa yang sama juga, apakah seksyen-seksyen tertentu di bawah Akta 78 ini yang diberi kepada mereka ini. Saya bersependapat dengan Yang Berhormat bagi Tuaran, Jabatan Pendaftaran Negara adalah jabatan yang bagi saya, antara yang terpenting, barangkali antara lima yang terpenting di negara kita. *They are the custodian of our citizenship rights in this country*, dengan izin dan kalau pegawai-pegawai sewenang-wenang tidak menjalankan tugas, terlibat dalam soal pemalsuan seperti yang terjadi kepada yang ditangkap di bawah ISA itu, maka negara kita, saya

hairan, saya tidak tahu di mana kita ingin pergi dengan negara kita kalau beginilah imej dan *standard*, dengan izin, prestasi perjalanan jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa melalui peruntukan-peruntukan undang-undang ini bahawa Jabatan Pendaftaran Negara akan bertukar imej khususnya di peringkat negeri Sabah, imej begitu teruk sekali dengan maaf saya katakan ini sebab dengan berleluasa pendatang asing yang hadir, pemalsuan kad pengenalan, syukur sahaja jabatan tidak disebut jabatan palsu kerana imej yang begitu teruk sekali. Saya berharap bahawa dengan ada peruntukan dan perubahan kepada undang-undang, imej akan berubah, prestasi tugas akan berubah, perjalanan dan fungsi jabatan akan bertambah baik dan seterusnya. Kalau tidak, ini sekadar memberi kuasa yang sebenarnya kuasa yang kita berkemungkinan tidak digunakan sepenuhnya untuk memperbaiki keadaan yang semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, soal IC palsu ini harian di surat khabar negeri Sabah. Ini petikan surat khabar kelmarin. Saya tidak dapat baca, saya hanya mengatakan dengan izin, "*Fake identity card. Two Indonesians man jailed 17 month each*". Dan kesnya senang sahaja, IC baru. Nama orang ini Jamal Dahari dan Riki Yahuk. Jamal Dahari ditangkap pada April 28, menggunakan IC 620515-12-5413 dan dikatakan palsu dan sedang disiasat di Jabatan Pendaftaran Negara di ibu pejabat. Dan satu lagi Riki, dia ditangkap pada 29 April menggunakan kad pengenalan baru 751210-12-5037 yang sebenarnya kad pengenalan yang telah diberi kepada Encik Abdul Kadir Abdullah. So, pihak mahkamah majistret telah melakukan hukuman dan dikatakan 17 bulan.

Dan dengan peruntukan yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini kita berharap bahawa tindakan yang lebih tegas akan dilakukan oleh pihak kerajaan. Saya katakan tadi bahawa peruntukan ini memberi lima tahun untuk penjara dan RM50,000 untuk denda. Orang ini orang pendatang asing, bukan sindiket seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Kalau pendatang asing, *you jailed them* dengan izin, dua atau lima tahun pun, dia sekadar sedap-sedap makan nasi di negara kita. Daripada lari-lari tidak ada kerja. Kalau kita denda dia RM50,000 pun dia tidak ada duit juga sebab seksyen ini dengan izin, *uprise to both*, yang pemilik ataupun yang memalsukan.

Jadi saya berpendapat perlu ada perbezaan di dalam perkara ini supaya pihak orang asing tidak mengambil peluang ini untuk menjadi orang tahanan dan dengan itu lima tahun dia ditanggung makan dalam penjara kita. Harus mereka ini disebat supaya mereka tidak merasa bahawa adalah begitu sukar hidup sebagai seorang banduan dengan menggunakan IC palsu. Dan kalau mereka ditangkap, harus mereka dihantar dan tidak usahlah simpan lagi di jel, hantar mereka pulang cepat-cepat dan pastikan mereka ini tidak lagi kembali dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir di dalam perkara ini soal majistret kelas satu, peruntukannya. Saya ragu bahawa dengan *backlog-backlog* yang ada, soal mengkhususkan majistret kelas satu mendengar kes ini, saya rasa perlu disemak kembali sebab kalau pegawai-pegawai daerah kelas dua dan apabila majistret kelas satu tidak mencukupi dan kes ini *simple* Tuan Yang di-Pertua, kes polis, pemalsuan, bukan susah untuk mengendalikan mahkamah dengan mereka pegawai-pegawai daerah kelas dua itu. Jadi saya berharap bahawa ini terus diambil kira dan memandangkan pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, bahawa banyak kes *backlog cases* dengan izin, maka peranan pegawai-pegawai daerah ataupun kita meningkatkan kelas mereka sebagai majistret dengan latihan-latihan tertentu.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus menyentuh sekali lagi bahawa peranan jabatan adalah penting dengan izin, ia adalah *custodian of our citizenship right* Tolonglah pertingkatkan imej, jalankan tugas dengan betul kerana kita tidak mahu negara kita dilanda oleh orang asing. Dalam perkara ini juga saya ingin membawa perhatian dan memohon kepada pihak jabatan dan kementerian, supaya orang-orang kita, orang tempatan yang tidak ada Sijil Kelahiran dan mereka yang belum memiliki kad pengenalan kerana tidak ada Sijil Kelahiran diberi tumpuan bantuan khas.

Dahulu saya pernah menyentuh Tuan Yang di-Pertua di sini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan saya jawapan yang mengecewakan hati saya dan rakyat saya di kawasan Bandau. Saya mengatakan, saya bilang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya habiskan dalam satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu pun sudah diucapkan baru-baru ini.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya hanya menekankan sesuai dengan peruntukan yang ada Tuan Yang di-Pertua iaitu berilah tumpuan khusus dan peruntukan yang banyak untuk menyelesaikan soal ketiadaan Sijil Kelahiran. Jabatan mengatakan orang kita di bukit sana tidak mengetahui betapa pentingnya sijil tersebut. Itu tidak betul. Yang fakta ialah bahawa mereka ini tiada mampu untuk turun. Kebanyakan anak mereka dilahirkan di kampung. Kalau anak mereka dilahirkan di klinik, memang ada sijil. Kalau anak mereka dilahirkan di hospital, memang ada sijil tetapi kerana mereka dilahirkan di hutan rimba, di rumah-rumah di pelosok kampung, kerana mereka miskin tidak mampu untuk turun buat IC, buat sijil.

Jadi, sewaktu saya tanya itu Yang Berhormat Menteri saya katakan, tentukan satu tempoh, dia katakan tidak boleh kecuali orang Sabah, orang Sarawak berhenti beranak. Apa punya jawapan macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat perkara itu sudah pun dibincangkan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya rasa dengan itu saya minta merayulah supaya ada kematangan untuk menyelesaikan perkara ini.

Sekian terima kasih.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** [Bangun]

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Baram. Ya, Tebrau sudah tidak boleh berucap. Sudah cukup lima. Tadi yang kita kira tadi ya. Ya, Baram.

**Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** Ya, baiklah.

4.00 ptg.

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbahasan pemindaan rang undang-undang Akta Pendaftaran Negara. Dan saya berdiri untuk turut menyokong pindaan seksyen baru yang dinyatakan khususnya Seksyen 3A dan 3B dalam Seksyen 3, Akta 78 yang berkenaan dengan usaha pelantikan pengarah, pegawai-pegawai dan ejen pendaftaran bagi memperbaiki sistem yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabas kepada kementerian dan Jabatan Pendaftaran Negara kerana tiap-tiap tahun berusaha dengan sesungguhnya untuk mendaftar dan membuat kad pengenalan bagi semua penduduk di negara kita ini. Walaupun demikian, selepas negara kita merdeka dalam kurang lebih 47 tahun yang lalu masalah pendaftaran kad pengenalan ini selalu dibangkitkan sebagai suatu masalah yang perlu diatasi dengan segera dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh sebab itu, kita perlu membuat pemindaan dalam akta ini untuk memperbaiki lagi sistem yang sedia ada supaya tidak ada penduduk di negara kita digelar sebagai *stateless person in his own country*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini semasa saya berdialog dengan persatuan ibu bapa di sebuah sekolah menengah di Hulu Baram iaitu di SMK Dato' Oyong Lawai Jau, saya diberitahu bahawa daripada 24 orang pelajar yang dibawa untuk mengambil bahagian dalam majlis sukan tahunan di antara sekolah-sekolah menengah di bahagian Miri, hanya 4 orang sahaja yang layak untuk bertanding kerana peserta yang lain itu 20 orang tidak layak oleh sebab tidak mempunyai kad pengenalan walaupun kita faham murid-murid ini memang anak rakyat Malaysia tulen. Ini menunjuk bahawa ramai murid di bangku sekolah pun masih tidak mempunyai kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, jika mereka ini tidak ada kad pengenalan, bagaimana mereka ini boleh duduk dalam peperiksaan kerajaan, mendapatkan rawatan di hospital kerajaan ataupun untuk mencari kerja di kemudian hari. Saya ingin tahu, adakah kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah

murid-murid, pelajar-pelajar yang tidak ada kad pengenalan di sekolah-sekolah tersebut serta juga sekolah-sekolah yang dalam keadaan seperti ini di seluruh negara. Saya mintalah supaya kementerian mengambil tindakan segera untuk membantu murid-murid ataupun pelajar-pelajar yang tidak ada kad pengenalan di sekolah-sekolah di pedalaman ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali saya mengadakan dialog di rumah panjang di pedalaman di kawasan saya di Baram pun, masalah ini sering dikemukakan kepada kami di mana ramai lagi orang dewasa yang belum mempunyai kad pengenalan yang lama ataupun kad pengenalan yang baru. Kita diberitahu bahawa banyak permohonan yang telah dibuat oleh mereka akan tetapi permohonan tersebut tidak pernah diluluskan. Kebanyakan sebab-sebab tidak diluluskan ialah kerana masalah ketiadaan Sijil Kelahiran dan permohonan tersebut tidak lengkap. Kadang-kadang kita sedih mendengar pihak pemohon yang dewasa umur 45 tahun ke atas itu mengatakan mereka ini menjadi orang *stateless* dengan izin, dalam negara sendiri kerana sistem yang kita guna itu terlalu ketat sampaikan mereka ini *lejuk* untuk memohon lagi. Oleh sebab itu, perkara ini perlu dikaji dan diatasi dengan segera sebelum mereka meninggal dunia tanpa mempunyai kad pengenalan.

Bagi golongan pemohon yang sudah tua ini, memang lebih payah bagi mereka untuk melengkapkan permohonan mereka kerana ibu bapa mereka sudah meninggal dunia. Golongan ini menjadi anak yatim tua iaitu susah sekali untuk memperoleh Sijil Beranak untuk membuat kad pengenalan. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, apakah tindakan yang akan diambil bagi menjamin bahawa golongan ini boleh memperoleh kad pengenalan sebelum mereka meninggal dunia tanpa ada kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa Jabatan Pendaftaran Negara menghadapi banyak masalah dan kerumitan dalam usaha mereka menjalankan tugas untuk mendaftar semua penduduk di sebuah negara termasuk kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan, kekurangan peruntukan kemudahan asas dan lain-lain lagi.

Walaupun begitu, saya rasa tugas ini harus diberi keutamaan. Saya pernah diberitahu oleh Pegawai Pendaftaran Negara bahawa *constitutionally*, dengan izin, pegawai pendaftaran tidak mempunyai provisi untuk membuat lawatan ke luar bandar kerana sepatutnya penduduk-penduduk boleh pergi ke pejabat bila-bila masa sahaja. Daripada masalah fizikal dan ketidakmampuan penduduk menampungkan kos perjalanan yang tinggi untuk pergi ke pejabat pendaftaran, kita perhatikan setakat ini sistem pendaftar seperti ini tidak sesuai untuk penduduk di kawasan pedalaman.

Dengan keadaan yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada kerajaan supaya mengambil pandangan yang berat tentang perkara ini. Saya mintalah pegawai JPN terus membuat lawatan khas ke kawasan yang tertentu dari masa ke semasa untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk yang jauh di pedalaman untuk mendaftar sebagai warganegara Malaysia. Untuk mengelak kerumitan daripada segi persoalan ke atas seseorang individu yang ingin mendaftar itu dan agar melicinkan lagi tugas pendaftar di kawasan jauh seperti ini, saya juga menyarankan supaya lawatan khas dijalankan oleh satu *task force*, dengan izin, yang diwakili oleh pegawai dari JPN, Jabatan Imigresen, pegawai daerah dan seorang ketua masyarakat di kawasan tersebut.

Jika adanya pegawai tersebut semasa tugas pendaftaran itu dijalankan, maka masalah dan persoalan ke atas kedudukan seseorang pemohon itu boleh disahkan pada masa itu juga. Ini sangat penting kerana susah payah bagi pejabat pendaftaran untuk mengendorsekan atau membuat pembetulan selepas lawatan telah dijalankan.

Memandangkan lawatan khas ini memakan belanja yang tinggi, maka saya mintalah juga supaya kerajaan mementingkan lagi penambahan peruntukan khas untuk JPN khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak di mana masalah ini belum diselesaikan.

Saya diberitahu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hm.....

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Saya diberitahu lebih kurang 8.8 ribu penduduk-penduduk belum mempunyai kad pengenalan yang bermutu tinggi di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membaiki sistem pendaftaran di bawah JPN, pemindaan rang undang-undang ini sangat tepat sekali dan pelantikan ejen pendaftaran di beberapa kawasan tertentu perlu dibuat dengan secepat mungkin.

Dengan ucapan yang demikian, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, ada satu usul. Sila.

### USUL

#### **MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(1)**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASAKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

#### **MENANGGUH BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG**

4.09 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:**  
Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14(2), Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai No. 7 didahulukan dan disenaraikan semula sebagai No. 4 dan Usul-usul Menteri Kewangan yang dijadualkan sebagai No. 14 hingga 19 hendaklah didahulukan dan disenaraikan selepas Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000".

Saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbincangan dan diluluskan Usul-usul Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan".

Saya juga mencadangkan:

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, rang undang-undang yang lain seperti yang tertera pada Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga dan di bawa ke mesyuarat akan datang".

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah satu Usul seperti yang dibacakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usl dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bachok.

4.09 ptg.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pertama, saya hendak bangkitkan di bawah perbahasan rang undang-undang ini berhubung dengan satu standard maklumat yang seharusnya dimasukkan di dalam pendaftaran kad pengenalan. Apa yang saya bangkit ini berdasarkan kepada kes Sijil Kelahiran yang ada pada tangan saya ini yang dikeluarkan oleh pihak Pendaftaran Negara. Didapati maklumat yang tidak standard, iaitu daripada sudut pertama maklumat agama, tarikh pendaftar tahun 1996 tidak ada.

Yang keduanya, berhubung dengan nama keturunan. Tidak dibenarkan dimasukkan bagi pendaftaran yang dikeluarkan pada tahun 1999.

Yang ketiga ialah kenyataan borang A1, negeri-negeri Tanah Melayu digunakan dalam Sijil Kelahiran tahun 1996 tetapi ditiadakan dalam Sijil Kelahiran tahun 1999.

Saya bangkitkan perkara ini kerana maklumat asas ini perlu dimasukkan di dalam kad pengenalan. Oleh kerana itu, saya ingat pihak Jabatan Pendaftaran Negara harus mengambil perhatian lebih, terutama sekali di atas isu nama keturunan seperti 'Tengku, Wan, Tuan', bagi di Kelantan ada satu gelaran 'Tuan' misalnya tidak dibenarkan dimasukkan di dalam Sijil Kelahiran ini dan ini menjejaskan nasab sebenar kepada keturunan berkenaan di dalam kad pengenalan nanti.

Yang kedua ialah berhubung dengan isu pendaftaran pemilih. Satu perkara yang harus diselesaikan ialah menerusi pelancaran KPPK ini, Kad Pintar Pelbagaiguna yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan yang akan dikuatkuasakan sedikit masa lagi. Inilah peluang terbaik untuk pihak JPN membuat penyelarasan dengan pihak SPR untuk memastikan sistem pendaftaran pemilih secara *on-line* ataupun secara automatik dilaksanakan bagi suatu tempoh bila memasuki umur 21 tahun, sekiranya umur ini harus dikekalkan ataupun diturunkan lagi kepada 18 tahun, sekiranya umur ini dipersetujui oleh pihak kerajaan.

Selain dengan itu, saya meyakini dengan teknik ini, dengan teknologi yang ada dan kemudahan IT yang kita capai hari ini kemungkinan besar isu 'pengundi hantu' dapat kita banteraskan dan penyalahgunaan peluang pendaftaran pemilih secara terbuka ini dapat kita dikurangkan, malah kita hapuskan sama sekali.

Yang ketiga ialah berhubung dengan KPPK - Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan yang akan dilancarkan, saya yakin ia melibatkan suatu kos daripada pihak kerajaan. Bolehkah Timbalan Menteri mengisytiharkan kos yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan dalam memastikan KPPK ini berjalan lancar.

Yang kedua, harga sebenar sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, saya hendak tahu bolehkah pihak kementerian *subsidizes* kan kos ini kerana kita yakin satu masa nanti kos ini akan dikenakan kepada warganegara kita yang akan membuat KPPK terutama kepada golongan berpendapatan rendah atau golongan penduduk luar bandar yang tidak mampu daripada sudut pembayaran kos hidup mereka. Jika dibebankan lagi dengan kos ini ia akan meningkatkan lagi pembayaran kerana tidak hanya seorang dalam sesuatu keluarga akan memiliki ataupun memproses kad ini, mungkin sampai lima, enam orang yang cukup tempoh untuk memiliki KPPK.

Satu lagi isu berhubung KPPK ini, saya dapati tidak ada satu sekuriti. *Personal security* tidak ada yang mana sekiranya mereka yang ada pembaca kad ini, iaitu *personal key ring reader* dan saya kehilangan kad ini, apabila orang lain menemui kad tersebut maka dia boleh membaca secara langsung, tanpa perlu melalui satu *password* ataupun nombor pin. Jadi, perkara ini saya ingat daripada sudut *personal security* nya ianya mendedahkan kepada isu yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi. Oleh kerana itu saya yakin perkara ini perlu dipantau dengan baik, dengan tempoh masa yang masih ada pada kita.

Yang ketiga, apakah pemilikan KPPK ini dianggap wajib sedikit masa lagi. Sekiranya wajib, perkara ini haruslah dibuat penelitian yang lebih penting lagi kerana ia melibatkan teknologi yang diimport daripada luar negara dan kemungkinan pihak-pihak asing sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, kesempatan untuk mengetahui maklumat-maklumat peribadi tokoh-tokoh tertentu dalam negara kita. Ini satu yang bahaya kepada negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan ialah nasib baik di atas penghapusan kepada Seksyen 7 dan dimasukkan 7A, tidak mengenakan ISA

kepada pesalah-pesalah sindiket kad pengenalan ini kerana kita yakin dan percaya, ISA ini banyak dimomokkan sekarang ini menimbulkan isu ketidakadilan kepada pihak tertentu.

Oleh kerana itu saya mengharapkan penganan suatu hukuman yang lebih setimpal sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya. Saya menganggap mereka yang terlibat di dalam sindiket pengeluaran kad pengenalan ini adalah mereka yang *anti-patriotism* dan musuh negara maka ia suatu denda yang lebih berat harus dikenakan walaupun had yang dikenakan di sini hanya untuk tempoh 5 tahun maksimum penjara.

Tetapi apa yang saya dapati daripada isu-isu yang dibangkit atau isu yang disebutkan, adakah benar adanya mereka yang terlibat di dalam sindiket ini dibuat tahanan secara ISA, menggunakan Akta ISA? Sebab isu sindiket kad pengenalan ini berbangkit di negeri Sabah sedikit masa dahulu dan didapati beberapa orang telah di ISakan dengan kes sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu ini. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, adakah kes ISA digunakan sebelum ini untuk memantau atau menangani isu sindiket kad pengenalan palsu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jeli, lepas itu Menteri menjawab.

4.17 ptg.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Menyentuh tentang Rang Undang-undang ini, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memperkenalkan kad pintar tetapi beberapa perkara kerajaan perlu memberi perhatian terhadap kad pintar ini.

Pertama sekali, kita harus ingat bahawa teknologi berubah begitu cepat. Dalam masa dua tahun pelbagai teknologi baru sudah dapat diperkenalkan. Jadi, saya pohon pihak kerajaan memberitahu kepada Dewan pada hari ini, agak-agaknya bila pula lepas ini kemungkinan kerajaan, adakah 5 tahun sekaligus ataupun 3 tahun sekali maka model kad pengenalan pintar itu akan diubah kerana kita harus ingat bahawa teknologi bergerak begitu pantas.

Kemudian seperkara lagi, kita perlu ingat bahawa kad pintar yang kita gunakan sekarang ini, teknologinya bukan teknologi tempatan tetapi teknologi asing. Jadi, memanglah negara kita cepat dari segi menggunakan teknologi tetapi teknologi-teknologi ini adalah teknologi import. Jadi, kalau teknologi import, kita bimbang bahawa kerahsiaan rakyat negara kita, kerahsiaan negara kita sendiri ini terdedah kepada pihak asing.

Tetapi satu perkara, walaupun kita berbangga dengan begitu cepat kita mengambil teknologi kad pintar tetapi pada masa yang sama banyak lagi rakyat negara kita yang tidak mempunyai sebarang pengenalan kerakyatan sebab itu kita lihat bukan hanya di Sabah, bukan hanya di Sarawak, malah di Semenanjung Malaysia khususnya di perkampungan-perkampungan Orang Asli.

Sebab itu saya mencadangkan kepada pihak kementerian semoga kita panggil ketua-ketua kampung, sama dengan ketua polis dan juga pegawai pendaftaran supaya mungkin sebulan sekali, tiga bulan sekali bertemu dan kita cuba atasi masalah ini. Kerana kita bimbang seperti mana bilangan yang disebut 88,000 yang dikenalpasti tidak mempunyai kad pengenalan, seolah-olah kita tidak memberi tafsiran dan gambaran yang sebenar tentang jumlah penduduk negara kita. Ini belum lagi mengambil kira pendatang-pendatang asing.

Kemudian satu lagi kita kena ingat bahawa saya fikir dengan harapan rakyat kepada kerajaan, bila mana digunakan kad pintar ini, maka selepas ini tidak perlu lagilah iklan-iklan seperti mana yang dibuat oleh SPR sekarang, dari segi hendak mendaftar pengundi-pengundi baru. Kerana kita bimbang sekiranya dalam keadaan kita menggunakan kad pintar teknologi terkini tetapi dalam segi kes pendaftaran pengundi-pengundi baru, kita mengambil masa yang begitu lama untuk mengesahkan pengundi-pengundi baru.

Ini telah berlaku pada tahun 1999, bila mana mereka yang mendaftar pada April 1999 sehingga November 1999 masih belum diluluskan. Ini satu perkara yang

tidak pernah berlaku di mana-mana tempat di dunia lain. Jadi, saya kira oleh kerana kita memang '*Malaysia Boleh*', jadi '*Malaysia Boleh*' biarlah terjemahkan dalam semua aspek. Janganlah aspek-aspek tertentu kita boleh tetapi dalam bab pendaftaran pengundi baru kita tidak boleh sehingga mengambil masa 7 bulan.

Kemudian, satu lagi saya keliru, saya bukan keliru, saya minta pihak kerajaan beri perhatian khusus tentang Fasal 3 dan Fasal 4, di mana kita perhatikan dalam Fasal 3 dan Fasal 4, jawatan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini dengan sendirinya menaikkan status Jabatan itu sendiri. Alhamdulillah, bagus.

Tetapi yang menghairankan saya, kenapa pula jawatan Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di ibu pejabat, yang mana Ketua Pengarahnya dilantik oleh Agong dan juga Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara di tiap-tiap negeri dilantik oleh Menteri. Jadi, apa fungsi Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, adakah kerajaan sudah tidak yakin, tidak percaya dengan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam?

Jadi, saya fikir adalah lebih wajar kalau boleh jawatan Pengarah Pendaftaran di tiap-tiap negeri termasuk Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di ibu pejabat itu pun dilantik oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam seperti mana jabatan-jabatan yang lain.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Tuan Yang di-Pertua pun, saya bimbang juga. Jadi, satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, kalaulah – memang kita tahu bahawa usul ini, rang Undang-undang ini akan diluluskan tetapi kalau bolehlah untuk jawatan Pengarah Bahagian Kad Pengenalan dan juga Pengarah Pendaftaran Negara di tiap-tiap negeri itu, pilihlah yang *non-partisan*, jelas *non-partisan* dia. Kalau ada partisan, jadi ini sudah menimbulkan satu suasana tidak senang kepada rakyat yang cintakan kepada keadilan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita lihat – saya agak pelik juga umpamanya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah, sekali sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini sedikitlah, ini sedikitlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yang ada seksyen – dia ada beritahu, Pegawai-pegawai Pendaftaran yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara untuk peringkat negeri Sabah dan Sarawak mesti mendapat kelulusan bertulis dahulu daripada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Kenapa tertakluk pada Sabah dan Sarawak sahaja, negeri-negeri lain pun mestilah beri kuasa yang sama. Kalau tidak, nampak sangat power Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak begitu tinggi berbanding dengan kerajaan negeri-negeri yang lain.

Saya ucapkan terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Timbalan Menteri menjawab.

4.23 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua yang telah membangkitkan persoalan-persoalan mengenai penurunan kuasa, mengenai teknologi perlindungan maklumat kepada orang-orang yang tidak dikehendaki, mengenai keselamatan yang mempunyai kad ini, mengenai perbelanjaan yang akan ditanggung oleh rakyat dan banyaknya mengenai kepalsuan kad pengenalan yang telah diguna pakai secara palsu terutama sekali yang banyak di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah bertanya mengenai undang-undang di dalam melindungi data-data dalam KPPK tidak sempurna dan undang-undang yang berkaitan harus digubal. Undang-undang yang relevan dalam persoalan ini adalah seperti berikut:

- Draf Rang Undang-undang Data Perlindungan Peribadi yang sedang digubal - Draf ini memperuntukkan *standard* minimum yang mesti dipatuhi dalam mengguna, mengutip, menyelenggara dan menyimpan data peribadi.



- Artikel Jenayah Komputer - Artikel ini memperuntukkan kesalahan pencapaian akses tanpa kebenaran iaitu banking.

Untuk pengetahuan seterusnya, KPP ini dibuat dalam mengambil kira tentang kekuatan dan kesempurnaan keselamatan. KPP telah dibangunkan dengan mengambil kira fakta keselamatan sebagai salah satu kriteria utama. KPPK mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi pada kad yang juga pada chip.

Ciri-ciri keselamatan pada kad, KPP mempunyai pelbagai ciri-ciri keselamatan fizikal pada kad sebahagiannya terbuka dan sebahagiannya tersembunyi (*covert*).

Di antara ciri-ciri keselamatan tersebut ialah:

- *Micro Lettering* - tulisan halus atau mikro yang hanya dapat dilihat dengan menggunakan kanta pembesar (*magnifying glass*), dengan izin.
- *Gilloche Pattern* Lukisan awan larat yang unik dan tersendiri,
- *Rainbow Printing* - penataan warna yang berubah secara beransur
- *Relief Pattern (contour lines)* - perkataan yang timbul hasil lakaran
- *Ranching Tags* yang hanya terampak apabila kad difotostat.
- *Ultra-violet Image*, imbasan gambar dan nombor kad pengenalan pemegang kad yang hanya dapat dilihat dengan menggunakan cahaya *ultra-violet*.
- *Holographic Overlay* - salutan plastik dengan gambar yang unik di atas permukaan kad.

Ciri-ciri keselamatan chip pula, KPPK telah dibangunkan dengan merangkumi semua ciri-ciri keselamatan yang lazimnya terdapat pada mana skim kad pintar yang memerlukan aplikasi yang selamat. Ciri-ciri ini meliputi gunaan sistem pengurusan kekunci yang selamat menggunakan '*symmetric key cryptography (triple DES with 128 bit key)*', a multi application operating system which firewalls all the applications', dengan izin. Sistem pengurusan kekunci ini adalah sama seperti digunakan dalam pemindahan dana elektronik (*electronic fund transfer*), dengan izin, oleh bank.

Semua fungsi memasukkan data dalam chip adalah dilindungi dengan keperluan Secure Access Module (SAM) dan kad *access enabler card* yang hanya dikeluarkan secara terkawal kepada pegawai-pegawai berkuasa. Beberapa maklumat tertentu seperti nama seorang dalam cip tidak boleh diubah selepas cetakan. Kekunci untuk akses kepada sistem KPPK dikawal oleh Jabatan Pendaftaran Negara melalui sistem pengurusan kekunci yang kompleks dan selamat. Dengan ini, sungguhpun sistem KPPK dibangunkan oleh sebuah konsortium swasta, kebolehan capaian kepada maklumat dalam pangkalan data jabatan dikawal oleh pegawai kerajaan dari jabatan berkenaan.

Maklumat individu dalam KPPK dibahagikan kepada maklumat terbuka (*open data*) dan maklumat terkawal (*protected data*). Maklumat terbuka termasuklah maklumat asas seseorang seperti mana yang terdapat pada permukaan kad pengenalan atau lesen memandu, ini maklumat terbuka. Maklumat ini boleh dibaca dengan bebas melalui mana-mana alat pembaca (*card readers*), maklumat kesihatan adalah diklasifikasikan sebagai maklumat terkawal kerana mengandungi beberapa butiran yang boleh dianggap sensitif oleh sesetengah pihak dan maklumat ini hanya boleh dibaca melalui alat pembaca kad yang mempunyai SAM tadi yang berkaitan dan dengan menggunakan kad *access enabler card* yang hanya dikeluarkan kepada doktor atau paramedik yang berkenaan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kerana ada *category of information* yang terbuka dan ada yang

*restricted* bermakna maklumat yang terbuka adalah sebagaimana yang terdapat dalam permukaan IC dan lain-lain maklumat yang optional itu adalah yang *restricted* dan juga mempunyai sistem-sistem perlindungan yang semungkinnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempersoalkan *security feature card* ini. Saya tahu bermakna *security feature* dari segi pemalsuan saya rasa *is almost zero*, tetapi setiap teknologi ada orang yang lebih smart, *to outsmart the technology*, itu hakikat alam. Yang saya persoalkan adalah keselamatan atau *privacy* kepada maklumat yang boleh bergerak secara bebas dan terbuka tadi.

Saya tanya tadi, bagaimanakah kita akan dilindungi dari menjadi subjek kepada hujan *junk mail* umpamanya, dari subjek orang yang hendak menyalahgunakan alamat kita dari orang yang hendak menyalahgunakan data-data peribadi kita, nombor kad pengenalan kita dan sebagainya. Itu yang saya tanya, oleh kerana *the free flow*, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, *the free flow information category* yang terbuka tadi, ia *floating in between department*, daripada Jabatan Imigresen pergi ke JPJ yang diswastakan dan sebagainya. Itu yang hendak tanya.

Saya bersyukur kerana hari ini Timbalan Menteri telah memberi satu baris *assurance, just one line of assurance*, dengan izin, iaitu kerajaan sedang menggubal satu akta perlindungan data peribadi, alhamdulillah, tetapi kita belum melihat. seharusnya, seelok-eloknyalah kalau mengikut pandangan kita, sepatutnya akta itu dibentangkan dahulu dan juga baru diiringi oleh pengenalan kad pengenalan ini, baru kita tidak mempersoalkan hal ini. Jadi, walau bagaimanapun, perkara ini sedang dibuat dan saya mengucapkan tahniah.

Jadi, pokoknya saya kata, sekarang ini *technology provider* adalah orang luar, walaupun Irish Technology adalah satu syarikat tempatan yang beribu pejabat di Technology Park, kalau tidak silap saya, tetapi adakah Irish Technology ini juga mengambil kepakaran daripada luar untuk bersama-sama dalam konsortium itu, berapa persengah content konsortium *technology provider* ini yang terdiri anak dalam, dari syarikat dalaman dan berapa persen juga daripada techno consortium *technology provider* ini terdiri dari syarikat luar.

Kalau percentage itu agak besar, apakah kemungkinan-kemungkinan kita untuk melindungi supaya *technology provider* daripada luar ini juga akan jatuh di bawah undang-undang yang akan kita gubal dari hal *privacy* dan *protection data* tadi. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang MoU ataupun kita kata persefahaman untuk menjalankan tanggungjawab yang berkaitan langsung dengan keselamatan negara ini terutama sekali ataupun yang berkaitan dengan tanggungjawab kerajaan kepada rakyat dan pelbagai lagi, adalah satu persefahaman yang diikat janji dengan sesuai. Teknik dan teknologi yang diikat janji dengan kita sepatutnya tidak dijual ataupun dihebahkan kepada orang lain, tetapi seperti Yang Berhormat dari Parit Sulong menyatakan bahawa sebanyak kita tahu, banyak lagi orang lain yang akan tahu, sebanyak kita kawal, banyak lagi orang lain akan ceroboh.

Kita rasa kita sudah buat sempadan antara Malaysia dengan Thailand, kita lebih selamat, tetapi kita juga hari ini tidak selamat. Kita rasa kita telah meletakkan bilangan Angkatan Tentera Laut, Tentera Darat dan kawalan-kawalan di sepanjang pantai-pantai di Sabah dan di Sarawak kita selamat, tetapi masih boleh dicerobohi.

Saya mengambil saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat untuk mengkaji keseluruhan perkara-perkara yang dibangkitkan, bukan sahaja Yang Berhormat, oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana apa sahaja yang menjadi cacat kepada ketahanan kad pengenalan pintar kerajaan ini menjadi kecacatan akan mengaitkan kecacatan kependudukan dalam negara ini dan dalam masa yang panjang.

Dalam masalah maklumat peribadi, saya percaya maklumat-maklumat peribadi boleh ditambah sehingga lebih daripada 20, tetapi terpulang kepada kita masing-masing sama ada kita mahu meletakkan maklumat dalam KPPT kita ataupun kita tidak mahu. Mungkin kita tidak mahu meletakkan maklumat mengenai bank akaun kita ataupun kita tidak mahu meletakkan maklumat mengenai penyakit kita, mungkin penyakit kita the only penyakit yang ada dalam dunia ini, yang kita tidak mahu beritahu kepada orang.

Jadi, kita boleh memilih. Kad ini ialah untuk membantu memberi kemudahan, menolong kita dalam menyelesaikan masalah-masalah dalam negara ini dan kita hanya membawa satu kad kita sahaja.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya kata saya tidak persoalkan *security feature card*, saya cuma mempersoalkan keselamatan data. Yang Berhormat memberi jawapannya dan memuaskan. Terima kasih.

Persoalan saya, *optional data* yang kita hendak masukkan tadi, macam saya punya mengenai data keselamatan umpamanya, jangan PAS nanti buat isu saya ada HIVkah, *HIV carrier*, umpamanya saya ini seorang pengidap AIDS, saya masukkan dalam itu, umpamanya, dan saya option, saya memilih untuk memasukkan data itu demi keselamatan saya ke dalam kad ini.

Adakah pihak yang hendak memberi *optional*, hendak memberi data secara *optional* itu terpaksa menandatangani satu *indemnity arrangement*, adakah ia secara *voluntary* sahaja, tidak ada perlindungan undang-undang, ini yang saya persoalkan.

Jadi, bermakna kalau *optional data* yang hendak dimasukkan secara pilihan itu tidak juga diberi perlindungan, tetapi saya katakan tadi syukur alhamdulillah, tetapi kita belum tahu bentuk data perlindungan data peribadi tadi macam mana bentuknya, tetapi walau macam mana pun ada, cuma jangan salah anggap Yang Berhormat Dato' dalam hal ini.

Kalau boleh oleh kerana kad ini dipanggil *multi purpose* bermakna kad pelbagai guna, kalau boleh kita hendak masukkan nombor pendaftar, undi kita berapa lorong, *channel* mana hendak mengundi dan sebagainya, kalau boleh orang ini masuk parti PASKah dan sebagainya, rumah kita ada *JPS location*kah, *geographic positioning system*kah, kalau boleh hendak masuk semua, tetapi soalnya adakah kita mempunyai infrastruktur undang-undang untuk melindungi keselamatan data itu, kerahsiaan, *the privacy of the data* yang kita hendak berikan dalam kad ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Tuan Yang di-Pertua, perkara memberi pengakuan ini adalah satu perkara yang sepatutnya dibuat oleh kerajaan dan memang sepatutnya kita memberi keyakinan tetapi Yang Berhormat juga tahu bahawa *operators* kepada semua kemasukan data dan penerima data ini dibuat oleh pegawai-pegawai yang telah kita bincangkan tadi daripada peringkat atas yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong kemudian yang dilantik oleh Menteri dan dilantik oleh Ketua Pengarah.

Biasanya mereka ini semua akan mengangkat sumpah menyimpan rahsia seperti juga kita dalam kerajaan, dalam Exco, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan sebagainya. Tetapi sekiranya rahsia yang telah difahamkan, diberikan kepada mereka itu mereka buka dan mereka salah gunakan kemudahan ini ataupun kita sendiri dengan kawan-kawan memberi kad pengenalan kita untuk kawan-kawan membaca, kawan-kawan membuka rahsia yang ada pada diri kita, itu adalah tanggungjawab pemegang kad yang berkenaan tetapi saya memberi keyakinan bahawa kerajaan – dan saya berharap pegawai-pegawai kerajaan yang telah dilantik untuk memegang tanggungjawab ini menyimpan rahsia yang telah diserahkan oleh rakyat kepada mereka.

Kalau seluruh pegawai kerajaan yang telah diberikan oleh rakyat, diberikan oleh kerajaan untuk menyimpan rahsia ini, saya percaya satu undang-undang akan dibuat untuk mengambil tindakan kepada mereka yang terbabit, yang membocor, yang merosakkan rahsia yang tidak dikehendaki oleh pemegangnya dihebahkan kepada umum.

Saya rasa kalau saya tertinggal kerana Yang Berhormat bercakap mengenai keperluan-keperluan yang pasti dipelihara oleh kerajaan terhadap data ini dan dalam masa yang sama berkaitan dengan teknologi dan sistem elektronik juga adalah terkandung dalam jawapan yang telah saya berikan.

Dalam masa yang sama tadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut telah *chip in* pengeluaran kad pengenalan, lesen terbang – Larut tidak ada dalam Dewan ya. Larut menganggap bahawa pemberian kad pengenalan ini akan berlaku seperti apa yang berlaku kepada lesen memandu kereta iaitu lesen terbang. Sistem pengurusan kad pengenalan mestilah ada orangnya dan orang yang hendak menukar

kad pengenalan kepada KPPT ini mesti ada kad pengenalan yang lama. Orang yang hendak buat kad pengenalan yang lama daripada awal lagi mesti ada surat beranak, surat lahir, orang yang tidak mendaftar surat lahir nanti susah untuk membuat kad pengenalan. Inilah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau. Saya memohon Dato' untuk menjawab kritik Bandau tadi bahawa saya tidak bertanggungjawab menjawab soalan.

Yang Berhormat bagi Bandau berkehendakkan satu masa bahawa tempoh pendaftaran ini selesai. Tempoh pendaftaran ini boleh diselesaikan di kawasan Bandau. Kalau tempoh ini kita kata berakhir tahun ini, bagaimana kalau yang lahir pada 31 Disember? Kita tidak boleh beri satu masa akhir kerana orang yang kita harapkan terus mendaftar. Bandau harap orang kemudian itu, orang yang ada itu, kalau tidak habis daftar pun jangan daftar, tidak.

Kerajaan tidak mahu begini, kerajaan mahu orang terus daftar dan kita berusaha untuk orang mendaftar, yang mana lahir mesti daftar tetapi kalau mereka tidak datang mendaftar awal kita benarkan untuk daftar lewat. Tetapi kalau daftar lewat pun tidak datang, apa kita hendak buat? Ini jadi masalah, ini yang kita harap supaya Bandau apabila pegawai-pegawai kita turun di kawasan luar bandar, di kawasan pedalaman, kita harap *encouragement should be done by all the representatives of these areas*, dengan izin, terlajak pula dah.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [Bangun]

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya cadangkan sebenarnya waktu itu ialah untuk *backlog*, dengan izin, bagi tempoh satu tahun, tahun ini selesaikan *backlog* jadi tahun-tahun hadapan itu selepas kita beri penjelasan, pendidikan itu sudah tanggungjawab mereka. Apa yang kita katakan terlampau banyak yang belum diselesaikan tempoh-tempoh yang lalu *backlog* begitu.

Jadi, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa tidak boleh sebab seperti yang dijelaskanlah dan khusus bergurau katakan, kecuali orang Sabah, orang Sarawak berhenti beranak jadi bagaimana hendak berhenti beranak, kecuali kita "ikat" kata orang sini.

Jadi, saya rasa saya cukup faham apa dikatakan tetapi pada masa yang sama Timbalan Menteri barangkali telah tidak faham apa saya katakan itu. Apa yang saya katakan backlog yang begitu banyak bolehkah kita tentukan satu tarikh tempoh, kita usaha semua dengan wakil-wakil rakyat dan selepas kemudian itu sudah menjadi rutin tahunan khusus apabila rakyat mengetahui pentingnya soal pendaftaran dan seterusnya. Saya harap itu Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kata-kata Yang Berhormat ini kalau kita hendak buat satu tempoh menyelesaikan *backlog* iaitu kalau *backlog* yang ada dalam tanggungjawab kerajaan. Tetapi kalau pendaftaran itu tidak berjalan ada dalam tanggungjawab ibu bapa yang berkenaan, kita tidak boleh kekalkan tempoh itu, kita kata pada akhir bulan ini semua orang mesti datang, dia tidak datang.

Yang Berhormat juga tahu mereka tidak datang sebab itu kita turun, kita masuk ke dalam, apa yang kita harap mereka datang dan kita tidak mahu menetapkan suatu tarikh kerana kita hendak berterusan turun, bukan sahaja hendak menghabiskan yang ada, kita hendak mendaftar yang baru kalau ada supaya pada masa depan perkara ini Yang Berhormat tidak bercakap lagi, itu dalam saranan kita. Memang kita bangkit setiap kali seperti yang saya kata saya juga hendak turun ke Sarawak tetapi alhamdulillah, laporan daripada Sarawak ada yang mengatakan bahawa perkara-perkara ini sudah berkurangan.

Saya harap perkara ini bukan menjadi satu perkara yang bakhil kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi kita akan berterusan membantu rakyat kita yang tidak membuat pendaftaran untuk memudahkan mereka mendapat kad pengenalan.

Satu cara lagi mengeluarkan kad pengenalan ini seperti yang saya sarankan di peringkat awal dalam masa 60 tahun ada beberapa perubahan dan perubahan-perubahan inilah yang akan mengurangkan kad-kad pengenalan palsu yang ada dalam

pasaran. Mereka terpaksa menyerah kad pengenalan lama sebelum kita memberi kad pengenalan baru dan kalau ini juga menjadi satu peluang kepada kita untuk mengetahui siapa yang memegang kad pengenalan palsu ini selain daripada operasi yang kita buat di dalam negara kita pada sepanjang tahun.

Ini dari Bagan, apakah KPPK boleh menggantikan pasport, saya ingat KPPK tidak boleh gantikan pasport, kalau KPPK boleh gantikan pasport, hari ini kita sudah mansuh dalam cadangan ini mansuhkan pasport yang ada tetapi yang kita bawa ini untuk kita tahu bahawa nombor pasport kita adalah ini dan ini. Kalau hilang pun pasport kita, kita tahu masih ada simpanan nombor pasport kita dalam KPPK kita. Kita tidak boleh menerima untuk hendak menggunakan KPPK ini di Singapore ataupun di Switzerland ataupun di Australia kerana semua pasport antarabangsa mesti ada persefahaman antara satu dengan yang lain.

Bolehkah maklumat pasport ini dimasukkan dalam chip KPPK? Memanglah kita masukkan maklumatnya tetapi yang tidak boleh ialah menggunakan itu sebagai pasport. Ini memang kita masukkan dan menjadi kemudahan kepada kita untuk kita melihat kembali perkara-perkara yang diperlukan dalam data-data yang dibenarkan atau yang boleh dimasukkan dalam ini. Ini sebagai membantu kita pada keseluruhannya.

Pelantikan-pelantikan yang telah ditimbulkan mengikut perkara-perkara yang lama cuma dahulu semua dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, sekarang sahaja kita ubah bahagian yang dilantikkan oleh Yang di-Pertuan Agong, kemudian yang dilantikkan oleh Menteri dan ada juga yang dilantikkan oleh Ketua Pengarah.

Ini untuk memudahkan kita dalam siri menjalankan tanggungjawab dengan kuasa yang ada pada mereka seperti yang saya bentangkan di peringkat awal. Mereka juga mengangkat sumpah untuk menjalankan tugas dan menyimpan rahsia seperti yang ada. Sama ada mereka memegang jawatan yang tinggi ataupun memegang jawatan di peringkat rendah dan sebagainya, semuanya memberi tanggungjawab yang sama yang dikehendaki oleh kerajaan yang diharapkan oleh rakyat.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab inilah saya percaya bahawa sebahagian daripada rakyat menganggapkan bahawa tanggungjawab ini menjadi ringan apabila ianya sampai kepada pegawai-pegawai di peringkat bawah. Maka dengan itu saya sangat bersetuju apa yang telah disarankan oleh ramai Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan memberi penerangan kepada rakyat dalam penggunaan kad-kad pengenalan ini.

Pelancaran kad-kad pengenalan KPPK ini pun hanya kita buat trial di Lembah Klang sahaja. Daripada tahun 2003 baru kita akan melancarkan bagi seluruh negara. Pada masa yang sama, saya ingat perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bachok dan Yang Berhormat bagi Pokok Sena saya rasa, Yang Berhormat bagi Pokok Sena tentang tanggungjawab, kalau tidak silaplah Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Bachok ya sudah tentu ya, fasal harga ataupun perbelanjaan yang akan ditanggung oleh rakyat. Perbelanjaan yang akan ditanggung oleh rakyat dengan KPPK ini hanya RM20. Ya?

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada tanya sama ada ia boleh digunakan untuk membantu SPR mendaftarkan pengundi-pengundi yang layak.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya akan sampailah. Ini baru hendak jawab fasal duit sahaja. RM20 sahaja, sebenarnya harganya RM31 lebih kurang, yang lebihnya itu di subsidise oleh kerajaan dan kalau dalam volume yang besar kemungkinan harga ini boleh diturunkan dan kita mempunyai rakyat yang banyak. Saya percaya kalau kita bermula dengan RM20, ia tidak akan naik lagi kecuali keadaan-keadaan ekonomi yang paling teruk yang kita terpaksa membawa kepada pindaan harga untuk mendapat kad pengenalan ini.

Yang Berhormat bagi Bandau menyentuh mengenai pelantikan pegawai. Saya ingat saya sudah jawab mengenai pelantikan pegawai ini.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Baram menyentuh mengenai membuat lawatan ke rumah-rumah umpamanya. Saya berjanji kita akan membuat lawatan. Pada kali ini pun kita sedang membuat lawatan, juga di Sabah. Dulu dari Sarawak, dalam menjawab soalan dari Sarawak, Sarawak dalam ucapannya telah memaklumkan

bahawa ada lawatan yang telah dibuat dan telah menolong mendaftar di kawasan Bintulu. Saya percaya kawasan-kawasan lain seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Bung Moktar dari Kinabatangan telah memuji Jabatan Pendaftaran Negara, menolong kawasan beliau membuat pendaftaran. Sudah tentu tidak habis tetapi dia telah mengurangkan banyak masalah yang dihadapi oleh beliau sebagai wakil rakyat di kawasan yang berkenaan.

Ini untuk pengetahuan, lawatan ke Long Kabok, ini 'Long Kabok' ini betulkah saya sebut ini, dalam daerah Baram, secara besar-besaran telah diadakan pada tahun 1994, 1998 dahulu. Yang terbaru ialah 31 Mac 2001 hingga 9 April 2001. Sebanyak 9 kawasan lagi akan dilawati sepanjang tahun 2001. Lain-lain kawasan dalam daerah Baram, Kapit dan Belaga sedang diatur untuk dilawati sepanjang tahun 2002 dan 2003.

Menjawab saranan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Baram dan saya ingat Yang Berhormat bagi Bandau pun ada bangkitkan tadi tentang masalah ada murid yang tidak ada kad pengenalan. Ini sama sahaja. Ianya berkait tadi, kalau dilahirkan tidak dilaporkan, maka murid itu tidak dapat membuat kad pengenalan tetapi dia dimasukkan ke sekolah oleh sebab dia berada di situ sejak daripada awal. Usaha-usaha seperti inilah yang kita jalankan untuk mengatasi masalah, bukan sahaja yang dihadapi oleh murid sekolah tetapi yang dihadapi oleh orang-orang muda yang masih tidak mendaftar.

Saya terdengar tadi ada yang kata sudah 40 tahun, bukan sahaja orang muda, orang tua, janda pun ada yang tidak ada kad pengenalan kerana tidak ada surat pendaftaran lahir. Kita akan membantu masalah ini dan kita akan teruskan menyelesaikannya asalkan keterangan-keterangan yang jelas kerana terdapat percanggahan-percanggahan penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan oleh sebab ada pendatang tanpa izin, ada pendatang dengan izin dan ada pendatang yang berulang alik yang akan mengambil kesempatan kalau kemudahan kita beri. Maka, peraturan yang ada dalam kerajaan dengan prosedur yang tertentu seperti siapa yang melihat waktu anak yang berkenaan dilahirkan, siapa yang akan menentukan.

Kita tidak hanya boleh mendapat surat pengakuan sah daripada ketua-ketua kampung yang tidak tentu. Kita mesti mendapat surat pengakuan sah daripada bekas-bekas ketua kampung ataupun ketua-ketua kampung yang ketahuai benar siapa, bila, di mana anak yang berkenaan dilahirkan kalau pada masa yang berkenaan anak yang berkenaan dilahirkan tidak dilapor. Ya?

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin meminta penjelasan adakah pihak kementerian sedar, antara sebab-sebab kenapa penyelesaian bagi mereka yang sudah besar itu masih tidak ada kad pengenalan dan oleh kerana tidak ada surat kelahiran, sorry dan mohon maaf, dan dengan itu tidak ada kad pengenalan kerana sering kali selain daripada soal belanja dan kemampuan, kedua ialah sering kali dalam satu keluarga itu tiga, empat anak yang memerlukan certificate of declaration, dengan izin, dan bapanya pun tidak ada kad pengenalan. Jadi, dia menggunakan masa yang panjang sekali; kedua, menggunakan kewangan yang banyak kerana soal denda dan bayaran yuran.

Adakah pihak kementerian cuba mencari jalan untuk memperkemaskan lebih senang untuk menyelesaikan kes-kes seperti ini kerana kalau bapa, mama sudah meninggal, dia sudah 30 tahun seperti yang dikatakan sudah jadi janda – sama sekali seolah-olah tidak ada jalan oleh kerana bapa tidak ada, mama tidak ada, orang tua yang dahulu kenal sudah meninggal tetapi kita tidak boleh biarkan juga begitu. Jadi, apakah pihak kementerian cuba mencari jalan untuk memperkemaskan proses ini kerana semua orang tahu dia memang orang di sana tetapi mengikut peraturan mesti dipatuhi juga.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Timbalan Menteri, harus diperjelaskan kuasa yang ada pada pegawai pendaftaran untuk mengurangkan bayaran ataupun denda. Kita difahamkan ada peruntukan seperti sedia maklum dalam undang-undang, bagi pegawai pendaftaran untuk mengecualikan ataupun mengurangkan tetapi sering kali ini tidak dilakukan ataupun di lain tempat, lain tindakan pihak pegawai. Di Pitas, misalnya, bayaran kecil tetapi di tempat lain pula bayarannya seperti yang diperuntukkan di dalam akta ataupun hanya sekadar pengurangan yang begitu kecil sekali. Jadi, apa sebenarnya peraturan yang sedia ada. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya rasa bayaran untuk mendapat kad pengenalan ini di mana-mana pun sama sahaja tetapi kalau Yang Berhormat terdapat umpamanya, di Bandau, kalau hari ini saya perkatakan bahawa mendapat KPPK ini hanya dengan RM20, nanti di Bandau menjadi RM50, Yang Berhormat kena maklumkan kepada kita tetapi biasanya caj ini sama sahaja di mana pun, sama ada di Semenanjung kah, di Kota Bharu, di Kuching, di Bandau, di Bintulu, di mana pun RM20 tetapi kemungkinan Yang Berhormat bincangkan ini ialah mengenai perbelanjaan pergi balik pengangkutan dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat di kawasan pedalaman, di kawasan luar bandar. Ini yang menjadikan kita membuat keputusan daripada Kementerian mengarahkan pegawai-pegawai pendaftar kita turun ke kawasan pedalaman.

Pegawai-pegawai kita juga menghadapi masalah tentang apabila sampai di kawasan berkenaan ada yang kita dapat laporan tidak ada air, susah dengan nyamuk, tidak ada kemudahan membeli barang bila barang sudah habis. Seperti satu operasi yang dibuat oleh tentera, membawa semua makanan ke dalam kawasan berkenaan kerana hendak menentukan keselamatan pegawai-pegawai.

Ada pegawai-pegawai kita yang demam bila masuk ke kawasan pedalaman tetapi ini mereka tidak ada pilihan oleh sebab kita pun tidak ada banyak pegawai. Kalau yang satu masuk ke dalam, kadang-kadang satu hari, kadang-kadang satu minggu 45 orang sahaja yang datang untuk membuat pendaftaran.

Ini yang saya sebut di peringkat awal tadi kita tidak boleh buat satu *target*, satu masa kerana orang yang turun tidak memberi respons yang cukup menggalakkan kepada kita. Kalau dibandingkan dari segi perbelanjaan kita rugi. Tadi perbelanjaan jika mereka hendak ke bandar mereka rugi kerana mereka terpaksa menanggung beban yang banyak. Kita turun mereka tidak *respons*, kita rugi, membayar gaji pegawai-pegawai dia tidak kira elaun dan sebagainya. Tetapi mereka tidak datang, ini kita harap dalam masa di mana saya tidak boleh memberi jangka masa yang tertentu supaya kesedaran ini dapat setimpal dengan kesedaran yang dibuat oleh pegawai-pegawai kita yang turun ke bawah. Saya minta sangat Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin kaum di peringkat pedalaman menggalakkan orang-orang ini datang di kawasan pendaftaran dan kita melihat apakah masalah yang dihadapi oleh mereka yang kita boleh mencari jalan untuk mengatasinya.

Kalau mereka tidak datang, kita tidak nampak bila emak bapaknya mati, bila emak bapaknya kahwin, kata Yang Berhormat semua orang tahu bahawa dia dilahirkan di situ. Kalau semua orang tahu bermakna ada orang tahu. Tadi saya cakap ada orang tahu, ada orang ketahui di mana dan bila dia dilahirkan. Ini sebagai saksi di antara yang diperlukan. Itulah yang saya dapat terangkan.

Yang Berhormat bagi Beluran.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Arau bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Beluran, eh! hendak tanya fasal Beluran kah?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tak. Berkenaan dengan kad pengenalan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tumpang mencelah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kad pengenalan. Di Perlis kita dapati ada masyarakat atau rakyat negeri Perlis berkahwin dengan orang daripada Thailand. Kadang-kadang perkahwinan ini mereka daripada Thailand tidak menukar alamat dan ibunya tidak didaftarkan. Bila dia beranak, anaknya juga tidak mempunyai kad pengenalan. Saya diberitahu oleh guru-guru ada anak-anak yang lahir di Perlis tidak dapat belajar kerana tidak mempunyai dokumen yang sah. Jadi, saya ingin menarik perhatian Kementerian supaya tindakan susulan dapat dilakukan supaya pihak Kementerian dapat melonggarkan proses untuk mereka ini didaftarkan sebagai rakyat negara kita. Kalau tidak, mereka tidak mempunyai identiti, mereka tidak rakyat Malaysia dan sudah tentu bukan juga rakyat Thailand. Walaupun ini dalam bilangan yang tidak besar tetapi perkara ini memang ada berlaku. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu kalau bapanya rakyat Malaysia berkahwin dengan perempuan yang bukan rakyat Malaysia, lahir di mana pun tidak mengapa. Tetapi dia mesti mendaftar, ini pun orang yang champion dalam perkahwinan rantau ini tidak mahu mendaftar anaknya ketika anaknya dilahirkan. Ada yang cerdik pandai tetapi kita tidak tahu sama ada tujuan untuk

merahsiakan ataupun malas. Dia terpaksa menanggung satu beban lagi dan sesudah dia mendaftar di negara yang berkenaan mengikut pendaftaran negara yang berkenaan tetapi kalau ada pejabat konsul, pejabat kedutaan kita terus daftar di pejabat kedutaan yang berkenaan dan sekali gus dia diiktiraf. Tetapi kalau dia mendaftar di negara dengan status kerajaan yang berkenaan, dia boleh balik daftar ataupun daftar lewat yang kita berikan.

Hari ini ibu-ibu juga kalau melahirkan anak daripada ibu di sini dia boleh daftar terus di sini ataupun daftar di sana dan kemudian balik daftar di sini. Tetapi sayangnya ada di antara orang-orang kita yang sudah berkahwin tidak mahu melahirkan anak di sini. Kalau yang di Fuzhou, balik ke Fuzhou, kalau yang di Bangladesh, balik ke Bangladesh, kalau yang di Pakistan, hendak balik melahirkan di Pakistan. Kemudian tidak mendaftar pula, maka timbullah masalah. Ini kegagalan *the negligence of the parents*, menjadi beban kepada anak. Kita tidak boleh melonggarkan syarat, kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat tidak boleh melonggarkan syarat ini. Kita mesti mengikut syarat ini dan kita akan membantu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat, tetapi kalau kelalaian yang dibuat oleh ibu bapa tidak mendaftar, maka dengan sendiri ibu bapa meletakkan ketidakcukupan syaratnya untuk di terima menjadi rakyat kepada negara ini.

Timbul masalah 30 tahun, 40 tahun kemudian. Orang ini boleh kahwin tetapi tidak ada kad pengenalan, orang ini boleh mendapat anak tetapi tidak ada kad pengenalan, tolonglah menghebahkan perkara ini. Perkara ini saya sudah bercakap banyak orang India, saya berjumpa dengan banyak kumpulan orang-orang India, dia sudah menjadi rakyat di sini tetapi kerana bapanya asal daripada India, dia balik berkahwin di India tidak apalah, dia balik berkahwin di India, dia bawa isterinya ke sini. Bila isterinya mengandung, dia bawa bersalin di India juga. Sekarang budak itu sudah 30 tahun dia hendak menjadi rakyat di sini. Saya tanya, kenapa dahulu tidak mahu melahirkan di sini, tidak boleh, emak mentua suruh balik melahirkan di sana juga, tidak mendaftar. Problem ini bukan seratus dua ratus, puluhan ribu yang ada di dalam negara ini.

Yang Berhormat bagi Bandau, bukan sahaja di Sabah, di Semenanjung pun ada kegagalan ibu bapa yang tidak mengambil tanggungjawab bersungguh-sungguh. Saya tidak tahu apakah rancangan mereka, mungkin bapanya sudah menjadi rakyat di Malaysia anaknya hendak menjadi rakyat di Pakistan ataupun di Bangladesh, saya tidak tahu. Tetapi bila keadaan sekarang baru sedar anaknya juga mahu menjadi rakyat di sini. Proses permohonan mesti mengikut peraturan, tidak ada jalan kita hendak melonggarkan proses ini. Itu yang saya hendak maklumkan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya baru masuk, tumpang tanya sedikit. Beberapa bulan yang lalu saya pernah melawat sebuah rumah anak yatim piatu. Saya terperanjat apabila saya mengetahui bahawa tidak kurang daripada lima orang kanak-kanak itu tidak mempunyai kad pengenalan dan usaha telah dibuat oleh pekerja-pekerja di sana tetapi usaha mereka gagal. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah kes yang sedemikian telah didapati oleh kementerian dan apakah kementerian boleh melonggarkan syarat. Oleh kerana walaupun kita boleh.....[telefon bimbit berbunyi]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Telefon berbunyi, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:**... maaf, walaupun kita boleh mengatakan bahawa mereka kena mencari saksi dan sebagainya dan ada kes di mana tidak boleh mendapatkan saksi. Saya tahu seorang kanak-kanak di Sitiawan, saya lupa nama tempat itu, kanak-kanak itu akhirnya dapat kad pengenalan apabila umur dia sudah sampai masuk darjah tiga. Jadi, apa dia buat ialah pagi dia baca buku pelajaran darjah tiga, petang mengikuti kursus darjah satu. Ini adalah satu masalah besar. Dan saya berjumpa seorang kanak-kanak juga rupanya macam orang Melayu tetapi bapanya adalah orang Cina tidak diberikan kad pengenalan. Dia langsung tidak pergi ke sekolah. Saya berharap Yang Berhormat boleh mewujudkan satu pasukan khas, kita cuba menangani masalah ini dengan sesungguhnya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Kementerian Dalam Negeri ataupun Pejabat Pendaftaran ini bukan sahaja menghadapi masalah ketiadaan pendaftaran oleh ibu bapa atas kelahiran anak-anak, kita juga sedang menghadapi masalah yang tidak besar bilangannya, tetapi sentiasa ada,



anak-anak yatim, anak-anak yang dibuang yang kita tidak tahu ibu dan kita tidak tahu bapanya. Masalah ini pihak kementerian sedang mengkaji cara hendak mengatasinya.

Yang menjadi rumit kepada kita ialah ibunya orang dagang dan bapanya orang dagang yang kita tidak tahu sebenarnya orang dagang ataupun bukan orang dagang ataupun ibunya orang tempatan, bapanya orang dagang yang ditinggalkan. Ada yang dilahirkan di hospital ditinggalkan dan ada juga yang dibunuh dalam kenderaan pengangkutan jarak dekat dan sebagainya, ini juga menjadi masalah dan kita tidak ada cara untuk mengatasi masalah ini kecuali kita terpaksa menerima dan menjaganya tetapi insya-Allah kita akan cari. Kehendak Yang Berhormat untuk kita melonggarkan, kita tidak boleh melonggarkan, kalau kita melonggarkan perkara ini, saya ingat yang menjadi anak yatim tua.. [Ketawa] Macam sayakah, kalau Yang Berhormat tidak tahu lagi, macam saya anak yatim tua yang tidak ada kad pengenalan yang hari ini masih boleh dapat kerja, berjalan sana, berjalan sini....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Anak yatim tua itu Jelebu. [Ketawa]

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ha'ah, itu pun tidak tahu lagi, ada lagi yang tua, anak yatim yang tua. Akan datang ramai lagi dan bagaimana pula anaknya pula? Dia akan berlarutan, ada anak dan ada cucu. Ada yang saya dapat tahu, yang tidak ada kad pengenalan, atuknya, anaknya tidak ada kad pengenalan, cucunya pun sekarang tidak ada kad pengenalan. Ini oleh sebab perkahwinannya itu tidak menentu. Masalah ini menjadi satu masalah yang rumit dalam negara kita yang bercampur aduk seperti ini dan inilah ada ketika yang telah dibangkitkan oleh kawan-kawan kita untuk kementerian mencari jalan menyelesaikan. Kita sentiasa mencari jalan menyelesaikan perkara ini, sungguhpun demikian peraturan-peraturan yang kita tetapkan, kita ikut.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Klang bangun.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Minta penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat pun ada kes baru yang hendak diselesaikan.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, untuk mendaftarkan seseorang bayi dalam Sijil Kelahiran, ibu bapanya terpaksa menunjukkan Sijil Perkahwinan mereka sebelum nama bapanya boleh dimasukkan di dalam Sijil Kelahiran. Jadi ini sudah menjadi satu masalah di kawasan luar bandar sebab masih ada lagi pasangan yang berkahwin mengikut istiadat mereka dan tanpa mengadakan pendaftaran perkahwinan sivil.

Jadi pada pandangan saya, Sijil Kelahiran adalah untuk menunjukkan keturunan seseorang dan apakah rasionalnya mereka ini perlu menunjukkan Sijil Perkahwinan dan mengapa nama ibu boleh dimasukkan di dalam Sijil Kelahiran tanpa menunjukkan Sijil Perkahwinan tetapi nama bapa kalau hendak masukkan dalam Sijil Kelahiran terpaksa menunjukkan Sijil Perkahwinan, mengapa ada perbezaan seperti ini.

Saya rasa kalau kita membenarkan perkara ini diteruskan, ia akan menjejaskan hak bayi ini sebab ia mungkin menjejaskan kerakyatan bayi ini. Jadi saya ingin tahu sama ada kementerian Yang Berhormat mengkaji semula prosedur seperti ini, saya rasa tidak berapa adil. Sekian terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat, tadi saya sudah menjelaskan bahawa status bapa itu menjadi perkara yang penting. Ia adalah warisan keturunan dan daripada awal dahulu, kalau bapanya orang Malaysia, anaknya sekali gus jadi anak Malaysia. Kalau bapanya bukan rakyat Malaysia, menjadi masalah kepada kita untuk menentukan anaknya adakah berhak mewarisi keturunan ataupun hak rakyat dalam negara ini.

Perkara tentang pendaftaran-pendaftaran ini untuk mengesahkan sama ada kelahiran itu melalui proses perundangan biasa ataupun adat dan sebagainya tetapi kalau perkara ini kita tidak pentingkan, maka kita susah hendak menentukan warisan keturunan rakyat dalam negara kita. Saya tidak nampak masalah ini kerana ramai masyarakat Cina yang kahwin secara tradisional, yang tidak menimbulkan masalah

tetapi kalau kelahiran awal didaftarkan anaknya terus kepada Pejabat Pendaftaran tetapi masyarakat Cina pun kalau perkahwinannya mengikut adat, masyarakat India juga mengikut adat, masyarakat Orang-orang Asli pun mengikut adat, menjadi masalah kepada kita bagi menentukan pengesahan berkahwin ini adalah perlu kerana hendak menjaga keturunan dan anak-anak ini mendapat kemudahan dan *privilege* dengan izin, sebagai keturunan rakyat dalam negara ini.

Saya berharap bahawa perkara ini hendaklah kita hebahkan kerana jangan sampai 83 tahun yang akan datang, dalam Dewan yang lebih luas nanti kita masih membicarakan ibu bapa tidak ada pengesahan perkahwinan mereka dan menjadi masalah kepada anak untuk mewarisi, menjadi rakyat terus dalam negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah banyak lagi untuk dijawab?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Oh, saya ingat Tuan Yang di-Pertua juga hendak buat soalan.. [Ketawa] Ada juga Datuk tetapi kalau....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kerana masa sekarang sudah lepas pukul lima. Jadi kalau boleh cuba ringkaskan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya boleh pendekkan tetapi nanti saya tidak jawab....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang belum dijawab, beri keutamaanlah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, ya. Sebahagian besarnya saya sudah jawab tetapi ia berulang-ulang, semua orang membicarakan yang sama Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau hendak terima penjelasan atau hendak minta penjelasan atau tidak, terpulang kepada Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena membangkitkan kebimbangan syarikat luar dalam konsortium GPMS dan sebagainya.

Saya telah jawab perkara ini, apa-apa pun, mana-mana pun kita teknologi ini kalau kita mengetahui perjanjian kita dengan syarikat yang mengendalikan perkara yang berkenaan, ada lagi teknologi orang-orang yang jahat untuk mengatasi masalah ini. Jadi sementara ini kita memberi kepercayaan dalam persefahaman kita bagi mereka menjalankan ini. Kalau kita terus membangkitkan masalah ketidakpercayaan antara kita dengan pihak yang menerbitkan ataupun pihak yang pakar dalam bidang ini, akhirnya mungkin kita tidak dapat menjalankan ini oleh sebab keraguan kita mengendalikan kerja kita untuk mencapai sehingga tahap ini yang kita ketahui adalah di antara yang terbaik. Ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, ya. Ini yang jadi lambat, Datuk.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, memang saya membangkitkan soal kebimbangan tetapi saya juga menekankan soal, kenapa kita tidak memberi peluang kepada khususnya syarikat-syarikat tempatan untuk membangunkan teknologi-teknologi seperti itu sedangkan kita akui bahawa ada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai potensi yang sangat baik, mempunyai kepakaran yang baik seperti contoh saya katakan tadi, bila kita bergantung kepada Proton, umpamanya kalau kepada MEP, MEP hanya mendapat lesen daripada Proton. Kalau Proton tidak melesenkan kepada MEP ini bermakna bahawa kita akan terbengkalai kita punya projek. Maknanya, kebergantungan kita itu terlalu tinggi kepada syarikat-syarikat dan teknologi daripada luar.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak ada runding cara ataupun runding cari lebih awal, kita hanya tangkap muat. Kita tidak buat tangkap muat ini. Kita mencari dan kita telah minta bahawa mereka membuat satu *demonstration*, memberi penerangan dan

banyak yang kita agak ada beberapa syarikat yang boleh kita minta mereka ini. Ini kita pilih di antara yang telah kita minta memberi kepercayaan kepada kita dan kalau ini akhirnya besok kata Yang Berhormat bagi Bandau, kita melihat keadaan ini tidak baik, mungkin dalam teknologi ini mereka akan berterusan membawa satu teknologi baru yang lebih baik, dalam beberapa puluh tahun esok, kita mungkin akan membawa satu pendekatan yang lebih baru untuk memperbaiki keadaan yang ada.

Ini kita tidak dapat hendak *promise*, kita tidak dapat hendak janjikan tetapi untuk sementara ini setelah pihak kerajaan mencari, pihak kerajaan mendapat demonstrasi daripada pihak pengelola, pihak penerbit ini, kita yakin bahawa mereka memberi pendekatan dan persembahan teknologi yang baik untuk kita gunakan dalam kad pengenalan kita di dalam negara ini.

Insyaa-Allah, walau bagaimanapun, dalam bidang teknologi ini, dalam masa implementasi teknologi ini pun, mereka masih boleh memperbaiki. Ini apa yang biasa kita dengar, apa yang biasa disarankan kepada kerajaan bagi pihak pembekal dan sebagainya. Saya harap bahawa perkara ini akan dapat memuaskan hati rakyat dan memuaskan hati kerajaan dalam mengendalikan perkara ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang kos tadi. Saya sudah beritahu ianya lebih kurang RM20 sahaja satu dan kerajaan terpaksa *subsidize* yang selebihnya.

Tentang penyelarasan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Dalam KPPK ini, tidak ada satu.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Saya sudah jawab peringkat awal tadi yang kita ada satu *understanding* yang dibekalkan kepada kita, ia tidak boleh dibekalkan kepada orang lain. Kalau tidak, habis satu dunia ini ada sistem teknologi yang diberi kepada kita. Itu persefahaman. Kalau tidak, tidak perlu kita menggunakan teknologinya. Kalau tidak, tidak perlu kita menggunakan teknologi. Lebih baik sahaja kita teknologi tangan sahaja, ini mesti ada. Dia tidak boleh menjual kepada orang lain dan orang lain tidak boleh menggunakan sistem teknologi yang telah diperakukan kepada kita. Ini baru kita menerima dan mengimplementasikan teknologi yang telah dipersetujui.

Kos projek ini lebih kurang RM269.9 juta untuk Lembah Klang. Kita pun memang *subsidize* lah, saya kata tadi.

Ini daripada Yang Berhormat bagi Bachok, saya sudah jawab bagi pihak Bachok. Ini pasal ISA digunakan di antaranya...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ISA pun digunakan. *(Ketawa)*

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** ISA pun kita guna ya. Bagus ya Yang Berhormat bagi Bachok memperingatkan. ISA pun kita gunakan, bukan kita tidak guna, guna. Nanti kejap ya, saya lihat, mana ISA ini? *[Menyelak-nyelak nota di atas meja]* ISA ini pun dalam masa terdesak, ia pun lari ini.

Ya, kita menggunakan ISA dalam melibatkan dokumen pemalsuan ini. Tahun 1995, bagi sindiket sahaja, kita tangkap 40 orang. Tahun 1996, 23, dan tahun 2001 tahun ini, 3 dan tahun lepas tidak ada. Tangkapan kita keseluruhannya, bukan sindiket tangkapan 343 daripada tahun 1995, perintah tahanan 277, sekatan 112. Kalau kita sudah tangkap, kemudian itu kita dapati bahawa ianya ada maklumat-maklumat yang tidak sesuai, kita bebas tanpa syarat, 45 kes sepanjang tahun 1995 sehingga tahun 2001.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya hendak tahu jawapan terhadap soalan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bachok tadi. Saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bachok tadi bahawa supaya kerajaan tidak menggunakan ISA, itu yang dimaksudkan, tidak menggunakan ISA. ISA ini bukan sahaja kita menentang kepada penggunaan terhadap orang-orang politik, kepada sesiapa sahaja dalam negara kita sama ada para pemimpin kerajaan, termasuk para pemimpin UMNO, termasuk cadangan Yang Berhormat Datuk sebut tadi, kena ambil tindakan kepada mereka yang melibatkan politik wang, pun kita tidak bersetuju kerana undang-undang ini, undang-undang yang zalim.

Sebab saya ada pengalaman. Mereka yang duduk dengan saya di Kem Kamunting, Pegawai Imigresen, Pengarah Imigresen daripada Jabatan Pendaftaran Negara, mereka menceritakan tentang sindiket-sindiket itu melibatkan ramai pembesar-pembesar dalam negara kita pada waktu itu, sewaktu mereka berada sebilik dengan saya. Jadi saya hendak sebut di sini bahawa, kadang-kadang mereka ini sahaja yang menjadi mangsa tetapi ketua-ketua sindiket masih terlepas tetapi, bagi saya yang penting sekali bukan penggunaan ISA tetapi menggunakan peruntukan undang-undang yang lain yang sedia untuk mendakwa mereka.

Kalau mereka ada bukti, ayuh dakwa mereka. Bukannya menggunakan undang-undang yang menafikan hak mereka untuk mendapat pembelaan di mahkamah seperti mana yang berlaku juga kepada mereka 10 orang aktivis daripada KeADILan dan juga reformasi yang ada sekarang, yang sepatutnya diberikan hak sehingga isteri hendak berjumpa baru ini, anggota polis beria-ia untuk meminta supaya mahkamah jangan membenarkan untuk dibawa mereka ke mahkamah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** .....sedangkan ini satu benda yang merupakan satu proses yang salah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah, tidak payah berucaplah, cukup.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, satu proses yang mudah, bawa orang itu datang ke mahkamah, habis masalah tetapi, kenapa anggota polis tidak benarkan, seolah-olah macam ada satu-satu hal yang hendak dilindungi daripada pengetahuan keluarga dan juga...[Disampuk] Yang boleh berjumpa, saya ucapkan terima kasihlah tetapi, kenapa dua orang itu, sedangkan Mahkamah Tinggi pun memerintah tetapi tidak dibenarkan dibawa ke mahkamah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memperkatakan masalah ISA. Saya hanya menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bachok dan juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan dan juga Yang Berhormat bagi Bandau.

Perubahan tindakan undang-undang daripada 3,000 kepada 50,000, dua tahun kepada lima tahun, tidakkah ada peraturan-peraturan dan undang-undang yang lain? Kita juga pakai undang-undang lain mengikut keadaan dan masa yang sesuai. Sesuai dengan undang-undang yang akan kita ambil tindakan terhadap orang yang berkenaan tetapi apabila tahapnya itu sampai ke peringkat mengucar-ngacirkan dan membahayakan ketenteraman awam dan keselamatan negara ini, ISA lah yang kita pakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis menjawab. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 7 –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sila.

**5.10 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya merujuk kepada Fasal 6, di mana pemotongan

keseluruhan Seksyen 7 yang memperuntukkan Pegawai Pendaftaran boleh hadir ke mahkamah untuk menjalankan pendakwaan. Alasan yang diberi di dalam huraian adalah kerana pendakwaan hanya boleh dilakukan oleh orang yang diberi kuasa oleh pendakwa raya mengikut Kanun Tatacara Jenayah, saya menyokong pemotongan keseluruhan Seksyen 7 tersebut agar ia tidak bercanggah dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Akan tetapi, saya berpendapat adalah baik Seksyen 7 ini diganti dengan satu peruntukan yang lain yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan boleh dilakukan kecuali dengan keizinan bertulis oleh pendakwa raya.

Kalau kita lihat kepada Rang Undang-undang Makanan, pindaan yang dibentangkan baru-baru ini dan Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) yang belum dibahaskan kedua-dua rang undang-undang ini, juga telah diperuntukkan pindaan dengan secara *explicit* dengan izin, memperuntukkan pendakwaan hanya boleh dijalankan dengan keizinan bertulis pendakwa raya.

Ini saya percaya adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya percanggahan dengan Perkara 145 yang memperuntukkan kuasa kepada Peguam Negara untuk memulakan pendakwaan. Jika tidak diperuntukkan secara *explicit* di dalam Akta Pendaftaran ini, ini akan menjadikan mana-mana pegawai diturunkan kuasa untuk menjalankan pendakwaan di mahkamah, mempunyai kuasa yang sama seperti Peguam Negara mengikut Perkara 145.

Oleh itu, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyentuh bahawa tujuan pemotongan Seksyen 7 itu adalah untuk memastikan diperoleh keizinan bertulis daripada pendakwa raya terlebih dahulu tetapi saya tidak faham mengapa tidak dinyatakan secara *explicit* di dalam pembinaan akta ini. Sekarang ini, Akta Makanan dan Akta Pendaftaran Perniagaan juga dengan secara *explicit* memperuntukkannya. Sebab, baru-baru ini saya telah menjalankan satu kes berkenaan dengan Akta Makanan, mahkamah telah menyatakan bahawa keperluan secara bertulis, keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya baru boleh memulakan pendakwaan. Jadi, untuk mengelakkan percanggahan dengan Perkara 145, saya cadangkan diperbetul pindaan ini.

Sekian, terima kasih. .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tidak ada orang lain. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tidak ada yang lain.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya ingat daripada apa yang tertulis ini, saya baca balik. Seksyen 7, Akta sekarang memberi kuasa kepada Pegawai Pendaftaran untuk mendakwa mana-mana pesalah yang melakukan kesalahan terhadap Akta ini. Peruntukan ini dipinda dengan memberi kuasa kepada Pegawai Pendaftaran setelah mendapat kebenaran bertulis. Saya tidak lihat apakah kecacatan ini adalah kebenaran bertulis itu adalah lebih sahih, lebih nyata daripada kebenaran bercakap ataupun difahamkan bahawa apabila beliau berjawatan yang demikian, dia boleh bertindak.

Kita mengikat ini berkaitan dengan Pendakwa Raya mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Kanun Tatacara Jenayah tetapi Yang Berhormat boleh memberi cadangan bertulis dan memberi hujah kalau Yang Berhormat mengatakan dengan kebenaran bertulis ini dan tidak ada *explanation* yang menjadikan Yang Berhormat tidak berpuas hati, Yang Berhormat boleh memberi cadangan bertulis sebagai seorang lawyer supaya lebih terang untuk kita pertimbangkan kalau ianya boleh memberi kebaikan yang lebih mutlak kepada undang-undang ini. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen, sila.

**5.29 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan rang undang-undang bemama suatu Akta meminda Bahagian VII Akta Pergigian 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta 51 yang bertajuk Akta Pergigian 1971 adalah berkenaan perihal pendaftaran dan amalan pengamal-pengamal pergigian iaitu doktor-doktor pergigian swasta dan pegawai pergigian kerajaan dan juga peruntukan bagi maksud negara mengenai satu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran sebagai seorang pengamal pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 46(3) Bahagian VII Akta Pergigian 1971 memperuntukkan syarat perkhidmatan wajib selama dua tahun bagi semua graduan pergigian warganegara setelah mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Oleh kerana sebab-sebab tertentu pada masa itu, ketetapan ke Parlimen untuk meneruskan peruntukan tidak dikemukakan dan dengan ini peruntukan tersebut telah lupus dengan sendirinya selepas lima tahun iaitu pada tahun 1976. Oleh yang demikian, mulai tahun 1976 sehingga sekarang, graduan-graduan pergigian tidak diwajibkan berkhidmat dengan pihak kerajaan.

Seperti yang kita sedia maklum, negara secara umumnya dan Kementerian Kesihatan khususnya, telah menghadapi masalah kekurangan pegawai pergigian sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bilangan jawatan yang ada pada masa sekarang adalah 958 dengan pengisian sebanyak 686. Kekurangan berdasarkan jawatan sedia ada adalah sebanyak 272 iaitu 28.4% pada masa ini tidak menggambarkan keperluan sebenar. Sekiranya diambil keperluan jawatan bagi fasiliti-fasiliti yang telah siap di bawah projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, keperluan jawatan sebenarnya adalah sebanyak 1,234 manakala kekurangan sebenar adalah sebanyak 548 iaitu 44.4%.

Masalah kekurangan pegawai pergigian menjadi semakin mendesak kerana agihan pegawai pergigian yang tidak seimbang di beberapa buah negeri akibat kehilangan pegawai pergigian untuk berkhidmat di negeri-negeri tersebut. Masalah ini sememangnya amat kritikal di beberapa buah negeri iaitu Perlis dengan kekosongan sebanyak 63.2%, Sarawak dengan 51.3% kekosongan, Sabah dengan kekosongan sebanyak 45.5%, Pahang dengan 35.5% kekosongan, Kelantan dengan kekosongan sebanyak 35.1% dan Terengganu dengan kekosongan sebanyak 35% terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, di antara graduan baru yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia, sebilangan besar membuat pilihan berkhidmat di sektor swasta di bandar. Sejak dari tahun 1994, peratus pendaftaran baru yang memilih untuk berkhidmat di sektor swasta sentiasa lebih daripada mereka yang memilih untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Peratus ini jatuh di bawah tahap 60% hanya semasa kegawatan ekonomi pada tahun 1998 dan 1999. Akibat trend ini, pada 31 Disember 2000, hanya 35% daripada jumlah pengamal pergigian berkhidmat di sektor awam.

Kementerian saya amat memandang serius kadar pegawai pergigian yang menunjukkan trend meningkat dan didapati bilangan penghijrahan pengamal pergigian untuk mencebur diri dalam sektor swasta dan di sektor fakulti pergigian di universiti-universiti juga turut meningkat terutamanya dengan pemulihan ekonomi negara.

Dukacita saya maklumkan bahawa sebahagian besar mereka yang meletak jawatan memilih untuk berkhidmat di sektor swasta di bandar oleh sebab pendapatan yang lebih lumayan dan faktor lokasi kerja atas pilihan sendiri. Keadaan ini telah menjejaskan perkhidmatan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan wajib untuk semua pengamal pergigian yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia bukan sahaja dapat membantu mengatasi masalah kekurangan pegawai pergigian di sektor awam tetapi ianya dapat melengkapkan pengamal pergigian dengan pengetahuan mengendali dan menjalankan amalan pengurusan perkhidmatan pergigian yang baik, seterusnya dapat berdikari memberikan perkhidmatan yang sentiasa berkualiti dengan penuh keyakinan kepada pelanggan. Pada masa yang sama dengan tenaga kerja yang bertambah, perkhidmatan kesihatan pergigian di Kementerian Kesihatan juga dapat disediakan ke seluruh negara dan status kesihatan pergigian di kalangan penduduk di bandar dan luar bandar dapat diimbangi.

Perkhidmatan wajib selama tiga tahun dicadangkan untuk semua graduan pengamal pergigian warganegara yang layak didaftarkan dengan Majlis Pergigian Malaysia dan berkuat kuasa apabila rang undang-undang ini diluluskan dan diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, terdapat tiga buah universiti tempatan yang mempunyai Fakulti Pergigian iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia dengan mengambil kira graduan dari luar negara dan keluaran daripada ketiga-tiga buah universiti tempatan. Bilangan graduan setahun dianggarkan seramai 66 orang bagi separuh tahun kedua tahun 2001, 154 orang pada tahun 2002, 182 orang pada tahun 2003 dan seterusnya meningkat kepada 222 dan 238 orang pada tahun 2004 dan tahun 2005.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan mesyuarat*]

Kekosongan jawatan yang sedia ada boleh menampung pengambilan pegawai pergigian untuk berkhidmat wajib pada tahun 2001 dan 2002. Manakala pada tahun 2003, sebanyak 138 jawatan perlu diwujudkan. Tambahan jawatan akan dipohon bergantung kepada pengeluaran bagi tahun-tahun seterusnya.

Perbelanjaan tambahan untuk menampung pembayaran emolumen bagi jawatan tambahan tersebut dianggarkan berjumlah RM3.65 juta bagi tahun 2003 dan seterusnya RM4.65 juta pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, secara am pindaan ini merangkumi perkhidmatan wajib selama tiga tahun bagi pengamal pergigian yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan pindaan ini akan melibatkan implikasi kewangan tetapi ianya kecil jika dibandingkan dengan faedah yang banyak yang akan diperolehi oleh semua pihak terutama sekali penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan meminda akta ini supaya bahagian ini tidak perlu diluluskan tiap-tiap lima tahun tetapi akan terus dikuatkuasakan sehingga tidak diperlukan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 tidak diperlukan lagi kerana Bahagian ini akan terus dikuatkuasakan sehingga ketetapan untuk berhentinya diluluskan oleh Parlimen. Memandangkan kebaikan kepada negara dan pengamal pergigian baru Fasal 10 menetapkan tempoh perkhidmatan wajib selama tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pergigian 1971 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat mempertingkatkan dan meluaskan perkhidmatan pergigian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sokong.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu

akta untuk meminda Akta Pergigian 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Gelang Patahlah.

5.37 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin ambil peluang keemasan ini menyokong pindaan Akta 51 iaitu Akta Pergigian (Pindaan) 2000. Nampaknya boleh dikatakan sudah lambat sedikit. Kita sudah terima rang undang-undang ini pada 7 Disember tahun lalu dan kemungkinan oleh kerana lambat hasrat pihak Kementerian Kesihatan adalah supaya pindaan ini dapat dikuatkuasakan pada 1 Januari 2001. Bolehkah pihak Kementerian Kesihatan beritahu sejak bulan Disember hingga sekarang telah berapa orang doktor pergigian oleh kerana rang undang-undang ini belum dipinda tidak perlu mengadakan perkhidmatan wajib.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap dengan pindaan Akta Pergigian ini akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan doktor-doktor pergigian secara berperingkat. Sejak tahun 1976 perkhidmatan wajib untuk doktor-doktor pergigian telah dimansuhkan. Dan sejak 24 tahun lalu akibat *market forces* dengan izin, ramai doktor pergigian boleh berkhidmat dengan pihak swasta atau menubuhkan klinik pergigian sendiri kerana boleh mendapat pendapatan yang lebih lumayan dan lebih bebas dalam pengurusan masa (*time management*), dengan izin. Banyak klinik pergigian mengadakan had masa pembukaan klinik dan berkhidmat lima hari seminggu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pewujudan perkhidmatan wajib selama tiga tahun untuk doktor-doktor pergigian akan dapat memupuk semangat tanggungjawab sosial di kalangan doktor-doktor pergigian dan mereka akan dapat mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman serta keyakinan diri dalam mengendalikan pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil peluang keemasan di sini minta pihak kerajaan selain daripada kita mengadakan undang-undang untuk mewujudkan perkhidmatan wajib, kita pun perlu peka dan prihatin tentang gaji dan elaun untuk doktor-doktor pergigian termasuk doktor-doktor perubatan perlu dinaikkan. Pihak Kementerian Kesihatan pun mesti mempertingkatkan usaha perubatan pencegahan iaitu *preventive medicine*, dengan izin, supaya dapat mengurangkan kes-kes pesakit pergigian kerana kita semua tahu pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan dan ini pun dapat mengurangkan pesakit pergigian dan dapat menjimatkan perbelanjaan rawatan. Ini adalah boleh dikatakan menjimatkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita sering dengar bahawa di banyak negeri menghadapi masalah kekurangan doktor terutama daripada maklumat yang kita dapati iaitu di negeri Sabah boleh dikatakan nisbah pengamal pergigian kepada penduduk paling tinggi sekali iaitu satu doktor pergigian kepada 39,605 orang. Jika dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur satu doktor kepada penduduk 3,361 dan Sarawak adalah satu doktor kepada 24,423 orang. Dan ini adalah satu masalah yang serius dan bolehkah pihak Kementerian Kesihatan memberikan maklumat yang lebih terperinci sekarang tentang nisbah pengamal pergigian masa kini dan berikan kekosongan jawatan pegawai pergigian di semua negeri termasuk negeri Johor yang mana kawasan saya adalah dari negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin ambil peluang minta pihak kerajaan supaya mengiktiraf ijazah pergigian dari Taiwan terutama mereka yang telah mempunyai ijazah pergigian dari Taiwan sebelum pihak Kementerian Pendidikan mengiktiraf ijazah pergigian dari Taiwan. Selepas usaha Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan pengiktirafan ijazah pergigian dari Taiwan oleh Kementerian Pendidikan, kita diberitahu bahawa doktor-doktor pergigian dari Taiwan yang lulus selepas pengumuman daripada Kementerian Pendidikan ijazah mereka baru diiktiraf.

Untuk doktor pergigian yang dapat kelulusan sebelum masa itu tidak diiktiraf. Ini ialah satu perkara yang luar biasa kerana boleh dianggap bahawa mereka yang telah memperolehi ijazah dari negara Taiwan sebelum pihak Kementerian Pendidikan mengiktiraf ijazah pergigian mereka selain daripada mempunyai ijazah yang sama mereka mempunyai pengalaman yang lama dan sedang berkhidmat di negara Taiwan kerana tidak diiktiraf dan mereka tidak balik. Jika kita dapat buat demikian kemungkinan besar warganegara kita yang sedang berkhidmat di Taiwan dengan mempunyai ijazah pergigian akan balik berkhidmat ke negara kita.



Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin mengambil peluang ini walaupun ada terkeluar sedikit, cuma pada akhirnya saya ingin ambil peluang ini supaya pihak kerajaan perlu bertindak proaktif untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat pelajar di IPTA untuk pelajar-pelajar yang telah memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM supaya mengelakkan brain drain dan menjadikan satu kerugian besar kepada negara. Ini pun terlibat dengan doktor-doktor pergigian. Pihak kerajaan terutama pihak Kementerian Pendidikan perlu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan Chang See Ten:** ....mengkaji semula cara atau prosedur pengambilan pelajar untuk memasuki IPTA supaya ia tidak menjadi masalah tahunan kepada pelajar-pelajar dan pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Pengkalan Chepa.

5.47 ptg.

**Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perintah Am Kerajaan, pegawai pergigian ditakrifkan sama sebagai pegawai perubatan. Mengikut statistik tahun 1997 jumlah doktor pergigian di seluruh Malaysia ialah seramai 1,865 orang. Bilangan ini amat kecil berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia seramai 22 juta orang. Mengikut rekod Kementerian Kesihatan nisbah pegawai pergigian dengan penduduk ialah 1:11,847. Di Kelantan nisbahnya ialah 1:16,368, manakala di Sabah nisbahnya ialah 1:39,605. Keadaan ini menjadi lebih teruk dengan kadar penghijrahan pegawai pergigian ke sektor swasta yang terus meningkat. Sebagai contoh, di Kelantan dalam tempoh 1999 hingga 2000 seramai 17 orang pegawai pergigian telah meninggalkan Kementerian Kesihatan. Ini adalah fenomena kurang sihat dalam pengurusan kerajaan. Selain dari itu, kerajaan terpaksa membawa masuk doktor pergigian daripada luar dan kerajaan terpaksa membayar gaji yang tinggi kepada mereka.

Berasaskan keadaan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000 sebagai salah satu cara mengatasi masalah kekurangan pegawai pergigian di Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya mengapa pihak kementerian menunggu sehingga hampir 25 tahun untuk mengemukakan pindaan ini. Sikap ini pada pandangan saya mencerminkan ketidakcekapan dan tidak berpandangan jauh pihak kementerian di dalam pentadbiran. Ia juga menjadi bukti kegagalan kementerian untuk menjangka ataupun anticipate keperluan sebenar negara dalam perkhidmatan pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya kaedah undang-undang sahaja tidak cukup untuk mengatasi fenomena yang dihadapi. Perkhidmatan pergigian sangat penting dalam penjagaan kesihatan secara menyeluruh. Khidmat yang diberikan antaranya merangkumi murid-murid sekolah rendah dan menengah, ibu-ibu mengandung, warga tua dan rawatan kepakaran. Semasa melaksanakan tugas ini pegawai pergigian terdedah kepada pelbagai risiko jangkitan penyakit. Walaupun tugas pegawai pergigian penting dan penuh risiko, namun ganjaran yang mereka perolehi tidak setimpal. Untuk menjadi pegawai pergigian, seseorang terpaksa mengikuti kursus Ijazah Pergigian (BDS) selama lima tahun, sama dengan jangka masa kursus Ijazah Perubatan (MBBS). Tetapi pendapatan dan kemudahan yang diterima oleh pegawai pergigian mengikut apa yang saya tahu tidak sama dengan doktor perubatan.

Sebagai contoh, pegawai pergigian tidak menerima elaun perkhidmatan kritikal, sedangkan doktor perubatan memperolehinya. Kalau maklumat ini benar, saya ingin bertanya kepada kementerian mengapakah keadaan ini boleh berlaku dan apakah tindakan kementerian bagi menyelaraskan perbezaan ini.

Saya berpandangan kalau kementerian ingin mengatasi penghijrahan pegawai pergigian ke sektor swasta, kementerian mesti menyediakan skim perkhidmatan dan kemudahan yang menarik kepada mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh bagi menambah bilangan lulusan Ijazah Pergigian dari IPTA dan IPTS dalam negara. Kalau kita merujuk buku maklumat perangkaan Statistic Handbooks 1999 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kita dapati bilangan doktor pergigian bertambah secara purata 50 orang setahun. Sebagai contoh, tahun 1995 bilangan doktor pergigian ialah 1,750 orang. Tahun 1996 bilangannya ialah 1,800 orang, dan 1997 bilangannya ialah 1,865 orang. Walaupun bilangan doktor pergigian bertambah setiap tahun, namun jumlahnya amat kecil berbanding keperluan sebenar negara. Saya berharap pihak kementerian akan memberi perhatian serius kepada perkara ini dan mengambil langkah yang berkesan bagi menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian berkenaan teguran Audit terhadap kelemahan pengurusan Kementerian Kesihatan terutama yang melibatkan 55 peralatan bernilai RM1.41 juta. Saya petik laporan tersebut, "Semakan Audit mendapati sembilan hospital dan tujuh klinik pergigian tidak menggunakan peralatan bernilai RM1.41 juta. Ada di antaranya tidak digunakan sejak bulan November 1995. Antara sebab peralatan-peralatan itu tidak digunakan ialah ketiadaan aksesori yang berkaitan; tidak sesuai digunakan; ketiadaan pakar untuk mengendalikannya dan klinik pergigian yang memerlukan belum siap dibina". Soalnya, mengapa perkara ini boleh berlaku dan apa tindakan kementerian bagi membetulkan keadaan yang memalukan ini.

RM1.41 juta bukan satu jumlah yang kecil. Ini adalah wang rakyat. Kita tidak mahu wang rakyat digunakan secara membazir dan tidak bertanggungjawab. Kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan secara telus daripada pihak kementerian sewaktu menggulung nanti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong, selepas ini pihak kementerian menjawab.

5.53 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, melainkan untuk menjelaskan apakah pendapat ahli profesional seperti saya. Walaupun kedua-dua Yang Berhormat yang berucap tadi menyokong rang undang-undang ini kerana mereka bukan orang profesional.

Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemampuan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiada kemampuan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiada kemampuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan diikuti dengan Rancangan Malaysia Kelapan, di dalam buku itu didapati bahawa teras temanya ialah untuk mewujudkan k-ekonomi. Ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan. Di dalam arah alirannya ialah untuk mewujudkan Malaysia yang benar-benar mempunyai tahap yang tinggi di dalam pendidikan, di dalam latihan untuk sumber manusia, modal dan maklumat yang diutamakan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan OPP3. Kemudian kita mengatakan bahawa Malaysia akan menuju kepada dunia maya (*virtual world*). Dengan virtual ini kita didapati pihak Kementerian Kesihatan terpaksa membentangkan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Pergigian 1971 untuk mewajibkan doktor pergigian berkhidmat selama tiga tahun.

Saya ada baca rang undang-undang ini dan saya bandingkan dengan rang undang-undang untuk doktor perubatan. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun

tahulah, yang lama dengan yang baru untuk perubatan serupa juga. Tidak ada yang berlainan, serupa juga diambil daripada Akta Perubatan. [Disampuk] Ha, tahun berbeza, istilah sedikit sebanyaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia doktor belaka itu. Doktor pergigian dengan doktor biasa. Dia memang tidak banyak beza. Teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, semasa pindaan diadakan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan wajib kepada doktor, saya pernah mengatakan di sini, doktor mengambil masa 6 tahun termasuk *horsemanship*nya, 6 tahun atau 7 tahun. Kemudian, apabila jadi graduan, dihukum oleh pihak kerajaan kerana ada statistik kita. Misalnya, dengan doktor gigi, daripada jawatan 1,234 hanya 548 diisikan. Jadi, disebutkan bahawa kekurangan lebih 44%. Inilah angka diambil dan juga di setiap negeri kekurangannya di antara 35% kepada lebih 60%, ada disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Di sini yang pertama, mengapa ahli-ahli profesional dihukum, dikenakan penalti. Ini memang kesalahannya, bukan perkembangan dunia maya kita, *virtual world* kita, bukan kerana globalisasi kita, bukan kerana sektor swasta lebih menarik sahaja bahkan juga pihak kementerian, pihak kerajaan, faktor yang utama yang salah kerana rancangan tidak begitu teratur, terma dan syarat untuk doktor perubatan dan doktor gigi tidak begitu menarik.

Walaupun pihak kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyenaraikan elaun dan insentif, kalau tidak silap saya lebih 15 sudah, elaun dan insentif yang diberi tetapi saya nampak, yang pertama terlalu lewat, yang kedua suasana atau keadaan perkhidmatan itu masih boleh diperbaiki. Maksud saya di sini, kita tidak mahulah di dalam dunia maya kita, *virtual world* kita itu menghukum orang yang mengambil kursus profesional, tidak payah kita melakukan sedemikian.

Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Kelapan, pihak kerajaan boleh mengkaji dengan baik, bagaimana rancangan untuk Kementerian Kesihatan boleh diperbaiki supaya syarat dan terma lebih menarik untuk doktor pergigian dan doktor perubatan. Ini saya mencadangkanlah.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah mendalami, sebab saya sendiri berpendapat bahawa semua ahli profesional mestilah memberi khidmat kepada negara, itulah salah satu perkara yang penting. Saya pernah berkhidmat secara wajib juga, saya pernah berkhidmat dan saya berpendapat semua rakyat pun mesti berkhidmat termasuk profesionallah. Tetapi mengapa jurutera tidak diwajibkan, akauntan tidak diwajibkan, entahlah, orang profesional lain tidak diwajibkan berkhidmat, ini memang satu diskriminasi. Tidak patutlah ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab tidak ramai orang berkelulusan doktor.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu pun tidak ramai. Jangan kita hukum mereka hendak mengikuti kursus itu. [Disampuk] Inilah masalah kita sekarang.

Bagi saya banyak perkara yang berlaku di dalam hospital dan klinik kerajaan. Yang pertama, cara untuk pelantikan, mesti dikaji semula. Saya tidak tahu ada setengah-tengah doktor perubatan dan pergigian yang tidak munasabah juga, sebab mereka tidak mahu pergi ke kawasan pedalaman....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mengapa sampai ke belakang pandang, Yang Berhormat. [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab mereka yang akan menjawab. Bukan Setiausaha Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, Setiausaha Parlimen menjawab. Pandang saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab itulah saya menuju kepada mereka supaya menjawab dengan baik-baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** [Ketawa] Ha, terus, terus.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Aduh! Itulah maksud saya, kerana ini satu perkara yang penting. Saya hanya satu-satunya orang profesional yang berucap dan di sebelah situ Barisan Nasional tidak begitu prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli profesional, termasuk Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang pertama, kita mesti kaji syarat-syarat dan terma-terma dan keadaan untuk menghantar doktor-doktor gigi ataupun perubatan kepada kawasan-kawasan, terutamanya kawasan pedalaman. Jangan kita anggap kerana orang itu mempunyai ayah yang jadi menteri atau orang yang besar dan dia tidak payah pergi ke pedalaman. Ini memang berlaku. Sri Gading mesti sokong saya, tidak boleh pilih bululah, tidak boleh ada diskriminasi. Kalau kita hendak hantar ke kawasan pedalaman, tidak kira siapa, anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kita hantar. Itu cara.

Saya berharap, pihak Kementerian Kesihatan boleh mengambil kira cadangan saya. Jangan lagi kita adakan diskriminasi. Ini termasuk pemberian elaun dan sebagainya. Kita kira orang itu yang benar-benar berkhidmat dan jangan kita kira siapa, dia berkhidmat memberi sumbangan, kita beri. Ini termasuk kenaikan pangkat. Jangan kita ada mafia di dalam Kementerian Kesihatan. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sampai mafia, tidak bolehlah, Yang Berhormat. Ini lain, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mafia daripada Johor, Parit yang Sulong, yang tidak melakukan keadilan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... ke atas kenaikan pangkat untuk doktor pergigian dan perubatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah maksud saya. Mafia yang tidak adil. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa dia? *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak apa. Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak dengar. Dia pun salahlah dari segi peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan. Dia sokong, dia kata.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia sokong siapa? Sokong saya? Baik jugalah kalau sokong saya.

Walau bagaimanapun, yang kedua ini, mafia di dalam Kementerian Kesihatan kita ini, jangan kita pilih bulu lagi untuk kenaikan pangkat, untuk memberi elaun dan insentif dan untuk *transfer* ataupun perantukan untuk ke kawasan-kawasan pedalaman dan sebagainya. Ini memang suatu perkara yang saya sekali lagi menitikberatkan.

Di dalam 3 buah universiti, UM, UKM dan USM, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, hanya 66 graduan setahun dan sampai tahun 2004, 222 yang dikeluarkan. Adakah ini termasuk luar negara? Memang lebih ramai daripada luar negara, dan ini memang tidak ramailah yang layak, graduan daripada universiti-universiti tempatan kita.

Walau bagaimanapun, ini memang satu cadangan daripada pihak sana, Gelang Patah kalau tidak silap saya – pulang sudah saya ingat, Gelang Patah yang cadangkan kita hendak mengiktirafkan ijazah daripada Taiwan, mungkin kita kaji daripada negara-negara lain yang mempunyai *standard*, yang mencapai tahap antarabangsa. Ini memang mesti kita kira.

Tidak silap saya, ada sebilangan doktor gigi daripada Universiti Taiwan yang sudah berkhidmat bertahun-tahun di negara ini dan perlulah kita kaji seperti mana yang dibuat untuk ijazah perubatan yang ada 3 buah universiti, kalau tidak silap saya, universiti daripada Taiwan diiktirafkan untuk perubatan dan begitu juga bagi doktor pergigian kita perlu kaji dari masa ke semasa, universiti-universiti yang belum kita iktiraf dan kalau mereka mencapai tahap antarabangsa kita mestilah timbang untuk mengiktiraf supaya kita tambahkan bilangan doktor gigi di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula saya hendak tanya Yang Berhormat bilangan doktor gigi asing di dalam negara ini dan daripada negara mananya doktor ini. Saya percaya susah hendak kita elakkan daripada doktor-doktor asing untuk berkhidmat di dalam negara ini di dalam sektor awam kerana suasana yang tertentu begitu juga dengan keadaan di negara-negara yang lain, di negara-negara yang maju setiap tahun mengambil doktor perubatan, doktor gigi daripada negara-negara yang lain, ini memang dibuat, negara Malaysia pun menghadapi masalah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu di dalam k-ekonomi kita dan negara yang menuju ke negara maya, kita mestilah mengadakan dasar yang tidak menghukumkan orang-orang profesional. Memang kita perlukan profesional sebab di dalam dunia virtual ini, dengan pengetahuan yang diperlukan, kita perlukan lebih ramai profesional, tidak perlu kita hukumkan mereka kerana pilih bidang-bidang itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang ini kuasa diberi kepada menteri, 47(4) *"Jika nama seseorang dipotong daripada daftar di bawah subseksyen 3, maka nama orang itu tidak boleh dimasukkan semula ke dalam daftar kecuali atas arahan yang diberikan oleh menteri dan menteri boleh memberikan arahan sedemikian apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh orang yang namanya telah dipotong daripada daftar."*

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya pernah bangkitkan ini memang memberi kuasa yang begitu besar kepada menteri. Apakah kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan semua ini dikuatkuasakan dengan adil untuk semua pihak. Sebab kuasa yang terlalu besar perlu kita ada kaedah untuk memastikan pihak yang dikenakan hukum ini boleh mendapat saluran rayuan untuk membela diri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap kita boleh memansuhkan rang undang-undang ini pada satu hari kelak, mungkin lima tahun yang akan datang selepas Rancangan Malaysia Kelapan, kita boleh mansuhkan sama sekali untuk doktor gigi dan untuk doktor perubatan. Dan ini terserahlah kepada rancangan dan dasar pihak kerajaan, bukan kita hendak salahkan sektor swasta sahaja yang mempunyai gaji dan terma yang lebih lumayan, bukan kita hendak salahkan doktor gigi dan doktor perubatan sahaja.

Kita mesti fikir mengkaji dasar dan rancangan Malaysia sendiri mengapa keadaan ini wujud. Mengapa di Amerika Syarikat, di England tidak dikenakan perkhidmatan wajib walhal kita kenakan perkhidmatan wajib. Itulah mesti kita Kerajaan Barisan Nasional mesti kira dengan rasional apakah cadangan saya untuk memperbaiki keadaan di negara ini, marilah kita bersama-sama memperbaiki keadaan supaya semua profesional tidak dihukum kerana .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila pandang saya Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .... kerana memilih kursus profesional. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila Batang Lupa.

6.10 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupa]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya mengalu-alukan rang undang-undang ini oleh kerana melihat kekurangan doktor pergigian di kalangan jabatan kerajaan yang berkhidmat untuk negara ini dan dalam saya mengalu-alukan rang undang-undang ini, saya juga sebagai Yang Berhormat dari Kepong menyeru pihak kerajaan supaya melihat struktur gaji, struktur kenaikan pangkat, maknanya sistem keseluruhannya perkhidmatan doktor pergigian ini mestilah dilihat secara menyeluruh dan secara terperinci kerana kita juga mesti menerima hakikat bahawa kenapa sektor doktor pergigian ini lari daripada

perkhidmatan kerajaan kepada perkhidmatan luar atau swasta oleh kerana pendapat yang bakal diterima di luar jauh lebih lumayan daripada apa yang boleh ditawarkan oleh pihak kerajaan.

Walaupun kita percaya bahawa kerajaan tidak boleh menandingi pendapat daripada pihak swasta, tetapi sekurang-kurangnya mereka yang mempunyai satu kelulusan yang agak khas dan khusus ini patutlah diberi pertimbangan dan jangan diberi gaji mereka sebagai graduan biasa kerana ini kita melihat daripada segi keperluan kerajaan dan keperluan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan seruan yang sedemikian nanti, pihak doktor gigi ini bolehlah berkhidmat jauh lebih lama bukan sahaja di bawah skim perkhidmatan wajib ini tetapi boleh meneruskan perkhidmatan mereka berterusan dalam jabatan kerajaan dan apabila kenaikan pangkat berlaku janganlah dilihat doktor gigi ini tidak layak naik menjadi pengarah dan sebagainya sampai DG dan sampai ke atasan sekali, tetapi mestilah dilihat sebagai total supaya jangan ada perbezaan di antara general practitioner ataupun specialist di dalam jabatan ini dengan pihak yang baru diwajibkan duduk dalam jabatan ini iaitu doktor pergigian kerana kita tidak hendak melihat klinik-klinik kita, hospital-hospital kita kekosongan daripada pegawai-pegawai ini.

Saya menyeru ini Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil daripada luar bandar, orang yang kurang mempunyai kesedaran sekali ialah masyarakat yang duduk di luar bandar, mungkin tidak di Semenanjung tetapi memang ini adalah satu kenyataan di Sarawak.

Kalau Tuan Yang di-Pertua, hendak tahu macam mana kesedaran ini boleh dinilai ialah dengan menyuruh masyarakat daripada luar bandar itu membuka mulut, kebanyakan orang daripada luar bandar itu berumur 40 tahun lebih itu sudah tidak ada gigi lagi dah. Saya daripada luar bandar, alhamdulillah saya mendapat pendidikan yang awal sedikit, jadi saya ingatkan cuci jaga gigi saya dan sebagainya, sampai sekarang alhamdulillah gigi saya pun masih gigi yang asli.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, fenomena ini kalau dilihat di luar bandar termasuk kawasan saya, orang luar bandar berumur 40 tahun ke atas tidak ada gigi lagi dah, walau pun bagaimana elok muka dia, wanita, tetapi kadang-kadang bila terbuka mulut, gigi tidak ada lagi dah, kemampuan hendak beli gigi palsu itu susah sedikit, lebih lagi kalau hendak pasang gigi yang lebih canggih lagi, cara sistem pemasangan gigi palsu.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian bukan sahaja kita perlu pegawai-pegawai ini supaya memberi pengetahuan kepada pihak di luar bandar supaya lebih sedar bagaimana menjaga gigi dan sebagainya kerana perkara ini dibuat oleh wakil rakyat pada masa sekarang. Memberi penjelasan, memberi penerangan kepada pihak masyarakat di luar bandar.

Jadi, kita berharap apabila doktor ini nanti sudah dibuat satu kewajipan berkhidmat dalam perkhidmatan ini, bolehlah klinik-klinik dan hospital-hospital di luar bandar itu diberi tumpuan kerana di dalam bandar ramai pengamal doktor pergigian di dalam bandar itu, mungkin keperluan di luar bandar itu tidak perlu daripada segi kesedaran dan daripada segi memberi bantuan kerana mereka berkemampuan untuk berjumpa dengan doktor. Kalau ramai sangat doktor ini terdapat di dalam bandar berkemungkinan menjejaskan pula kedudukan pengamal-pengamal doktor pergigian di dalam bandar. Ini juga boleh menjadikan satu kesan yang kurang memuaskan.

Jadi, kita mesti tumpukan ke luar bandar. Hantarkan doktor-doktor ini ke luar bandar masa dia muda, masa dia masih menerima hakikat bahawa dia masih berkhidmat dengan kerajaan dan di luar bandar, jangan duduk di dalam bandar sahaja.

Jadi, ini adalah satu tumpuan kepada masyarakat di luar bandar. Di samping itu, kita jangan terlupa bahawa apabila kita menghantar doktor gigi ini ke luar bandar, kemudahan-kemudahan asas untuk doktor ini seperti rumah, kliniknya, kemampuannya, mesti kena dilihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat sendiri pada tahun lepas saya menjemput pihak Kelab Lion membuat satu upacara di luar bandar di kawasan saya dan saya tolong membantu dia dalam soal *transport*, soal pengendalian dan sebagainya. Alhamdulillah, dengan dibawa satu minggu doktor-doktor daripada bandar ini pergi ke kawasan saya, dalam masa satu minggu itu kawasan di satu tempat itu boleh

memeriksa hampir 3,000 orang masyarakat di luar bandar daripada segi darahnya, daripada segi kesihatan dan sebagainya boleh dibuat tetapi doktor yang tidak boleh pergi ke luar bandar ialah doktor gigi.

Persoalannya kenapa doktor gigi tidak boleh ke luar bandar? Bukan sebab doktor gigi tidak hendak membuat satu kerja amal tetapi oleh kerana mesin gigi itu lebih berat dan susah hendak diusahakan, dibawa daripada bandar ke luar bandar.

Jadi, dengan sendirinya di luar bandarlah penumpuan, di luar bandarlah tempat kita membuat tapak kepada doktor yang diwajibkan bertugas kepada kerajaan ini nanti. Jangan kalau dihantar dekat bandar dia sudah leka dengan keadaan yang lebih selesa, lebih enak, tidak ada perubahan itu jadi orang di luar bandar dia lupa. Kalau dia sudah setahun, dua tahun duduk dalam bandar dihantar ke luar bandar dan dia merasa perubahan itu teruk sangat. Kemungkinan kalau kita hantar dahulu ke luar bandar selepas itu baru balik ke bandar, mungkin ini mendatangkan lebih manfaat kepada doktor itu sendiri supaya dapat mengetahui, apa masalah orang di luar bandar kerana di luar bandarlah kekurangan sumber kewangan, kekurangan cara untuk menghubungkan doktor, di sanalah segala kekurangan semua di luar bandar.

Jadi, ini mesti dilihat oleh kementerian dan sekarang ini kita bukan sahaja melihat kepada JPA. Jangan nanti diwajibkan kepada doktor bekerja tetapi JPA tidak sedia dengan apa benda yang saya sebut tadi gaji, struktur, *terms of service*, dengan izin, semua ini tidak disediakan. Jadi, macam mana doktor ini hendak masuk bekerja.

Kedua, macam mana naik pangkat *term of* naik pangkat, semuanya. Begitu jugalah pihak Perbendaharaan, mesti semua ini dibuat. Cukup oleh pihak JPA dan pihak Perbendaharaan mesti disediakan sebelum undang-undang ini menjadi undang-undang negara ini, pelaksanaan ini boleh dibuat oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan impian kerajaan ini untuk membantu masyarakat Malaysia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan percakapan yang pendek itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila kementerian menjawab.

6.20 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Pengkalan Chepa, Kepong dan Batang Lupa yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Pindaan kepada Akta Pergigian tahun 1971 ini.

Seterusnya sebelum saya mulakan memang saya hendak membetulkan apa yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Yang Berhormat mungkin ingat kita mengharapkan jawapan daripada pegawai untuk menjawab, kita bukan semata-mata bergantung dan kita memang tahu apakah dan bagaimanakah kementerian sebenarnya berfungsi tetapi pegawai-pegawai kita cuba membantu kita untuk memberi statistik-statistik dan maklumat-maklumat terperinci supaya jawapan yang kita beri itu lebih sempurna. Kita tidak semata-mata mengharapkan jawapan yang diberikan oleh pegawai-pegawai sahaja.

Jadi, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menimbulkan isu berkenaan dengan berapa ramai doktor pergigian dalam tempoh bulan Januari hingga April tahun ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong berdiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau itulah maksud Yang Berhormat tadi sudah mahir di dalam bidang ini, jangan baca terus jawab..... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cukup-cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...terus jawab.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah, tidak apa Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....kalau tidak boleh jangan cakap macam itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tidak apa Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....orang ini profesional belaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya cuma hendak beritahu Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan, jangan orang profesional belaka .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup Yang Berhormat. *[Disampuk]* Teruskan Setiausaha Parlimen, teruskan.....

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...sama-samalah menjawab itu, sama-sama.

**Tuan S.G. Sothinathan:** ...saya betulkan tanggapan Yang Berhormat, itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menimbulkan satu isu berkenaan dengan jumlah doktor pergigian yang telah mendaftar dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, seramai 90 orang doktor pergigian telah mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia tetapi hanya dua yang telah lapor diri untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Beliau juga menimbulkan isu, mengapa peruntukan yang sedia ada untuk perkhidmatan wajib ini dimansuhkan. Sebenarnya ini tidak dimansuhkan tetapi peruntukan yang ada itu telah lupus pada tahun 1976 dengan sendirinya. Dan juga pada masa itu keperluan kementerian setelah mengadakan perkhidmatan wajib pada tahun 1971 itu, keperluan ataupun jumlah guna tenaga yang kita ada memang mencukupi dan kita tidak menghadapi masalah penghijrahan doktor-doktor pergigian ke pihak swasta.

Jadi, pada masa itu kita dapati bahawa tidak lagi perlu tetapi keadaan sekarang telah berubah dan dengan kemudahan-kemudahan kesihatan di seluruh pelosok negara, maka kita percaya kita telah mewujudkan satu keadaan di mana kita perlu mengadakan lebih banyak lagi doktor-doktor, pegawai-pegawai pergigian untuk memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar khususnya.

Saya ingat semua Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan isu berkenaan dengan gaji dan elaun yang perlu dibayar kepada doktor pergigian ini. Sebenarnya Kementerian Kesihatan telah pun mengemukakan kertas kerja untuk memastikan bahawa elaun kritikal yang diberikan kepada doktor-doktor perubatan turut diberikan kepada pegawai-pegawai pergigian kerana pada masa ini juga memang kementerian menganggap perkhidmatan pegawai pergigian itu sebagai satu perkhidmatan kritikal dan kita telah pun mengesyorkan kepada JPA untuk menimbang semula perkara ini dengan serius. Adalah menjadi harapan kementerian bahawa permintaan ini akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari pihak JPA.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga ada menimbulkan, ada bertanya tentang .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut minta penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya adakah benar sebilangan... *[Disampuk]* Doktor pakar pergigian ini berhenti ataupun tidak berminat bekerja dengan kerajaan. Mereka lebih suka bekerja dengan pihak swasta kerana peluang dengan pihak swasta itu lebih baik kerana mereka memikirkan segi kenaikan pangkat. Kerana kita lihat ramai di kalangan pengarah kesihatan di peringkat negeri ataupun peluang untuk menjadi pengarah di peringkat yang lebih tinggi amat kurang ataupun jurang di antara mereka ini dengan pegawai-pegawai perubatan yang lain. Adakah benar perkara ini, minta penjelasan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Memang sebenarnya pegawai-pegawai pergigian oleh kerana mereka tidak diwajibkan untuk memberi perkhidmatan wajib selama tiga tahun ini, dan di pihak swasta pula gaji yang diperolehi itu adalah memang lebih lumayan, malah bukan sahaja lumayan tetapi mereka boleh pilih kawasan yang mereka suka, sama ada di bandar-bandar besar ataupun bandar-bandar kecil. Jadi, memang tidak ada tanggungjawab sosial yang kita pentingkan pada masa sekarang.

Yang Berhormat Gelang Patah ada juga menanyakan tentang....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, maksud saya tadi, menjadi pengarah. Pengarah ini kira besarlah pangkatnya ataupun superintendent, dengan izin, penguasa di hospital. Itu maksud saya, mungkin menyebabkan mereka rasa peluang hendak jadi pengarah itu tidak ada, maka mereka bekerja dengan pihak swasta, itu yang saya hendak tanya. Kalau ada jurang perbezaan kenaikan pangkat untuk menjadi pengarah, hanya di kalangan orang-orang tertentu. Yang ada peluang jadi *politician*, dengan izin, mereka ini tidak dapat. Itu sahaja yang saya tanya, bukan apa. Hendak minta penjelasan, sebab saya hendak balik ini dalam ucapan ceramah hendak ceritalah kepada orang kampung, bukan macam pembangkang, bawa cerita-cerita lain. Itu sahaja yang saya minta penjelasan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Memang bilangan pegawai pergigian di dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah begitu sedikit dan juga oleh kerana doktor-doktor pergigian diperlukan untuk menjalankan perkhidmatan wajib dan saya rasa pada masa yang sama oleh kerana bilangan yang begitu kecil mungkin kita tidak nampak berapa banyak pegawai pergigian yang menjadi pengarah, walaupun tidak menjadi pengarah di peringkat negeri, mungkin ada juga yang menjadi pengarah di peringkat kementerian.

Jadi, memang kerana nisbah pegawai pergigian untuk keseluruhan anggota Kementerian Kesihatan adalah terlalu rendah. Jadi, kita tidak dapat melihat dengan ketara, bukan tidak ada peluang. Jadi, mungkin dengan adanya perkhidmatan wajib ini lebih ramai lagi pegawai pergigian yang berkhidmat untuk Kementerian Kesihatan mungkin lebih banyak lagi peluang dapat diperolehi oleh mereka.

Yang seterusnya, tentang nisbah pengamal pergigian mengikut negeri. Ingin saya nyatakan di sini bahawa untuk negeri Perlis nisbahnya ialah satu doktor pergigian kepada 15,256 orang penduduk. Ini adalah berdasarkan maklumat pada 31 Disember 2000. Bagi negeri Kedah pula ialah seorang bagi 16,376 orang. Pulau Pinang, seorang bagi 7,518 orang, bagi negeri Perak seorang bagi 12,085, bagi negeri Selangor seorang bagi 9,244.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, boleh jawab secara hitung panjang keseluruhan...

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tidak....dia minta mengikut negeri, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, kita boleh jawab tetapi kalau kita kata hitung panjang tiap-tiap negeri lebih kurang, itu lebih selamat ya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Namun demikian, saya cuma berikan untuk Sabah yang paling tinggi dan paling rendah. *[Disampuk]* Untuk Sabah ialah seorang bagi 31,897 tetapi untuk Wilayah Persekutuan ialah seorang bagi 2,766 dan untuk seluruh Malaysia adalah seorang bagi 10,355 orang.

**Seorang Ahli:** Oh, belum bagus ni, Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan S.G. Sothinathan:** Yang Berhormat Gelang Patah juga telah menimbulkan tentang kekurangan pegawai kesihatan negeri...

**Seorang Ahli:** Tak payah jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila teruskan ya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya rasa saya telah menyatakan dan oleh kerana kesuntukan masa, jumlah kekurangan yang kita ada adalah 28%, kalau mengikut keperluan sebenarnya kekurangan adalah sebanyak 44.4%.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat adalah mengenai pengiktirafan ijazah pergigian dari Taiwan. Sebenarnya Kementerian Kesihatan telah pun mengiktiraf ijazah pergigian dari Taiwan pada tahun 1996. Ini selaras dengan subseksyen 12 (9) Akta Pergigian 1971 di mana ia memberi peruntukan untuk mengiktiraf kursus-kursus seumpama ini. Jadi, saya rasa isu ini tidak timbul lagi.

**Tuan Thong Fah Chong:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat, di belakang sana.

**Tuan Thong Fah Chong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak minta sedikit.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Panjang pun tidak apa...

**Tuan Thong Fah Chong:** Adakah JPA terlalu rigid dan ia mengakibatkan banyak pegawai yang letak jawatan di Kementerian Kesihatan, adakah.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pegawai apa?

**Tuan Thong Fah Chong:** JPA – itu Jabatan Perkhidmatan Awam.....terlalu rigid mengenai permintaan-permintaan kementerian ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlalu apa, Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Tadi dah soal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlalu apa Yang Berhormat kata itu? Okay, kementerian minta jawab. [Ketawa]

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya rasa JPA mengikut struktur.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak tanya sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Sama ada pihak Kementerian Kesihatan ada atau tidak menghantar doktor pergigian dalam musim haji di Mekah?

**Seorang Ahli:** Ini lagi jauh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mula tadi belum jawab lagi tu.....

**Tuan S.G. Sothinathan:** Ada dua soalan. Satu-satulah ya. Berkenaan dengan *rigid* memang terpulanglah kepada kita apa yang kita maksud dengan perkataan *rigid* itu. Kalau apa yang ditetapkan itu memang JPA mengikut struktur gaji, kenaikan pangkatnya semua adalah ditetapkan. Kalau mengikutkan takrif sebenarnya, memang kita boleh katakan *rigid* tetapi kementerian sentiasa peka tentang keperluan-keperluan ini dan di mana perlu memang membawa kes ini kepada JPA untuk dipertimbangkan supaya di mana perlu diberikan kenaikan pangkat dan sebagainya, memang kementerian sentiasa peka tentang perkara ini.

Juga tentang pegawai pergigian dihantar semasa musim haji ke Mekah, saya memang tidak begitu tentang perkara itu tetapi mungkin saya boleh memaklumkan kepada.....[Disampuk] kalau tidak ada saya akan bawa perkara ini kepada pertimbangan kementerian supaya di masa-masa akan datang dapatlah kita dengan adanya perkhidmatan wajib kita dapatlah membekalkan doktor gigi pada masa musim haji.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sebenarnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa kerana telah menyokong pindaan ini dengan terang-terang tanpa apa-apa

syarat. Yang dibangkitkan ialah isu tentang doktor pergigian dari luar negeri. Memang kita tidak ada doktor pergigian dari luar negeri kecuali ada pegawai-pegawai pergigian dari luar negeri yang berkhidmat di universiti-universiti.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga telah membangkitkan perkara mengapa kerajaan menunggu selama 25 tahun untuk membawa rang undang-undang ini. Memang kita telah pun membawa rang undang-undang ini pada tahun 1971 dan saya telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bagaimana proses mengapa ia sebenarnya dibiarkan untuk dilulus dan sebenarnya apakah keadaan sekarang kerana keadaan telah berubah. Itulah sebabnya kita terpaksa mengambil tindakan ini untuk membetulkan keadaan yang sedang wujud sekarang.

Juga sekali lagi Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah membangkitkan isu ganjaran tidak setimpal dengan kursus dan kepentingan. Cuma yang saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa sebenarnya cuma yang kita tidak berikan adalah elaun kritikal dan seperti yang telah saya sebut tadi memang elaun kritikal ini kita telah pun mengesyorkan kepada JPA dan berharap mendapat satu keputusan yang baik tidak lama lagi.

Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa juga telah membawa perkara tentang maklumat yang terkandung dalam Laporan Audit di mana 1.4 juta peralatan pergigian tidak digunakan oleh kerajaan. Ini saya kena lihat kepada jawapan yang diberikan oleh pegawai. Perkara yang perlu diambil kira ialah semua peralatan pergigian adalah barangan import dan proses perolehan mengambil masa untuk memasukkan barang-barang tersebut ke dalam negeri dan proses pemasangan juga terpaksa mengambil masa untuk pemasangan. Kementerian telah memastikan bahawa peralatan-peralatan ini digunakan. Jadi saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang tidaklah begitu tepat.

Yang Berhormat bagi Kepong.....

**Tuan Mohd. Amar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau dikatakan kurang tepat, saya tidak bersetuju, sebab apa yang saya petik ini adalah daripada Laporan Audit, bukan kenyataan saya. Yang saya minta penjelasan ialah dalam laporan ini Audit mengatakan peralatan ini tidak digunakan, bukan soal kelewatan. Tidak timbul soal kelewatan tiba peralatan itu tetapi yang dikemukakan di sini peralatan ini tidak digunakan dan ada sebahagiannya tidak digunakan sejak bulan November 1995. Di antara faktornya ialah ketiadaan aksesori, tidak sesuai, tiada pakar dan klinik pergigian yang memerlukan belum siap dibina. Itu persoalannya, jadi, minta penjelasan yang lebih terang.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan jawapan iaitu mengikut kajian dan siasatan kementerian sebabnya adalah seperti yang telah saya katakan sebentar tadi. Memang Laporan Audit cuma mengatakan alat-alat ini tidak digunakan. Itulah sebabnya saya telahpun memberikan sebab supaya dengan alasan-alasan ini saya rasa Yang Berhormat bolehlah tahu kenapa dinyatakan sebegini di dalam Laporan Audit.

Yang Berhormat bagi Kepong telah menimbulkan isu tentang k-ekonomi dan *virtual world*, dengan izin, dan seolah-olah mewajibkan doktor untuk tiga tahun ini adalah sebagai satu hukuman. Saya rasa sebagai wakil rakyat, kita perlu prihatin bahawa tanggungjawab kita atau tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat keseluruhannya.

Jadi, dari segi itu kalau kita lihat apa yang sebenarnya niat kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan wajib ini ialah supaya membolehkan doktor-doktor pergigian ini memberi perkhidmatan wajib dan dapat memberi perkhidmatan kepada orang ramai khususnya mereka yang duduk di kawasan pedalaman di mana walaupun mereka mengharapkan perkhidmatan ini, mereka tidak dapat memperolehnya kerana mereka tidak mampu dan pada masa yang sama perkhidmatan ini tidak wujud di kawasan-kawasan tersebut.

Jadi, saya rasa kepentingan orang ramai adalah lebih penting daripada individu walaupun ia profesional ataupun semi-profesional atau tidak profesional, memang itulah pendapat kementerian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya ringkas, satu soalan sahaja, sebab Yang Berhormat mesti mengambil masa untuk memahami keadaan yang

sebenarnya, walaupun dibantu tetapi ini mengambil masa sedikitlah mengenai bidang profesional, pergigian dan perubatan sekitarnya. Di England dan lain-lain negara ada menghadapi masalah yang serupa tetapi mereka tidak mewajibkan perkhidmatan, apa sebabnya, tiap-tiap tahun mengambil doktor daripada luar, doktor gigi, doktor perubatan daripada luar, orang asing untuk berkhidmat di kawasan-kawasan pedalaman mereka. Itu masalah yang dihadapi oleh mereka serupa dengan kita. Mengapa kita ada wajibkan dan kita mesti kaji sama ada hanya faktor lain ataupun sektor swasta sahaja yang menarik ataupun rancangan atau dasar kerajaan mesti dikaji semula. Itulah maksud saya.

**Tuan S.G. Sothnathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita hendak membandingkan dengan negara maju, kita juga perlu memahami bahawa kita ini adalah sebuah negara yang membangun. Di negara-negara membangun yang sedang maju seperti Jepun, kadar nisbah doktor pergigian kepada penduduk adalah seorang doktor bagi 1,437 orang. Bagi Amerika Syarikat seorang bagi 1,957, manakala di negara-negara yang membangun seperti Filipina seorang bagi 36,481.

Jadi, kita tidak boleh membuat perbandingan seumpama itu, kita mesti menilai lain-lain faktor. Walaupun di negara kita, kita mempunyai nisbah lebih kurang seorang 11,000 tetapi adalah harapan kita sehingga kita mencapai sasaran yang mana membolehkan kita untuk mencapai sasaran di mana nisbah kita berkurangan. Juga tentang *virtual world* dan sebagainya, walaupun virtual alam maya ini, kita menyebutkan tentang k-ekonomi di alam maya ini, memang kementerian sedar tentang perkara ini tetapi untuk menyampaikan perkhidmatan ini kepada kawasan-kawasan luar bandar, kita terpaksa menghantar doktor-doktor, pegawai-pegawai pergigian kita ke kawasan luar bandar.

Satu-satunya cara yang paling efektif pada masa ini adalah dengan mengadakan perkhidmatan wajib seperti yang kita adakan untuk doktor-doktor perubatan. Sebenarnya kerajaan atau kementerian tidak mempunyai sebarang niat untuk memberi *punishment*, dengan izin, kepada sesiapa.

Saya juga mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Kepong supaya mengkaji cara-cara untuk memberi terma yang lebih baik untuk doktor-doktor perubatan dan doktor pergigian. Ini memang kita alu-alukan, dan pada masa-masa hadapan kalau kita adakan sesuatu syor, saya berharap Yang Berhormat pun boleh memberikan sokongan yang sepenuhnya, ataupun di mana-mana sahaja mendapat peluang akan mengesyorkan supaya ini dapat diberi perhatian yang serius oleh semua pihak.

Tetapi Yang Berhormat juga ada menyebutkan tentang isu jurutera dan akauntan tidak dipaksa ataupun tidak diwajibkan, sebenarnya ini adalah seperti apa yang telah saya katakan awal tadi bahawa ini adalah untuk maksud negara di mana ada kekurangan, terpaksa kita mengamalkan perkhidmatan wajib ini demi kepentingan orang ramai.

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula cara pelantikan ataupun *posting* di mana kita ada pilih kasih, di mana untuk kenaikan pangkat dan untuk penetapan sesuatu pegawai pergigian terdapat pilih kasih. Saya pun tidak tahu bagaimana Yang Berhormat ini mendapat maklumat seumpama ini, tetapi biasanya ini tidak mengikut pilih kasih, mengikut keperluan sesuatu permohonan dan juga beberapa faktor lain yang tertentu yang melibatkan seseorang pegawai berkenaan diambil kira, barulah kita mengambil keputusan.

Yang Berhormat juga telah meminta jumlah tentang graduan yang akan dikeluarkan oleh tiga buah universiti dan juga daripada luar negeri. Bagi tahun ini, tahun 2001 ini, kita cuma ada dari Universiti Malaya seramai 31 orang dan daripada luar negeri kita jangkakan ada 35 orang yang akan keluar yang akan mendapat ijazah pada tahun ini. Saya cuma akan memberikan untuk tiga tahun sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Bagi tahun hadapan kita ada 64 orang daripada Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia akan mengeluarkan graduan pertama sebanyak 20 orang dan daripada luar negeri kita ada 70, jadi, jumlahnya adalah 154 orang.

Bagi tahun 2003, 64 daripada Universiti Malaya, 48 daripada Universiti Kebangsaan dan 70 daripada luar negeri dan jumlahnya 182 orang. Bagi tahun 2004, daripada Universiti Malaya kita ada 64, UKM 48 dan graduan pertama daripada

Universiti Sains Malaysia sebanyak 40 orang dan dicampur dengan 70 daripada luar negeri jumlahnya adalah 222 orang graduan yang akan keluar pada tahun tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi, Yang Berhormat?

**Tuan S.G. Sothinathan:** Sedikit sahaja. Yang Berhormat bagi Kepong juga ada membangkitkan isu tentang Fasal 47(4) di mana kuasa diberi kepada Menteri. Sebenarnya kuasa ini diberi kepada Menteri untuk mengatasi atau memperbetulkan ataupun membantu sesuatu rayuan atau permohonan berdasarkan masalah-masalah yang dihadapi pegawai-pegawai perigian sekiranya mereka tersangkut dengan Fasal 47(2) dan 47(3). Itulah sebabnya kuasa terpaksa diberi kepada Menteri. Menteri adalah seorang yang terpaksa bertanggungjawab kepada rakyat, mesti menjawab kepada rakyat. Jadi, memang mereka tahu bahawa mereka tidak boleh mengambil keputusan dengan sewenang-wenangnya.

Dan Yang Berhormat Kepong juga menyatakan bahawa adalah harapan Yang Berhormat supaya ianya dimansuhkan pada masa-masa yang akan datang, sememangnya itulah harapan kementerian juga pada masa yang akan datang, kita akan mencapai sasaran mereka, sasaran yang kita impikan, mungkin pada masa itu bila tidak ada kekurangan dan di mana kawasan-kawasan pedalaman kita dapat memberi kemudahan dan di mana sistem ini dapat bekerja dengan sendirinya, saya rasa pada masa itu bolehlah kita mengusulkan di Dewan yang mulia ini untuk memansuhkan peruntukan ini. Saya rasa ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya tidak hendak tertinggal apa-apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah tidak tertinggal apa-apa ya [*Ketawa*]

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya juga mengambil kesempatan ini juga untuk kepada Yang Berhormat Batang Lupar, memang dia tidak adalah, tidak apa. Okey, itu sahajalah, Yang Berhormat, saya rasa isu ini telah dijawab dan itu sahajalah jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal 1 - [Pindaan]**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Rang undang-undang dipinda dalam Fasal 1 dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan Fasal 1 dengan fasal berikut. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pergigian (Pindaan) 2001. Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan tarikh kuat kuasa yang baru untuk akta yang dicadangkan kerana bacaan kali yang kedua dan ketiga rang undang-undang ini tidak dapat dilakukan pada mesyuarat lepas. Dengan pindaan ini, akta yang dicadangkan akan mula berkuat kuasa pada hari yang mengikut akta ini disiarkan dalam warta.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentang sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[*Tiada perbahasan*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Fasal 1** sebagaimana yang dipinda diperintah jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

**Fasal 2 -**

**Fasal 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan

**RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR  
(PINDAAN) 2000**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 (AILP) dibacakan kali yang kedua sekarang.

AILP mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1990. Ia mengandungi peruntukan undang-undang yang komprehensif bagi perlesenan mana-mana orang yang menjalankan pemiagaan Insurans Luar Pesisir dan peruntukan bagi mengawal selia semua aktiviti pemiagaan insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOC. Setelah hampir sepuluh tahun berkuat kuasa Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) berpendapat, AILP perlu dipinda untuk memastikan ianya mengikut perkembangan terkini dalam sektor insurans domestik dan antarabangsa. Secara amnya, pindaan yang dicadangkan ialah bertujuan untuk;

- (i) memastikan bahawa peruntukan AILP adalah mengikut perkembangan semasa, industri insurans;
- (ii) menyemak semula kadar fee lesen tahunan bagi beberapa pemiagaan insurans dan berkaitan dengan insurans luar pesisir dan di samping itu memperkenalkan fee lesen tahunan untuk dua aktiviti baru pemiagaan insurans luar pesisir iaitu *captive* sewaan induk, *master rent 'accaptive'* dengan izin, dan *captive* sewaan subsidiari ataupun *subsidiary rent 'accaptive'* dengan izin.

Pindaan yang dicadangkan adalah untuk memudahkan pengawalseliaan terhadap pengurusan dan aktiviti pemiagaan pengurusan insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir. Dengan pindaan ini, pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir dikehendaki untuk menubuhkan pejabat pengurusan di Labuan. Walau bagaimanapun broker insurans luar pesisir diberi pilihan sama ada;

- (i) membuka pejabat pengurusannya di Labuan atau;
- (ii) melantik mana-mana pengerusi insurans luar pesisir sebagai wakilnya di Labuan.

Pilihan ini diberikan kepada broker insurans luar pesisir kerana aktiviti pemiagaan broker insurans luar pesisir memerlukan pegawainya bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain bagi mencari bakal-bakal pembeli. Walau bagaimanapun pengurus insurans luar pesisir dan pengurus pengunderaitan luar pesisir tidak diberi pilihan yang sama dan mereka dikehendaki menubuhkan pejabat urusan masing-masing di Labuan kerana mereka menawarkan perkhidmatan dan menjadi wakil pelanggan di Labuan. Dengan pindaan ini pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir dikehendaki mempunyai wakil tetap di Labuan dan tidak hanya menggunakan syarikat amanah sebagai alamat pemiagaannya ataupun sebagai wakilnya di Labuan lebih-lebih lagi syarikat amanah tidak dilesenkan untuk mengendalikan pemiagaan insurans luar pesisir di Labuan IOFC.

Sementara itu struktur fee lesen tahunan yang dikenakan terhadap beberapa aktiviti pemiagaan kewangan luar pesisir di Labuan telah diterima pakai sejak Labuan IOFC ditubuhkan pada tahun 1990 lagi.

Pada masa tersebut, struktur fee yang minimum ini merupakan satu insentif kepada bakal-bakal pelabur untuk menubuhkan pemiagaan mereka di Labuan IOFC. Walau bagaimanapun setelah sepuluh tahun ditubuhkan, Labuan IOFC telah berkembang pesat dan sebahagian daripada struktur fee tersebut perlu disemak semula. Sehubungan itu, inilah masa yang sangat sesuai untuk menyemak semula struktur fee lesen tahunan, beberapa aktiviti pemiagaan insurans dan berkaitan insurans di luar IOFC kerana skop dan peluang pemiagaan insurans luar pesisir di Labuan IOFC telah berkembang dan bertambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan ini antara lain, kini broker insurans di Labuan IOFC telah dibenarkan menjual produk insurans hayat kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi atau dengan izin, *high network* Malaysia individuals dan produk insurans am kepada pemilik risiko tertentu tempatan.

Di samping itu mereka juga telah dibenarkan berurusan dengan syarikat-syarikat insurans yang tidak dilesenkan di bawah AILP. Syarikat insurans 'muda' di Labuan IOFC pula telah diberikan keistimewaan di bawah polisi *right of first refusal* dengan izin, di mana sekiranya mana-mana syarikat insurans domestik ingin menginsuranskan semula polisi mereka di luar Malaysia, ia perlu menggunakan perkhidmatan syarikat insurans semula di Labuan terlebih dahulu.

Insentif seperti ini tidak terdapat di pusat-pusat kewangan luar pesisir yang lain yang hanya bergantung kepada '*our out business*' dengan izin. Faktor-faktor ini telah membuatkan syarikat-syarikat insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOFC menikmati peluang pemiagaan di pasaran yang lebih luas lagi. Semakan yang dicadangkan tidak akan menjejaskan perkembangan pemiagaan insurans di Labuan IOFC di masa akan datang kerana struktur fee yang dicadangkan masih lagi merupakan antara kadar fee yang terendah dan *competitive* jika dibandingkan dengan kadar fee yang dikenakan oleh lain-lain pusat kewangan luar pesisir. Sehubungan itu kadar fee tahunan bagi pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir dicadangkan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000 setahun. Fee lesen tahunan untuk dua aktiviti pemiagaan insurans captive sewaan iaitu captive sewaan induk dan *captive* sewaan subsidiari yang sedang berkembang pesat di Labuan juga turut diperkenalkan. Kadar fee seperti yang telah diluluskan adalah RM13,000 untuk *captive* sewaan induk dan RM3,000 untuk *captive* sewaan subsidiari.

Selaras dengan pindaan ini adalah dicadangkan supaya jadual kedua AILP yang memperuntukkan fee lesen tahunan pemiagaan insurans atau kegiatan berkaitan insurans dimansuhkan sebaliknya satu peraturan yang dikenali sebagai peraturan fee lesen tahunan atau Insurans Luar Pesisir 2000 akan digubalkan. Langkah ini adalah untuk memudahkan LOFSA membuat semakan fi lesen tahunan pada masa akan datang.

Untuk makluman ahli di dalam Dewan dan lain perundangan luar pesisir seperti Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 telah pun menetapkan struktur fi lesen tahunan masing-masing. Di dalam peraturan yang digubal di dalam akta-akta berkenaan, sehubungan dengan itu, adalah wajar pendekatan yang sama digunakan di dalam AILP. Berikut adalah huraian ringkas mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

Fasal 1 memperuntukkan bagi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuat kuasa akta tersebut.

Fasal 2 memperuntukkan peruntukan yang mengehendaki supaya pengurus, pengurus pengunderaitan dan broker Insurans luar pesisir untuk menubuhkan pejabat pengurusan di Labuan.

Fasal 3 memperuntukkan mengenai fi lesen tahunan pemiagaan insurans dan berkaitan insurans sepertimana yang ditetapkan melalui peraturan yang akan digubalkan di bawah seksyen 32 AILP.

Fasal 4 memotong jadual kedua AILP.

Secara amnya, pindaan-pindaan dicadangkan itu bertujuan untuk memperkemas lagi peruntukan AILP yang berkaitan dengan pengawalseliaan ke atas pemegang-pemegang lesen perniagaan insurans dan berkaitan insurans luar pesisir di Labuan IOFC. Cadangan pindaan ini juga adalah untuk menyemak semula struktur lesen tahunan yang dikenakan di bawah AILP ke atas pemegang-pemegang lesen tersebut serta memperkenalkan prosedur baru bagi pengenaan fi lesen tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bemama suatu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

6.57 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana saya pun hendak balik juga. Saya nampak Yang Berhormat bagi Labuan tidak ada di sini, mungkin ada urusan yang lain di Labuan. Walau bagaimanapun, kita terpaksa mengambil perhatian mengenai sektor industri insurans pesisir AILP ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada 26 lesen baru untuk industri insurans di Labuan. Ini memang satu perkara yang amat menggalakkan kalau matlamat kita untuk mengadakan Labuan sebagai *offshore financial centre* ialah untuk memajukan sektor insurans. Jadi, walaupun ada 26 lesen baru, tetapi ada beberapa perkara yang tidak begitu baik juga Tuan Yang di-Pertua, termasuklah insurans Islam Takaful tidak berkembang dengan baik. Sektor ini di dalam Malaysia mesti mengambil perhatian mengenai cara-cara untuk mengembangkan sektor Takaful ini dan ReTakaful juga dan setakat ini, di dalam laporannya tidak begitu ketara apakah itu prestasi Takaful kita, tidak ada disebutkan dan ini memang satu perkara, titik yang tidak baiklah. Walaupun, kita mengadakan Takaful di Labuan, tetapi di dalam laporan tidak ada mencatatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara di dalam insurans Labuan. Sekarang kita ada jumlah aset yang hampir USD437 juta dan memang itu satu jumlah aset yang masih kecil yang kita perlukan usaha untuk mempertingkatkan total aset ini. Kita ada kelemahan-kelemahan seperti *total capitalization* dan *capitalization growth* adalah sangat rendah, tidak sampai 7%, 6.3% *total marginal..... growth* dan juga *over all underwriting* ada kerugian hampir USD14 juta, kerugian underwriting ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai insurans nyawa. Kalau dibandingkan dengan *general insurance* memang sangat kecil. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan insurans nyawa di Labuan ini tidak begitu menggalakkan? Ini bermakna usaha-usaha untuk insurans luar pesisir ini belum mencukupi walhal peruntukan RM100 juta diadakan untuk memajukan Labuan dan pagi ini sahaja kita telah luluskan satu rang undang-undang iaitu pencegahan pengubahan wang haram juga terutamanya untuk Labuan dan saya menggunakan kesempatan ini untuk menitikberatkan bahawa di dalam bidang insurans juga pihak penjenayah boleh menggunakan untuk mengubah wang haram. Mereka memang sangat pandailah untuk berbuat demikian dan sebab itulah, saya berharap malam ini, kita boleh mengambil bahagian yang lebih untuk mengelakkan daripada berlakunya pengubahan wang haram tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita boleh mengembangkan Takaful dan ReTakaful dan juga perkara-perkara yang lemah yang telah saya sebutkan tadi termasuklah aset yang tidak begitu tinggi bagi sektor insurans.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai *insurance brooking*. Saya nampak ada lebih baik daripada *underwriting experience*. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apa *insurance brooking* berkembang dengan lebih baik kalau berbanding dengan *underwriting experience* memandangkan insurans premium, insurans nyawa ini ialah hampir kesemuanya datang daripada *offshore insurance brokers* daripada insurans langsung iaitu *direct insurance placement* dan bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa ada perbezaan yang begitu besar terhadap *insurance brooking* dan *underwriting experience*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua: Ya.**

**7.05 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Kalau kita lihat secara keseluruhan Labuan IOFC tahun 2000 merupakan tahun yang aktif dan berjaya dan sebanyak 510 syarikat telah didaftarkan atau diperbadankan dalam tahun 2000 berbanding dengan 396 dalam tahun 1999.

Bilangan syarikat insurans dan syarikat berkaitan insurans bertambah sebanyak 14%, sementara syarikat pemajikan meningkat sebanyak 138%. Keuntungan industri utama di Labuan juga telah menunjukkan peningkatan di mana keuntungan sebelum cukai industri, perbankan dan syarikat amanah masing-masing bertambah sebanyak 108% dan 14%. Manakala dalam industri insurans, semua sektor telah menunjukkan peningkatan prestasi yang baik. Tahun ini juga menyaksikan pelancaran beberapa inisiatif termasuk gerbang laluan e-dagang dan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan.

Yang Berhormat juga telah menyatakan mengenai dengan Takaful dan Re-Takaful dan pusat kewangan luar pesisir ini mempunyai niche kita sendiri di dalam aktiviti berdasarkan konsep Islam. Pembangunan rangkaian pasaran kewangan Islam yang dikenali sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFN) bagi merebut peluang di Pasaran Kewangan Islam Global telah menunjukkan perkembangan yang membanggakan dalam tahun 2000 ini dan projek ini juga turut disertai oleh Bank Sudan dan Bank Indonesia, di samping sokongan Arab Saudi dan juga Brunei.

Kalau kita hendak melihat memperkukuhkan pemiagaan perbankan dan kewangan Islam serta Insurans Islam Takaful ini, asas perbankan dan kewangan Islam serta Takaful yang sememangnya kukuh di Malaysia menyediakan satu landasan untuk membolehkan Labuan dimajukan lagi dengan fokus strategi yang menjurus kepada produk dan perkhidmatan yang berasaskan Islam dan di samping itu juga minat terhadap perkhidmatan dan produk kewangan berdasarkan syariah di pasaran kewangan global semakin meningkat dan peluang untuk memajukan pasarannya cerah dalam perbankan kewangan Islam serta Takaful dapat dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif yang telah kita jalankan.

Kalau Yang Berhormat mengatakan tadi yang melihat daripada LOFSA, laporan buku tahunan ini, kalau Yang Berhormat tengok muka surat 89, kita lihat bahawa syarikat insurans dan berhubung dengan insurans luar pesisir berlesen, insurans semula kita ada 20, insurans am kita ada 3, insurans hayat kita ada 2, insurans komposit kita ada satu, insurans kaptif kita ada 15, broker insurans kita ada 30, pengurus insurans kita ada 4 dan pengauditan insurans kita ada 8. Jadi, di sini kita melihat bahawa banyak lagi insurans dan juga bank-bank antarabangsa yang akan mendaftarkan diri di tempat kita.

Kalau kita lihat pindaan Akta Insurans Luar Pesisir ini akan meningkatkan taraf kita di industri insurans luar pesisir di Labuan kerana kita sekarang ini, saya katakan tadi terdapat 50 pusat kewangan luar pesisir antarabangsa dan LOFSA Labuan merupakan salah satu daripada pusat kewangan luar pesisir di rantau ini dan dalam usianya yang agak mentah, berbanding dengan pusat kewangan luar pesisir lain yang telah jauh ke hadapan, Labuan perlu sentiasa berdaya saing dengan pusat-pusat kewangan luar pesisir yang lain.

Pagi tadi kita telah pun meluluskan rang undang-undang money laundering yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong dan kita harapkan nanti dengan adanya kelulusan rang undang-undang ini nanti dapat kita memajukan lagi IOFC kita berbanding dengan di negara-negara yang lain.

Setakat 3 April 2001, jumlah lesen pemiagaan insurans dan berkaitan dengan insurans yang diluluskan telah meningkat daripada 8 kepada 82. Hanya sebanyak 6 lesen pada enam tahun pertama penubuhannya dan jumlah lesen yang diluluskan telah meningkat dengan ketara sekali terutama sekali sejak penubuhan LOFSA pada Februari 1996 di mana LOFSA merupakan sebuah agensi sehentian untuk menerajui dan menyelaras usaha-usaha mempromosi dan membangunkan Labuan IOFC dan syarikat ini datang dari pelbagai negara dan menggambarkan kesedaran global terhadap Labuan IOFC.

Syarikat insurans dan berkaitan insurans dari Malaysia adalah merupakan pemegang lesen terbanyak di Labuan iaitu sebanyak 15. Ini diikuti dengan England sebanyak 14, Singapura sebanyak 10, masing-masing 7 dari Bermuda dan Amerika Syarikat, 6 dari Australia dan Hong Kong, 4 dari Kanada, 3 masing-masing dari British Virgin Island, Sweden, Indonesia dan Perancis, 2 dari Ireland dan seterusnya 1 masing-masing dari Kepulauan Cayman, Brunei, Switzerland, Denmark, Filipina, Saudi Arabia, Tunisia, Belanda dan sebagainya.

Kalau kita lihat mengapa insurance brocking berkembang berbanding dengan *underwriting insurance*, soalan yang terakhir yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, lebih banyak lesen diberikan kepada broker insurans kerana perkembangan industri insurans di Labuan IOFC banyak bergantung kepada mereka yang menjadi ejen dan menjual produk-produk insurans yang kita katakan tadi. Selain daripada itu, kita lihat bahawa Takaful akan juga dipertingkatkan dan kita telah pun mengadakan banyak lawatan ke negara-negara yang berkenaan dan Saudi Arabia telah pun memberikan jaminan dan juga negara-negara serantau untuk memajukan LOFSA di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**

#### **AKTA KASTAM 1967**

- (1) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2000; PU(A)141 bertarikh 20 April 2000;**
- (2) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2000; PU(A) 1969 bertarikh 16 Mei 2000;**
- (3) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2000; PU(A) 183 bertarikh 25 Mei 2000;**
- (4) **Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) (No.2) 2000; PU(A) 203 bertarikh 12 Jun 2000;**
- (5) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2000; PU(A) 287 bertarikh 3 Ogos 2000;**

- (6) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2000; PU(A) 299 bertarikh 15 Ogos 2000;**
- (7) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2000; PU(A) 324 bertarikh 30 Ogos 2000;**
- (8) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 2000; PU(A) 358 bertarikh 2 Oktober 2000;**
- (9) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2000; PU(A) 359 bertarikh 2 Oktober 2000;**
- (10) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11) 2000; PU(A) 379 bertarikh 12 Oktober 2000; dan**
- (11) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.5) 2000; PU(A) 380 bertarikh 12 Oktober 2000**

#### **7.10 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (1) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2000; PU(A)141 bertarikh 20 April 2000;**
- (2) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2000; PU(A) 1969 bertarikh 16 Mei 2000;**
- (3) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2000; PU(A) 183 bertarikh 25 Mei 2000;**
- (4) **Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) (No.2) 2000; PU(A) 203 bertarikh 12 Jun 2000;**
- (5) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2000; PU(A) 287 bertarikh 3 Ogos 2000;**
- (6) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2000; PU(A) 299 bertarikh 15 Ogos 2000;**

- (7) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2000; PU(A) 324 bertarikh 30 Ogos 2000;
- (8) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 2000; PU(A) 358 bertarikh 2 Oktober 2000;
- (9) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2000; PU(A) 359 bertarikh 2 Oktober 2000;
- (10) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11) 2000; PU(A) 379 bertarikh 12 Oktober 2000; dan
- (11) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.5) 2000; PU(A) 380 bertarikh 12 Oktober 2000

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis sebagai kertas-kertas statut bilangan 187, 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196 dan 197 tahun 2000 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3), 2000 bertujuan untuk memasukkan 372 kod tarif ke dalam senarai produk yang ditawarkan konsesi duti import sebagai memenuhi komitmen Malaysia di bawah skim Tarif Keutamaan Sama Rata ataupun CEPT di bawah AFTA berkuat kuasa mulai 1 Januari 2000. Di samping itu, sebanyak 106 kod tarif produk pertanian yang tidak diproses yang pada asalnya diletakkan di bawah senarai pengecualian sementara CEPT juga telah dimasukkan ke dalam skim CEPT. Kesemua produk ini mempunyai kadar duti 20% atau lebih rendah dan seterusnya dijadualkan untuk diturunkan duti importnya kepada 0 hingga 5% menjelang 1 Januari 2003 selaras dengan program skim CEPT yang telah dipersetujui di kalangan negara-negara ASEAN.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2000 bertujuan mengenakan duti import 15% ke atas resin *polyethylene triplet* atau PET. Kenaikan duti daripada nil kepada 15% adalah untuk memberi perlindungan sementara kepada pengeluar tempatan yang menghadapi saingan import dari negara bukan ASEAN khususnya Korea dan Taiwan yang mempunyai lebih kapasiti dan mengeksport ke negara ini dengan harga yang murah.

Manakala Perintah Duti Kastam Pindaan (No.6) 2000 bertujuan untuk mewujudkan satu kod tarif berasingan ke atas motosikal sukan motorcross dengan kadar duti importnya adalah nil sebelum duti import dihapuskan. Sebelum duti import dihapuskan, motosikal sukan motorcross dikelaskan bersekali dengan motosikal jenis lain di bawah kod tarif yang sama dan duti import ke atasnya adalah 60% hingga 120% mengikut keupayaan enjin sama ada baru atau terpakai. Dengan ini kod tarif khusus bagi motosikal sukan motorcross dikelaskan di bawah kod tarif 87-11-20-200. Tiada duti import dikenakan ke atas motosikal sukan motorcross adalah bertujuan untuk menggalakkan golongan belia khasnya terdedah kepada sukan lasak yang sedang berkembang serta mewujudkan golongan belia yang tabah, berdisiplin dan cergas selaras dengan semangat Malaysia Boleh.

Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) (No.2) 2000 bertujuan mengenakan duti anti lambakan muktamad ke atas gypsum board atau barangan seumpamanya yang diimport dari Thailand dengan kadar 53.6% dan 27.1% bagi melindungi industri tempatan yang mengeluarkan barangan yang serupa. Duti anti lambakan berkenaan

dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan berkuat kuasa mulai 15 Jun 2000 hingga 14 Jun 2005.

Manakala Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2000 bertujuan mengurangkan kadar duti import ke atas semua jenis baja daripada 15% kepada 5%. Pengurangan duti ini dapat membantu menggalakkan pengeluaran bahan makanan dalam negara, mengurangkan kos pertanian dan seterusnya mengurangkan import bahan makanan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2000 bertujuan mengurangkan kadar duti import ke atas barangan telephonic daripada 20% kepada 15%. Langkah ini adalah bagi memenuhi komitmen negara kepada perjanjian teknologi maklumat ITA di bawah WTO.

Manakala Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9), 2000 bertujuan memansuhkan duti import ke atas *phonoric resin funnel formalite in solid form* yang tiada lagi dikeluarkan dalam negara. Pemansuhan duti ini dapat membantu pengeluar barangan elektrik dan *kitchen ware* yang menggunakan bahan ini sebagai bahan mentah mengurangkan kos pengeluaran mereka.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 2000 bertujuan mewujudkan kod tarif bagi minyak petrol jenis premium plus di bawah kategori Ron 97 and above supaya dapat membezakan minyak petrol berkenaan dengan minyak petrol jenis premium yang lain yang jatuh di bawah kategori yang sama. Dengan ini subkepala 211, 212 diganti dengan subkepala baru 213, 214 dan 215.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2000 bertujuan untuk menyelaraskan kod tarif supaya sama seperti yang diwujudkan di bawah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 2000.

Seterusnya Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11) 2000 bertujuan menstrukturkan semula kod tarif bagi barangan silinder kit yang mengandungi piston dan *cylinder liner*. Penstrukturan ini juga adalah bagi mengatasi masalah Jabatan Kastam dalam mengklasifikasikan barangan ini semasa pengimportan.

Seterusnya Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.5) , 2000 bertujuan untuk menyelaraskan penstrukturan semula kod tarif bagi barangan silinder kit seperti Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya.

7.23 min.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas untuk Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3), (No.4) dan (No.5). Saya nampak ada banyak barang, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya barang-barang daripada ASEAN kita banyak juga. Setiap tahun kita ada dua tiga kali untuk dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini bagi duti kastam kita.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat inilah dengan tiap-tiap tahun kita adakan pengurangan duti-duti daripada 20% kepada 0 atau 5% ini, peratusan barangan yang telah pun dikurangkan duti ini. Saya juga nampak ada *cylinder* dan piston - No.5. Adakah ini kena-mengena dengan kereta?

Saya nampak pihak kementerian berusaha untuk melindungi komponen-komponen bagi kereta nasional tetapi ini adakah salah satu usaha dengan duti import 30% merupakan sebahagian daripada perlindungan untuk duti kereta nasional.

Seterusnya mengenai Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2000 mengenai *polyethylene*, pengeluaran tempatan yang dikenakan tarif 15% khusus untuk

memperlindungan kilang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan kilang *polyethylene* untuk dilindungi dan selama berapa tahunkah akan kita beri perlindungan dan adakah ini akan menjejaskan CEPT ataupun AFTA, usaha untuk mengadakan CEPT di negara ini. *Polyethylene*, Tuan Yang di-Pertua.

Saya memang seronok dengan *motor cross*, (Pindaan) (No.6) yang dimansuhkan duti import untuk sukan motosikal. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan Malaysia boleh kita, dengan belia yang tabah dan berdisiplin, bilangan sukan *motor cross* yang digunakan, yang dibeli tiap-tiap tahun di negara ini untuk sukan, adakah 100 buah, 200 buah ataupun 1,000 buah motor.

Mengenai duti lambakan, *Gypsum board*, ini juga untuk memperlindungan kilang kita. Berapa kilang *Gypsum board* kita berbanding dengan BET yang disebut tadi dan selama berapa tahunkah kita akan adakan tarif ini untuk perlindungan di kilang kita di Malaysia.

Dan seterusnya (Pindaan) (No.7) mengenai bahan makanan yang dimansuhkan duti importnya tetapi kalau tidak silap saya, dua, tiga tahun yang lepas di dalam belanjawan sudah pun memansuhkan semuanya untuk bahan makanan, ya tidak? Atau untuk buah-buahan sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai (Pindaan) (No.9) saya tak dengar apa yang disebut untuk pindaan nombor 9. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut secara ringkas di sini walaupun saya hendak kembali ke rumah [Disampuk] Saya memang ada *appointment* juga tetapi ini melibatkan kutipan untuk kastam kita itu hampir RM24 bilion walaupun Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak berminat. Dia minat dengan perkara-perkara yang kecil, remeh-temeh. Yang RM24 bilion dia tidak berminat. Itulah masalah kita sekarang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah (Pindaan) (No.9) saya tak dengar sebab saya hendak tahu semua yang dipinda di sini kerana wang yang terlibat itu begitu besar, yang tidak jadi tajuk berita kerana isu yang sejuk. [Ketawa]

Walau bagaimanapun, bagi setiap ahli, ini memang satu perkara penting untuk dikawal selia penggunaan ataupun kutipan hasil kita.

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen, sila.

7.29 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong di atas beberapa isu yang telah dibangkitkan mengenai perkara yang kita bincang sekarang ini.

Soalan pertama, Yang Berhormat bagi Kepong bertanya tentang berapa peratuskah barang-barang yang telah terlibat dengan CEPT, maka saya boleh katakan sekarang ini kebanyakan barang kita hampir lebih daripada 90% telah pun terlibat dengan perjanjian CEPT ini di bawah Perjanjian AFTA dan senarai barangan cukup banyak dan saya rasa tak perlu saya sebut satu-persatu tetapi yakinlah bahawa hingga sekarang ini lebih daripada 90% telah pun terlibat dengan program CEPT.

Yang kedua mengenai *motor cross*. Seperti yang saya sebut tadi ini adalah bertujuan untuk menggalakkan sukan bersifat lasak supaya belia kita lebih lasak, *rugged*, dengan izin, lebih punya ketahanan diri. Jadi, kerana itulah maka *motor cross* ini ditiadakan cukai import. Kalau dahulu motosikal jenis ini juga tertakluk kepada cukai seperti motosikal-motosikal yang lain, iaitu di antara 60% hingga 120% mengikut keupayaan enjin tetapi kini kita ingin menggalakkan berkembangnya sukan jenis ini, maka dengan itu kita tiadakan langsung duti import bagi *motor cross* ini.

Untuk bilangan motor jenis ini yang kita import, Yang Berhormat, saya tak ada angkanya di sini dan saya akan cuba dapatkan angkanya secara bertulis dan kita akan beri kepada Yang Berhormat. Kita akan pastikan Yang Berhormat dapat maklumat ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Seterusnya tentang *polyethylene terephthalate*, secara ringkas PET, daripada dutinya *nil*, kosong, kita kenakan duti 15% adalah bertujuan untuk melindungi keluaran tempatan kita. Setakat ini yang saya ada maklumat iaitu Syarikat MPI Industri Berhad ada mengeluarkan PET ini dan kita ingin melindungi syarikat ini daripada kemasukan banyak bahan PET ini daripada Korea dan Taiwan, kerana itu kita menaikkan kadar

import dutinya kepada 15% dan ini adalah untuk tempoh dua tahun dan kita akan review ataupun kita akan kaji semula selepas dua tahun nanti.

Seterusnya untuk buah-buahan anti lambakan dan *Gypsum board*. Saya tak ada maklumat tentang berapa kilang tetapi untuk *Gypsum board* ini kita beri tempoh lima tahun. Ertinya, selepas itu kita akan kaji semula dan mengikut kesesuaian pada masa itu. Jadi, setakat ini kita ingin melindungi produk kita, *Gypsum board* ini dan untuk lima tahun ini kita akan berikan perlindungan kepada syarikat tersebut.

Mengenai dengan *piston* dan *cylinder*, Yang Berhormat sebut tadi bahawa ini saya rasa komponen daripada kereta, motosikal dan benar kita ingin melindungi industri motor dan kereta kita. Dengan sebab itu kita merayu supaya ditangguhkan pelaksanaan CEPT ini untuk kereta nasional kita sehingga tahun 2005, sehingga kita benar-benar bersedia untuk bersaing dengan pasaran serantau, ASEAN khususnya dan kerana itu maka *piston* dan *cylinder* ini juga kita berikan perlindungan supaya bahan-bahan komponen motor ini sekali gus dapat kita pertahankan bersama-sama dengan industri kereta nasional kita.

Saya rasa saya sudah jawab kebanyakan ataupun kesemua soalan Yang Berhormat bagi Kepong, cuma ada beberapa perkara yang tidak dapat saya berikan maklumat seperti bilangan *motor cross*, bilangan kilang *Gypsum board* dan lain-lain, saya akan berikan secara bertulis dan terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 14 yang telah dibentangkan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

#### AKTA CUKAI JUALAN 1972

##### (1) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) 2000

7.36 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah berikut:-

##### (1) Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) 2000;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan 198, tahun 2000 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Jualan (Kadar-Kadar Cukai) (Pindaan) 2000 bertujuan menyelaraskan dengan perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 15 yang telah dibentangkan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

### **AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975**

#### **(1) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000**

7.36 mlm

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (3) Seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah berikut:-

#### **(1) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000;**

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan 199 tahun 2000 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000 bertujuan untuk menyelaraskan Cukai Perkhidmatan pada suatu kadar sahaja, sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 iaitu 5% daripada harga caj atau premium yang dikenakan. Bagi Cukai Perkhidmatan yang dikenakan pada kadar tetap iaitu RM2.00 se bilik semalaman ke atas penyediaan bilik bagi tempat menginap yang tidak dikenakan bayaran. Ianya adalah dibuat di bawah Pemberitahuan pengecualian Seksyen 6, Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kepong tidak letihkah?

7.38 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak panjang, cuma sikit. Sebab Tuan Yang di-Pertua, kita mesti terang sedikit. Ianya hanya Cukai Perkhidmatan hendaklah dikenakan dan didapati melibatkan secara levi atas perkhidmatan yang kena dibayar cukai selain perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dikecualikan di bawah Seksyen 6 dan sebagainya dan cuma sebut mengenai benda yang di hotel dan sebagainya. Apakah maksud sebenarnya kerana terlalu ringkas, isi pun tidak ada.

Sebab kita patut terang lebih sedikitlah bagi kita tahu kerana wang yang terlibat bukannya kecil. Ya, boleh Yang Berhormat terangkan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong di atas pertanyaan itu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000 yang sedang kita bincang ini adalah bertujuan supaya caj RM2.00 semalam ini adalah bagi bilik-bilik hotel, bilik-bilik *complementary*, ertinya bilik-bilik yang tidak dikenakan bayaran. Selama ini kita letakkan di bawah Seksyen 4, Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Sepatutnya bayaran RM2.00 bagi bilik-bilik *complementary* ini berada di bawah Seksyen 6, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, ertinya kita letakkan di bawah Akta Pengecualian.

Ini kuasa Menteri Kewangan supaya RM2.00 satu malam yang dikenakan bagi bilik-bilik *complementary* ini, yang selama ini diletakkan di bawah Seksyen 4, kita masukkan di bawah seksyen baru, Seksyen 6, iaitu ia tidak tertakluk kepada kadar cukai perkhidmatan 5% itu. Jadi, ini kuasa Menteri supaya ia dimasukkan di bawah Akta 6, iaitu Akta Pengecualian Cukai Perkhidmatan.

Terima kasih, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan



Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 16 yang telah dibentangkan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

#### AKTA KASTAM 1967

- (1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 2000;
- (2) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri ASEAN) (Tarif keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) 2000.

7.42 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 2000; dan
- (2) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) 2000;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bilangan 33 dan 34, tahun 2001 disahkan. "

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 2000 bertujuan mengurangkan kadar duti import ke atas *tin plate* daripada 20% kepada 15%. Ia bertujuan untuk membantu mengurangkan kos pengeluaran *tin can* tempatan, di mana tin can ini banyak digunakan dalam pengeluaran makanan dalam tin.

Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) 2000 bertujuan untuk menyelaraskan kod tarif di bawah perintah duti kastam barang-barang berasal dari negara-negara ASEAN, tarif keutamaan sama rata dengan kod tarif yang wujud dalam Perintah Duti Kastam 1996 bagi membolehkan pengeksport Malaysia menikmati tarif keutamaan yang sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Kepong.

7.43 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kertas Status 34 di sini, mengenai tarif keutamaan sama rata itu, Yang Berhormat tidak terangkan apakah itu barang-barang yang dimaksudkan di sini.

Dan, seterusnya mengenai *tin plate* untuk *tin can* dan sebagainya, adakah *tin plate* ini semua 100% diimport ataupun kita masih ada kilang untuk mengeluarkan *tin plate* kita. Bolehkah Yang Berhormat terangkan?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa untuk saya menyenaraikan *item* ataupun produk-produk yang terlibat agak panjang. Cuma boleh saya katakan, tadi saya sudah katakan bahawa lebih daripada 90% barangan telah pun dimasukkan di bawah CEPT, mengikut perjanjian AFTA dan mengikut secara *staged* Yang Berhormat, ertinya bermula daripada tahun 1 Januari 2000, kadar duti import kita 20% ke bawah. tetapi sehingga 2003, maka waktu itu tidak ada pilihan iaitu 0% hingga 5% dan itu adalah apa yang berlaku sekarang dan banyak bahan atau produk-produk yang terlibat seperti saya sebut tadi buah-buahan, makanan daripada daging, ayam, itik dan sebagainya, termasuk dalam senarai yang saya sebut itu.

Dan *tin can, tin plate* Yang Berhormat adalah kita sebenarnya ada industri tempatan yang mengeluarkan tin plate kerana itulah maka kita masih mempertahankan kadar 15% itu daripada 20% kita kurangkan kepada 15% bertujuan untuk mempertahankan ataupun untuk melindungi kepentingan pengeluar-pengeluar tempatan, kita masih ada, tidak semua kita import, tetapi dalam negeri pun kita ada industri untuk tin cans ini, jadi kerana itu kita perlu melindungi syarikat-syarikat ataupun industri local kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 17 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. 33 dan 34 tahun 2001 hendaklah disahkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

### AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957 (PINDAAN 1972)

7.46 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini mengikut peraturan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972) membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua akta tersebut dipinda dengan membatalkan butiran berikut:-

*'Kumpulan wang amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana'.*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan 1957 Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong dan menambah kepada Jadual Kedua akta tersebut.

Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 melalui satu usul di Dewan Rakyat pada 11 Jun 1990 dan disenaraikan dalam Jadual Kedua akta tersebut. Kumpulan wang amanah ini adalah bertujuan untuk membiayai aktiviti-aktiviti bagi memodenkan dan mempertingkatkan keupayaan syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana atau IKS.

Bantuan adalah dalam bentuk grant, bersamaan matching grant, dengan izin, sebanyak 50% ke atas perbelanjaan-perbelanjaan yang layak untuk membangunkan produk dan reka bentuk syarikat-syarikat IKS berkenaan.

Kumpulan wang ini diletakkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI dengan jumlah peruntukan RM50 juta sepanjang penubuhannya sebanyak 1,640 permohonan telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM27,352,810.75 sen.

Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) pada tahun 1996 dan juga telah diletakkan di bawah MITI. Serentak dengan itu, Bahagian Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di MITI juga telah dimansuhkan. Semua program dan skim bantuan teknikal perindustrian kecil dan sederhana telah dipindahkan ke SMIDEC.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) SMIDEC telah diberikan peruntukan sebanyak RM70 juta untuk membiayai skim ini. Sejajar dengan penubuhan SMIDEC dan bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan syarikat-syarikat IKS adalah wajar kumpulan wang ini ditutup, penutupan kumpulan wang ini adalah juga bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan pentadbiran agensi awam. Segala baki wang berbaki kredit berjumlah RM22,647,189.25 di dalam kumpulan wang dipindahkan ke akaun hasil persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

7.48 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang penting yang terlibat itu industri kecil dan sederhana di seluruh negara. Dan walaupun IKS kita adalah bilangan yang banyak, kita tidak ada angka yang mutakhir daripada pihak MITI ataupun pihak Kementerian Kewangan, bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan IKS yang ada di Malaysia ini dengan bancia yang terakhir kerana kita hendak membantu IKS, kita mesti hendak tahu bilangan yang sebenar dan jenis-jenis industri yang terlibat dan juga saya membangkitkan hal ini kerana pihak kementerian memang mempunyai banyak kumpulan wang untuk membantu IKS ini dan walaupun bilangan IKS banyak di negara ini tetapi sumbangan kepada ekonomi tidak begitu besar, kalau tidak silap saya tidak sampai 20% daripada IKS, ini bermakna kita masih lemah di dalam usaha kita untuk mewujudkan satu sektor IKS ini memainkan peranan yang lebih besar di dalam ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan Taiwan misalnya memang sektor IKS mereka memainkan peranan yang memang lebih besar daripada 20% atau kurang daripada 20% yang dimainkan oleh IKS di Malaysia ini dan kita di dalam Rancangan Malaysia Kelapan sudah pun ada satu rancangan untuk memperkembangkan IKS lagi supaya sektor ini akan lebih besar di dalam ekonomi Malaysia dan di sini saya tidak mahulah maklumat yang terperinci mengenai usaha-usaha pemberian grant dan pemberian insentif yang lain untuk IKS di Malaysia dan cuma ini sahaja saya menyeru supaya pihak kementerian mengadakan kriteria-kriteria yang tepat dan adil dan diberikan kepada IKS yang layak di seluruh negara tanpa mengira kaum dan tanpa mengira bulu dan sebagainya dan setakat ini bolehkah Yang Berhormat di kementerian itu menyiasat atau MITI menyiasat apakah masalah bagi pihak IKS yang menghadapi kesusahan untuk mendapat pinjaman dan grantnya.

Kalau kita lihat di sini sejak tahun 1990 ditubuhkan kumpulan wang amanah ini, dengan peruntukan RM50 juta dan di dalam tempoh 11 tahun ini hanya RM27 juta grant diberi kepada IKS, ini bermakna ada kelemahan-kelemahan yang tertentu kalau tidak mengapa hanya separuh 50% grant diberi kepada IKS ini, apakah masalah.

Saya tidak mempertikaikan rang undang-undang ini kerana kita perlu lagi dalam mengemaskinikan industri IKS dan kumpulan wangnya kita adakan SMIDECKah, tidak payah kita bertindih-tindih, itu memang satu langkah yang kita perlu buat.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa kita hanya keluarkan 50% daripada grant yang ditetapkan dan ini bermakna Sri Gading ataupun sri kertas putih kita tidak begitu berminat dengan IKS ini dan ini merupakan hanya DAP ataupun BA sahaja berminat dengan IKS, lain kali jangan kita kata pihak Barisan Nasional yang membela nasib IKS. Dan saya fahamlah kesemua hendak balik dan saya pun hendak balik juga.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya mencadangkan supaya kalau tidak ada bancia pada beberapa bulan akan datang pihak kerajaan mestilah adakan bancia yang terperinci untuk mengetahui keadaan IKS di negara ini. Sekian, terima kasih.

7.57 mlm.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, jangan ingat DAP sahaja boleh bercakap. [Disampuk] Barisan Nasional pun selagi tidak habis, kita tidak akan balik.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk] Ya, betul .....

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tidak akan balik....

**Seorang Ahli:** ...sampai pukul 12.00.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...biar selesai. [Disampuk] Saya cukup menghargai keprihatinan [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, tetapi nasi lemak atau di luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada 1,640 permohonan kepada Perbadanan IKS ini memang disebut oleh Kepong tadi RM27 juta telah diluluskan daripada peruntukan RM50 juta. Apakah sebab-sebab yang lain ataupun 50% sahaja yang diluluskan dan selebihnya

permohonan itu ditolak? Adakah CGC juga memberikan jaminan ataupun liputan jaminan *guarantee coverage*, dengan izin, kepada pinjaman ini juga dan saya fikir, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan walaupun Tabung Kumpulan Wang Amanah ini akan dipindahkan, akan dibatalkan butiran sebagaimana yang disebutkan tadi.

Adakah munasabah kalau dapat Kementerian Kewangan menambahkan peruntukan kepada Perbadanan IKS ini kepada satu jumlah yang besar RM500 juta umpamanya sebab dalam keadaan kemelesetan ekonomi di Jepun, di Amerika Syarikat saya fikir syarikat-syarikat IKS ini harus memainkan peranan yang lebih aktif atau yang lebih proaktif untuk menentukan supaya Rancangan Malaysia Kelapan yang disebut oleh Menteri Kewangan, sektor swasta akan memainkan peranan 17.9% berbanding dengan dahulu tolak 11.9%.

Jadi, saya fikir syarikat-syarikat IKS ini harus digalakkan, harus dipertingkatkan, harus dipermudahkan pinjaman mereka dan saya harap dapat disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kirim salam kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

7.58 mlm.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, alang-alang kita sudah malam, biar malam sekali, apa hendak buat pasal saya mengikut – eh, Kepong sudah keluar ya?

**Seorang Ahli:** Dia sudah keluar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya juga bersama dengan Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. IKS ini sepatutnya ditambah peruntukan seberapa yang boleh kerana di sinilah tempat latihan peniaga-peniaga bumiputera untuk mengembangkan pengalaman mereka dalam perniagaan dan kalau boleh cara-cara pengurusan Tabung IKS akan dapat dipermudahkan dan begitu juga dengan tapak-tapak IKS yang harus agaknya diperbanyakkan di tempat-tempat yang sesuai lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan di luar bandar besar, di pekan-pekan kecil yang berpendudukan padat, umpamanya yang kerana melalui IKS ini juga peluang-peluang pekerjaan akan diwujudkan.

Saya menyokong sangat tentang rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

8.00 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Kepong, Bagan Datoh dan Sri Gading yang telah menimbulkan beberapa isu yang bernas dan baik untuk diberikan pertimbangan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bagi Kepong tadi berapakah jumlah IKS, untuk makluman Yang Berhormat setakat tahun 1998 – yang terkini kita belum dapat perolehi untuk hari ini tetapi setakat 1998 ialah 20,769 IKS di seluruh negara.

Yang Berhormat juga bertanya mengapa soal pinjaman, susah hendak mendapatkan pinjaman ini juga sama dengan soalan Yang Berhormat bagi Bagan Datoh dan Yang Berhormat bagi Sri Gading supaya dapat dipermudahkan pinjaman dan segala kemudahan-kemudahan lain yang patut digalakkan supaya merangsang IKS negara kita memainkan peranan yang penting dan positif dalam menjana ekonomi negara.

Untuk makluman ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat saya ingin menyatakan bahawa untuk Tabung SMIDEC ini walaupun tadi dikatakan hanya lebih kurang 57% sahaja yang telah diluluskan dan saya ingin menyatakan bahawa Tabung SMIDEC

akan memberikan bantuan dalam bentuk geran. Ertinya dengan syarat IKS itu melaksanakan dahulu program mereka ataupun mereka keluarkan duit dahululah, senang cerita. Dikeluarkan duit dahulu lepas itu berapa perbelanjaan daripada keseluruhan projek itu, maka SMIDEC akan bayar separuh daripada harga ataupun daripada kos 50% secara hangus ertinya terus satu geran *[Disampuk]* *out write grant*, tidak payah bayar.

Jadi, kita mahu melihat komitmen syarikat-syarikat dan kita telah melihat mereka berjaya dan bersungguh-sungguh (*committed*) dan bukan main-main dalam kerjanya, maka SMIDEC akan bayar sebanyak 50% secara *out write grant* iaitu secara hangus. Mungkin kerana itu, maka *respond* terhadap *fund* ini agak berkurangan mungkin hendak memperlihatkan keupayaan dahulu itu tetapi kita mahu melihat keupayaan dahulu, kesungguhan dan *commitment* yang sepenuhnya supaya dapat kita berikan bantuan secara *out write grand* dan supaya dapat dimajukan terus dan memainkan peranan dalam menjana ekonomi negara.

Lepas itu CGC ini sebenarnya untuk Program SMIDEC Yang Berhormat tidak melibatkan CGC tetapi mungkin untuk IKS yang lain banyak tabung yang kita wujudkan untuk membantu IKS di negara kita. Saya rasa ada lebih 40 tabung semata-mata untuk memastikan bahawa IKS dan juga perusahaan-perusahaan yang lain dapat hidup dengan baik dan subur dan kita harap pada masa akan datang ini di bawah pemantauan yang lebih ketat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan, maka saya rasa, insya-Allah, IKS negara kita akan dapat tumbuh dengan lebih baik, lebih subur daripada yang ada sekarang ini.

Itulah harapan kita supaya dapat bersama-sama menjana ekonomi negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Peraturan 18 untuk membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua akta tersebut dipinda dengan membatalkan butiran berikut, 'Kumpulan Wang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana'; hendaklah disahkan.

USul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

#### **AKTA DUTI HIBURAN 1953, [AKTA 103]**

8.04 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sampai kepada peringkat yang paling akhir. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini menurut subseksyen 4(1) Akta Duti Hiburan 1953, Akta 103 membuat ketetapan bahawa mulai 1 Oktober 2001 hendaklah dikenakan duti hiburan pada kadar 25% ke atas setiap bayaran masuk ke mana-mana hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kadar duti hiburan adalah progresif iaitu di antara 2 sen bagi bayaran kemasukan ke mana-mana hiburan yang tidak melebihi 13 sen dan 50 sen bagi bayaran kemasukan yang melebihi RM1.35 tetapi tidak melebihi RM1.50 dan seterusnya dikenakan tambahan 5 sen duti hiburan bagi setiap pertambahan 10 sen bayaran kemasukan.

Usul untuk menetapkan duti hiburan pada kadar 25% adalah bertujuan untuk menyelaraskan kadar duti progresif yang sedia ada kepada satu kadar tetap supaya lebih mudah ditadbirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.06 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak di sana termasuk "Parit yang Sulong" tidak berminat, *[Disampuk]* minat ke? *[Disampuk]*....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi saya cakap dululah.*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak cakap? Hah, kemudianlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini keputusan. Keputusan di sini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Aaaa, fasal tunjuk minat, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya nak bercakap ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu Sri Gading, Kepong dulu. Kepong dulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya dulu ya, saya dulu, saya dulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak memberi maklumat yang lengkap, cuma setakat progressive duty sahaja daripada 2 sen kepada 5 sen dan sebagainya. Yang pertamanya, apakah yang dimaksudkan dengan duti hiburan itu sekarang. Adakah ini termasuk mesin kuda dan sebagainya pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana pada satu ketika iaitu beberapa bulan yang lepas kita memang heboh dengan mesin-mesin kuda dan sebagainya, haram di situ, haram di sini tetapi sekarang kita semua senyap. Ada yang beroperasi secara haram sekarang di banyak tempat, itulah masalah kita. Di tempat-tempat haram saya tidak tahulah sama ada duti hiburan ini dapat dikutip dan yang perlu kita buat ialah siasatan yang menyeluruh untuk mengetahui tempat-tempat yang haram.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, dia minat dah sekarang ini. Kita nak balik dah, nak minta. Tak payahlah

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dah nak balik dah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak bertanya...*[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kawan kita dari Kepong. Dia mengatakan ada tempat-tempat hiburan yang haram, boleh tak huraikan sedikit tempat-tempat hiburan yang haram, saya hendak tahu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kerajaannya.....itu.....'hangat-hangat tahi ayam' sahajalah, memang satu ketika kerana ada orang yang heboh-hebohkan diambil tindakan. Kemudian senyap sahaja, tidak ada sebutkan langsung. Walhal, kalau kita meninjau ke seluruh negara kita dapati banyak lagi tempat-tempat hiburan haram yang wujud. Saya tidak tahu di Parit Sulonglah, mungkin ada juga. Kalau kita hendak dikenakan 25% duti hiburannya ke atas yang haram pun tak dapatlah tu, memang tak dapat.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah jenis hiburan yang dimaksudkan di sini secara ringkas dan kemudian bolehkah beri kita satu anggaran, apakah amaun yang boleh didapati daripada penyelarasan 25% duti hiburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak cukup, saya hendak berhenti sekarang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

8.08 mlm.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkaskan sahaja. Saya menyokong akta ini, cuma saya berharap dengan kenaikan usul ini, naik di sekitar 25% jangan menjadi alasan panggung-panggung wayang menaikkan lagi harga tiket wayang gambar dia kerana sekarang sebenarnya tiket wayang gambar ini lebih mahal. Kalau hendak bayar 5 sen, 13 sen tetapi dia sampai RM8, RM10 harga tiket.

Jadi, saya berharap panggung wayang jangan naikkan harga tiketnya dan harga tiket panggung wayang ini saya tidak tahu siapa yang kawal. Siapa yang mengawal harga ini, sewenang-wenang dinaikkan sedangkan hiburan ini kadang-kadang penting bagi rakyat untuk menghilangkan keresahan, menghilangkan rasa tension, menghilangkan rasa pelbagai masalah dalam hidup dan hiburan penting bagi rakyat.

Jadi, saya berharap mana-mana pihak yang bertanggungjawab supaya jangan menjadikan alasan naik 25% ini menaikkan harga tiket-tiket yang membebankan rakyat. Itu harapan saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan Datoh.

8.10 mlm.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong sangat cadangan Sri Gading tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan pada waktu yang sama ingin mencadangkan, adakah cukai hiburan untuk wayang Cina (opera), wayang 'tongkoi' ini akan dikenakan cukai hiburan. Saya fikir tidak patut. Jangan dikenakan cukai hiburan. Ini juga satu bentuk hiburan untuk masyarakat Cina.

Yang kedua, konsert.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** DAP tak sokong.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:**....konsert oleh penyanyi-penyanyi tempatan seperti Parit Sulong minat Siti Nurhaliza, Eh, Siti Nurhaliza Kuala Lipis, Lipis....[Ketawa]. Harus ada perbandingan cukai hiburan ini – untuk penyanyi dalam negeri dan luar negeri. Luar negeri boleh 25% tetapi kalau Era Fazira yang diminati oleh Larut dan sebagainya kena kurang, kena timbangkan. [Disampuk]

Yang ketiganya, teater. Teater ini kita harus menggalakkan teater kerana perkembangan teater ini merupakan satu perkembangan seni yang cukup baik dan saya fikir teater ini harus dikecualikan daripada cukai 25%.

Jadi, saya ingin ulangi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, wayang Cina jangan ada cukai hiburan, kalau misalannya untuk kebajikan dan malam amal dan penyanyi tempatan, jangan! Penyanyi luar tidak apa. Kemudian untuk teater pun begitu juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....Yang Berhormat.....itu wayang patung?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Pun jangan cukai. [Ketawa] Sebab DAP dia minta supaya dicukaikan. Jadi, kita Barisan ini...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Barisan sokong.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Barisan sokong....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** DAP tak sokong.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** ....DAP tak sokong. Saya pandang Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua....[Ketawa]. Saya harap Setiausaha Parlimen dapat menjawab kerana malam ini, Tuan Yang di-Pertua, malam Jumaat dan yang jauh-jauh outstation ini hendak menunaikan tanggungjawab kepada keluarga, jadi kita ucapkan terima kasih dan selamat bersidang pada bulan Julai akan datang. Terima kasih. [Ketawa] [Tepuk]

8.13 mlm.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang sama iaitu Kepong, Sri Gading dan Bagan Datoh. Saya ucap tahniah kepada Bagan Datoh kerana memperjuangkan opera Cina ini. [Ketawa] Sepatutnya Yang Berhormat Kepong yang menyuarakan perkara ini tetapi kita lihat Backbenchers kita lebih open minded [Sorak] dan kita mementingkan Barisan Nasional dan [Tepuk] pelbagai kaum, kebudayaan, agama dan kita adalah golongan yang bersedia berkompromi dengan semua ini. Tahniah kepada Yang Berhormat Bagan Datoh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kepong iaitu beliau tidak jelas maksud rate itu. Saya ingin bacakan sedikit, Yang Berhormat, dalam bahasa Inggeris, dengan izin. Dulu cukai kita does not exceed 13 cent, dia kena 2 sen, dulu, yang dulu punya. Lepas itu, exceed 13 cent but does not exceed 20 cent. 5 sen, dia varies, dia berbeza-beza. Lepas itu akhirnya, bagi exceed lebih daripada RM1.50, maka kerajaan akan dapat 5 sen daripada tambahan 10 sen itu seterusnya dan seterusnya. Jadi, itu yang berlaku dahulu dan sekarang ini kerajaan mahu selaraskan.

Ertinya kita samakan 25% dan tidak ada lagi yang 3 sen, 2 sen, 5 sen tidak ada lagi. Semuanya 25% supaya memudahkan pengurusan kita dan bermacam-macamlah dengan cara ini. Cara dahulu itu susah, jadi kita ingin hendak memudahkan.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Kepong bertanya tentang amaun yang didapati daripada 25% ini, setakat ini belum ada analisa lagi tentang amaun yang kita perolehi sama ada kurang atau lebih.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut dan Lipis.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Boleh saya habiskan ini dahulu, Yang Berhormat?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okey.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Biar saya habiskan dahulu, mana tadi sudah lupa pula. [Ketawa] Ha, amaun yang belum dianalisa, terima kasih Yang Berhormat. Tetapi yang dulu bayar kurang kita lebihkan, yang dahulu bayar lebih kita kurangkan. Jadi break even, kita ambil tengah-tengah, jadi adillah. Yang kurang kita naikkan sedikit, yang dahulu lebih kita kurangkan, jadi break even, tengah-tengah kita ambil, terima kasih Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Saya hendak bertanya mengenai cukai hiburan ini iaitu pertandingan membabitkan badan sukan termasuk cukai hiburan seperti bola sepak, boleh tidak dikecualikan? Itu satu, yang membabitkan badan-badan sukan dikecualikan cukai hiburan untuk menarik lebih ramai lagi mereka datang memenuhi stadium-stadium. Walaupun kita tahu bola sepak kita merosot tetapi orang masih minat, ini adalah permainan nombor satu di peringkat mana-manalah, macam semalam sampai pukul 5.00 pagi orang menunggu menonton pertandingan bola sepak, saya berjaga semalam, tidak tidur lagi ini. [Ketawa]. Itu satu, Yang Berhormat, saya minta.

Kedua, Yang Berhormat, selain daripada dikecualikan pertandingan-pertandingan sukan, ini yang mengambil kesempatan ini menganjurkan malam-malam amal, menggunakan badan-badan kebajikan. Sebenarnya mereka ini menipu, jadi apakah boleh diambil tindakan atau mungkin dikenakan cukai yang lebih tinggi, berlaku menggunakan nama-nama badan kebajikan tetapi segala kutipan tersebut adalah untuk kepentingan diri mereka seolah-olah menipu. Mereka membuat show yang besar-besar, konsert yang besar-besar tetapi akhirnya konon dikatakan untuk badan-badan kebajikan. Tidak kiralah untuk ibu tunggal, misal katalah badan kebajikan ini banyak, anak-anak yatim piatu dan sebagainya. Tetapi akhirnya sebenarnya mereka menggunakan badan-badan amal ini untuk kepentingan diri mereka. Jadi, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, tetapi badan sukan ini kalau boleh dikecualikan untuk menarik lebih ramai orang datang menyokong pertandingan-pertandingan sukan dalam negara kita ini.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya ingin merujuk kepada definisi 'hiburan' iaitu termasuklah konsert tadi, opera Cina memang kita tidak kenakan, tidak ada tiket saya rasa, adakah? Pameran, pertunjukan, permainan sukan itu adalah termasuk dalam definisi 'hiburan'. Tetapi dalam konteks ini kita kenakan cukai 25% untuk tiket, admission ticket. Ertinya kalau kita menonton bola sepak, kita beli tiket maka ianya tertakluk kepada 25% ini. Tetapi cadangan Yang Berhormat Dato' supaya dikecualikan, saya tidak boleh membuat keputusan sekarang, kita akan tinjau macam mana. Tetapi kalau dikecualikan saya rasa rugilah pihak



penganjur. Kita akan tengok macam mana, ini satu cadangan dan kita bersedia meneliti setiap cadangan yang baik dan insya-Allah, kita akan teliti.

Yang kedua, tentang penipuan konsert, kita tidak mendapat maklumat tentang perkara ini dan mungkin selepas ini kita boleh tengok jangan ada orang menggunakan konsert amal dan sebagainya untuk tujuan menipu dan sebagainya. Jadi, perkara ini perlu diteliti dan dipantau dengan sebaik-baiknya supaya tidak ada golongan rakyat yang tertipu dengan mana-mana golongan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Kita akan memberikan satu pemantauan yang lebih ketat terhadap konsert-konsert amal seperti itu. Terima kasih.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya berkenaan penyusunan semula cukai hiburan ini. Adakah dia mengambil kira tentang kesannya terhadap seni, kebudayaan, ataupun industri pelancongan di negara kita. Adakah dalam masa Yang Berhormat berucap ini Yang Berhormat mengambil kira tentang kesan dia kepada seni kita, kepada kebudayaan kita dan juga kepada industri pelancongan kita.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya rasa kadar yang kita kenakan sekarang 25% adalah satu kadar yang cukup munasabah dan cukup sesuai dan oleh kerana itu saya merasakan bahawa industri pelancongan, industri seni dan sebagainya bukan sahaja tidak terjejas, malah akan dapat kita suburkan lagi. Kerana kadar ini cukup munasabah setelah difikir dengan teliti bahawa inilah kadar yang cukup munasabah dan sesuai untuk semua golongan. Jadi, ia tidak menjejaskan apa-apa malah menyuburkan lagi budaya kita, seni kita dan juga industri pelancongan kita. Ada sedikit lagi atau sudah cukup.

Saya harap semua yang bertanya sudah berpuas hati dan kalau saya berhenti setakat ini tidak ada apa-apa masalah ya. Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong, saya sudah menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kita jumpa lagi pada sesi yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 19, membuat ketetapan bahawa mulai 1 Oktober 2001 hendaklah dikenakan duti hiburan pada kadar 25% ke atas setiap bayaran masuk ke mana-mana hiburan, hendaklah disahkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selesailah mesyuarat persidangan Dewan pada kali ini. Bagi pihak Tun Speaker dan rakan sejawat saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala kerjasama yang dapat diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pegawai-pegawai yang terlibat bagi memastikan persidangan ini berjalan dengan licin dan lancar. Selamat pulang ke kawasan masing-masing dan berjumpa lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.23 malam.***